

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 46** **Rabu** **27 November 2013**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):**

- Tuntutan Coalition of Malaysia NGOs (Comango) Bertentangan  
Dengan Agama Islam dan Perlembagaan Persekutuan  
- Datuk Seri Haji Noh bin Omar (Tanjong Karang) (Halaman 25)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2014

**Jawatankuasa:-**

**Jadual:-**

- B.32 (Halaman 29)  
B.20 (Halaman 98)  
B.42 (Halaman 128)

**USUL-USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat (Halaman 28)

Usul Anggaran Pembangunan 2014

**Jawatankuasa:-**

- P.32 (Halaman 29)  
P.20 (Halaman 98)  
P.42 (Halaman 128)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KETIGA**

**Rabu, 27 November 2013**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**1. Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah pihak kerajaan berhasrat untuk menaik taraf pusat pentadbiran, pangkalan, peralatan dengan kediaman bagi Agensi Pengawalaan Maritim Malaysia di Bintulu, Sarawak pada masa terdekat ini; dan
- (b) sejauh manakah keberkesanan agensi ini menjalankan tugas operasi semenjak ditubuhkan beberapa tahun yang lalu dari segi tangkapan, pencegahan dan lain-lain.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Semoga Allah merahmati mereka yang menonton siaran ini.

Tuan Yang di-Pertua, Agensi Pengawalaan Maritim Malaysia (APMM) telah mula beroperasi di Bintulu pada 1 Oktober 2008 dengan menggunakan bangunan yang disewa daripada Pejabat Maritim Daerah Bintulu. Bangunan ini terletak lebih kurang 15 kilometer dari Pelabuhan Bintulu. APMM mempunyai lapan buah bot dan kapal yang digunakan untuk melaksanakan pengawalaan di Zon Maritim Bintulu. Kapal dan bot ini ditempatkan di Jeti Pelabuhan Bintulu dan juga Jeti Pangkalan PDRM Jepak. Ketika ini, APMM sedang memproses untuk menyewa rumah kediaman kuarters bagi anggota APMM yang berkhidmat di Bintulu. Sesungguhnya, kos menyewa rumah di bandar ini adalah tinggi dan di luar kemampuan mereka.

Untuk jangka masa panjang, APMM merancang untuk membangunkan Pejabat Maritim Daerah Bintulu yang meliputi bangunan pejabat, rumah stor, bengkel, jeti serta kuarters. Sehingga *rolling plan* ketiga RMKe-10, kita belum dapat melaksanakannya dan kita berdoa, semoga dalam *rolling plan* keempat RMKe-10 ini kita dapat peruntukan untuk laksanakan apa yang telah saya sebutkan. Akan tetapi perkara ini, akan diberi perhatian dari masa ke semasa. Dalam masa sekarang, memang ada keperluan bagi APMM mempunyai pejabat, kemudahan jeti dan kuarters sendiri untuk melaksanakan operasi dengan lebih berkesan.

Pada masa kini, APMM sedang menyewa pejabat dengan sewaan bulanan RM30,000. Sebagai tambahan dalam anggaran kasar sahaja, sebanyak RM180,000 sebulan dibelanjakan oleh 138 pegawai dan anggota APMM untuk sewa rumah dengan menggunakan elaun perumahan masing-masing. Belanja yang begitu besar diperuntukkan dalam menjaga perairan Bintulu yang begitu luas daripada aktiviti jenayah dan penyeludupan yang berleluasa. Maka, keperluan pejabat, kemudahan jeti dan kuarters yang bersebelahan amat diperlukan bagi memastikan operasi penguatkuasaan maritim dan operasi ‘carilamat’ dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia berfungsi untuk menjaga dan memelihara keselamatan, keamanan dan kedaulatan negara di Zon Maritim Malaysia serta menyelamatkan nyawa dan harta benda semasa kecemasan di laut. Agensi ini telah meningkatkan operasi dan rondaan di kawasan terutamanya di perairan negara yang menjadi lokasi panas berlakunya kes-kes jenayah di laut. Sepanjang penguatkuasaan APMM sejak tahun 2006, jenayah maritim seperti pelanunan dan rompakan telah menurun. Contohnya pada tahun 2006, sebanyak 38 kes pelanunan dan rompakan di Selat Melaka dicatatkan dan tiada kes dicatatkan dalam tahun 2012. Daripada segi pemeriksaan pula, terdapat sebanyak 115,850 pemeriksaan dilakukan dan melibatkan penahanan sebanyak 6,211 kes pada tahun 2006 hingga 30 September 2013.

Di dalam penugasan mencari dan menyelamat pula, sepanjang tahun 2006 sehingga 30 September 2013, sebanyak 3,059 ataupun 78.8% mangsa telah diselamatkan, 542 ataupun 14% mangsa mati dan 281 ataupun 7.2% mangsa hilang. Agensi ini juga sering mengadakan Program Gerak Saraf bagi mendedahkan kepada komuniti maritim terhadap keselamatan yang perlu dititikberatkan semasa berada di laut. Pada keseluruhannya, penubuhan APMM telah berjaya mengurangkan jenayah maritim seperti pelanunan, penyeludupan dan juga pencerobohan nelayan asing.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang begitu panjang dan komprehensif yang diberikan. Tuan Yang di-Pertua, memang kita nampak apa perkara yang diberikan tadi memang betul. Akan tetapi, dalam mata dan apa rakyat dengar, ada perbezaan sedikit. Tuan Yang di-Pertua, kita nampak bila APMM - saya rasa kadang kala penguatkuasaan yang dijalankan ada kepincangan. Bila dia menjalankan tugas, cuma boleh mendapat contoh macam di kawasan Bintulukah ataupun di mana-mana. Kebanyakan kita dapat tangkap kes-kes itu semua kecil punya. Kita nampak rakyat selalu kata kalau aktiviti-aktiviti penyeludupan haram yang berjuta-juta jarang nampak.

#### ■1010

Kita nampak kalau nelayan paling pandai, ataupun nelayan-nelayan dari kampung. Kita memang pergi maksimum, kena rampas bot, semua kena rampas dan kena denda lagi. Rakyat kata kalau penyeludupan haram, jual diesel berpuluhan-puluhan ratus tan keluar setiap malam, tetapi kita tidak boleh dapat apa-apa tindakan. Maritim APMM ini semua orang tidak perasaan. Contoh seperti tahun lepas apabila kita ada *countdown* ada aktiviti haram langgar kita punya bunga api. Dia bawa diesel keluar. Tetapi Maritim tidak tahu, semua penguat kuasa tidak tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Soalan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Inilah kena bagi tahu dahulu. Menteri ini baru, dia tidak faham. Kita kena bagi faham sedikit. Ini perkara yang mustahak untuk rakyat. Termasuk barang-barang kawalan seperti petrol, diesel, minyak masak, gula dan juga rokok. Semua aktiviti dijalankan, tetapi kita tidak ada apa-apa tangkapan, satu.

Dua, contoh seperti masalah di Bintulu, sebentar tadi Yang Berhormat Menteri ada bagi tahu dia *parking* di PGRM Maritim di Bintulu, kalau apa-apa berlaku macam mana 80 buah bot hendak keluar? Dia punya *river mouse* dengan izin, kalau air surut, memang bot itu tidak boleh keluar. Mahu tunggu air pasang baru boleh keluar. Berapa kali kita minta *dredging* mestilah atau mendalamkan *river*. Sudah banyak kali kami bangkitkan isu ini, tetapi tidak ada tindakan. Itu kadang-kadang rakyat kalau ada apa-apa kecemasan hendak minta bantuan, APMM kata kita tidak boleh pergi kena tunggu air pasang dahulu, baru boleh pergi.

Jadi saya hendak tanya soalan tambahan ini, apakah jaminan APMM operasi dan penguatan kuasa yang dijalankan adalah telus, adil dan berkuasa. Dua, apakah tindakan atas mendalamkan sungai untuk penguatan kuasa keluar masuk adalah senang sedikit. Apakah tindakan, minta jawapan. Jangan kongkalikung.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Terima kasih di atas penjelasan dan soalan yang panjang. Tuan Yang di-Pertua pun bagi ruang untuk Yang Berhormat melepaskan perasaan. Tetapi untuk kes Yang Berhormat Bintulu ini sahaja, saya sudah bermesyuarat dengan Ahli Parlimen Bintulu dan saya sudah panggil Ketua Pengarah Maritim. Ketua Pengarah Maritim telah berjanji dengan Ahli Yang Berhormat dia akan berada di sana untuk mengetuai operasi. Saya percaya semasa Ketua Pengarah berada di sana mengetuai operasi, ianya berjalan dengan baik. Kemungkinan selepas dia balik benda ini berjalan semula. Akan tetapi Yang Berhormat, baru-baru ini kita melancarkan Rakan Maritim. Untuk membolehkan kita mengambil tindakan, kita memerlukan maklumat. Jadi Rakan Maritim ini ialah termasuklah nelayan, wakil rakyat dan sebagainya dan kita bagi *hotline* kita kepada Yang Berhormat.

Kalau Yang Berhormat tidak boleh telefon APMM, SMS dekat saya, 019-5788888. Banyak kali saya terima SMS kata ada bot asing berada di sana, kita gerakkan APMM ke sana, sampai lima jam kita cari sampai kawasan 50 kilometer kita cari, tidak jumpa. Jadi kita berharap telefon ini pun bahaya juga sebab kadang-kadang beberapa kali kita menghadapi masalah itu hanya telefon seronok-seronok dan akhirnya kita terpaksa bertungkus-lumus untuk berkejar di sana untuk mencari penyeludup ataupun juga bot yang asing. Jadi secara telus dan ikhlasnya Yang Berhormat, kita bekerjasama dengan rakyat dan APMM akan terus bekerjasama dalam bentuk rakan APMM tadi, untuk membolehkan kita dapat maklumat.

Kadang-kadang kita mendapat maklumat, kita biarkan benda itu berlaku baru kita telefon. Jadi susah. Semasa benda itu berlaku telefon, *insya-Allah* APMM akan sampai ke sana dalam jangka masa yang terdekat. Kalau sekiranya kita ada syak wasangka berhubung dengan APMM, kadang-kadang ada juga syak wasangka, yang itu tidak ada masalah. Kita ada agensi-agensi lain

yang boleh siasat, sama ada urus kerja kita itu telus, ikhlas atau tidak. Apabila kita cakap, kita buat, ya Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Kita tidak cakap benda yang tidak ada, kita cakap benda yang ada.

Kemudian fasal mendalamkan sungai, yang itu di bawah Jabatan Laut. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Kami akan panjangkan kepada Jabatan Laut supaya koreklah muara Sungai Bintulu ini, di bawah JPS ataupun Jabatan Laut kerana Yang Berhormat Bintulu telah menjerit-jerit perkara ini sudah begitu lama dan kita berharap tindakan diambil serta-merta. Saya akan bagi tahu kepada rakan dalam Kabinet sahabat saya yang menjaga JPS supaya laksanakan ini serta-merta dan dengan itu muara sungai Bintulu dalam dan dengan itu tidak ada masalah dari segi penguatan kuasa.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tidak ada, mahu tambah sedikit. Tadi Yang Berhormat kata mahu bagi tahu JPS, memang hari itu saya ada tanya soalan dan itulah yang saya minta Yang Berhormat Menteri ambil perhatian atas ini. JPS ini memang ada kongkalikung. Sebab apa, hari itu dia jawab, dia kata ini bertanggungjawab lambakan sungai-sungai. Inilah saya tidak berpuas hati. Janganlah ada masalah macam bola tendang sini tendang sana. Saya minta Yang Berhormat Menteri dalam Kabinet kalau boleh persoalkan isu ini.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Arahan diikuti, tetapi selepas ini arahan saya untuk terus berada di Parlimen juga diikuti. Akan tetapi yang saya hendak maksudkan di sini Yang Berhormat, sudah pasti sebab mendalamkan muara sungai itu sudah menjadi kewajipan kerajaan. Baru-baru ini saya masih ingat beberapa bulan yang lepas di Klang, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan satu kapal korek yang ketiga terbesar dalam dunia, yang saya percaya dia boleh buat gerakan yang cukup cepat. Dalam masa seminggu dia boleh selesaikan masalah. Oleh sebab kapal ini boleh menurunkan muatan dalam sekilip masa tanpa kapal itu berpecah dua. Jadi dengan teknologi yang canggih yang ada di Malaysia sekarang, saya pasti ini boleh menjadi kenyataan. Saya bagi tahu kepada Yang Berhormat, saya akan ulang perkara ini kepada JPS dan kita berharap dalam bulan Mac nanti Yang Berhormat tidak bertanya soalan ini lagi.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada Bakri tanya soalan tambahan. Di sini saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri kepada saya bertarikh 22 Oktober 2013, Yang Berhormat Menteri menyatakan APMM ini gagal dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab serta akan mengembalikan tugas menjaga perairan negara sekitar lima batu nautika kepada Polis Marin. Soalan saya, mengapa berlakunya kegagalan ini? Dan apakah usaha kerajaan dalam menyiasat mengapa kegagalan ini berlaku sehingga menjelaskan keselamatan negara serta siapakah yang patut bertanggungjawab atas kegagalan tersebut? Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat boleh ulang soalan, Yang Berhormat Menteri tidak dapat.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Sila Yang Berhormat Menteri dengar baik-baik dan jawab baik-baik. *[Ketawa]* Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri kepada saya bertarikh 22 Oktober 2013, Yang Berhormat Menteri menyatakan APMM ini gagal dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab serta akan mengembalikan tugas menjaga perairan negara sekitar lima batu nautika kepada Polis Marin. Soalan saya, mengapakah berlakunya kegagalan ini? Dan apakah usaha kerajaan dalam menyiasat mengapa kegagalan ini berlaku sehingga menjaskan keselamatan negara serta siapakah yang patut bertanggungjawab atas kegagalan tersebut. Minta jawapan.

■1020

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Persoalannya bukan saya tidak faham, saya hairan bagaimana soalan itu timbul yang kita kata kita gagal? Sebab apa pada masa sekarang, APMM laut daripada zero batu nautika itu sampai ke sempadan kita, adalah di bawah jagaan penguatkuasaan adalah di bawah APMM. Di dalam sungai, tugasnya ialah Polis Marin. Soalan ini saya percaya Yang Berhormat tujuhan kepada Kementerian Dalam Negeri. Saya tidak pernah jawab, gagal untuk melaksanakan tugas. Jadi, Yang Berhormat sebut soalan kepada saya dan orang ketawakan saya. Padahal Yang Berhormat telah berbohong bahawa Yang Berhormat tidak tanya saya. Yang Berhormat tanya Kementerian Dalam Negeri.

Kementerian Dalam Negeri mungkin ada jawapan kalau sekiranya ia kata APMM tidak dapat melaksanakan tugas di dalam tiga batu nautika atau pun lima batu nautika. Maka, Polis Marin akan ambil alih. Itu ada saya ingat lebih kurang macam itu, tetapi saya tidak pernah bercakap kata, APMM gagal untuk melaksanakan tugas. Tidak pernah Yang Berhormat.

APMM walaupun sampai ke - apa orang kata pergigian pantai, seperti yang berlaku di Perlis kelmarin. Di mana walaupun mereka ini ialah nelayan yang memohon pinjaman daripada Amanah Ikhtiar untuk membina bot, tetapi kerana dia buat rawa sorong, rawa sorong ini ialah sejenis pukat yang diharamkan, tidak dibenarkan langsung lesen. Mereka telah diberikan amaran berkali-kali dan mereka akan mengambil ikan dekat dengan pantai yang jaraknya mungkin sekaki atau pun dua kaki. Akan tetapi tindakan diambil kerana mereka telah melanggar peraturan.

Jadi saya tidak pernah menjawab kata APMM gagal. Kalau saya tidak silap, Yang Berhormat tanya kepada Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Dalam Negeri hendak mencadangkan supaya lima batu nautika operasi itu diambil alih oleh Polis Marin. Jadi Yang Berhormat kena tanya soalan bagi betul supaya saya juga boleh jawab dengan betul. Kalau Yang Berhormat tanya soalan yang berbentuk tidak betul, maka sukarlah kita menjawab. Jadi Yang Berhormat Bakri tolong perbetulkan, rakyat sedang melihat Yang Berhormat tanya soalan tadi. Tengok betul-betul jawapan ya.

2. **Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan:

- (a) alasan mengapa filem-filem tempatan tajaan FINAS kurang mendapat tempat di festival-festival filem antarabangsa; dan
- (b) peruntukan yang disediakan bagi membuat kajian bagi skrip yang diluluskan tajaan FINAS.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. [Dewan riuh]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, jam 1 baru durian Yang Berhormat. Tidak payah makan durian sekarang. [Ketawa]

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan yang menanyakan soalan. Tuan Yang di-Pertua saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Jelutong yang bertarikh pada 28 November 2013 kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu berkaitan dengan industri filem negara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (FINAS) definisi filem telah ditakrifkan termasuk filem cereka, filem pendek, filem subjek ringkas, *trailer*, dokumentari, filem iklan dan apa-apa rakaman pada apa-apa jenis bahan termasuk pita video, ceper video berupa arca-arca bergerak sama ada disertai dengan bunyi atau tidak untuk dilihat oleh orang ramai atau manapun golongan orang ramai.

Dalam hal ini, Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui FINAS lebih banyak memberi tumpuan kepada penerbitan filem dokumentari. Filem-filem tempatan terutamanya filem dokumentari lebih mudah bersaing dan mendapat tempat serta telah menerima banyak anugerah dan pengiktirafan di Festival Antarabangsa berdasarkan keunikan tema yang diangkat dalam filem genre tersebut, antaranya seperti:

- (i) Filem *Among The Great Apes with Michelle Yeoh* dengan izin, telah mendapat anugerah *Best Natural History or Wildlife Programme or Docu-drama Awards*;
- (ii) Filem *Fight Masters Silat*, telah mendapat anugerah Best Direction Awards di Majlis Asian Television Awards Singapore 2010; dan
- (iii) Filem *Unburying The Past* telah mendapat pelbagai anugerah seperti *Best Narration by Jury* dengan izin, *Best Public Education Value by Jury*, *Honorable Mention by Jury in Best Film competition*, *Honorable Mention in Audience Favorite competition* di Majlis The Archaeology Channel International Film and Video Festival, Oregon USA 2013.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, mengenai penyertaan filem cereka di Festival Antarabangsa, FINAS secara berterusan telah membawa banyak filem tempatan menyertai beberapa festival antarabangsa utama seperti:

- (i) Filem *Mualaf* yang dimenangi oleh Allahyarham Yasmin Ahmad melalui kategori Pengarah Terbaik di Festival Filem Asia Pasifik ke-54 tahun 2011; dan
- (ii) Filem *Bunohan* yang telah ditayangkan di Festival Filem Antarabangsa Toronto, Kanada pada 2011, dan tayangan di Anugerah Oscar Academy Awards ke-85 pada 2012 untuk *Best Foreign Language Film*.

Selain itu, FINAS juga telah menyediakan dana pembangunan skrip yang bertujuan untuk membuat kajian dan pembangunan skrip bagi membantu penerbitan filem tempatan sejumlah RM218,000 telah pun diluluskan.

Berkaitan penerbitan filem bergenre kenegaraan dan warisan, kriteria pemilihan adalah filem tersebut mestilah mempunyai elemen-elemen yang mampu meningkatkan kesedaran patriotisme serta telah menepati syarat-syarat yang digariskan dalam Program Penerbitan Filem Kenegaraan dan Warisan. Di antara filem-filem yang diterbitkan di bawah program ini adalah seperti Tanda Putera, *Between Two Skies*, Kanang anak Langkau, dan *The Iban Warriors*. Sekian, terima kasih.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, apakah usaha yang telah dijalankan atau promosi yang dijalankan oleh kementerian atau FINAS untuk membantu lebih banyak terbitan filem FINAS itu menembusi festival antarabangsa? Kedua, saya hendak tanya tentang status filem Kampung Baru, sebab filem ini telah pun menghantar untuk proses penapisan tapi sampai sekarang layanannya kalau dibandingkan dengan filem Tanda Putera berlainan. Tanda Putera dapat suntikan dana daripada FINAS dan yang menyeleweng fakta sejarah. Akan tetapi Kampung Baru, yang mana ia mengikut fakta sejarah tetapi sampai sekarang sudah satu tahun tidak dapat jawapan bila filem ini akan ditayangkan? So, saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah FINAS mempunyai panel yang bertauliah yang betul-betul untuk menapis atau panel yang bertauliah ini untuk mengikuti fakta sejarah? Bukannya mengikut fakta sejarah daripada UMNO – Barisan Nasional. Terima kasih.  
[Dewan riuh] Ada soalan tambahan? Soalan tambahan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih. [Dewan riuh] Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Ada dua soalan, yang pertamanya berkaitan dengan apakah promosi? Untuk makluman Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, FINAS kita tahu peranannya adalah antaranya untuk menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan pengurusan filem. So, biasanya FINAS syarat amnya memberi bantuan kepada pengusaha sama ada daripada segi galakan, latihan, bantuan kewangan, kemudahan produksi mahupun khidmat nasihat. Ia ada di dalam website apa-apa keperluan yang diinginkan oleh setiap penerbit filem.

Untuk soalan yang kedua, mengenai status filem *New Village*, untuk makluman Yang Berhormat saya ingin perjelaskan bahawa FINAS bukanlah satu badan untuk menapis filem dan dalam hal ini, untuk filem *New Village* perkara ini kita pun telah dinyatakan sebelumnya bahawa ia perlulah melalui Lembaga Penapis Filem di bawah Kementerian Dalam Negeri. Saya percaya untuk kes ini, ia diruang lingkup Kementerian Dalam Negeri untuk memerlukan kelulusan dan sebagainya. Saya rasa saya sudah menjawab soalan itu. Terima kasih.

■1030

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan penjelasan berkenaan dengan pembangunan filem di Malaysia tetapi saya hairan juga Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan tadi kata Tanda Putera tak ikut fakta sejarah tetapi dia tak buktikan di mana fakta sejarah yang tak diikuti itu. Jadi saya ingat nanti PJ Selatan boleh bagi penjelasan, masa lainlah. Tuan Yang di-Pertua, saya nak merujuk kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan perkembangan filem di Malaysia. Pertama sekali, apakah perancangan kementerian khususnya untuk menggalakkan pembangunan filem-filem animasi kerana sekarang ini kita melihat perkembangan filem animasi di Malaysia ini nampak begitu pesat membangun tetapi apakah perancangan selanjutnya kerana kita takut perkembangan ini akan terbantut ataupun mati separuh jalan.

Kemudian yang kedua, sejauh mana program-program pembangunan filem di Malaysia termasuk latihan-latihan untuk mewujudkan pengarah-pengarah filem yang berkaliber yang kita katakan *sustainable* dapat diwujudkan kerana sekarang ini walaupun ada siri-siri latihan dan kursus FDM dan sebagainya tetapi kita nampak penghasilan filem masih lagi tidak dapat mencapai kualiti yang setanding dengan filem-filem antarabangsa. Jadi, apakah program-program yang telah pun disediakan oleh pihak kementerian dan FINAS untuk membangunkan industri filem ini melalui pengujudan pengarah-pengarah filem yang berkaliber.

Sekarang ini kita melihat juga tentang kemasukan filem-filem asing dari Indonesia, Filipina dalam bentuk sinetron yang nampaknya begitu menyimpang dari segi fahaman, akidah dan juga lebih membawa kepada khayalan banyak. Jadi, apakah pendirian kementerian dalam hal ini? Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya untuk FINAS sendiri terdapat beberapa pelan yang telah disediakan. Antaranya dalam untuk pelan jangka pendek, kita akan memasarkan beberapa filem di peringkat antarabangsa di mana beberapa inisiatif telah dilaksanakan dengan beberapa produksi filem dan untuk pelan jangka panjang, terutamanya kita akan menganjurkan beberapa forum global untuk kerjasama produksi antarabangsa, menambahkan dari segi tenaga mahir industri untuk mendapatkan pentaulahan dan sebagainya.

Untuk maklumat Yang Berhormat juga, terdapat beberapa dana di bawah FINAS yang membolehkan mana-mana penerbit untuk terlibat sama seperti misalannya untuk filem animasi. Kalau kita lihat terdapat beberapa filem animasi yang telah berjaya mencapai dan untuk makluman Yang Berhormat juga, di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia, bukan hanya FINAS

satu-satunya agensi. Kita ada lagi dua agensi iaitu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia di mana kita terdapat satu peruntukan di bawah Industri Kreatif dan yang keduanya di bawah MDEC di mana kita ada dana yang khusus untuk animasi dan kalau kita lihat sebelum ini beberapa filem seperti Upin dan Ipin, Boboi Boi dan beberapa filem lagi yang telah berjaya hasil daripada dana yang diwujudkan di bawah MDEC. Saya harap saya menjawab soalan-soalan Yang Berhormat. Terima kasih.

3. **Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk mewujudkan *one-stop-centre* untuk urusan pelaburan asing sebagai langkah positif ke arah negara yang mesra pelabur asing demi menggalakkan lagi pelaburan asing di negara kita.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]:**  
*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Pusat khidmat sehenti ataupun *one stop centre* atau OSC dengan singkatnya merupakan salah satu daripada inovasi perkhidmatan awam Malaysia yang terpenting. Inovasi ini telah membawa banyak penambahbaikan untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam Malaysia dan hari ini perkhidmatan awam Malaysia dianggap sebagai salah satu perkhidmatan awam yang telah berjaya untuk bukan sahaja membangunkan negara tetapi juga menjadi ikutan negara-negara lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di pihak berkuasa tempatan umpamanya terdapat kira-kira 100 buah OSC pada hari ini dan ini telah berjaya untuk melonjakkan pencapaian Malaysia dalam beberapa hal termasuklah dalam laporan terkini *Bank Dunia: Doing Business Report* di mana kedudukan Malaysia melonjak daripada nombor 12 ke nombor 6 dan ini ada kaitan dengan lonjakan kedudukan Malaysia dalam urusan permit pembinaan yang ketara ada kaitan dengan penubuhan OSC. Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat merujuk khusus kepada Lembaga Penggalakan Pelaburan Malaysia ataupun MIDA (*Malaysian Investment Development Authority*) dan di MIDA Tuan Yang di-Pertua, OSC ini telah ditubuhkan 15 tahun yang lalu, dah lama dah.

Namanya berbeza, bukan OSC tetapi dipanggil pusat khidmat nasihat atau *advisory service centre* ditubuhkan 1 Oktober 1988 bertujuan memudahkan cara urusan pelaburan asing dan juga tempatan. Yang Berhormat tanya mengenai pelaburan asing. ASC ini ataupun *advisory service centre* ini membantu bukan sahaja pelaburan asing tetapi juga pelaburan tempatan. Ia telah ditubuhkan 15 tahun dahulu, kini pejabat MIDA telah berpindah ke KL Sentral, ia ditempatkan di tingkat 16. Kalau Yang Berhormat hendak pergi ASC MIDA, tingkat 16 di KL Sentral.

Jadi, tujuannya ialah untuk membantu pelabur asing dan tempatan mengenai dasar dan prosedur kerajaan dalam merealisasikan projek-projek mereka di Malaysia. Yang baiknya di OSC ini terdapat beberapa jabatan kerajaan, selain MIDA menjadi ketuanya, ada dua pegawai dari Kastam dan Eksais Diraja membantu hal-hal berkaitan dengan import eksport bahan mentah,

komponen, besi dan lain-lain. Yang kedua, ada pegawai dari Jabatan Imigresen untuk membantu pelabur menyelesaikan masalah imigresen. Yang ketiga, pegawai daripada Jabatan Tenaga Kerja. Pelabur-pelabur asing yang inginkan tenaga kerja bukan sahaja dari Malaysia tetapi juga luar negara, ada seorang pegawai dari Jabatan Tenaga Kerja.

Ada juga pegawai daripada Tenaga Nasional dan seorang dari Telekom Malaysia kerana kemudahan-kemudahan ini, Telekom dan Tenaga Nasional adalah penting untuk melicinkan urusan pelaburan dalam negara kita. Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pusat ini maka pelabur tak payah pergi ke Putrajaya ataupun ke ibu pejabat jabatan-jabatan yang saya sebutkan tadi. Ada masalah-masalah yang dapat diselesaikan *on the spot*, serta-merta dan secara umumnya kalau tak dapat diselesaikan serta-merta, tempoh tiga hari diberikan kepada jabatan berkenaan untuk selesaikan masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada 19 November lalu, MIDA telah menghimpunkan pelabur-pelabur asing dalam negara yang berjumlah 1,200 orang, 600 dari luar negara dan kesemua mereka memuji MIDA. Dengan adanya pusat khidmat ini dan lain-lain bantuan yang diberikan, Malaysia merupakan salah sebuah negara yang menjadi tumpuan pelabur asing dan juga pelabur tempatan. Jadi, penubuhan pusat ini telah banyak membantu melicinkan operasi pelaburan dan ia telah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang menarik untuk pelaburan asing dan dalam negara. Terima kasih.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang datang ke sini untuk menjawab. Soalan tambahan saya ialah, bagaimana kerajaan menggalakkan para pelabur asing membantu membangunkan perdagangan dan industri tempatan terutama sekali perusahaan dan industri kecil dan sederhana. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, setiap pelabur sama ada luar ataupun dalam negara, dia perlu ada industri sokongan ataupun *supporting industries*, harus ada ekosistem. Dia perlu paling kurang umpamanya kantin, *transport operator*, pengangkutan, ada yang perlu bahan mentah, ada yang perlu vendor pembekal. Jadi secara umumnya mereka membantu industri kecil dan sederhana melalui keperluan bahan mentah dan juga komponen-komponen. Umpamanya kalau kita pergi ke Johor ke Pulau Pinang kah, syarikat-syarikat multinasional termasuklah syarikat *electrical* dan elektronik, mereka mendapat sumber keperluan bahan mentah bukan sahaja dari luar negara juga dari dalam negara, malah ada beberapa buah syarikat yang telah secara khusus melantik vendor-vendornya dan kebanyakannya mereka merupakan syarikat-syarikat kecil sederhana.

#### ■1040

Dan ini adalah antara kesan baik yang telah dirasai oleh pengusaha-pengusaha usahawan Malaysia. Dengan adanya pelabur-pelabur sama ada ataupun luar negara, maka maknanya bukan dia sebuah syarikat itu sahaja yang mendapat faedah. Syarikat-syarikat lain termasuklah syarikat kecil sederhana. Umpamanya pembekalan makanan. Kalau Intel mempunyai 9 ribu pekerja di

Malaysia umpamanya, dia perlukan kantin, dia perlukan bas untuk mengangkut. Itu contoh paling kecil, bagaimana sebuah syarikat itu dapat membantu syarikat-syarikat kecil sederhana. Yang lebih besar contoh-contohnya ialah vendor-vendor. Syarikat-syarikat ini memerlukan pembekal komponen. Maka kebanyakan mereka merupakan industri kecil sederhana. Terima kasih.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya percaya Yang Berhormat Menteri akan bersetuju dengan saya kalau saya katakan bahawasanya cara yang paling baik untuk menarik pelaburan, untuk memasarkan negara Malaysia dari segi pelaburan adalah dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *to take good care of the existing investors*. Sebab bila kita jaga dia dengan baik, mereka sendiri akan *do the marketing*, dengan izin. Tidak payah kerajaan buat *marketing*. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua soalan saya, sedarkah Yang Berhormat Menteri bahawasanya kawasan perindustrian, sebahagian daripadanya dalam negara kita adalah tidak diselenggara dengan baik. Umpamanya jalan yang tidak dijaga dengan baik.

Kadang-kadang jalan itu memerlukan *base* yang tebal tetapi tidak dilakukan dengan standard yang baik, selalu rosak dan pelabur selalu membuat aduan bahawasanya mereka tidak dijaga dengan elok.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Pelaburan pelabur ini ada yang baru, ada yang lama. Yang lama ini betullah, kita kena jaga *hand holding*. Kena jaga baik-baik, kena pegang tangan, kena service, beri perkhidmatan yang terbaik kepada mereka, yang baru ini kita promosikan mereka dalam dan luar negara. Ada seminar dan forum, maka kita mampu menarik mereka. Akan tetapi yang lama-lama ini umpamanya Intel, hari Selasa yang lalu berkongsi dengan kami semua 1,200 orang pelabur yang lain bagaimana mereka menikmati kemudahan yang baik di Malaysia ini. Maka mereka terus melabur.

Intel ini kalau tengok sejarah dia, bermula 100 orang pekerja. Sekarang 9,000 pekerja. Kenapa? Kerana kita pegang tangan baik-baik, kita jaga dia baik-baik. Maka mereka berpuas hati. Jadi itu kaedah kita. Pertama, yang lama iaitu yang sedang melabur hendak suruh tambah lagi, tambah pelaburan, tambah pekerja. Kedua, yang baru. Kedua-duanya penting ya. Kalau tengok kepada data-data pelaburan, kadang-kadang separuh daripada pelaburan di Malaysia datang daripada yang lama-lama, yang senior berada di sini. Jadi lubang-lubang dan lain-lain ini memanglah satu perkara yang kerajaan memberi perhatian.

Seperti yang saya telah terangkan dalam Dewan semasa menggulung perbahasan, kerajaan amat sedar bahawa kawasan industri ini ada yang menghadapi masalah. Ada yang baik, ada yang bagus, ada yang menghadapi masalah dan seperti saya terangkan dalam Dewan minggu lepas, saya nyatakan bahawa dua minggu lalu menyatakan bahawa kebanyakan ini adalah di bawah kerajaan negeri. Kerajaan negeri khususnya Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) ACDC. Itu telah pun membuat satu kajian dan kerajaan menyediakan sedikit peruntukan untuk kerja-kerja penyelenggaraan sudah pasti tidak mencukupi, jadi kita harap kerajaan negeri dan pihak-pihak lain juga.

Jadi kawasan industri ini bukan sahaja kerajaan negeri, yang swasta pun ada juga. Jadi ini penting dan kita harap pihak-pihak berkenaan akan pastikan bahawa kerja-kerja penyelenggaraan ini dilakukan sebaik mungkin supaya pelabur yang ada di Malaysia akan terus melabur, yang baru pun tertarik untuk datang melabur di negara kita. Terima kasih.

4. **Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan doktor-doktor dan pakar-pakar di hospital besar Kuala Terengganu mencukupi memandangkan sehingga kini masih tidak ada kemudahan-kemudahan alternatif dengan kemudahan-kemudahan yang diperlukan di Kuala Terengganu.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Terengganu. Soalannya ialah berkenaan dengan ia spesifik berkenaan dengan Hospital Besar Kuala Terengganu. Tuan Yang di-Pertua, di Hospital Besar Kuala Terengganu ataupun Hospital Sultanah Nur Zahirah, terdapat 822 katil dan kadar penggunaan katil ataupun *bed occupancy rate* (BOR) adalah pada 2012 sebanyak 81.3%. Pada tahun ini sehingga Jun sudah meningkat kepada 85%. Tuan Yang di-Pertua, waktu ini menawarkan pelbagai kepakaran. Ada 15 bidang kepakaran semuanya iaitu pembedahan am, pembedahan plastik, ortopedik, pediatrik, *anesthesiology*, O&G, nefologi, kardiologi, psikiatri, entomologi, otorhinologgi, patologi forensik, teratologi dan perubatan kecemasan dan ada 112 pegawai yang pakar. Perjawatan ini sudah penuh. Sudah penuh semuanya, 112 sudah penuh.

Pegawai perubatan tetap ada, perjawatan 298 yang isi 255. Masih kosong 43. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kepakaran yang sedia ada di hospital itu, terdapat juga lawatan doktor-doktor pakar iaitu daripada segi dalam hal dermatologi, ada lawatan pakar doktor. Pakar pembedahan kanak-kanak dan pakar pembedahan neurologi dan juga pakar pembedahan *Lower GI* ataupun *lower gastrointestinal tract* Tuan Yang di-Pertua. Yang itu meningkatkan lagi, menambahkan lagi kepakaran yang sedia ada, pihak kerajaan telah pun menawarkan pelbagai program Kementerian Kesihatan iaitu Program Sarjana Perubatan iaitu PSP dalam negara sebanyak 22 bidang dan program *membership* dalam negara juga. Contohnya macam MRCP, UK, MRCPCH, ini pediatrik. MRCOG, ini genekologi dan FRCR ini neurologi. *Fellowship Royal Australasian and New Zealand College of Asia (ANZCA)* dan *Fellowship the Royal College of Pathologists MRCPath* dan ada lagilah berbagai-bagai.

Selain daripada itu juga kita adakah program kepakaran di luar negara Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini *scholarship* yang telah ditawarkan tahun ini 1,000 tambah daripada 800 tahun lepas, tambah 1,000 tahun ini Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebahagian latar belakang Hospital Kuala Terengganu, selepas empat tahun minyak gas ditemui di Terengganu dan dapat jolokan Kuwait Malaysia, masih banyak lagi ya kemudahan rawatan pesakit tidak terdapat di Hospital Besar Kuala Terengganu walaupun 15 kepakaran disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Pesakit-pesakit jantung dan kanser terpaksa berulang ke

hospital yang paling dekat iaitu ke Kota Bharu, negeri yang tidak mempunyai apa-apa hasil minyak selama ini.

Kota Bharu dan Kuantan mempunyai hospital swasta tetapi Terengganu tidak mempunyai apa-apa hospital swasta sebagai alternatif. Lebih menyedihkan lagi mereka yang sakit terpaksa berkereta ke Kota Bharu atau Kuantan, perjalanan tiga jam, melalui jalan biasa, tidak ada lebuhraya pun. Jadi apa kah keadaan yang akan dihadapi oleh pesakit-pesakit terutamanya mereka yang mengalami kanser kerana terpaksa berjalan jauh dan berjauhan daripada *support group* atau *parative treatment concept* yang amat diperlukan oleh pesakit-pesakit kanser.

Jadi kalau dengan keadaan sedemikian rupa, segala usaha yang kerajaan adakan untuk membangun negeri tidaklah begitu berkesan kerana *basic* keperluan dengan izin tidak dipenuhi. Apabila hospital besar disiapkan tahun 80-an, doktor dan peralatan sering berkurangan tetapi apabila peralatan pula ada, peralatan canggih, doktor dan *specialist* pula yang tiada. Sekarang ini bangunan baru hospital telah siap tetapi masih doktor dan alat tidak mencukupi. Maksud saya kulit luarnya cantik, tetapi isinya masih banyak kosong. Apakah Kementerian Kesihatan mempunyai perancangan terperinci menangani masalah ini.

Dengan laporan Bank Dunia terkini, November 2013 tentang *brain drain* dengan izin, Malaysia yang kritikal ini, bagaimanakah kementerian akan mengatasi masalah mencari profesional-profesional dan doktor untuk ke Kuala Terengganu khususnya. Akhir kata, saya ingin memaklumkan, Terengganu akan membina *Prestige Draw Bridge* yang amat canggih, yang boleh diangkat turun macam London Bridge, harga ratusan juta yang tidak ada orang pun buat hari ini. Sebenarnya apa yang rakyat negeri minyak ini amat-amat perlukan adalah hanya keperluan asas iaitu hospital yang cukup, doktor dan alat-alat dan bukan projek bermegah-megah diri.

#### ■1050

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Taraf kesihatan rakyat Terengganu yang 98% Islam perlu diperkasakan dan didahulukan. [Dewan riuh] Saya mohon perhatian, perancangan rapi Hospital Besar Kuala Terengganu. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih. Soalan panjang, amat panjang, merangkumi pelbagai perkara. Tentang *brain drain* Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, perkhidmatan perubatan ini telah banyak diperbaiki kalau berbanding dengan dahululah. Sekarang ini gaji pun sudah meningkat dan kita dapat ramai pakar dan doktor - kalau tidak macam dahulu, memang ramai yang *resign*, yang letak jawatan. Akan tetapi sekarang ini sudah amat kurang. Mereka pilih untuk kekal dalam perjawatan kerajaan.

Untuk Terengganu Tuan Yang di-Pertua, radioterapi memang setakat ini belum ada. Jadi, kalau yang perlu radioterapi, kita hantar kepada Hospital USM di Kubang Kerian, ini memang betullah. Memang kita rancang untuk Rancangan Malaysia Kesebelas untuk mengadakan satu lagi dicadangkan hospital kanser centre di sebelah zon timur pada Rancangan Malaysia Kesebelas.

Sekarang ini, di Hospital Terengganu memang kompleks *maternity* hampir siap, belum siap lagi, hampir siap dan dijangka siap pada bulan Disember tahun ini dengan kapasitinya 310 katil. Bila siap, hendak kena lengkap pula dengan perkakasan, ia makan masa sikit untuk beroperasi.

Blok Psikiatri di Hospital Terengganu, Hospital Sultanah Nur Zahirah akan masih dalam perancangan dan dijangka tender pada suku tahun pertama 2014. Ia ada 60 katil.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, rakyat Kuala Terengganu, ia boleh pergilah sama ada hendak pilih pergi ke Hospital Kuala Terengganu ataupun pergi - kalau yang sakit sikit-sikit ini boleh pergi ke klinik kesihatan. Ada 23 buah semuanya di seluruh Kuala Terengganu dan ada dua buah Klinik 1Malaysia juga di kawasan Kuala Terengganu Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu, *operation theatre* juga ditambah dua lagi Tuan Yang di-Pertua. Ini memang kerajaan merancang seterusnya untuk kebaikan rakyat di Kuala Terengganu Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ia spesifik kepada Kuala Terengganu Yang Berhormat. Yang Berhormat Sekijang.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab kita tahu di negara kita ini, jumlah keseluruhan doktor dan doktor pakar adalah berjumlah hampir 36,000 orang dengan nisbah 1:1.791 orang dan menjelang tahun 2020, dijangka seramai 85,000 orang ataupun dengan nisbah 1:1.4 orang doktor akan diperlukan terutamanya doktor-doktor pakar di seluruh negara. Saya kira, bukan negeri yang hanya perlu atau mengeluarkan lebih minyak sahaja yang memerlukan doktor pakar, di kawasan seperti Sekijang juga masih memerlukan ramai doktor pakar sebenarnya.

Namun, kalau mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri pada bulan Ogos yang lepas, negara kita hanya boleh melatih sekitar 500 hingga 800 orang pakar sahaja dalam masa setahun. Saya kira, kerajaan begitu serius untuk melatih lebih ramai lagi doktor pakar ini. Cuma soalan saya Yang Berhormat Menteri ...[Disampuk] Hendak soal ini, sekejap. Apakah usaha yang telah, sedang dan bakal dilakukan oleh kementerian untuk memanggil semula doktor-doktor pakar rakyat Malaysia yang berhijrah di luar negara dan pernahkah kerajaan bercadang untuk menambah lagi jumlah biasiswa kepada doktor-doktor yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat pakar? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, yang ini terkeluar sedikit daripada soalan asal. Akan tetapi tidak apa, saya jawablah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, dia tanya doktor pakar Kuala Terengganu lah maksudnya Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Jadi sebenarnya untuk perancangan, ...[Disampuk] Hendak jawabkah? Hendak jawab? Tidak apa, saya jawablah. [Dewan riuh] Kasihan kepada Yang Berhormat Sekijang. Ini tentang pengambilan balik doktor-doktor dari luar negara yang rakyat Malaysia, ini di bawah Talent Corporation Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi untuk kementerian, memang kita sediakan tahun ini. Saya sebut tadi, tahun lepas 800 scholarships. Tahun ini 1,000 scholarships. 1,000 scholarships pun uptakenya tidak sampai 1,000, lebih kurang 800 sahaja.

Usaha ini kita akan teruskan dan sebab itu saya sebut tadi bahawa kita ada latihan di dalam negara dan luar negara. Maknanya, kita ada dengan izin, *our own degree* untuk *masters, degree* dan sebagainya. Jadi ini kita teruskan Tuan Yang di-Pertua.

**5. Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah untuk memperluaskan usaha mengeluar lesen pemandu di luar bandar khasnya kawasan yang jauh dari pusat bandar.

**Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, mengambil kira kesukaran rakyat di luar bandar untuk mendapatkan *accessibility* dan kemudahan bagi menjalani latihan dan ujian lesen memandu, kerajaan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mengambil inisiatif mengadakan program Satu Komuniti Satu JPJ. Program ini merupakan suatu bentuk usaha kerajaan untuk memberikan kemudahan perkhidmatan secara terus kepada masyarakat pedalaman dan juga di luar bandar termasuklah kemudahan untuk memperoleh lesen memandu motosikal kelas B2, 250cc ke bawah.

Melalui program SKSJ ini, pemohon yang memenuhi kriteria yang ditetapkan akan dibenarkan mengambil ujian khas berkelompok, lisan dan juga bertulis. Pemohon yang lulus ujian tersebut akan diberikan lesen belajar memandu dan seterusnya setelah pemohon lulus Ujian Bahagian II iaitu ujian litar dan Ujian Bahagian III iaitu ujian di jalan raya, mereka akan diberikan lesen memandu percubaan.

Kerajaan juga amat menggalakkan usaha pihak-pihak yang berkaitan untuk membangunkan institut memandu di kawasan pedalaman dan juga di luar bandar. Ini untuk memastikan perkhidmatan latihan dan ujian memandu dapat disediakan di kawasan-kawasan tersebut. Langkah-langkah ini sekaligus dapat menggalakkan penduduk di kawasan pedalaman dan juga di luar bandar memperoleh perkhidmatan bagi mendapatkan lesen memandu di kawasan tersebut tanpa memerlukan mereka ke bandar. Ini dengan harapan ia dapat menjimatkan kos dan masa perjalanan ke bandar selain memberikan kesenangan kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga sedang meneliti beberapa inisiatif yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan *service delivery*, dengan izin berhubung dengan perluasan lesen memandu kepada masyarakat di luar bandar khususnya kepada golongan belia. Bagi maksud tersebut, program turun padang dan *engagement* dengan masyarakat akan diberi nafas baru dan juga diperhebat dalam usaha mempromosikan pemilikan lesen memandu sekali gus memberi kesedaran kepada orang ramai terhadap peraturan keselamatan jalan raya. Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dengan jawapan yang begitu lengkap. Apa yang saya ingin tahu sebab masa kini, kemampuan milik kenderaan di luar bandar dan juga infrastruktur jalan yang bertambah termasuk pekan-pekan yang jauh dari bandar yang besar.

Selain daripada itu, saya ingin bertanya berapakah jumlah yang telah memohon menggunakan Bantuan Lesen 1Malaysia dan berapakah pula jumlah pemohon yang diluluskan dan

bagaimana permohonan itu dipecahkan kalau lihat daripada penduduk luar bandar dan dalam bandar? Terima kasih.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Bantuan Lesen 1Malaysia, angkanya tidak ada bersama dengan saya tetapi merupakan satu skim khas yang saya harap dapat kita cari penyelesaian kepada baki-baki yang belum selesai sebelum penghujung tahun ini. Akan tetapi pada masa yang sama, ucapan pada *quote* soalan asas tadi, merupakan program-program yang sedia ada.

Akan tetapi tahun depan *insya-Allah*, bukan sahaja untuk menyelesaikan BL1M dan juga berhubung kait dengan program SKSJ, kita akan memperhebatkan lagi dengan program-program baru dengan infrastruktur, dengan penambahan institut-institut memandu. Seperti Yang Berhormat sebut tadi, penting untuk kita pastikan prasarana dan juga infrastruktur bukan sahaja cawangan tetapi pejabat-pejabat JPJ di luar bandar dan juga penglibatan golongan muda, Skuad Muda JPJ, sasarnanya 300,000 sukarelawan kita yang akan dikenal pasti untuk bersama-sama dengan kita.

#### ■1100

Ketiganya ialah untuk melihat kepada pendekatan yang boleh merentasi kementerian dan agensi. Ini akan kita libatkan sekali dengan program *insya-Allah outreach* daripada Kementerian Dalam Negeri yang melibatkan JPN dan juga imigresen untuk bersama-sama ada tambah nilai kepada pendekatan-pendekatan kita di luar bandar. *Insya-Allah*.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain lesen memandu, soalan saya ialah apakah Kementerian Pengangkutan ada perancangan untuk memberikan perkhidmatan pejabat JPJ bergerak untuk urusan-urusan JPJ yang lazimnya perlu dilakukan di pejabat JPJ untuk kawasan luar bandar. Oleh kerana pengundi-pengundi saya di kawasan DUN yang saya wakili di Jelebu umpamanya di Negeri Sembilan hanya ada satu pejabat JPJ negeri dan dua cawangan. Kalau di Jelebu dia kena pergi ke Seremban untuk melakukan sebarang urusan seperti pindah milik kenderaan dan sebagainya. Jadi apakah perancangan untuk pejabat JPJ bergerak ini? Kalau ada saya harap juga diperluaskan kepada kawasan luar bandar termasuklah kawasan Tuan Yang di-Pertua di kawasan Beluran. Terima kasih.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih. Itu cadangan yang baik dan sekarang ini memang sudah ada satu program rintis untuk melihat kepada pejabat-pejabat yang bergerak dan penerimaan orang ramai kepada usaha kita ini cukup menggalakkan. Tetapi seperti saya sebut dalam soalan tambahan tadi, jawapan untuk memastikan tidak ada pertindihan dan pembaziran, kita gunakan juga pejabat-pejabat bergerak daripada Jabatan Pendaftaran Negara, dibuat oleh Jabatan Imigresen supaya semua perkhidmatan ini dapat diselaraskan.

Walaupun ianya merentasi kementerian dan agensi tetapi pendekatan Strategi Lautan Biru yang memastikan dan menyelaraskan usaha ini, saya percaya bahawa dapat kita perhebatkan dan dapat memenuhi kehendak Yang Berhormat untuk mengadakan pejabat-pejabat bergerak tadi. Kalau itu pun tidak mencukupi dan tidak ada sebabnya pihak JPJ tidak dibekalkan dengan pejabat-pejabat yang sedang hari ini kita lakukan program dan projek rintis. Terima kasih.

6. **Tuan Seah Leong Peng [Telok Intan]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah ada kerjasama pengecualian bayaran balik pinjaman belajar dengan agensi kerajaan atau badan-badan yang memberi pinjaman kepada peminjam yang telah dikategorikan sebagai OKU akibat kemalangan yang menimpa diri mereka.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada pertanyaan Yang Berhormat daripada Telok Intan berhubung pengecualian bayaran balik pinjaman pendidikan kepada pelajar yang dikategorikan sebagai Orang Kurang Upaya (OKU) disebabkan kemalangan dan sebagainya. Secara umumnya agensi pemberi pinjaman tidak mempunyai sebarang kerjasama ataupun dasar khusus untuk memberi pengecualian bayaran balik pinjaman atas faktor ketidakupayaan seseorang kecuali pihak JPA.

Selain pertimbangan khas, pemberian pengecualian bayaran balik pinjaman ini diberikan berdasarkan merit atau pencapaian akademik cemerlang pelajar tersebut. Pengecualian bayaran balik JPA diberikan kepada peminjam yang menghadapi masalah kesihatan serta disahkan oleh pakar hospital kerajaan bahawa penyakit yang dihidapi bersifat berkekalan sehingga tidak mampu untuk bekerja, termasuk mereka di bawah kategori OKU. Sehingga kini sebanyak dua kes telah diluluskan hapus kira, OKU akibat kemalangan.

Namun begitu kementerian ini berhasrat membawa perkara ini untuk pertimbangan lanjut Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi OKU yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, seterusnya diteliti oleh Jawatankuasa Pendidikan yang ditubuhkan di bawah Majlis. Jawatankuasa Pendidikan yang diterajui oleh Kementerian Pendidikan dianggotai oleh pelbagai agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mewakili kepentingan OKU, bolehlah membincangkan perkara ini secara terperinci termasuk mengambil kira isu-isu berkaitan implikasi perundangan, implikasi kewangan dan mekanisme pelaksanaan berkenaan isu pengecualian bayaran balik pinjaman. Terima kasih.

**Tuan Seah Leong Peng [Telok Intan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merujuk kepada satu kes OKU yang merupakan peminjam Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran. Sebaik tamat belajar telah mengalami kemalangan jalan raya dan kini OKU. Biarpun keluarganya telah menjelaskan keadaan peminjam ini telah OKU dan tidak mampu bekerja namun mereka tetap menerima notis peringatan dikehendaki membuat bayaran dan sekiranya gagal akan diambil tindakan yang selanjutnya oleh Tabung Pembangunan Kemahiran.

Soalan saya bagaimana KPWM menjalankan peranan mereka untuk membantu peminjam OKU yang tidak lagi mampu untuk membayar bayaran pinjaman belajar? Dan apakah KPWM ada menyimpan statistik latar belakang OKU yang terdiri daripada bekas siswazah atau peminjam pinjaman pelajar dari mana-mana badan yang memberi pinjaman kepada pelajar. Terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang telah saya sebutkan tadi walaupun memanglah yang boleh menjawab ini adalah

kementerian yang berkaitan dengan pemberian pinjaman tadi. Akan tetapi seperti mana yang telah saya sebutkan dalam jawapan saya tadi bahawa perkara ini akan kita bawa untuk pertimbangan lanjut Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi OKU, *insya-Allah* dan akan dibincangkan di bawah Jawatankuasa Pendidikan yang mana dipengerusikan oleh Kementerian Pendidikan nanti.

Berkaitan dengan soalan yang kedua tadi adakah kita menyimpan data ini setakat ini kita tidak mempunyai data yang berkaitan dengan mereka yang meminjam daripada mana-mana institusi dan kemudiannya menjadi OKU. Setakat ini kita tidak ada tetapi kita mempunyai data berapa ramai OKU yang berdaftar dengan kita. Itu kita ada, keseluruhan jumlahnya. Terima kasih.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, telah memberitahu bahawa sebenarnya soalan ini patut dijawab oleh kementerian yang lain dan khususnya adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri telah berbincang dengan kementerian tersebut sebelum membuat satu pandangan mengenai OKU hari ini. Berkaitan dengan hal ini OKU yang ada di negara ini apakah pampasan dan apakah *monthly benefit* yang diberi dan juga berkaitan dengan perniagaan, apakah galakan yang diberi kepada mereka supaya mereka juga dapat menikmati seperti orang lain. Terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Yang Berhormat Ipoh Barat, memanglah kita dalam Kerajaan Barisan Nasional ini kita sentiasa berbincang sebelum kita mengambil apa-apa tindakan termasuklah untuk menjawab soalan. Oleh kerana ini ada kaitan...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ini soalan berkaitan. Adakah perbincangan ini telah dibuat. Dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri kata ia akan dibincang. *So, you are not ready to answer.*

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Apa yang saya jawab tadi ialah untuk tujuan akan datang, kita akan bawa perkara ini kepada Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi OKU. Setakat ini saya sudah jawab bahawa memang tidak ada. *I think that's quite clear,* dengan izin. Untuk kemudahan-kemudahan OKU memang banyak Yang Berhormat. Ada panjang senarainya di sini. Beberapa jabatan, kementerian dan agensi yang terlibat untuk membantu orang kurang upaya termasuklah untuk perniagaan itu memang ada. Misalnya boleh mendapat pengecualian daripada bayaran lesen untuk Jabatan Tenaga Kerja, kemudahan peluang pekerjaan. Untuk Skim Bantuan Galakan Perniagaan OKU memang ada di bawah Kementerian Sumber Manusia Jabatan Tenaga Kerja dan ini untuk mereka yang sudah pun berusia 18 tahun ke atas, sama ada secara individu ataupun berkelompok.

Di bawah kementerian kita pun di bawah Jabatan kebajikan Masyarakat kita ada juga geran pelancaran RM2,700 bagi mereka yang mahu memulakan perniagaan. Di samping itu, sebelum mereka memulakan perniagaan, latihan-latihan juga diberikan di institusi-institusi kita yang sedia ada pada masa ini. Jadi memang banyak. Kalau saya hendak bacakan kepada Yang Berhormat dalam Dewan ini...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Boleh Yang Berhormat bagi secara bertulis kepada saya kemudahan-kemudahan yang tertentu kepada OKU.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Boleh, boleh *insya-Allah*.

7. **Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementerian merancang untuk memperbanyakkan sekolah rendah agama dan sekolah menengah agama integrasi di seluruh negara bagi memenuhi kehendak dan keperluan rakyat yang mahukan sekolah Islamik. Kementerian mesti dengan kadar segera membantu sekolah-sekolah pondok secara progresif daripada segi infrastruktur dan gaji guru-guru sekolah pondok.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Terima kasih Yang Berhormat Padang Besar atas soalan yang berkaitan dengan Pendidikan Agama. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam menyediakan pendidikan berkualiti tinggi dalam semua bidang pendidikan termasuk bidang agama.

Ini bertujuan untuk melengkapkan murid dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang relevan dan seterusnya untuk berjaya di dunia dan akhirat. Sehubungan dengan itu, kementerian akan terus berusaha untuk menyediakan dan menawarkan tempat kepada murid yang berminat dalam bidang agama melalui penambahan bilangan sekolah agama yang akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan bergantung kepada kedudukan kewangan kerajaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia, sehingga kini Kementerian Pendidikan Malaysia mempunyai 57 buah sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA) dan 200 buah sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) yang terdiri daripada 36 buah sekolah rendah dan 164 buah sekolah menengah. Kesemua sekolah ini melaksanakan kokurikulum bersepadu iaitu gabungan kokurikulum kebangsaan dan kokurikulum Dini/Azhari.

Selain daripada itu terdapat 2,386 kelas aliran agama (KAA) di 557 buah sekolah menengah harian di seluruh negara yang juga memberi peluang untuk murid mengikuti dan mempelajari bidang Pendidikan Islam. Pada masa yang sama, kementerian juga akan terus berusaha menarik lebih banyak sekolah agama rakyat (SAR) dan sekolah agama negeri (SAN) berdaftar sebagai SABK. Ini bertujuan supaya meningkatkan standard dan kualiti sekolah-sekolah berkenaan ke tahap yang terbaik dan mampu menampung keperluan dan permintaan rakyat.

Sekolah yang telah berdaftar sebagai SABK akan menikmati segala kemudahan sebagaimana yang diperolehi oleh sekolah-sekolah kerajaan termasuk gaji dan latihan guru, bantuan per kapita murid dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Soalan tambahan saya, melihatkan bahawa sekolah agama ini banyak dan penting. Jadi benarkah laporan akhbar yang mengatakan sistem PBS ini di mana PMR yang digantikan itu tidak lagi mengadakan ujian agama pusat? Maknanya pelajar-pelajar tidak mempunyai ujian agama pusat itu dikeluarkan. Jadi adakah benar?

Keduanya Yang Berhormat Menteri, kalaular kita melihat banyak sekolah-sekolah agama, mereka hendak melanjutkan pengajian di institut pengajian tinggi yang ada di negara kita dan kita ingin menjadikan Malaysia ini sebagai pusat pendidikan. Jika terdapat sekolah institut pengajian

tinggi agama itu yang dibiayai oleh kerajaan ditutup, adakah Kerajaan Pusat dan Kementerian Pendidikan Malaysia sedia memberi bantuan? Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih atas soalan yang dikemukakan yang berkaitan dengan diberikan bantuan dan saya sudah jawab bagi bahawa sekiranya pusat agama atau sekolah agama seperti SAR dan SAN sekiranya mereka berdaftar sebagai SABK...

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Maaf Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Makanya peruntukan atau bantuan akan diberikan. Sekian terima kasih.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Yang Berhormat Menteri, institut pengajian tinggi, bukan sekolah, itu institut lepas sekolah agama, dia pergi institut pengajian tinggi. Jadi ada institut pengajian tinggi yang dibiayai oleh kerajaan negeri, tetapi kerajaan negeri tidak mampu. Adakah Kerajaan Pusat, macam Perlislah sekarang hendak tutup?

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Bagi tahulah hak Perlis.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Institut tinggi agama hendak tutup, adakah kementerian sedia memberi...

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Yang Berhormat, saya rasa ini saya hendak semak, saya akan memberi jawapan secara bertulis jika diperlukan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Perlis itu, salah satunya bankrap.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan. Saya kagumlah Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian terhadap pendidikan sekolah agama. Ini semestinya menjadi tanggungjawab kerajaan. Soalan saya ialah apakah kerajaan bercadang untuk mengembangkan lagi sistem pendidikan iaitu tafsir sains sebab di antara keperluan hari ini kita memerlukan pelajar-pelajar yang hafal al-Quran, di samping mereka juga mempunyai kemahiran dalam bidang teknologi sains dan sebagainya di samping pelajaran dan agama yang lain ya.

Jadi sebab itulah saya ingin penjelasan apakah ada perancangan mengenai perkara ini sebab di peringkat kerajaan negeri, di Kelantan kita telah ada. Akan tetapi sejauh mana di peringkat Kerajaan Pusat? Begitu juga penghayatan iaitu menambahkan lagi bilangan sekolah agama di peringkat menengah sebab rungutan daripada ibu bapa, bagaimana tidak cukup sekolah agama, mereka berlumba-lumba memohon untuk masuk di Kelantan, di Kedah, di tempat-tempat yang di bawah saluran kerajaan negeri. Sebab mereka tidak berpuas hati dengan apa yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan. Dari sudut sistem, sukan dan sebagainya di sekolah menengah agama.

Begitu juga saya ingin penjelasan iaitu berkaitan dengan sejauh mana usaha yang dibuat untuk penghayatan agama. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, soal agama, Islam ia bukan

teori, ia adalah praktikal. Kalau pelajar sekolah agama yang belajar di sekolah Cina termasuk, mereka sangat dilema apabila anak-anak mereka terpaksa pakai *skirt*, sedangkan menutup aurat ini adalah wajib dalam Islam. Jadi sejauh mana kementerian menghayati keseluruhan Islam bukan semata-mata teori tetapi ia adalah praktikal dan penghayatan Islam yang menyeluruh, yang *syumul*. Minta penjelasan.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang terdiri daripada dua perkara. Perkara yang pertama ada berkaitan dengan menambah bilangan sekolah agama memandangkan bahawa permintaan makin lama makin bertambah dan ini satu implikasi yang begitu baik. Saya sudah jawab tadi bahawa penambahan bilangan sekolah agama yang akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan bergantung pada kedudukan kewangan kerajaan.

Perkara yang kedua ada berkaitan dengan melaksanakan kurikulum pendidikan agama bersama dengan secara teori dan praktis. Jadi saya rasa lebih elok soalan ini di jawab atau ditujukan kepada Bahagian Pendidikan Agama. Sekian terima kasih.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Sains satu lagi, tahfiz sains. Belum jawab lagi Yang Berhormat berkenaan dengan hafal al-Quran dan sains.

**8. Tuan Lim Lip Eng [Segambut]** minta Perdana Menteri menyatakan alasan-alasan secara teliti mengapa Kerajaan enggan mewujudkan institusi penyiasat bebas 'Ombudsman' bagi membolehkan orang ramai melaporkan pelbagai masalah termasuk salah laku atau salah guna kuasa.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh*, salam sejahtera, dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini negara kita tidak mewujudkan 'Ombudsman' kerana kita telah mempunyai Biro Pengaduan Awam Malaysia (BPA) yang melaksanakan tugas dan peranannya. Biro Pengaduan Awam merupakan agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri, bertanggungjawab sebagai badan pengawas yang menjalankan tugas-tugas pemantauan serta mengurus dan membantu menyelesaikan aduan-aduan awam yang diterima.

Dalam masa yang sama pelbagai usaha telah dan akan diambil bagi meningkatkan lagi keberkesanan peranan Biro Pengaduan Awam ini termasuk memperkenalkan garis panduan baru Pengurusan Aduan Awam 2014 bagi mencapai hasrat tersebut.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Berhormat Menteri pernah kata GST adalah baik untuk negara kita sebab di dunia terdapat 160 buah negara yang melaksanakan GST. Jadi Tuan Yang di-Pertua saya minta Yang Berhormat Menteri pakai logik yang sama, alasan sama yang digunakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebab sistem 'Ombudsman' ini dilaksanakan oleh sekurang-kurangnya 100 buah negara di dunia ini. Jadi mengapa Malaysia tidak mahu pakai? Jadi saya Yang Berhormat Menteri jawab satu soalan yang menolak 'Ombudsman' *world class* jangan *double standard*. Ada lagi satu soalan, mengapa garis

panduan piawaian prosedur operasi (SOP) polis menembak dengan senjata api adalah satu perkara yang sulit, *classified*.

■1120

Saya percaya kita semua hendak tahu bila polis boleh menembak? *So, from behind, so to kill*, semasa *car crash* kita mesti mahu tahu mengapa perkara SOP adalah satu *classified*. Itu sahaja terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Yang Berhormat, terima kasih atas soalan tetapi jangan marah-marah lah. Soalan boleh tanya baik-baik ya? Tidak semua perkara boleh pakai logik Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Tolong ulang sekali, tolong ulang sekali Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Duduklah Yang Berhormat yang gelak banyak ini. Ada perkara ini contohnya kalau kita pakai logik dalam semua perkara saya boleh kata GST dipakai oleh semua negara. Ada dua negara sahaja yang pakai dalam negara ASEAN yang belum pakai. Termasuk Malaysia ada tiga iaitu Myanmar, Brunei tidak ada GST. Akan tetapi *Ombudsman* dalam ASEAN hanya tiga sahaja yang pakai iaitu Indonesia, Thailand, Philippine. Kalau hendak pakai logik kita boleh kata Singapore pun tidak ada *Ombudsman*. Jadi, kalau kita hendak pakai logik begitu ...*[Dewan riuh]* No, no, maknanya Singapore tidak pakai. Apa salah Malaysia tidak pakai kalau Singapore pun tidak pakai?

GST semua negara ASEAN pakai kecuali tiga, *Ombudsman* hanya tiga. Sebab itu saya mulakan tadi tidak boleh kita pakai logik. Sebab apa? Sebab kita ada banyak perkara yang saya nyatakan tadi yang penting adalah keberkesanan kepada perkara tersebut. Itu antara perkara yang kita buat. Nombor dua termasuk juga peruntukan yang diberi kepada badan agensi tersebut. Akan tetapi saya hendak beritahu Yang Berhormat, dari segi penambahbaikan saya sudah pun berbincang.

Memang tiap-tiap tahun kita ada laporan tahunan yang dikeluarkan oleh BPA yang saya minta untuk dibentangkan atau diedarkan kepada Ahli-ahli Parlimen kerana kita serius dalam usaha untuk menerima aduan rakyat yang pada tahun lepas 2012 97,000 kita terima melalui pelbagai agensi dan 12,000 lebih yang diterima terus di bawah BPA. Jadi, kita akan bentangkan walaupun tidak ada tanggungjawab untuk membentangkan kita telus, kita akan bagi kepada semua Ahli Parlimen mulai tahun hadapan.

Nombor dua pasal tembak. Di bawah BPA, dia ada bidang tugas. Kita ada SIAP Suruhanjaya Integriti Agensi Penguasa yang melihat 19 jabatan yang bukan di bawah BPA. Kita ada SPRM yang melihat tentang kes-kes rasuah dan menembak ini juga ada satu jawatankuasa yang sudah tentu saya percaya *classified* atau tidak, jawatankuasa tersebut perlu memaklumkan kepada Dewan. Bukan BPA. Terima kasih.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkaitan dengan sistem *Ombudsman* ini, ini adalah satu

sistem yang baik yang diterima pakai oleh banyak negara maju dan bukan sahaja negara-negara maju yang menerima sistem *Ombudsman* tetapi juga negara-negara mundur, negara-negara dunia ketiga seperti Kenya, Jamaica, Uruguay, Pakistan, Columbia, Bosnia, banyak negara seperti mana yang diberitahu oleh Yang Berhormat Segambut tadi telah menerima pakai sistem *Ombudsman* ini.

Akan tetapi negara kita, kita menggunakan Biro Pengaduan Awam. Biro Pengaduan Awam ini diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan kita tidak nampak *check and balance*. Kita membuat pengaduan mengenai orang, sesuatu jabatan atau pun kerajaan kepada badan eksekutif juga. *I don't see*, saya tidak nampak bagaimana kita boleh ada satu sistem *check and balance* di sini. Adalah baik kalau kita wujudkan satu sistem di mana *check and balance* ini dibuat oleh pihak lain, pihak yang bebas, diletakkan terus di bawah Parlimen. So, di mana kita dapat lihat terdapat satu *check and balance* yang lebih baik daripada Biro Pengaduan Awam ini. Jadi, saya rasa kerajaan harus memikirkan untuk mewujudkan sistem *Ombudsman* di negara ini. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri berkaitan ini?

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Dalam jawapan saya, saya tidak ada kata *Ombudsman* tidak baik. Saya pun setuju, kita pun setuju dan satu kajian telah pun dibuat untuk menimbangkan perkara tersebut. Cumanya, buat masa ini kerajaan membuat keputusan untuk menambah baik Biro Pengaduan Awam dan kalau saya boleh kongsi dengan Yang Berhormat *Ombudsman* ini datang daripada negara Sweden. Di Sweden dia bukan ada satu, dia ada tiga badan *Ombudsman*. *Press Ombudsman, disability Ombudsman and Parliament Ombudsman*, dengan izin. Maknanya itu sistem yang digunakan di Sweden yang mungkin dilihat baik untuk diikuti tetapi tidak semua ikut. Bergantung kepada suasana negara tersebut.

Akan tetapi, saya hendak beritahu bahawa memang Jemaah Menteri telah mengarahkan untuk satu kajian dibuat buat masa ini untuk kita memantapkan. Saya hendak beritahu bahawa ada beberapa perkara tentang Biro Pengaduan Awam yang telah pun diminta untuk ditambah baik seperti *accessibility* kepada dokumen di setiap kementerian. Termasuk juga program-program proaktif menemu rakyat. Contohnya, kaunter aduan bergerak yang diturun ke bawah untuk beritahu kalau rakyat hendak mengadu.

Nombor dua, kaunter aduan bergerak bersepada bersama agensi-agensi lain. Ketiga, Program Mesra. Program Mesra Rakyat bersama SUK Negeri. Keempat dipanggil Program Menangani Aduan Sebelum Jadi Aduan (MASJA). Ini pun ada kuasa diberikan kepada *Ombudsman*. Tidak perlu ada orang buat aduan. Dia jalan-jalan tengok ada sampah, dia sendiri boleh buat siasatan. Di bawah BPA kita ada juga kuasa tersebut di mana pegawai BPA seramai 178 orang kalau dia tengok ada satu-satu yang boleh jadi aduan, dia juga boleh untuk memulakan siasatan kepada perkara tersebut. Jadi, pada saya perkara ini adalah perkara yang boleh kita laksanakan terlebih dahulu dalam masa kita menangani masalah apa yang dibangkitkan tentang *Ombudsman* tadi. Terima kasih Yang Berhormat.

**9. Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]** minta Menteri Kewangan menyatakan Hotel Seri Malaysia merupakan pilihan rakyat ketika melancong seluruh negara:

- (a) nyatakan persepsi kejayaan daripada sudut pendapatan kewangan, kadar penginapan, bilangan usahawan yang berjaya dalam bidang perhotelan; dan
- (b) adakah kerajaan berhasrat untuk menambah bilangan hotel di seluruh negara.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Mersing. Untuk makluman Yang Berhormat, rangkaian Hotel Seri Malaysia adalah sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan. Itu sebab saya menjawab soalan ini pada pagi ini. Telah ditubuhkan pada 5 April 1994 bagi memangkin penglibatan usahawan bumiputera dalam industri perhotelan.

Ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan bilangan usahawan bumiputera. Di bawah aturan francais Seri Malaysia, usahawan individu bumiputera yang berpotensi akan dilatih dalam suatu jangka masa iaitu sehingga mereka boleh berdikari tanpa bantuan kerajaan yang mana selepas tempoh tersebut usahawan terbabit akan digantikan dengan usahawan baru bagi menguruskan cawangan Hotel Seri Malaysia yang bertaraf dua bintang itu.

Sehingga 31 Disember 2012, seramai 15 usahawan bumiputera telah dilantik sebagai francais yang sedang menguruskan 15 buah Hotel Seri Malaysia di 15 lokasi yang berlainan di seluruh negara. Baki sebanyak enam buah Hotel Seri Malaysia lagi adalah diuruskan oleh syarikat induk iaitu di Kepala Batas, Kuala Terengganu, Lawas, Rompin, Marang dan Bayan Baru. Jumlah pelaburan kerajaan selama 18 tahun kewujudan Hotel Seri Malaysia ini ialah sebanyak RM244 juta.

Pendapatan kasar operasi terkumpul oleh kesemua 21 hotel ini ialah RM772 juta. Pendapatan kasar operasi kumpulan bagi kesemua Hotel Seri Malaysia pada tahun 1996 RM32.61 juta telah meningkat pada tahun 2012 kepada RM 65.24 juta. Purata kadar penginapan dengan izin, *average occupancy rate (AOR)* untuk Hotel Seri Malaysia ialah 51% di 2,099 bilik di 21 hotel dengan anggaran 2,000 staff. Kerajaan sememangnya berhasrat untuk menambah lagi bilangan Hotel Seri Malaysia di seluruh negara mahupun di luar negara.

Model perniagaan perhotelan di bawah sistem francais Hotel Seri Malaysia telah terbukti berjaya mencapai sasaran. Ini adalah merupakan komitmen berterusan Hotel Seri Malaysia dan usaha untuk menambah bilangan hotel ini akan dilaksanakan secara terus oleh rangkaian Hotel Seri Malaysia melalui inisiatif-inisiatif usaha sama, kerjasama dengan pihak-pihak swasta dan institusi perbankan. Terima kasih.

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Program ini adalah program lama. Program untuk menjadikan usahawan bumiputera dalam perhotelan dan diberi kepada individu, bukan kepada syarikat. Soalan tambahan saya, saya hendak tahu berapa orang yang sudah diberi dan berjaya? Berapa orang juga sudah diberi tetapi tidak berjaya?

■ 1130

Apakah sebab dan faktor utama kerana saya dapat tahu antara kriteria yang hendak diberi kepada mereka ini mereka telah berkhidmat, bekerja di hotel-hotel lima *star*, enam *star* yang terkenal, mereka mempunyai ‘*accruement*’ dan juga *skill* dalam perhotelan tetapi akhirnya gagal juga. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat. Di Mersing minta maaf kerana kita terpaksa menamatkan yang memiliki francais itu atas sebab tidak membayar enam bulan sebanyak jumlah yang tertentu tetapi kita juga ada kejayaan di Taiping, di Bagan Lalang, di Sungai Petani selain daripada mereka menjadi francaisi kepada Hotel Seri Malaysia itu, mereka juga ada hotel-hotel lain dan di Johor Bahru kita juga terpaksa menamatkan.

Antara punca-punca kegagalan pada saya ialah dari segi pengurusan perhotelan walaupun kita telah memberi latihan kepada mereka tetapi pengurusan perhotelan dan kewanganlah terutamanya mereka tidak mengatur dengan baik. Ada satu soalan Yang Berhormat juga saya ingin kongsi di sini iaitu jumlah hotel keseluruhan di Malaysia 2,503 hotel. Jumlah bilik 165,758 bilik.

Saya dimaklumkan oleh Kementerian Pelancongan kita perlukan lagi 298 hotel. Jadi industri perhotelan ini untuk usahawan terus berkembang. Jumlah bilik yang diperlukan sehingga tahun 2020 daripada 216 hotel baru tiga *star*, 82 hotel baru empat dan lima *star*. Jumlah bilik baru yang kita perlu selain daripada 165,000 bilik yang sudah ada ialah 91,000 bilik lagi. Jadi industri perhotelan ini untuk usahawan masih berkembang kerana pada tahun 2020 kita menganggarkan 26 juta pelancong akan datang ke Malaysia dengan pendapatan RM168 bilion dan kita maklumkan di sini bahawa pada tahun 2012 Malaysia adalah negara ke-10 dalam dunia yang paling ramai dilawati oleh pelancong seluruh dunia. Terima kasih. [Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sesi soal jawab tamat.

*[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]*

#### USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1)

#### TUNTUTAN COALITION OF MALAYSIA NGOS (COMANGO) BERTENTANGAN DENGAN AGAMA ISLAM DAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

**11.34 pg.**

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bawa usul di bawah 18(1) iaitu bahawa Dewan yang mulia ini hendaklah ditangguhkan bagi membincangkan tuntutan yang dibuat oleh Coalition of Malaysian NGOs ataupun Comango dalam Persidangan Proses Semakan Berkala Majlis Hak Asasi Manusia anjuran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang bertentangan dengan agama Islam dan juga Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, Comango ataupun Coalition of Malaysia NGOs adalah satu gabungan NGO hak asasi manusia telah membuat satu tuntutan dalam proses semakan *Universal Periodic Review* oleh *United Nations Human Rights Council* di Geneva Switzerland. Antara tuntutan yang

dibawa adalah hal golongan lesbian, gay, seksual dan juga transgender - LGBT, hak untuk murtad bagi orang Islam dan juga kesamarataan agama.

Tuntutan Comango ini secara spesifiknya mendesak Seksyen 377A Kanun Keseksian berkaitan jenayah liwat dan elemen-elemen jenayah syariah yang bertujuan menyekat gejala LGBT, murtad serta penyebaran ajaran Syiah dimansuhkan. Tuntutan Comango ini juga telah menunjukkan bahawa mereka tidak menghormati kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan selaras dengan Artikel 3(1) dan juga 11(4) Perlumbagaan Persekutuan dan mencampuri urusan agama serta mencabar kemuliaan umat Islam.

Umat Islam di Malaysia mempunyai hak untuk mengamalkan kepercayaan mereka dan kerajaan mempunyai hak untuk mengekalkan Islam sebagai agama Persekutuan. Setiap agama mempunyai garis panduan tertentu yang wajib diakui oleh setiap penganutnya dan masyarakat wajib menghormatinya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini ialah tertakluk dalam perkara tertentu yang mana berhubung dengan tuntutan Comango ini yang telah pun mengemukakan laporan tidak wajar dalam konteks Malaysia serta tidak menepati ekspresi Perlumbagaan, undang-undang-undang negara, budaya dan juga masyarakat Malaysia. Perkara ini tertentu kerana mereka bertuhankan logik akal, meletakkan hak asasi mengatasi agama dan budaya setempat. Golongan seperti tidak ada Tuhan dan ia bertentangan dengan Rukun Negara iaitu yang pertama, kepercayaan kepada Tuhan.

Perkara ini juga hendaklah disegerakan kerana pertama Tuan Yang di-Pertua baru-baru ini kita telah pun mendapat berita bahawa pelapor khas mengenai kebebasan beragama atau kepercayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, ‘Heiner Bielefeldt’ dalam satu kenyataan berkata bahawa kebebasan beragama merupakan hak asasi manusia dan bukannya hak bagi sesebuah negara.

Dalam masa yang sama mereka ini telah pun meminta, beliau mengatakan negara tidak boleh sewenang-wenangnya menuntut ataupun mengubah sesuatu yang sudah menjadi tradisi bagi suatu agama dan juga tidak mempunyai bidang kuasa untuk mengubah tafsiran perkataan melibatkan agama dan juga kepercayaan. Dalam masa yang sama pelapor ini telah meminta bahawa Malaysia wajar tarik balik larangan guna kalimah Allah.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan ini sebenarnya merupakan satu campur tangan kedaulatan negara kita dan ia tidak menghormati sistem kehakiman di dalam negara kita. Kalau kenyataan ini dibuat oleh rakyat Malaysia, ia boleh diambil tindakan *contempt of court*. Perkara ini juga perlu kerana hari ini kita lihat sudah ada pula kumpulan yang liberal dan juga moden yang mana kumpulan-kumpulan ini akan mengambil kesempatan untuk mereka mempersoalkan undang-undang yang ada di dalam negara kita.

Saya lihat perkara ini juga ialah perkara kepentingan orang ramai. Ini kita lihat mengenai isu Comango ini kumpulan NGO seperti Muslim UPRo yang telah pun pergi ke Geneva untuk menjelaskan kedudukan Islam di dalam Perlumbagaan Persekutuan serta memastikan bahawa perwakilan kerajaan tegas menolak tuntutan oleh mana-mana NGOs hak asasi manusia yang

menafikan implikasi keistimewaan kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan juga realiti keagamaan masyarakat di Malaysia sehingga kumpuan Muslim Pro ini telah pun dicop sebagai kumpulan ekstremis agama.

Saya juga berpendapat bahawa perkara ini ialah perkara berkepentingan orang ramai di mana selain daripada NGOs, kita lihat parti-parti politik juga telah pun memberikan suara mereka supaya menolak tuntutan Comango ini seperti yang dinyatakan oleh Presiden PAS dalam Muktamar PAS baru-baru ini yang mana supaya tolak tuntutan Comango.

Dalam masa yang sama Ahli Parlimen Temerloh juga pernah membuat kenyataan bahawa beliau juga tidak bersetuju dengan tuntutan Comango dan Ketua Penerangan PAS juga pernah membuat kenyataan bahawa tuntutan Comango ini, tuntutan yang bertentangan dengan Perlembagaan dan juga dengan budaya Islam. Tuntutan-tuntutan ini dengan kenyataan-kenyataan daripada pemimpin PAS sendiri termasuk Tuan Ibrahim Tuan Man yang baru-baru ini memang Naib Presiden PAS yang menggantikan tempat Yang Berhormat Pokok Sena ini. Betullah saya cakap ini. Ini kenyataan dia sebab kenyataan ini kenyataan yang berani itu sebab dia menang Naib Presiden PAS.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya ikut teks Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey tetapi Yang Berhormat Pokok Sena sebab hendak lawan UMNO itu yang kalah.

▪ **1140**

Tuan Yang di-Pertua, dengan sokongan dan juga suara-suara ahli-ahli politik daripada pihak sebelah sana dan juga NGOs, ini menunjukkan bahawa tindakan yang dibuat oleh COMANGO ini adalah satu tindakan yang mesti kita bincangkan kerana ia boleh mendatangkan kemudaratan dan juga boleh menimbulkan konflik agama di dalam negara kita. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat Tanjung Karang pada hari Isnin, 25 November 2013. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbangkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat iaitu:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa tertentu - perkara ini adalah perkara yang tertentu. Kepentingan orang ramai - ia adalah kepentingan orang ramai dan berkehendakkan disegerakan. Saya difahamkan bahawa kerajaan telah mengambil tindakan, mengambil maklum dan sedang meneliti semua cadangan yang telah dikemukakan kepada Malaysia semasa Proses

Semakan Berkala Majlis Hak Asasi Manusia (*Universal Periodic Review*) anjuran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Geneva pada 24 Oktober 2013.

Dalam hal ini, kerajaan telah menegaskan tidak akan berkompromi dengan tuntutan ataupun desakan mana-mana pihak yang membelakangkan Perlembagaan Persekutuan Malaysia termasuk yang berkaitan dengan perundangan syariah di Malaysia. Ahli Yang Berhormat, perkara ini juga telah dibincang dan dijawab dengan panjang lebar oleh Kementerian Luar Negeri pada 11 November 2013 dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 11 November. Dengan itu, perkara ini tidak perlu lagi disegerakan. Oleh demikian, saya menolak Usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Peraturan Mesyuarat 18(1).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya simpati dengan Yang Berhormat, usul Yang Berhormat telah ditolak di dalam kamar. Yang Berhormat boleh kemukakan semula usul itu sebentar lagi.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah menyerahkan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) dan sekali lagi telah ditolak di bawah Peraturan Mesyuarat 18(5). Saya hanya mahu perkara ini direkodkan supaya saya tidak mahu pelajar-pelajar ataupun guru-guru ataupun ibu bapa mengatakan saya tidak membawa usul ini. Saya hanya mahu perkara ini direkodkan sebab usul saya telah ditolak dengan alasan yang sama. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat boleh kemukakan semula usul ini, Yang Berhormat.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Ya, terima kasih.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**11.43 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Perusahaan, Perlادangan dan Komoditi dan Kementerian Kesihatan menjawab di peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan 2014 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 28 November 2013”.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2014**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

**DAN**

**USUL**

#### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 2014**

**Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2014 dan Usul Anggaran Pembangunan 2014 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” **[Hari Kelapan]**

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Pengerusi (Datuk Ronald Kiandee) mempengerusikan Jawatankuasa]*

**Maksud B.32 [Jadual] -**

**Maksud P.32 [Anggaran Pembangunan 2014] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Setiawangsa.

**11.46 pg.**

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi saya laluan untuk membahaskan perihal Kementerian Wilayah Persekutuan.

Pertama, saya ingin menyentuh Butiran 050100 – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Tuan Pengerusi, baru-baru ini warga kota dikejutkan dengan notis menyemak semula senarai nilaians semasa di Kuala Lumpur yang menyaksikan peningkatan cukai pintu sehingga dua atau tiga kali ganda daripada apa yang dibayar sekarang. Keadaan terus rumit apabila ada kenyataan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengatakan bahawa cukai pintu akan naik juga walaupun tempoh

bantahan hanya akan tutup pada 17 Disember dan rayuan akan hanya dilakukan mulai bulan Januari hingga bulan Mac 2014.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]*

Tuan Pengerusi, walaupun di dalam mahkamah contohnya, selagi hujah masih belum didengar, rayuan masih belum dibuat, maka hakim tidak lagi boleh memutuskan keputusan sama ada ia salah atau tidak. Begitu juga dengan taksiran nilai yang sedang dilakukan sekarang. Maka saya ingin mencadangkan supaya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak mengenakan apa-apa juga cukai baru sehingga selesai rayuan dibuat bulan Mac ini. Saya ingin mencadangkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengekalkan nilai cukai pintu yang sedia ada. Kalau ia mahu dinaikkan sekalipun, ia mestilah dinaikkan selepas setengah tahun kedua 2014 iaitu pada bulan Julai 2014.

Tuan Pengerusi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mestilah bersungguh-sungguh mengutip cukai pintu yang tertunggak yang saya difahamkan sebanyak 10% daripada cukai pintu yang dikutip tahunan sebanyak RM800 juta hingga RM900 juta setahun. Cukai yang tertunggak ini adalah sebanyak 10%. Ini bermakna tiap-tiap tahun sebanyak RM80 juta hingga RM100 juta yang tidak dikutip kepada mereka yang harus membayar. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mestilah menjalankan kerja-kerja mengutip dengan lebih efisien supaya ia tidak berlaku. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga harus mengambil inisiatif untuk memperhebatkan cukai daripada bukan hasil kutipan cukai pintu. Contohnya daripada lesen, sewa, papan iklan dan melihat semula apa juga bentuk perjanjian tanah atau *parking* atau sebagainya yang berat sebelah, yang tidak menguntungkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Dengan melihat perkara-perkara ini semua, saya berkeyakinan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak memerlukan peningkatan yang begini tinggi dan seterusnya membebankan rakyat Kuala Lumpur ini. Saya ingin mengatakan di sini bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri telah berkebolehan untuk menurunkan *income tax* untuk maksud 2014 disebabkan kecekapan mengutip cukai ini. Begitu juga Lembaga Tabung Haji yang berjaya mengekang kos kenaikan mengerjakan haji disebabkan perniagaan-perniagaan mereka yang boleh memberi subsidi kenaikan kos ini. Saya hanya berharap bahawa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur jangan mengambil jalan pintas untuk mengisi kantung dengan mengutip cukai pintu ini sebelum rayuan, sebelum hujah-hujah dibuat pada tahun depan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh Butiran 03000 – Kompleks Perniagaan dan Pasar sebanyak RM6.7 juta. Saya ingin merujuk kepada objektif besar, kepada perbelanjaan kecil yang diletakkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan. Apakah objektif Kementerian Wilayah Persekutuan? Kementerian Wilayah Persekutuan mempunyai objektif untuk merancang dan melaksanakan program-program yang dapat meningkatkan tahap pendapatan bagi membantu golongan miskin dan miskin tegar keluar daripada garis kemiskinan. Apakah strategi Kementerian

Wilayah mempergiatkan penyaluran bantuan dan penyediaan ruang bagi menambah pendapatan kepada golongan miskin dan miskin tegar?

Tuan Pengerusi, saya tidak nampak dalam bajet ini, apakah perkara yang dilakukan ke arah ini. Saya ingin tahu, apakah bentuk bantuan, apakah bentuk ruang yang disediakan kepada golongan ini untuk keluar daripada kepompong kemiskinan ini?

■1150

Contohnya dalam kawasan Parlimen saya sekali pun ada tanah seluas 30 ekar yang telah dijual yang sepatutnya dibangunkan semula untuk kos rumah murah atau pun di mana tanah ini sekarang mempunyai sehingga 200 hingga 300 IKS. Akan tetapi disebabkan tanah ini telah dijual mereka tidak ada tempat lain untuk pergi.

Saya ingin mencadangkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sekiranya tanah ini belum lagi dibangunkan maka tanah ini mestilah dibeli balik dan dibangunkan semula IKS-IKS di dalam tempat ini supaya perkara-perkara yang... sila.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa. Minta maaf, Yang Berhormat Setiawangsa punya bom memang laju sudah jalan banyak jauh.

Saya muh u mcelah minta penjelasan sedikit daripada – dia naik jetlah. Muu minta pandangan sedikit tadi ada tertarik mengenai cukai pintu. Cukai pintu memang kita pun lihat juga. Bandar raya sudah 20 tahun tidak naikkan cukai pintu. *[Disampuk]* Tidak kiralah 20 atau 21 tahun. *[Ketawa]* Memang kita faham cukai mustahak untuk rancangan pembangunan itu semua tetapi golongan rakyat atau pun komuniti kita tidak mengira kaum. Sepatutnya apabila kita hendak naikkan janganlah naik sekali 100% atau 200%. Naiklah tengok keadaan ekonomi macam mana. Bagilah naik sedikit. Kasihlah rakyat buat *adjustment* dahulu. Jangan hari ini Menteri tiada. Menteri sangat sibuk, tidak ada. Diharap Timbalan Menteri tolong sampaikan kepada Menteri bahawa kita setuju, dia boleh naik tetapi naik jangan sekaligus naik. Selangor pun selalu naik.

Yang Berhormat Seputeh dalam masa itu dia pun naik. Dahulu orang bayar RM2,000 tetapi sekarang orang bayar RM5,000 lebih. Dia naik perlahan-lahan. Dia naik senyap-senyap. Jadi kita sepatutnya naik ikut ekonomi. Jangan satu kali kita terus, rakyat belum *adjust* kewangan dia kita terus naik 200% atau pun 100%. Setuju atau tidak Yang Berhormat Setiawangsa?

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Saya tiada lain kecuali bersetuju penuh dengan Yang Berhormat Bintulu. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi, kegagalan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menaikkan sebanyak empat kali cukai pintu ini bermula daripada tahun 1992 tidak bermakna Dewan Bandaraya Kuala Lumpur boleh menaikkan secara sekali dan pukal terus kepada rakyat kota dan terus membebankan rakyat kota.

Tuan Pengerusi, saya ingin meneruskan Butiran 030000 tadi mengenai tempat-tempat dan bantuan yang ingin diberi kepada rakyat miskin dan miskin tegar. Sekali lagi saya ingin mengatakan

bahawa apakah bentuk bantuan dan ruang yang disediakan kepada golongan ini. Saya ingin menekankan sekali lagi tanah-tanah bandar raya terutama sekali di kawasan saya yang masih belum dibangunkan dan telah dijual, di mana ada mempunyai IKS sebanyak 200 hingga 300 IKS itu mesti dipertahankan. Tanah itu sekiranya telah dijual mestilah dibeli balik untuk membuat balik IKS ini selaras dengan objektif dan strategi Kementerian Wilayah Persekutuan.

Ketiga, Butiran 080300 – Putrajaya International Convention Centre (PICC). Tuan Pengerusi, PICC ini telah siap pada tahun 2003 di mana ianya telah pun berusia 10 tahun. *Event* pertama yang telah diadakan di situ ialah OIC Meeting yang diadakan pada tahun 2003. Saya ingin meminta penjelasan daripada Kementerian Wilayah Persekutuan, RM70 juta yang diperuntukkan di PICC ini adakah ia bagi maksud penyelenggaraan atau pembelian PICC itu? Atau pun sekarang tuan punya milik PICC itu telah jatuh ke tangan Kementerian Wilayah Persekutuan? Persoalan saya sekiranya RM70 juta itu diperlukan adakah ianya berbentuk renovasi dalaman atau pun penambahan kepada bangunan asal ini? Persoalan kedua saya mengenai PICC ini, adakah PICC ini sekarang telah boleh berdiri di atas kaki sendiri dengan kutipan-kutipan *event* yang dilakukan di tempat tersebut atau pun ianya masih memerlukan bantuan kerajaan untuk PICC ini terus berfungsi?

Akhir sekali saya ingin merujuk kepada dasar baru Butiran 94000 – NKEA, di mana sebanyak RM6.26 bilion telah diletakkan kepada NKEA iaitu *National Key Economic Areas*. Untuk NKEA ini Tuan Pengerusi, untuk Greater Kuala Lumpur atau Klang Valley ini ianya dijayakan melalui sembilan EPPs iaitu *Entry Point Projects* yang mana sekiranya ianya berjaya maka pada tahun 2020 sebanyak 300,000 pekerjaan akan diwujudkan di Kuala Lumpur dan Klang Valley ini. Akan tetapi sembilan *entry point* ini saya hanya berminat kepada empat sahaja yang mana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Kementerian Wilayah Persekutuan terlibat secara langsung iaitu *attracting hundred of the world most dynamic firm with priority sectors* di mana ianya dilakukan oleh InvestKL sebanyak RM10 juta diperuntukkan di bawah Butiran 090100.

Keduanya, Greener Kuala Lumpur *aims to increase greenery by planting 100,000 large coverage* di mana RM1 juta diperuntukkan – Butiran 090300. Ketiga, *Creating Iconic Places and Attraction* – Butiran 090400 di mana RM500,000 diperuntukkan. Akhir sekali *Creating a Comprehensive Pedestrian Mall* di mana sebanyak RM1 juta diperuntukkan. Butiran 090500.

Saya ingin menanyakan Kementerian Wilayah Persekutuan sehingga kini apakah status kepada perkara-perkara ini terutamanya *attracting 100 of the world most dynamic firm* di mana RM100 juta akan diperuntukkan. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lembah Pantai.

**11.57 pg.**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi di atas peluang untuk saya turut serta dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa Maksud Bekalan 32 – Kementerian Wilayah Persekutuan.

Saya terus kepada butiran Tuan Penggerusi. Butiran 010000 di bawah Pengurusan Kemajuan dan Pembangunan Wilayah Persekutuan. Butiran 010500 – Pengurusan dan Pembangunan Komuniti dan tentunya Butiran 050100. Saya ingin membangkitkan sehingga kini walau pun kami diminta untuk membahaskan di peringkat Jawatankuasa Kementerian Wilayah Persekutuan, Laporan Tahunan DBKL 2012 masih lagi tidak dibentangkan kepada Ahli-ahli Parlimen. Ini penting Tuan Penggerusi kerana cukai pintu kemungkinan naik. Jadi bila tidak ada penjelasan, tidak ada keterbukaan daripada peringkat Datuk Bandar Kuala Lumpur makanya sukar untuk kami menerima segala bebanan tambahan.

Isu Butiran 010500, isu pertama yang saya pergi, Program Penyediaan Unit Kediaman Mampu Milik dan Penyelenggaraan Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat. Sehingga kini 76,000 lebih unit rumah, ada yang terdiri daripada Perumahan Awam sebanyak 31,000 unit lebih dan Perumahan Rakyat PPR sebanyak 32,000 dan perumahan jual sebanyak 12,525 unit. Persoalan saya kepada pihak Menteri berapakah unit PA dan PPR yang ditawarkan kepada penyewa sedia ada untuk dijual? Dan SPWP iaitu Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan yang milikan penuh Yayasan Wilayah Persekutuan telah ditubuhkan sebenarnya untuk tawaran pinjaman dan pembelian skim ini. Adakah Yayasan Wilayah Persekutuan masih diberikan tanggungjawab untuk skim memandangkan portfolio Menteri sudah berubah? Apakah perkembangan terbarunya kerana daripada rungutan dan aduan yang saya terima, pihak Yayasan Wilayah Persekutuan tidak menawarkan pinjaman untuk skim yang sekaligus menyukarkan pembeli untuk menerima tawaran pembelian yang dibuat satu ketika dahulu?

Dalam Belanjawan 2013, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga ada dinyatakan peruntukan mengurus sebanyak RM115.9 juta disediakan bertujuan membaiki dan menyelenggara rumah-rumah pangsa melibatkan kerja awam, elektrik, mekanikal, kerja lif dan kontrak pembersihan. Malangnya bagi perumahan-perumahan yang tidak berada di bawah seliaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur terus misalan Apartment Putra Ria. Kadang kala penyelesaian untuk masalah kerosakan lif, bekalan air yang terputus itu sangat lama, membebankan warga penduduk.

#### ■1200

Apakah penyelesaian yang akan DBKL tawarkan ataupun pihak kementerian tawarkan bagi kawasan-kawasan yang di bawah seliaan JMB tetapi tidak proaktif. Saya sedia maklum bahawa Datuk Bandar DBKL sehingga 31 Oktober 2013 meminjamkan sebanyak RM451 juta kegunaan membayar tunggakan bagi pihak SYABAS. Akan tetapi apakah mekanisme dan cara lain dalam kes-kes seperti ini yang dapat diguna pakai untuk diatasi agar bekalan air tidak terputus dan lif dapat disenggara dengan baik. Persoalan saya bangkitkan kerana DBKL harus ada mekanisme pantauan yang baik dan juga kerjasama dengan *commissioner of building* dengan izin walaupun berada di bawah Kementerian Perumahan. Ini kerana akhirnya penduduk yang akan menerima bahana tanpa tindakan selanjutnya.

Kedua Tuan Penggerusi, saya juga minta bagi projek-projek yang sedang dilaksanakan di Lembah Pantai. Pertama diumumkan projek yang sedang dijalankan membina satu perpustakaan

di padang Projek Perumahan Rakyat Kerinchi. Bilakah akan siap? Apakah kos projek yang disebut untuk perpustakaan tersebut? Saya juga minta pihak Menteri menyatakan perkembangan program atau Projek Greater KL *River of Life* yang pada asasnya di kawasan Brickfields. Saya bangkitkan satu projek kemudahan rekreasi, pembangunan Taman Rekreasi Bukit Kerinchi yang telah dipapar dalam Laporan Ketua Audit Negara 2012. Projek ini dilancarkan oleh mantan Menteri Wilayah dan ditegur oleh Ketua Audit Negara. Dilihat sebagai pelaksanaan projek yang hanya diguna pakai atau dibuat untuk meraih undi politik. Lokasinya Tuan Pengerusi terletak di kawasan yang terpencil bersebelahan dengan tanah perkuburan ditambah pula laluan masuk yang amat kecil. Dalam masa yang sama laluan masuk itu juga di bawah satu lagi projek di bawah tanah DBKL.

Maka persoalan saya apakah sebenarnya pertimbangan pihak DBKL sewaktu mengenal pasti lokasi ini untuk dibangunkan sebuah taman? Apakah tindakan untuk memastikan tidak ada lagi dana yang terbazir. Dalam Bajet DBKL 2013 juga ada beberapa peruntukan yang diberikan menerusi Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi pembangunan Taman Botani, Taman Rekreasi Bukit Kerinchi menaik taraf kemudahan bagi golongan OKU di taman awam dan Program Lanskap serta penanaman pokok bagi pembangunan semula Kampung Baru. Sejauh mana DBKL memperhalusi kemudahan bagi golongan OKU khusus di taman-taman awam agar lebih mesra, mudah buat mereka beriadah dan sebagainya. Saya ingin bangkitkan kawasan rekreasi juga tidak diselia dan disenggarakan dengan baik sehingga tandas awam yang disediakan amat kotor. Bagaimanakah pantauan DBKL terhadap kontraktor yang dilantik dalam penyenggaraan ini?

Oleh kerana semua ini Tuan Pengerusi berkait dengan kenaikan nilai semula taksiran. Apakah bentuk perkhidmatan yang diberikan oleh DBKL yang memberikan justifikasi kepada kenaikan nilai semula ataupun kenaikan cukai pintu? Bila tidak ada justifikasi maka timbulah kemarahan rakyat di Kuala Lumpur. Saya hendak rujuk saya fikir di kala ini saya tidak boleh salahkan Menteri kerana Menteri nampak memberi ruang untuk perbincangan kepada pihak kami. Apa yang saya salahkan bila masa tidak ada koordinasi antara pihak Menteri dan juga pihak Datuk Bandar. Kenapa dalam ucapan Belanjawan DBKL 2013 dari Datuk Bandar, saya rujuk peningkatan jumlah pendapatan sebanyak RM511 juta kepada RM1.69 bilion daripada tahun 2011.

Dengan bangganya prestasi hasil dijangka meningkat pada tahun kewangan 2012. Cukai taksiran bagi tahun 2012 berjumlah RM880.5 juta. Hasil utama bagi DBKL ia menyumbang sebanyak 54.2% daripada keseluruhan hasil Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur. Jumlah ini juga meningkat sebanyak 8.6% kesan daripada pertambahan bilangan akaun pembayar cukai taksiran melalui pembangunan harta tanah di Kuala Lumpur.

Jadi kenapa tiba-tiba apabila terdahulunya DBKL berjaya berhadapan dengan pelbagai cabaran mengutip RM100 juta bagi hasil-hasil yang tertunggak. Saya juga perlu puji mantan Datuk Bandar yang terdahulu Tan Sri Ahmad Fuad Ismail kerana kerja mengutip tunggakan cukai taksiran sehingga menaikkan hasil DBKL. Akan tetapi tiba-tiba secara serangan hendap dalam pertemuan dengan Ahli-ahli Parlimen Kuala Lumpur, Datuk Bandar tidak menyebut sekali pun tentang

kenaikan cukai taksiran. Tiba-tiba diberikan tidak sampai dua bulan menjelang 17 Disember adalah tarikh akhir bagi semua penduduk di Kuala Lumpur untuk menghantarkan surat bantahan jikalau mereka tidak bersetuju dengan penilaian tersebut. Akan tetapi undang-undang sudah pun digazetkan Tuan Pengerusi. Jadi kita sekarang ini seolah-olah berada di dalam keadaan *we have to bet for mercy*, dengan izin.

Jadi saya pohon pihak Menteri agar dapat memberi sedikit bantuan dan mendengar keluhan warga Kuala Lumpur. Apa yang penting kami laksanakan tugas kami berjumpa dengan penduduk setiap hari agar mereka mengikuti prosedur untuk menghantar surat protes bantahan kepada DBKL. Akan tetapi jangan lupa tanggungjawab bagi Datuk Bandar adalah mendengar setiap satu bantahan dan memanggil warga-warga yang menghantar dan tidak bersetuju dengan taksiran ini. Supaya dalam satu proses pendengaran *hearing session*. Jadi saya tidak mahu agar pihak Datuk Bandar menyalahgunakan kuasa yang ada...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Mencelah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Segambut.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Sedikit boleh Tuan Pengerusi? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Sila Yang Berhormat Segambut jangan panjang ya.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Setuju tidak saya kalau saya cadangkan pihak DBKL membuka kaunter di semua kawasan Parlimen masing-masing untuk menerima surat bantahan taksiran menaikkan cukai pintu.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Yang Berhormat Segambut. Tuan Pengerusi sebenarnya itulah kesimpulan dan janji yang diberikan oleh Datuk Bandar. Beliau bersetuju dalam pertemuan kita pada minggu lepas hanya kadang kala saya tidak melihat kenyataan ini dibuat. Saya juga harap pihak Menteri dapat meyakinkan Datuk Bandar jangan bila kita kata kalau orang Kuala Lumpur marah, orang yang duduk di kondo rakyat nilaiannya sekarang sudah RM4,000. Ini kos rendah. Jadi kalau diberi cukai 6% kalau ramai merasakan tidak ada langsung keterbukaan Datuk Bandar cakap lain tahun lepas, tahun ini belanjawan cakap lain pula maka mereka tidak mahu bayar. Jawapan Datuk Bandar jangan bayar kita saman. Kita saman semua yang tidak hendak bayar.

Pada saya jangan ini bukanlah sikap angkuh yang kita mahukan dalam ruang yang diberikan dalam Dewan ini saya pinta sangat Menteri. Saya nampak Timbalan Menteri pun memang setakat ini kami amat agak bangga dengan prestasi *keep it up* dengan izin. Kita mahu supaya sekarang jangan laksana tidak cukup dengan diskaun. Kalau-lah hendak diambil kira penyelesaian atau nanti hendak bagi diskaun. Pada saya dalam jangka masa panjang bila 21 tahun DBKL tidak menilai semula nilai taksiran di bangunan-bangunan di Kuala Lumpur maka

harus dilakukan secara berperingkat. Bila sudah ada kesalahan di pihak PBT dahulu ada juga DBKL juga memberi khidmat bagi pembetungan sekarang diswastakan di bawah Indah Water Konsortium. Sama juga dengan pengutipan sampah di bawah Alam Flora. Jadi bagi tahu saya sebagai salah seorang yang menetap di Kuala Lumpur di manakah perkembangan pembaikpulihan perkhidmatan yang lebih baik kualitinya jauh daripada dahulu.

Jadi saya pohon kalau ini tidak dapat dibuktikan maka tidak ada justifikasi, tidak boleh diterima pakai dan saya pinta kalau boleh Datuk Bandar mendengarlah, mendengar. Nampak Menteri elok Datuk Bandar kena ikut rentak kerana akhirnya kami Ahli-ahli Parlimen bukan sahaja di Pakatan. Tuan Pengurus kena tahu kali pertama ini Ahli Parlimen Barisan Nasional dan juga Pakatan bukan kali pertamalah jarang-jarang sekali berlakulah, kan? Bersetuju dengan penolakan cukai yang mendadak sebegini. Saya mohon terima kasih.

**Tuan Pengurus [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya terima kasih. Yang Berhormat Titiwangsa.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Bagilah Wilayah punya orang cakap dahulu.

**Tuan Pengurus [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila Yang Berhormat Titiwangsa.

#### 12.09 tgh.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Terima kasih Tuan Pengurus. Saya ingin merujuk kepada B.32 Butiran 050000 iaitu Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur. Saya ingin mohon kepada pihak kementerian sama ada peruntukan yang diperuntukkan kepada pihak DBKL RM76 juta ini, adakah ianya melibatkan peruntukan untuk menyelenggara rumah-rumah PPR dan perumahan awam? Juga untuk menurap semua jalan-jalan di kawasan-kawasan di sekitar Kuala Lumpur? Kalau benar boleh tidak kita dapat perancangan terperinci dari segi jenis kerja-kerja yang hendak dilakukan dengan menggunakan RM76 juta ini.

#### ■1210

Yang kedua, saya ingin mohon pihak kementerian untuk memberi penerangan terperinci mengenai B.32 – *InvestKL*, 080100 iaitu terdapat satu perbelanjaan *one-off* dasar baru RM10 juta. Saya ingin tahu dalam *InvestKL* ini, apakah bentuk insentif atau program yang ingin dijalankan oleh pihak kementerian untuk menarik syarikat-syarikat MSC ini datang ke Kuala Lumpur? B.32 Butiran 080400. Saya lihat ada satu pembayaran *one-off* juga di mana tahun lepas tidak ada, tahun ini ada sebanyak RM18.4 juta. Ini adalah pembayaran tapak pelupusan sisa pepejal Bukit Tagar.

Boleh tak saya tahu sama ada adakah pembayaran yuran *tipping* untuk sisa pepejal ini adalah tambahan daripada apa yang telah dibayar oleh pihak DBKL sewaktu mengendalikan sisa pepejal di sekitar Kuala Lumpur ini? Kalau ya, saya nak tahu jumlah bayaran yang dibuat kepada syarikat yang mengendalikan pelupusan sisa pepejal ini di Bukit Tagar dan syarikat mana yang

mengendalikan tapak pelupusan ini dan adakah tapak pelupusan ini mempunyai keluasan yang masih cukup untuk menampung kehendak ataupun keperluan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Butiran seterusnya ialah 090200 – Greater KL, *Klang Valley river of life* sebanyak RM24 juta. Saya ingin tahu di manakah projek *river of life* sebanyak RM24 juta ini hendak dikendalikan sama ada di sekitar sepanjang Sungai Klang ataupun Sungai Gombak dan kalau di Sungai Klang atau Sungai Klang, di kawasan manakah RM24 juta ini akan diperuntukkan untuk menjalankan kerja-kerja *river of life* ini? Kemudian, saya juga ingin menyentuh P.32 Butiran 09000 sebanyak RM37 juta untuk Program Pembangunan Semula Kampung Baru. Saya ingin tahu bahawa ini adalah merupakan *rolling plan* yang telah dibuat oleh pihak kementerian. Saya ingin tahu berapa banyakkah dan bilakah pembangunan Pasar Raja Bot atau Chow Kit ini akan selesai dan siap? Berapakah jumlah penjaja yang terlibat dalam pemindahan ini? Model yang digunakan oleh pihak kementerian dalam membangunkan Pasar Raja Bot ini ialah dengan membuat pembinaan secara *in situ*. Jadi saya nak tahu adakah kementerian berdepan dengan masalah untuk memindahkan penjaja-penjaja dalam kawasan yang sama untuk kita membangunkan Pasar Raja Bot ini?

Seterusnya, boleh tak saya tahu daripada kementerian berapakah lot perniagaan yang akan dibina dalam projek pembangunan Pasar Raja Bot ini kerana saya difahamkan banyak lagi penjaja-penjaja di sekitar kawasan ini yang masih tidak dapat tempat. Jadi kalau ada kelebihan daripada unit-unit yang dibangunkan di Pasar Raja Bot ini, mereka bolehlah ditempatkan di kawasan ini. Seterusnya saya juga ingin menyentuh daripada segi soal pembangunan Kampung Baru. Saya ingin tahu daripada pihak kementerian, setakat hari ini selepas penubuhan Perbadanan Kampung Baru, berapakah permohonan yang telah diterima oleh pihak perbadanan mengenai tanah-tanah milik individu yang hendak dibangunkan di kawasan Kampung Baru ini dan akhir sekali, saya terpaksa menyentuh soal *assessment* ini.

Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Setiawangsa dan juga Yang Berhormat Lembah Pantai bahawa *assessment* ini yang telah dikenakan oleh pihak DBKL terlalu tinggi. Jadi saya mohon kepada pihak DBKL walaupun daripada segi prosedur dia bahawa setiap pemilik premis kena menulis surat tetapi saya mohon kepada pihak kementerian mempertimbangkan kepada kawasan-kawasan kos rendah dan sederhana. Sebahagian daripada mereka ini adalah bukan orang-orang yang *educated* atau berpelajaran. Maka bolehkah protes ini dikendalikan oleh persatuan ataupun JMB setempat supaya dia mengelakkan setiap daripada unit ini terpaksa menulis surat dan juga memudahkan mereka untuk berurus dengan pihak DBKL.

Akhir sekali, saya juga ingin menyentuh soal baru-baru ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Menteri Wilayah kerana telah meluluskan satu pam baru kepada penduduk Kampung Baru sebanyak RM3.5 juta di mana permohonan ini telah dibuat kepada Jabatan Perparitan dan Saliran tetapi malangnya setiap kali banjir kita mohon pam ini tidak diluluskan oleh Jabatan Perparitan dan Saliran atas alasan tidak mempunyai bajet sebanyak RM3.5 juta. Saya rasa cukup malu pada ketika itu melihat alasan yang diberi adalah kerana tak ada duit untuk beli pam RM3.5 juta untuk Kampung Baru. Setiap kali hujan, banjir, inilah kawasan di tengah-

tengah Bandaraya Kuala Lumpur yang merana akibat banjir tapi *alhamdulillah* menteri telah bersetuju untuk meluluskan RM3.5 juta ini. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Menteri. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Segambut.

#### 12.16 tgh.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada lebih kurang lima isu. Pertama, saya menyokong cadangan daripada Yang Berhormat Setiawangsa dan Yang Berhormat Lembah Pantai bahwasanya kenaikan cukai pintu oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur patutnya ditangguhkan. Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Bekalan 32 Butiran 050000 dan juga 040000. Untuk makluman Dewan ini, di Kuala Lumpur populasi lebih kurang 3 juta dan populasi di Putrajaya lebih kurang 70,000 tetapi anggaran perbelanjaan diberi kepada Kuala Lumpur adalah kurang, rendah berbanding dengan Putrajaya. Saya nak tanya kepada Menteri Wilayah Persekutuan, mengapa begitu? Mengapa pilih kasih? Yang ramai terima lebih kurang daripada yang lebih rendah.

**Seorang Ahli:** Dia punya kawasan ya?

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya, dia punya kawasan. Pilih kasih. Ya, ini soalan pertama saya. Mengapa populasi 3 juta tetapi menerima perbelanjaan yang lebih kurang daripada populasi yang hanya lebih kurang 70,000. Mengenai kenaikan taksiran cukai pintu yang baru-baru ini dicadangkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Sekiranya DBKL masih degil untuk meneruskan kenaikan cukai pintu ini, sekiranya begitu, saya cadangkan pihak Menteri Wilayah Persekutuan juga menaikkan cukai pintu di Putrajaya. Jangan hanya Kuala Lumpur sahaja, Putrajaya juga dilaksanakan kenaikan cukai pintu, ini untuk *fairness, fair to all*. Jangan pilih kasih. Lagi satu, isu yang ketiga.

Baru-baru ini kita baca dalam surat khabar ada kenyataan media yang diisu oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dan juga pegawainya bercanggah. Dalam *The Star*, Datuk Bandar telah menyatakan bahawa kenaikan cukai pintu di Kuala Lumpur pasti dilaksanakan mulai Januari tahun depan, dia kata *will be implemented* dalam *The Star* tapi dalam *New Straits Times* hari yang sama, *New Straits Times* kata dan dia merujuk kepada seorang pegawai DBKL. Dia kata kenaikan cukai pintu tidak akan dilaksanakan pada penggal pertama iaitu pada bulan Januari sehingga bulan Jun, tidak akan dilaksanakan. Pegawai itu menurut *NST* berkata kenaikan cukai pintu hanya akan dilaksanakan selepas bulan Jun.

Jadi soalan saya kepada Menteri Wilayah Persekutuan, tolong memberi satu penjelasan yang tepat bila masa akan menaikkan cukai pintu pada Januari kah atau bulan Julai kah atau tidak akan melaksanakan? Saya juga merujuk kepada Butiran 090300 iaitu *Greener KL*. Saya percaya semua Ahli Dewan ini, kita semua menerima baik, kita semua menyokong Ibu Kota Kuala Lumpur mencapai satu taraf *greener KL*.

■1220

Akan tetapi untuk makluman Dewan ini, terdapat satu bukit di kawasan saya, di kawasan Parlimen Segambut iaitu namanya Bukit Kiara. Saya rasa ada ramai Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri pun rumah di sana. Ini Bukit Kiara tiap-tiap hari pokok ditebang, tiap-tiap hari ada jentera berat masuk ke hutan ini, buat projek ini, buat projek itu. Pagar keluli, besi dinaikkan walaupun semua warga Kuala Lumpur bantah tapi masih kerajaan meneruskan projek. Projek membunuh, projek merogol hutan Bukit Kiara ini. *[Menyampuk]* Ya, rogol. Yes, yes. Rogol ya. *[Dewan riuh]* Jadi, jadi isu saya, saya minta Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini Yang Berhormat Menteri mahu jawab pun susah ini.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Menghentikan, menghentikan apa-apa projek pembangunan di Bukit Kiara ini dengan serta-merta. Ini isu saya. Lagi, isu yang terakhir saya, minggu yang lepas Ahli-ahli Parlimen Wilayah Persekutuan telah bertemu dengan Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan bersama dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur. Bila kita *[Menyampuk]* bila kami meminta satu naskhah *draft plan* Bandaraya Kuala Lumpur tahun 2020 yang telah dipinda, yang telah dipinda. Kita kata kita hendak satu *copy amended draft* sebelum ia digazetkan. Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan dia kata okey, boleh. Kita boleh diberikan satu sekiranya Ahli-ahli Dewan di Wilayah Persekutuan menandatangani satu surat perjanjian di bawah Akta Rahsia Rasmi. Ini seolah-olahnya mengugut. Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan kata kita mesti *sign*, *sign* ini OSA *pledge* sebelum kita boleh diberikan satu *copy amended draft* Kuala Lumpur 2020. Adakah ini adil? Ini adalah satu tindakan yang menghina Ahli-ahli Dewan. Betul tidak? *[Tepuk]* Ya...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Segambut.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Yang Berhormat Batu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Batu, sila.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya hendak dapatkan pandangan daripada Yang Berhormat Segambut, sama ada setuju atau tidak bila kita memperoleh satu *copy document* atau *draft plan* ini, sebenarnya bukan kami yang baca. Kita baca bagi pihak pengundi pengundi kami dan juga kita terpaksa rujuk kepada persatuan penduduk dan ramai lagi persatuan-persatuan mewakili kepentingan orang ramai supaya dapat kita semak sama ada *draft plan* ini mengikut kepentingan warga kota. Setuju atau tidak?

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya saya memang setuju. Kita minta satu naskhah *copy draft plan* itu bukan untuk jual kepada surat khabar lama. Kita hendak untuk kepentingan warga kota.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Seputeh bangun, ya Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya terima kasih. Sebenarnya kami dijanji pada hari Isnin, pegawai DBKL akan bawa semua *draft plan* itu kepada kami untuk diterima oleh kami. Sampai sekarang kami pun tidak terima lagi. Apa ini? Kami sudah diberi dua bulan, dua bulan untuk mengkaji semula tetapi semua ini janji tetapi tidak dijalankan.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya betul. Untuk makluman Dewan ini, syarat yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan ialah sekiranya kita *sign*, kita menandatangani surat perjanjian di bawah Akta Rahsia Rasmi baru kita boleh terima satu *copy amended draft DBKL 2020*. Jadi saya minta sokongan daripada semua Ahli-ahli Dewan, supaya kita semua bukan hanya Ahli-ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan. Oleh sebab saya rasa separuh daripada Dewan ini mempunyai rumah di Kuala Lumpur. Kita minta diberikan satu naskhah *amended draft Kuala Lumpur 2020* di meja kita mulai esok. Itu permintaan saya. Sekian sahaja, terima kasih. *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Labuan.

#### 12.24 tgh.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Kita keluar sekejap daripada Kuala Lumpur. Saya terus kepada Labuan. Merujuk kepada maksud Bekalan 32, Butiran 030100, maksud Pembangunan 32 Butiran 0500. Saya lihat bajet yang diperuntukkan walaupun saya tidak nampak perbandingan yang pada tahun lepas, tetapi daripada *figure* itu dengan izin memang amat rendah. Bukan ini sahaja yang rendah, tetapi sebenarnya keseluruhan bajet atau peruntukkan yang diberikan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan adalah tidak cukup dan rendah. Ini disebabkan Labuan sahaja pun masih banyak, masih banyak keperluan yang perlu diberikan. Daripada bajet yang lain saya lihat 0200 - jalan-jalan dan jambatan-jambatan pun cuma diperuntukkan cuma RM82.9 juta sahaja. Jadi yang besarnya adalah, yang agak lebih besar adalah di 94000 – NKEA iaitu RM1 bilion lebih kurang.

Di Labuan Tuan Pengerusi, kita masih yang lain daripada Kuala Lumpur ia adalah sebuah kawasan Wilayah Persekutuan yang mempunyai sebuah bandar bersaiz sederhana, kita juga mempunyai sebuah *airport*, sebuah pelabuhan, dan masih banyak kawasan yang boleh dikategorikan sebagai kawasan perkampungan. Baru-baru ini seorang pemimpin negara yang melawat Labuan ada mengatakan yang Labuan adalah di antara penyumbang besar kepada negara di mana setiap tahun Labuan menyumbangkan lebih kurang RM1 bilion, yang mana ia juga telah menjadikan Labuan di antara yang tertinggi pernah mencapai, kalau tidak *maintain* tetapi pernah mencapai tahun lepas atau pun dua tahun lepas yang kedua tertinggi selepas Kuala Lumpur KDNK per kapita.

Dan di Labuan kita sudah merasakan trafik jam yang dahulunya memang agak asing bagi Labuan. Ini adalah disebabkan bandar Labuan itu adalah terletak di satu tanjung. Jadi apabila kenderaan-kenderaan datang ke pusat bandar, maka ia akan keluar juga melalui satu sahaja *exit*,

keluar. Jadi dengan itu walaupun jalan raya ini mungkin sepatutnya peruntukan datang daripada kementerian lain seperti KKR, tetapi daripada perbincangan saya dengan kementerian lain, pembangunan-pembangunan di Labuan ini dikatakan sepatutnya, kebanyakannya *mainly* dengan izin, akan dilihat oleh Kementerian Wilayah Persekutuan daripada segi peruntukan. Jadi keperluan untuk pertambahan jalan itu amat memerlukan. Satu untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas pada masa puncak dan juga untuk membolehkan jalan-jalan lain dibuat, untuk membolehkan kawasan-kawasan perindustrian baru diadakan di mana pada masa ini kawasan perindustrian di Labuan adalah *shortage* dengan izin, sehinggalah menjadi kemarahan kepada ramai, banyak syarikat yang mendapat kontrak *oil and gas* yang datang ke Labuan tidak mempunyai kawasan-kawasan untuk mereka mengadakan *workshop* atau pun *fabrication yard, storage yard* dengan izin.

**■1230**

Sehinggalah juga menyebabkan mereka walaupun tidak dibenarkan mula membuka kawasan-kawasan perindustrian di kawasan kampung-kampung walaupun tidak diberi *license*.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Putatan bangun Yang Berhormat Labuan.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Silakan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Memang kita sudah pakat dengan Yang Berhormat Labuan tadi memberi laluan. Yang Berhormat Labuan menyentuh soal kesesakan jalan di Labuan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Labuan, bahawa kereta-kereta yang memberi kesesakan di Labuan itu kereta dari mana? Jadi saya pasti kebanyakan kereta-kereta di Labuan itu berasal dari tanah yang besar, dari Kota Kinabalu, Brunei, Sipitang, Beaufort, Keningau, Sandakan. Kebanyakannya kereta dari *mainland*. Jadi, adakah Yang Berhormat yang mengenai Butiran 091000 - Diskaun Tambang Feri Penumpang dan Kenderaan Komersial atau PL yang mana membantu harga-harga barang di Labuan. Di mana kerajaan telah pun membelanjakan begitu besar sekali untuk memberi diskau. Tidak pasti diskau atau subsidi. Istilah diskau ini ada sedikit kekeliruan.

Apa yang saya faham, kerajaan memberi subsidi 50% kepada pengoperasi feri-feri ini. Ia juga membantu pihak operator feri dua feri di Labuan itu, *two RORO ferry* dan satu yang dioperasi Kimanis 1 oleh Juta Bonus Sdn. Bhd. yang mana juga mendapat subsidi daripada Kerajaan Pusat. Kenyataan daripada mantan Menteri dahulu pada bulan Januari yang menyatakan lebih baik kerajaan membelanjakan pembinaan jambatan dari Labuan ke Menumbok *rather than giving subsidy after subsidy for long run. I think kerajaan is going to loose*. Jadi bagaimana pendapat Yang Berhormat Labuan soal cadangan Yang Berhormat Menteri itu membina jambatan ini?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Labuan boleh gulung.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Labuan banyak lagi ini Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebab benarkan Yang Berhormat Putatan.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** *[Ketawa]* Memanglah ini antara item yang akan disentuh iaitu diskaun tambang feri. Saya jawab bahagian ini dahululah. Diskaun tambang feri...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak payah jawab.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Tidak payah jawab?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jadikan sebahagian daripada ucapan Yang Berhormat Labuan.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Okey, masukkan dalam ucapan saya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Biar Yang Berhormat Menteri jawab.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Jadi sebenarnya, bajet itu adalah terlalu rendah. Saya harap Kementerian Kewangan, Kerajaan Persekutuan akan melihat balik keperluan Kementerian Wilayah ini walaupun mungkin selama ini mereka merasakan tidak mempunyai keperluan yang begitu mendesak. Akan tetapi sebenarnya *alhamdulillah*, Labuan sekarang ini telah mengalami pembangunan yang pesat *booming*, dengan izin. Kita pun tidak tahu kenapa, tetapi ia memang satu rahmat. Boleh jadi ia disebabkan oleh penekanan daripada segi NKEA *oil and gas* daripada segi strategi di peringkat nasional yang membuatkan Labuan sebagai sebuah pusat hab minyak dan gas terus membangun.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Labuan, sekali lagi, berkenaan Labuan. Saya ingin meminta penjelasan sedikit.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Nanti, nanti.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebenarnya, masa Yang Berhormat Labuan pun sudah habis.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Masa pun sudah hendak habis.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Putatan, tunggu giliran berucap ya.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Maaf Yang Berhormat Putatan. Nanti kita cerita di luar sahaja.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tidak. Ini membantu Yang Berhormat Labuan, membantu.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Tidak apa. Di luar sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Labuan, saya bagi satu minit extra.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Lima minit.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** 1 minit sahaja.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Sebab Kementerian Wilayahlah satu-satunya kementerian yang kita mengharapkan Tuan Pengerusi. Saya teruskan kepada yang lain-lain iaitu

yang lebih spesifik. Di Labuan, ada benda yang memang amat mendesak yang perlu diberi perhatian daripada segi bajet iaitu di kawasan perindustrian yang saya perkatakan tadi, ada sebuah kampung yang asalnya adalah kampung air, masih kampung air yang telah tersepit di antara pembangunan swasta. Kampung ini bernama Kampung Rancha-Rancha Laut disebabkan airnya sudah tidak berapa masuk dan keluar, air pasang itu dan ia sudah menjadi kawasan yang begitu bahaya, sudah dialami mereka yang mana letusan kapal baru-baru berlaku dua tahun lepas menyebabkan banyak cermin di rumah mereka pecah.

Jadi, program memindah atau penempatan baru penduduk Kampung Rancha-Rancha ini perlu dilaksanakan sesegera yang boleh. Kalau boleh, kita mulakan perundingan dan sebagainya pada tahun hadapan. Ini akan memakan belanja yang besar disebabkan mereka ini adalah nelayan yang tinggal di kampung atas air dan setelah saya membuat *survey* sedikit-sedikit, mereka juga ingin berpindah ke penempatan baru yang juga dalam situasi yang sama iaitu tinggal di kawasan yang berdekatan dengan pantai.

**Tuan Penggerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, isu berikutnya.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Isu berikutnya lagi adalah nelayan pantai Pulau Kuraman. Ada tiga buah pulau di Labuan yang telah dijadikan pulau Taman Laut dan mereka merasakan mereka perlu dibela dan saya lihat Kementerian Wilayah juga kena melihat isu ini.

Untuk Butiran 090600 - Pengajuran Sukan BIMP-EAGA Ke-8 (PL) yang akan diadakan pada tahun hadapan. Bajet RM2,276,700 juta itu, saya rasa adalah tidak cukup sebab tahun ini Labuan mempunyai satu pengalaman menjadi *host*, dengan izin kepada Sukan Borneo dan bajet yang diberikan sebanyak RM1.5 juta tidak cukup ditambah dengan kewangan dalaman RM700 ribu, RM2.2 juta. Jadi, itu baru Sukan Borneo yang melibatkan Sabah, Sarawak, Brunei dan Kalimantan dan BIMP-EAGA ini pula akan mempunyai skop yang jauh lebih besar melibatkan Philippines, Sulawesi dan kepulauan yang lain di Indonesia.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: [Bangun]**

**Tuan Penggerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Putatan. Tidak payahlah ganggu.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Jadi saya mengharapkan bajet akan ditambah.

**Tuan Penggerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Nanti Yang Berhormat Putatan boleh berbahas.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Untuk baik pulih sungai, saya lihat ini di antara bajet walaupun ia adalah untuk keseluruhan wilayah, tetapi saya rasa baik juga kalau diberi sedikit kepada Labuan yang mana sungai-sungainya perlu diberi bajet untuk memastikan banjir kilat tidak berlaku sewaktu hujan. Labuan baru-baru ini mengalami fenomena itu.

Yang Berhormat Putatan tadi ada sebut pasal jambatan. Jambatan ini sebenarnya kepada orang Labuan dengan izin, *it is no longer an option*. Ia mesti dibuat disebabkan semua nampak Labuan yang tengah berkembang pesat ini akan menjadi satu *game changer* yang akan

melonjakkan Labuan yang akan menjadikan Labuan seterusnya menjadi penyumbang besar kepada negara.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sudah habis masa.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Dalam masa yang sama Labuan ini sesak tadi bukan disebabkan kereta yang datang dari Sabah dan Sarawak, walaupun ada. Akan tetapi sebenarnya kereta di Labuan bertambah 4,000 buah setahun, *registration of vehicle*, dengan izin. Jadi, kalau pulau yang kecil ini, setengah size Pulau Pinang tidak mempunyai *channel* untuk *relief the pressure*, dengan izin, saya lihat berapa banyak jalan kita bina pun, ia akan juga masih berkitar di pulau itu. Jadi, saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia yang sudah melihat *possibility* untuk menjadikan jambatan itu realiti. Saya berharap ia akan dipercepatkan. Kalau tidak dapat dibina oleh kerajaan, mungkin 50/50 kerajaan dan swasta dan sebagainya.

#### ■1240

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah Yang Berhormat Labuan, cukup.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Yang penting *opportunity* semasa Labuan tengah, sedang bumi ini tidak terlepas.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah Yang Berhormat Labuan, cukup. Yang Berhormat Putatan, cukuplah. Lepas Yang Berhormat Labuan, saya bagi sebelah sini. Lepas ini saya bagi pada Yang Berhormat Putatan. Sabar. 10 minit saja Yang Berhormat Putatan. Yang Berhormat Labuan, saya minta Yang Berhormat Labuan berhentikan ya. Terima kasih. Saya minta Yang Berhormat Batu.

#### 12.40 tgh.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa perkara. Pertama sekali Butiran 010400 - Perancangan dan Pembangunan. Pertama sekali saya pernah bangkitkan isu *batching plant* YTL yang beroperasi di kawasan Sentul, kawasan Batu. Saya seperti yang saya maklum seorang wanita telah terbunuh dalam kemalangan oleh trak simen yang menggunakan jalan awam dan berdekatan dengan sekolah. Sehingga hari ini kita tidak dapat maklum balas, pihak YTL pun tidak pernah bertemu dengan keluarga si mangsa. Saya telah dimaklumkan oleh Jabatan Alam Sekitar bahawa *batching plant* dapat berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar. Mereka beroperasi atas permit yang diberi oleh pihak DBKL.

Saya ingin sekali lagi mendesak penjelasan dari pihak DBKL pendirian mereka kenapa satu operasi yang membahayakan orang awam boleh berterusan dan sehingga hari ini tidak ada tindakan. Kemudian saya juga masuk ke dalam Butiran 010500 - Pengurusan dan Pembangunan Komuniti. Kini kita sedang berhadapan dengan pembangunan yang pesat di kawasan bandar di mana rumah-rumah yang dulu sebagai komuniti kini telah di tafsir semula dan dianggap dari segi undang-undang sebagai setinggan. Di kawasan Batu, masih menghadapi banyak masalah begitu

kerana kampung-kampung yang secara tradisi diduduki oleh penduduk kini mereka menghadapi pengusiran oleh pemaju-pemaju.

Kes yang paling utama, paling besar sekali ialah Kampung Railway. Kini dengan bantuan Menteri Wilayah Persekutuan, adalah sedikit *progress*. Akan tetapi saya ingin juga dapat pandangan daripada kementerian, apakah rancangan-rancangan untuk kampung-kampung yang lain. Saya ambil contoh Kampung Ratna Pillay, Kampung Tanah Lapang. Kampung Ratna Pillay yang di tanah itu dijual kepada *City Group* yang kini hanya menawarkan beberapa ribu pampasan. Kampung Tanah Lapang kini belum tentu lagi apakah nasib mereka. Kita mendesak supaya Yang Berhormat Menteri ada satu penetapan SOP supaya semua kampung-kampung ini ditawarkan rumah kos rendah di kawasan yang akan dibina. Ini kerana kita tidak mahu komuniti ini dipecah dan dipindah keluar daripada kawasan yang mereka telah lama menduduki.

Seterusnya saya juga ingin dapat tahu apakah penjelasan di antara fungsi Tabung 1Malaysia dengan pihak DBKL. Sebelum 2010 hingga 2012, banyak projek membaiki semula termasuk cat semula kawasan PPR ini dibiayai oleh Tabung 1Malaysia. Kini didapati banyak bangunan ini, sungguhpun dicat semula tapi ada banyak lagi *maintainance* yang tidak dibuat. Saya ambil contoh seperti rumah kos rendah di Taman Wilayah. Penduduk *flat* di Taman Wilayah yang merupakan unit-unit yang telah dijual kepada penduduk. Mereka mendapati bantuan Tabung 1Malaysia ini dihentikan dan tidak tahu sama ada DBKL akan teruskan untuk memberi bantuan atau tidak.

Juga di Sentul Utama di mana *maintainance* diswastakan oleh DBKL kepada pihak kontraktor tapi mereka mendapati banyak masalah yang tidak dapat diselesaikan. Saya ingin dapatkan penepatan sebab saya tidak berniat untuk bahas satu demi satu. Kemudian ini saya ingin juga di bawah Butiran 050100 – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Saya ingin dapat tahu dua perkara. Satu ialah hak strata. Banyak lagi kawasan-kawasan, rumah-rumah yang belum lagi dapat hak strata. Apakah rancangan DBKL untuk mempercepatkan pembahagian hak strata ini. Kedua juga saya ingin tahu apakah status Sri Terengganu yang kini belum lagi kita nampak ada *progress*.

Di bawah Butiran 03000 - Kompleks Perniagaan dan Pasar. Saya juga ingin dapat sedikit penjelasan tentang menaik taraf Sentul Pasar. Di mana sehingga sekarang nampaknya seperti benda-benda yang asas seperti tandas dan juga lampu ini sudah dua, tiga tahun tidak dibaiki. Saya ingin dapat pendirian daripada Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan untuk mempercepatkan penyelarasannya. Akhir sekali saya juga ingin menyentuh dua perkara iaitu tadi kita sebut tentang KL Draf Plan. Saya sebagai prinsipnya setuju supaya Draf Plan ini cepat di gazetkan. Tapi kalau kita tidak dibagi satu *copy* untuk semak, sukar kita untuk merestui gazet ini.

Kedua ialah saya rasa ini ialah isu terakhir sekali, isu kenaikan cukai pintu. Saya setuju. Saya tidak mahu ulang pendirian lain. Saya hanya cuba menekan sekali lagi. Kita mendesak secara totalnya Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan untuk mengarahkan atau memujuk DBKL untuk tangguhkan enam bulan pelaksanaan kenaikan ini. Ini adalah saya rasa agak tidak wajar, masa-masa *staff* DBKL digunakan untuk terima panggilan telefon daripada penduduk.

Sepatutnya kerja mereka boleh lebih menumpu kepada memberi service kepada masyarakat daripada menerima protes atau bantahan. Saya juga tidak setuju kalau kita hanya memberi pengecualian kepada rumah kos rendah dan sederhana. Ini kerana ramai pesara-pesara yang terutamanya kakitangan kerajaan, mereka duduk di rumah yang besar, yang bernilai tinggi tetapi sebab mereka sudah bersara dan mereka tidak ada pendapatan.

Kalau kita *impose* satu nilai cukai pintu yang tinggi, juga tidak mampu. Tapi saya anggap ada banyak *detail* lagi kita boleh bincang dan dalam mengikut akta setiap bantahan ini harus didengar. Ada *enquiry*. Saya tidak nampak dari 17 Disember sehingga 1 Januari, pihak DBKL mempunyai tenaga kerja yang cukup untuk mendengar semua dan proses semua bantahan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Dan bantahan ini nampaknya sia-sia saja dan kita harap satu penangguhan secara total boleh dilakukan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Cheras.

#### 12.49 tgh.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh Butiran 050100 – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

#### ■1250

Saya ingin memberitahu kepada kawan-kawan di sebelah sana bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah semakin dibencikan rakyat. *[Ketawa]* Ini adalah disebabkan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya sayang Yang Berhormat Cheras, tadi laluan untuk Yang Berhormat Cheras,

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Antara sebab-sebabnya adalah penyemakan semula cukai tafsiran untuk hartaanah di Kuala Lumpur ini yang ditingkatkan, dinaikkan sekadar bercorak gila dan tidak berakal.

Saya ingin menunjukkan beberapa misalan di sini. Di mana walaupun pada umumnya, apa yang dilaporkan kebanyakan hartaanah cukai tafsiran itu dinaikkan di antara kadar 100% hingga 300%. Akan tetapi di sini, saya ada beberapa kes yang mewakili mungkin beberapa ribu atau lebih hartaanah yang mengalami daripada kadar yang lebih tinggi daripada 300%. Misalnya, saya mendapati banyak rumah kediaman di Kampung Cheras Baru di kawasan saya di mana nilai tahunannya telah dipertingkatkan sehingga melebihi 400%. Ini adalah satu perkara yang tidak berpatutan. Bagi sebuah kedai di Pekan Sungai Besi pula, sebuah kedai yang telah wujud sejak 80 tahun yang lalu, dibina pada tahun 30-an, abad dahulu.

Walaupun kedai ini telah menjalani renovasi untuk tingkat atasnya yang kerana telah usang dan uzur dan juga dikenakan penilaian semula kerana akibat renovasi itu, tetapi apa yang dahsyat ialah secara sekadar mendadak cukai pintunya nilai tahunan dinaikkan sekadar 766%. Saya boleh memberikan bukti ini kepada pihak Yang Berhormat Menteri. Ini adalah sangat-sangat dihinakan

dan bagi rumah-rumah ibadat juga, saya ada satu seruan dibuat di sini supaya pihak kerajaan boleh memberi pertimbangan agar semua pertubuhan atau rumah-rumah ibadat yang telah didaftarkan dan sebagai rumah ibadat yang tulen, seharusnya dikecualikan cukai pintu kerana tempat-tempat ini adalah tempat yang bukan untuk kediaman ataupun komersial. Perkara hartanah yang lain yang harus dipertimbangkan semula dan saya berharap supaya cukai tafsiran mereka dikecualikan keseluruhannya adalah rumah-rumah yang diklasifikasikan sebagai rumah kos rendah.

Tuan Pengerusi, apa yang menghairankan saya, mengejutkan saya ialah rumah-rumah yang kos rendah yang diduduki oleh keluarga-keluarga dengan pendapatan yang rendah dikenakan kenaikan cukai tafsiran, cukai di antara 200% hingga 270%. Misalnya di rumah pangsa yang dibina DBKL di Jalan Loke Yew. Kenaikannya 200%. Rumah PPR di mana unit-unit yang telah dijualkan kepada penyewa juga 200%. Ada sebuah rumah kos rendah, kenaikan 267%. Kesemua kadar ini adalah tidak boleh diterima. Saya harap pengecualian ke atas rumah-rumah ini dapat diberikan.

Tuan Pengerusi, tidak boleh dielakkan anggapan ramai penduduk di Kuala Lumpur merasakan bahawa perbuatan oleh DBKL kali ini menyemak semula nilai tahunan harta benda adalah ada mempunyai motif politik, niat jahat. Yang pertamanya, ramai yang memberi anggapan dan beritahu saya sama ada kenaikan sekadar mendadak ini adalah untuk menyelamatkan Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional yang telah menyebabkan hutang negara sampai RM5,300 juta dan menyebabkan bajet kebangsaan mengalami defisit ke enam belas tahun berturut-turut. Adakah anggapan ini tidak wujud, ini adalah benar?

Yang kedua, adakah juga dianggap di kalangan orang ramai, adakah ini juga satu pembalasan dendam terhadap warga ibu kota pengundi di Kuala Lumpur ini yang menyokong Pakatan Rakyat kerana Pakatan Rakyat memenangi undi popular yang paling tinggi. Kalau banding dengan PRU ke-12, kali ini PRU ke-13, popular undi majoriti yang dimenangi oleh semua kerusi Pakatan Rakyat di Kuala Lumpur ini adalah 39% lebih daripada PRU-12. Ini adalah anggapan yang *perception* yang benar oleh penduduk-penduduk. Saya ingin ada beberapa soalan yang tidak ditimbulkan oleh rakan-rakan saya tadi. Saya ingin tanya, memandangkan begitu ramai pemilik hartanah telah mengemukakan surat bantahan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Cheras...

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Sampai sekarang kemungkinan beratus ribu sudah sampai DBKL dan lebih banyak lagi masih diterima oleh wakil-wakil rakyat di Kuala Lumpur berkemungkinannya Tuan Pengerusi, selepas pada hari luput untuk mengemukakan surat bantahan, mungkin jumlah yang membantah ini boleh mencapai 100,000 ataupun lebih. Macam mana DBKL dapat memastikan pendengaran untuk semua pemilik dapat diadakan dalam satu jangka masa yang begitu pendek kerana 1 Januari adalah tarikh menguatkuasakan cukai baru.

Jika DBKL tidak menangguhkannya, saya ingin tanya, macam mana? Sebab di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976, yang menyatakan semua pemilik dengan semua individu jika mereka membantah, mereka akan diberi peluang untuk diperdengarkan alasan-alasan bantahannya.

Macam mana DBKL dapat mengatasi masalah ini? Yang kedua, saya cuma hendak menambah dua perkara lagi. Satu ialah *livable city*. Saya sudah dengar banyak kali pihak kerajaan memberi...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada satu minit lagi Yang Berhormat Cheras.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Bercita-cita menjadikan Kuala Lumpur meningkatkan ke tangga 20 dalam *index livable city* yang sekarang kita adalah terkebelakang di tangga ke-77. Macam mana dapat DBKL ataupun pihak kerajaan atau kementerian supaya memastikan janji itu dapat dipatuhi? Satu perkara lagi ialah mengenai pengharaman penyembelihan ayam, itik di pasar-pasar di Kuala Lumpur ini dan di seluruh negara.

Berhubung dengan pembinaan pusat penyembelihan ayam dan itik di Kuala Lumpur ini saya ingin tanya apakah perkembangan mengenai isu ini dan memandangkan DBKL sudah mengeluarkan satu notis...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Umum kepada semua penjaja yang menyembelih ayam itik...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Satu minit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya tak ada kuasa tambah, Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Di pasar, tetapi pusat ini belum disediakan lagi. Kemungkinan memerlukan masa sekurang-kurangnya dua sampai tiga atau lebih, maka saya harap notis yang mengharamkan penyembelihan ini akan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, satu minit sahaja.

### **1.01 tghri.**

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Baiklah. Notis ini dapat ditarik balik dan tidak akan diedarkan lagi sehingga pembinaan pusat itu dapat menjadikan satu realiti. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Yang Berhormat, mesyuarat bersidang dalam Majlis.

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said] mempengerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Mesyuarat kita ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang. Jemput makan durian. Yang Berhormat Menteri Pertanian jemput kita makan durian di belakang.

*[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.02 petang]*

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Tuan Pengerusi:** Siapa berhujah?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Seputeh di state dia berhujah, di Parlimen berhujah.

Tidak pernah habis hujah Yang Berhormat Seputeh. Sila.

### **2.33 ptg.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 050000 – DBKL. Tuan Pengerusi, bajet DBKL bagi tahun ini iaitu 2013 ialah RM2.19 bilion. Di antaranya RM1.406 bilion adalah untuk pengurusan dan RM782.6 juta ialah untuk pembangunan. Kalau kita lihat bajet kerajaan negeri yang lain Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2013 ialah RM1.6 bilion dan bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ialah RM900 juta, bagi Perlis ialah RM100 juta, bagi Kerajaan Negeri Kedah ialah RM400 juta, bagi Negeri Sembilan ialah RM400 juta.

Kalau kita lihat yang kesemua bajet kerajaan negeri di Semenanjung ini, kita boleh mendapati bahawa sumber dan juga bajet DBKL adalah lebih tinggi berbanding dengan bajet kerajaan negeri. Dengan kata lain bila kita membahas bajet untuk Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL sebenarnya kita harus lihat DBKL sebagai satu kerajaan negeri. Kalau DBKL di dalam satu kerajaan negeri, kita ada Menteri Besar atau Ketua Menteri dan juga para exco ataupun Menteri negeri, jadi dalam konteks DBKL kita haruslah menganggap pemimpin utama bagi Kuala Lumpur ialah sama ada ialah Datuk Bandar ataupun Menteri Wilayah Persekutuan. Jadi Ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan ialah ahli exco dan juga Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan adalah Timbalan Menteri Besar dalam konteks kerajaan negeri.

Saya rasa kesal Tuan Pengerusi, masyarakat di Kuala Lumpur sekarang kecoh kerana penilaian semula harta tanah tapi Menteri Wilayah Persekutuan lari, tidak jawab, tidak hadir. Saya SMS dia pun dia tidak jawab pada saya dan hantar timbalannya. Kasihannya kali pertama jadi wakil rakyat dalam Dewan yang mulia ini, dia terpaksa menghadapi Ahli Parlimen kiranya ahli exco Kuala Lumpur sama ada Kuala Lumpur Barisan Nasional ataupun Pakatan Rakyat. Kasihan pada Timbalan Menteri dan ini saya rasa yang Menteri Wilayah Persekutuan haruslah kita potong gaji kalau saya tahu dia tidak datang.

Tuan Pengerusi, kami sebagai wakil rakyat ataupun ahli exco Kuala Lumpur yang dipilih oleh rakyat selalunya tidak diberi pengiktirafan dan kuasa yang sepatutnya yang kita ada oleh pihak DBKL dan Kementerian Wilayah Persekutuan, di mana tiada mesyuarat exco yang berkala

diadakan di antara Menteri dan juga para Ahli Parlimen. Banyak keputusan yang penting yang diumumkan oleh DBKL dibuat oleh pegawai kerajaan begitu sahaja tanpa mengadakan perundingan dengan para Ahli Parlimen. Ini termasuk banyak projek pembangunan yang diluluskan di kawasan kami masing-masing termasuk yang baru-baru ini penilaian semula harta tanah di Kuala Lumpur yang mendatangkan kekecohan di masyarakat Kuala Lumpur ini. Kesemua dasar dan keputusan DBKL ini tidak dirunding dengan kami sebagai wakil rakyat di Kuala Lumpur. Ini adalah apa yang saya rasa amat kesal.

Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan sekarang nampaknya tiap-tiap hari keluarkan kenyataan. Kadang-kadang dia ubah pendirian dia, kadang-kadang saya lihat dia sendiri keliru juga. Dia kata ramai warga kota kita ini keliru tentang amaun yang harus dibayar oleh pemilik harta tanah kepada DBKL dan kita keliru dengan nilai tahunan yang dicadangkan oleh DBKL termasuk isterinya. Itu sebab isterinya juga marah pada dia dan beliau juga menyalahkan Ahli Parlimen pembangkang yang menyumbangkan kepada kekeliruan rakyat.

Sebenarnya ramai pembayar cukai termasuk Tuan Pengerusi, Ahli Parlimen Barisan Nasional dekat sini kita semua tahu apa sebenarnya berlaku. Kita bukannya bodoh. Bukan semua orang yang keliru tentang nilai tahunan yang dicadangkan oleh DBKL itu dengan amaun yang harus kita bayar kepada DBKL. Semua orang tahu yang cukai pintu kalau nilai tahunan harta tanah kita ini berlipat ganda beberapa ratus tinggi nilainya, jadi kalau DBKL masih tetap kepada 6% kutipan cukai maksudnya yang amaun cukai pintu yang akan kita bayar ini tentu akan berlipat ganda.

Jadi saya di sini ingin mencadangkan kepada DBKL dan Kementerian Wilayah Persekutuan untuk merujuk kepada beberapa contoh yang dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan yang lain. Nombor satu ialah pada tahun 2006 apabila Majlis Bandaraya Petaling Jaya atau MBPJ ingin menaikkan cukai pintu pada rumah yang merupakan *landed property* ia tidak dilakukan dengan mengadakan penilaian semula nilai harta tanah tetapi ia dilakukan melalui peningkatan pengutipan cukai pintu dari 8% kepada 8.8%. Cara peningkatan yang minimum ini ia tidak mendatangkan kekecohan di kalangan warga di Petaling Jaya.

#### ■1440

Bagi Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), baru-baru ini mereka meluluskan satu resolusi di mana pemilik harta tanah atau pemilik rumah yang menjalankan *massive renovation*, pengubahsuaian yang besar macam tambah satu tingkat lagi dalam rumahnya dan sebagainya. Mereka harus menghendaki untuk membayar cukai pintu dengan nilai yang baru dengan lebih tinggi.

Bagi mereka yang buat *massive renovation* dalam rumahnya mereka mampu. Jadi ini tidak akan datangkan kekecohan dalam masyarakat di bawah MPSJ. Juga kita lihat Tuan Pengerusi, banyak tempat di Kuala Lumpur dulu 21 tahun yang lepas ia bukan tempat yang ‘ong’ tempat yang begitu makmur atau pun nilai harta tanah yang tinggi. Macam di Bangsar, dulu pegawai kerajaan

berada di kawasan itu ramai yang bersara, *retirees*, mereka sekarang mungkin bergantung pada penceran dan mereka mungkin bergantung pada sedekah daripada anak-anak mereka.

Jikalau kita adakan penilaian semula kepada hartanah dan rumah-rumah di tempat seperti itu, jadi bagi mereka yang merupakan pesara yang duduk di dalam rumah itu adalah amat susah bagi mereka. Mungkin kita boleh merujuk kepada cara Kerajaan Negeri Selangor, cara kita mengkaji semula kadar premium yang dikehendaki dibayar oleh mereka yang merupakan pemilik rumah itu. Mereka boleh pilih sama ada bayar dengan kadar premium yang baru mengikut nilai semasa atau pun mereka ini *retire* atau pesara, masih duduk di dalam rumah banglo.

Contohnya di Selangor, selagi nama mereka masih kekal dan masih tidak tukar nama atau dia tidak menjual rumah itu, jadi mereka yang premium yang dibayar oleh mereka itu hanyalah minimum sahaja iaitu RM1,000 setahun sahaja. Jadi dengan cara ini orang tidak bermasalah dan semua orang *happy*. Maksudnya ialah mungkin kita boleh merujuk kepada contoh yang pembayaran cukai tanah dikenakan di negeri Selangor itu sebagai satu contoh bagi DBKL untuk mengkaji semula cara pembayaran atau pun mengkaji semula cukai pintu di kawasan Kuala Lumpur.

Selain itu, saya juga hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, dua hari yang lepas Datuk Bandar berkata yang rakyat tidak perlu pergi kacau wakil rakyat untuk hantar borang bantahan kepada Pusat Khidmat mereka tetapi mereka boleh hantar melalui faks atau pun e-mel. Akan tetapi saya hendak tanya macam mana dengan *acknowledgement of receipt*. Jadi kalau mereka menghantar e-mel, e-mel tidak sampai, adakah mereka akan dipanggil untuk pendengaran bantahan? Kalau faks selalunya ia tunjuk faks sebenarnya DBKL sana tidak terima macam mana? Mungkin harus ada satu e-mel yang khas yang mana *acknowledgement of receipt* boleh dihantar kepada mereka yang menghantar e-mel bantahan penilaian kadar baru oleh warga kota kita.

Saya juga ingin tanya, semalam saya tanya Yang Berhormat Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan sama ada kementerian ini akan mengkaji semula cara pengiraan cukai pintu seperti yang termaktub dalam Akta Kerajaan Tempatan. Kalau mengikut pegawai DBKL cara mereka membuat penilaian semula cukai pintu adalah mengikut undang-undang kita yang sedia ada sekarang. Sebenarnya kita ada cara lain. Adakah cara lain yang dibangkitkan dalam dialog Ahli Parlimen Barisan Nasional Kuala Lumpur seperti Yang Berhormat Titiwangsa itu, boleh diambil kira bagi kerajaan dengan cara meminda Akta Kerajaan Tempatan.

Jadi saya ingin minta sama ada kementerian ada cadangan seperti ini. Tuan Pengurus, saya di sini ingin tanya saya rasa hairan untuk baca cadangan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan yang berkata kerajaan akan menubuhkan 24 zon jawatankuasa perwakilan penduduk di setiap PBT dan kerajaan akan memberi peruntukan sebanyak RM63 juta untuk tujuan ini. Apakah ini bermaksud bahawa Kuala Lumpur akan dibagikan kepada 24 zon dan melantik wakil untuk menjaga setiap zon. Jadi saya hendak tanya, apakah fungsi wakil zon ini dan apakah mereka berkhidmat sebagai ahli Majlis di DBKL dan boleh

menghadiri mesyuarat DBKL atau pun mereka dilantik di bawah Kementerian Wilayah dan Persekutuan. Siapa bayar gaji mereka?

Saya berpendapat ini adalah cara Kementerian Wilayah dan Persekutuan dan Barisan Nasional untuk memberi jawatan kepada anak buah Barisan Nasional di setiap tempat atau zon. Kadang-kadang ini ia merupakan satu bentuk gangguan terhadap perkhidmatan Ahli Parlimen di setiap kawasan Parlimen yang sedia ada. Tuan Pengerusi, pada pandangan saya dan juga saya pernah mengulangi cadangan ini banyak kali di sidang Parlimen atau pun di dalam mesyuarat di antara Datuk Bandar dengan Ahli Parlimen Kuala Lumpur iaitu apa yang perlu DBKL lakukan demi menambah baikkan perkhidmatannya ialah menguatkan lagi peranan dan tanggungjawab pejabat cawangan DBKL di setiap kawasan Parlimen.

Sekarang pejabat cawangan DBKL kelihatan hanya diberi tugas untuk mengeluarkan saman denda kepada mereka yang menyalahi undang-undang trafik atau pun parkir dan juga menerima cukai pintu daripada orang ramai sahaja. Akan tetapi mereka nampaknya tidak ada tugas lain. Kenapakah mereka, pegawai pejabat cawangan DBKL diberi tugas untuk menjalankan rondaan di kawasan di bawah bidang kuasa pejabat cawangan mereka untuk memantau sama ada lampu trafik, lampu jalan berfungsi atau tidak, sama ada ada *porthole*, lubang jalan atau pun tidak, sama ada ranting pokok yang terlalu panjang kena dipotong atau pun tidak.

Selain itu ada juga menerima aduan daripada orang ramai. Sekarang bila rakyat ada masalah mereka cari Ahli Parlimen dan rakyat gagal untuk menyampaikan kesemua aduan mereka kepada pejabat cawangan DBKL. Saya rasa ini adalah aspek yang haruslah dikuatkan lagi oleh pihak DBKL sekiranya kita ingin menambahbaikkan service atau pun perkhidmatan kita.

Tuan Pengerusi, saya juga banyak kali cadangkan dalam mesyuarat perjumpaan dengan Datuk Bandar dan Menteri Kementerian Wilayah dan Persekutuan bahawa DBKL haruslah mengadakan Hari Pelanggan sekurang-kurangnya setiap bulan sekali. Bagi pengarah serta Datuk Bandar untuk berjumpa dengan pengadu di Kuala Lumpur seperti dengan apa yang diadakan di banyak PBT di negeri Selangor. Kalau tidak, DBKL sekurang-kurangnya haruslah mengadakan hari perjumpaan dengan Ahli Parlimen Kuala Lumpur supaya wakil rakyat di Kuala Lumpur boleh berjumpa dengan pengarah jabatan dan Datuk Bandar pada satu tarikh yang ditetapkan untuk memudahkan kami memanjangkan aduan dan masalah di kawasan kami masing-masing kepada pihak DBKL.

Ini adalah perlu kerana ramai pengarah jabatan dan Ahli Parlimen ini orang yang sibuk dan ada banyak kerja. Jadi penepatan waktu, hari yang tertentu untuk dengar aduan daripada pihak kami untuk membuat aduan kepada DBKL dan berjumpa dengan pengarah adalah satu cara yang baik untuk menyelesaikan masalah rakyat di Kuala Lumpur. Sekian ucapan saya, saya berharap Timbalan Menteri Kementerian Wilayah dan Persekutuan ini boleh jawab semua cadangan saya. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada daripada BN, kerana saya nampak dalam *list* ini sudah tiga daripada sebelah kiri berhujah, kalau tidak terpaksa saya panggil juga daripada sebelah kiri. Okey, sila Yang Berhormat Kepong. Lama tidak dengar suara Yang Berhormat Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Sebab ada itu..

**Tuan Pengerusi:** Kalau panjang pun tidak mengapa saya dengar, sila.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Sebab ada Jawatankuasa Kira-Kira Wang JKMR sibuk sekarang ini.

**Tuan Pengerusi:** *[Ketawa]* Oh, sibuk.

## 2.48 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, halaman 444 iaitu Butiran 050000 iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. '*Nan digalikan dalam, nan digantungkan tinggi*'. Nampaknya keputusannya sudah dibuat untuk cukai pintu kita semak semula, penilaian seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Seputeh tadi. Saya nampak lebih 21 tahun penilaian tidak disemak. Dari segi undang-undang, kita boleh buat mungkin tiap-tiap lima tahun boleh buat. Akan tetapi sebelum kita buat keputusan untuk kadar penilaian ini, untuk cukai pintu kita mesti mengambil kira pelbagai masalah, pelbagai faktor yang wujud termasuk ekonomi, termasuk bilangan pesara yang tinggal di beberapa tempat dan sebagainya.

### ■1450

Saya berpendapat bahawa Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan dan juga Datuk Bandar kita adalah orang yang paling munasabah untuk menetapkan peratusan mungkin 10% atau 20% itu kadar kenaikannya. Ini memang tidak akan menyenggung warga kota kita. Itulah kita harapkan apabila diputuskan kelak sama ada 5% atau 6% daripada nilai tahunan itu saya tidak tahu. Cuma satu lagi lebih setengah juta orang menerima notis dan ada satu pejabat penilaian sahaja di Jalan Sultan Ismail. Begitu ramai orang hendak mengemukakan bantahan bertulis dan saya mencadangkan supaya kita benarkan mereka sampaikan bantahan bertulis ini ke cawangan-cawangan DBKL untuk memudahkan mereka menyampaikan bantahannya.

Seterusnya Tuan Pengerusi, masalah sampah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini memang satu perkara yang rumit. Setiap hari kita nampak ada 2,000 atau 3,000 tan. Sekarang ini dihantar ke Bukit Tagar selepas dikemaskan di Stesen Pemindahan Taman Beringin, Kepong. Itulah kawasan yang digazetkan atau diwartakan sebagai kawasan sampah kerana Taman Beringin, Jinjang Utara di Kepong ini mereka menghidu bau busuk selama lebih 30 tahun sampai sekarang. Memang patutlah kita cari cara untuk menyelesaikan kerana Kepong sahaja yang menampung masalah yang diwujudkan oleh semua 11 kawasan Parlimen kita. Sampah itu dihantar kepada kawasan Kepong. Ini masalah kita Tuan Pengerusi. Oleh sebab itulah ada banyak yang boleh digunakan. Sekarang kalau kita hantar satu tan sampah daripada Kuala Lumpur ke Bukit Tagar melalui Kepong, satu tan harganya RM84 termasuk *pitting fee* dan... RM84 satu tan.

Bila kita pilih belum ditentukan lagi apakah cara alternatifnya kerana ini sebagai tapak pelupusan *sanitary* di Bukit Tagar. Pihak kementerian sudah membuat janji untuk mengadakan kajian penilaian alam sekitar – *Detailed Environmental Impact Assessment* di Taman Beringin untuk menentukan cara penyelesaian pelupusan sampah kita. Saya berharap kajian DEIA ini dapat dibuat dengan segera supaya kita tahu apakah kesan dan apakah pilihan pihak kementerian.

Seterusnya Tuan Pengerusi... [Disampuk] Tuan Pengerusi, ini melanggar peraturan. Dia melanggar peraturan Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Memang pun melanggar peraturan tetapi dia tidak rasa sakitnya Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Itulah masalah dengan Yang Berhormat Putatan kita. Tuan Pengerusi, tugas dan fungsi yang utama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ini ialah kerja-kerja penyelenggaraan. Misalnya penyelenggaraan dewan-dewan, tempat rekreasi, dewan sukan dan sebagainya tetapi masalah penyelenggaraan mesti diatasi kerana ada tempat-tempat termasuklah taman-taman kita penyelenggaraannya kurang berkesan. Kita berharap dapat dipertingkatkan lagi termasuklah dewan-dewan yang dibina dua atau tiga tahun yang lepas misalnya di Jalan Jambu Jertih di Jinjang Selatan itu ada dewan. Sudah dibuat tetapi penyelenggaraannya kerana tidak kira siapalah atau parti mana pun dewan ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang menyelenggarakan. Tidak boleh diserahkan kepada parti mana-mana. Parti DAP pun tidak boleh, parti UMNO pun tidak boleh, parti lain pun tidak boleh. Ini memang mesti diselenggarakan dengan sepenuhnya oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tanpa mengira parti politik.

Saya berharap ini dapat diambil perhatian oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Dan juga ada tiga atau empat tahun yang lepas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pernah mengumumkan bahawa DBKL akan mengadakan satu dewan serbaguna di Kepong Baru dan saya pun berharap pihak Menteri dapat memberitahu apakah yang terjadi kepada projek dewan serbaguna di Kepong Baru ini? Itulah sepuluh minit sudah habis Tuan Pengerusi.

*Nan pekak pelepas bedil,*

*Nan buta pengembus lesung,*

*Nan bisu penggera ayam,*

*Nan lumpuh penghuni rumah.*

Kita pun sama-sama bersatu padu untuk memperindahkan Kuala Lumpur. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sila.

## 2.57 ptg.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Tuan Pengerusi majlis. Selamat petang dan salam sejahtera.

Saya hendak menyentuh beberapa perkara mengenai Kementerian Wilayah Persekutuan termasuk DBKL dan kesesakan kereta di seluruh Wilayah Persekutuan. Tuan Pengerusi, baru-baru

ini satu topik yang saya ingat tidak perlu yang jadi hangat iaitu bagaimana Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan mengumumkan kenaikan cukai taksiran atau cukai pintu. Di sini Tuan Pengerusi, saya ada satu notis iaitu menunjukkan bagaimana sandiwara DBKL iaitu dia keluarkan notis dan kata bantahan secara bertulis selewat-lewatnya pada 17 Disember 2013.

Akan tetapi dengan banyak pengumuman Datuk Bandar kata kalau tidak kira ada bantahan atau tidak ada bantahan, tarikh berkuat kuasa ialah pada 1 Januari tahun hadapan. Maknanya kalau ikut Akta Kerajaan Tempatan di DBKL, setiap orang yang membuat bantahan secara bertulis mesti diberi satu peluang *hearing*. Bagaimana kita ingat sekarang sudah kumpul lebih kurang 200,000 bantahan, bagaimana DBKL boleh mengatasi masalah ini? Juga satu perkara yang sangat pelik ialah dua orang bekas Datuk Bandar namanya Tan Sri Dato' Elyas Omar dan Tan Sri Ahmad Fuad Ismail yang baru bersara tidak puas hati tentang cara DBKL menaikkan sewenang-wenangnya cukai taksiran. Juga tadi ada seorang Ahli Yang Berhormat kata tentang kutipan saman. Satu *press statement* oleh Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan kata, DBKL perlu lebih cukai taksiran sebab tidak cukup wang yang bayar kutip sampah.

#### ■1500

Dia bagi satu angka yang DBKL setiap bulan Tuan Pengerusi bagi RM14 juta kepada Alam Flora. Kalau RM14 juta setiap bulan, Alam Flora tidak boleh bagi satu perkhidmatan yang *best*. Mungkin boleh bagi orang lain atau badan buat sebab ini satu angka yang sangat besar Tuan Pengerusi dan juga apa yang kata ialah kadar untuk kediaman 6% *flat* atau pangsapuri 8% dan untuk *business* atau komersial 12%.

Akan tetapi sekarang trendnya Tuan Pengerusi ramai orang suka duduk di *flat* dan pangsapuri dan juga setiap *flat* tidak kira *low cost* atau *high cost* ada servis caj sendiri. Kadang-kadang sampai RM1,000 sebulan dan juga sesiapa yang duduk di *high rise flat* atau pangsapuri sampahnya bukan dibuang oleh Alam Flora. Sepatutnya Tuan Pengerusi, saya cadangkan ini *rate* untuk *flat* atau pangsapuri kurangkan dari 8% sampai 4% dan Tuan Pengerusi kita sudah bermesyuarat banyak kali di dalam Dewan ini dan di luar dan di DBKL, seluruh Ahli Parlimen saya ingat kawan-kawan dari UMNO pun setuju tunda tarikh kuasa cukai taksiran sampai bulan Julai tahun depan. Ini bagi satu peluang yang baik membolehkan untuk menubuhkan banyak *town house meeting*, perjumpaan dengan semua orang terlibat termasuk Rukun Tetangga, persatuan penduduk dan sebagainya. Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh lagi satu perkara iaitu *the missing link*.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: [Bangun]**

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Nombor satu ialah Jalan Segambut. Dahulu saya sebagai wakil rakyat Segambut, saya tulis surat kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir, tulis surat kepada bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Badawi, tulis surat kepada dahulu Menteri JKR Dato' Seri Samy Vellu dan semua jawapan ialah ini *missing link* sangat mustahak tetapi hendak tunggu. Maknanya kasi '*illek*', tidak ada wang. Sampai sekarang kita

nampak naik taraf Ahli Yang Berhormat Segambut ada di sini Yang Berhormat Tuan Lim Lip Eng, mulanya jentera tetapi macam sudah bukan setengah, suku pun belum buat.

Akan tetapi kalau sesiapa yang pandu kereta di Jalan Segambut pagi atau petang menghadapi banyak masalah. So, saya menyeru kepada DBKL dan juga Kerajaan Persekutuan mempercepatkan naik taraf ini dan juga di Jalan Mahameru, dekat sini. Setiap hari pagi dan petang dari *Parliament House* ke *Putra World Trade Centre*, dari IJN ke *Putra World Trade Centre*, setiap hari kereta sesak. Saya minta Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan juga pihak DBKL bagaimana mahu mengatasi masalah ini sebab banyak orang *complaint* dan juga di *missing link* di Wangsa Maju, dua yang sangat penting iaitu *missing link* dari *middle ring road 2* ke Jalan Gombak, Kampung Puah. Itu jarak jauh, tidak panjang, mungkin 300 meter.

So, saya menyeru kalau kata pengambilan tanah sangat susah atas bantahan, tidak kira siapa pun kalau ini projek mustahak, saya ingat kita boleh turun padang sebagai wakil rakyat dan bagi penjelasan dan juga dekat Taman Melati. Saya tidak tahu Tuan Pengerusi ada peluang pergi melawat Taman Melati, makanan ayam kukus sana bagus dan lazat tetapi apabila *you* masuk Jalan Wardieburn dekat TAR Collage, bila hendak sampai LRT Taman Melati dari empat *lane* sudah jadi satu *lane* macam kampung. Bukan sahaja kereta sesak tetapi sangat bahaya sebab orang tidak mahu *give way*.

So, saya menyeru kepada DBKL buat cepatlah naik taraf kedua-dua jalan yang mustahak di Wangsa Maju dan juga satu *point* yang saya ada runding dengan DBKL iaitu jentera LRT, MRT yang sedang dibina di seluruh Kuala Lumpur. Kita akui projek ini sangat mustahak tetapi bagaimana *you* nampak Medan Damansara Tuan Pengerusi, berapa lama sudah buat dan setiap hari kereta sesak?

Saya pun tidak tahu walaupun saya bukan *engineer*, saya doktor cucuk tetapi bagaimana dia naik tiang dan potong tanah dan selepas itu buang tembok dan bina lagi sekali dan kadang-kadang Jalan Semantan tidak jauh dari sini pukul 8 pagi dia korek jalan guna dua *lane*? So Tuan Pengerusi, ini saya ada runding dengan kawan-kawan pengarah di DBKL tetapi malangnya MRT dan LRT kontraktor macam *law of their own*, tidak dengar apa-apa dan siapa pandangan pun.

Saya harap guna *good office* of Menteri Wilayah Persekutuan panggil semua kontraktor yang terlibat sini dan harap boleh mengurangkan kesesakan kereta di Wilayah Persekutuan. Sekian terima kasih.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Dato, Dato' ...

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Ya, ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Just want to add one point.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Sila Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Boleh Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kepong. Saya ingin membawa perhatian Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Kepong mengenai Majlis Sukan ...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Wangsa Maju.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Minta maaf, Yang Berhormat Wangsa Maju. Kepong pula jauh. Yang Berhormat Wangsa Maju, mengenai Majlis Sukan Wilayah Persekutuan. Saya ingin membuat perbandingan menurut Kementerian Belia dan Sukan SUKMA Perlis 2004 diperuntukkan dengan dana sebanyak RM3.27 juta. Isu yang mendesak saya untuk mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Wilayah Persekutuan ialah bekalan 090700 - Pengurusan Kontinjen Wilayah Persekutuan ke Sukan Malaysia SUKMA XVI 2014 di Perlis. Dana yang diperuntukkan ialah RM2 juta iaitu 6% daripada jumlah peruntukan Sukan SUKMA Perlis 2014. Adakah dana ini untuk kontinjen pengurusan sahaja atau termasuk atlet dan bagaimana dana ini akan digunakan sebab yang menarik perhatian saya ialah RM2 juta 6% daripada jumlah Sukan SUKMA ini bukan pergi ke Jepun atau Korea. Ia hanya pergi ke Perlis. So, macam mana dana RM2 juta ini akan digunakan semasa Kontinjen Wilayah Persekutuan ke Sukan Perlis 2014 ini? Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Wangsa Maju, terima kasih.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Wangsa Maju, Yang Berhormat Kuala Terengganu mungkin mahu mencelah.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** You mahu hujah, sila. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Sepang. Selepas Yang Berhormat Sepang Yang Berhormat Kuala Terengganu.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Segambut mahu bercakap juga? Selepas Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Kuala Terengganu dan selepas itu Menteri sedia menjawab. Sila.

### 3.09 ptg.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dengan izin Tuan Pengerusi, saya ingin mengemukakan perbahasan berkaitan dengan dua butiran. Pertamanya berkaitan dengan 060100 berkaitan dengan Kampung Baru.

#### ■1510

Seperti mana yang dinyatakan dalam laporan anggaran perbelanjaan ini berkaitan dengan butiran ini, di dalam Program 6 - Perbadanan Pembangunan Kampung Baru, dinyatakan bahawa antara objektif perbadanan ini ialah pengekalan warisan budaya Melayu dan kemuliaan Islam. Akan tetapi kalau kita lihat, Tuan Pengerusi, kita lihat kepada program-program outputnya, program yang dilaksanakan ialah:

- (i) program turun padang bersama penduduk Kampung Baru;

- (ii) penggubalan Pelan Induk dan Pelan Strategik Perbadanan Pembangunan Kampung Baru;
- (iii) program Bersama Penduduk Kampung Baru; dan
- (iv) projek kecil pembangunan Kampung Baru.

Persoalannya, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang terbabit. Apakah langkah-langkah yang telah dibuat untuk mendapat pengiktirafan daripada UNESCO supaya kawasan ini dijadikan sebagai kawasan tapak warisan untuk kita mempromosikan budaya Melayu dan Islam di situ. Jadi kalau kita lihat isu Kampung Baru ini sudah lama tetapi setelah diwujudkan melalui akta ini tentang Perbadanan Pembangunan Kampung Baru ini, kalau dilihat kepada program-program yang dibuat itu, saya tidak nampak apakah usaha yang telah diusahakan bagi menaiktarafkan Kampung Baru itu sebagai satu tapak warisan sedangkan Kampung Baru kita tahu sejarahnya begitu lama. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberikan satu jawapan kepada perkara itu. Itu yang pertama.

Keduanya Tuan Pengerusi...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Sepang. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Sepang. Berhubung dengan Perbadanan Pembangunan Kampung Baru. Kita bacalah dalam surat khabar bahawa Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa kebanyakan ataupun semakin ramai penduduk di Kampung Baru sudah bersetuju dengan perancangan pembangunan yang ingin dijalankan tetapi saya dapat maklumat daripada penduduk di sana bahawa itu merupakan satu dakwaan yang tidak berdasar dalam erti kata nama-nama mereka-mereka yang bersetuju, yang memberikan persetujuan secara bertulis dan sebagainya tidak dikemukakan tetapi ia merupakan satu dakwaan yang perlu dibuktikan dan saya harap dalam soal ini pihak Yang Berhormat Menteri boleh memberikan jawapan dan bukti untuk menyelesaikan masalah bantahan yang terus menjadi satu isu dalam soal pembangunan bagi kawasan Kampung Baru ini. Saya harap boleh dimasukkan dalam ucapan Yang Berhormat Sepang sekali. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Shah Alam dan saya mohon supaya apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Shah Alam tadi dimasukkan sebahagian daripada ucapan saya.

Kedua, Tuan Pengerusi berkaitan dengan isu di Butiran 050100 – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Ada dua isu yang saya ingin bahaskan di sini. Pertama, berkaitan dengan isu kenaikan cukai pintu yang begitu tinggi. Saya merasakan bahawa pihak DBKL ini seharusnya mengambil kira walaupun ramai rakyat duduk di ibu kota ini tetapi kebanyakannya mereka bukanlah orang yang mempunyai pendapatan yang tinggi. Jadi kita harap dan kita merasa amat pelik dengan kenaikan yang begitu drastik dan begitu tinggi seolah-olah DBKL ini menganggap semua rakyat di DBKL ini ialah semua mereka yang kaya dan mempunyai duit yang banyak. Apa yang kita lebih risau sekarang dengan kenaikan cukai pintu ini, ditambah lagi dengan kos kenaikan sara hidup di Kuala Lumpur yang semakin hari semakin meningkat. Selepas ini apa lagi dalam keadaan nanti GST

akan diperkenalkan dan tarif elektrik akan dinaikkan, kita tidak tahu bagaimanakah warga kota ini boleh dengan izin coop dengan keadaan yang begini teruk.

Walau bagaimanapun, dari segi politik kalau DBKL ingin terus melaksanakan pun kita mengalu-alukanlah sebab kita harap itulah satu jalan singkat untuk Barisan Nasional jatuh dalam pilihan raya yang akan datang. Jadi itu kalau kita kira dari segi sudut politik sahaja. Kita harap kalau boleh DBKL ataupun pihak-pihak kerajaan dalam boleh dalam kes-kes seperti ini, kalau boleh dekat-dekat pilihan raya, cuba perkenalkan benda begini. Bukanakah lebih baik? Dia tahu sebelum pilihan raya tidak berani buat. Selepas pilihan raya, segala janji-janji untuk bantu rakyat semuanya pembohong.

Dulu kata tidak mahu naikkan harga minyak, hendak naikkan apa ini tetapi selepas pilihan raya, semuanya terbalik. Sebab itulah kita percaya sebenarnya mereka mendapat kuasa ini sebenarnya untuk menggunakan kuasa ini untuk menindas rakyat. Ini yang kita rasa amat kecewa.

Begitu juga dengan cara pengendalian DBKL tentang isu kuil ini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Sepang, sebelum itu. Terima kasih Yang Berhormat Sepang dan terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Seorang sahajalah cakap. Orang lain tidak payah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Ketawa]* Ada orang tidak makan ubat malam tadi. Tuan Pengerusi, berhubung dengan soal kutipan ini, saya rasa kalau bolehlah mungkin Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan perlu mendedahkan juga akaun DBKL. Sejauh mana kutipan yang telah bertambah tahun demi tahun hasil daripada pembangunan yang pesat yang mana oleh kerana kutipan itu pun sudah bertambah, maka justifikasi untuk hendak naikkan kadar cukai tanah itu boleh kita pertikai.

Ini kerana seperti mana yang kita tahu pembangunan yang pesat di Wilayah Persekutuan, di Kuala Lumpur di mana banyak kawasan perumahan, banyak kondominium yang mana semuanya merupakan hasil dan pendapatan dan kita boleh nampak bahawa kemungkinan pendapatan bagi DBKL itu setiap tahun bertambah walaupun dikatakan bahawa kadar cukai itu tidak dinaikkan. Akan tetapi pendapatan itu mungkin sudah bertambah tiga hingga empat kali ganda. Kalau hendak meyakinkan rakyat khususnya warga Wilayah Persekutuan bahawa ada keperluan untuk hendak naikkan cukai taksiran ini, maka perlulah didedahkan akaun DBKL itu secara keseluruhannya dari segi peningkatan pendapatan dan perbelanjaan yang selama ini dan di mana ia telah pergi dan sebagainya sehingga menjadikan suasana itu begitu mendesak sehingga terpaksa hendak naikkan kadar sehingga tiga atau empat kali ganda daripada apa yang sedia ada. Saya harap Yang Berhormat Sepang boleh komen pasal benda itu juga. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Shah Alam. Jadi sebab itulah saya katakan polisi-polisi seperti ini sepatutnya kalau kita rasa kita boleh pertahankan, sepatutnya kita perkenalkan sebelum pilihan raya supaya kita tengok macam

mana sokongan rakyat. Adakah dengan polisi seperti ini kita masih boleh terus menang dalam pilihan raya...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [Bangun]**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Akan tetapi nampaknya apabila selepas pilihan raya, baru berani buat. Sebelum pilihan raya, pengecut, takut hendak buat macam ini.

**Seorang Ahli: [Menyampuk]**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Pandai bohong itu namanya. Memang pandai. Pandai berbohong dengan rakyat.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang kami duduk diam-diam, cari gaduh apa ini? Mahu bahas, bahaslah betul-betul. Tidak payahlah bahas kata, "tipu" lah. Bahaslah betul-betul. Hendak bahas, ini cari masalah. Yang Berhormat Sepang ini memang dilahirkan untuk cari masalah. Cukuplah! Hendak cakap, bahas cara elok. Saya tengah sakit ini. Jangan bagi angin lagi...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Mabukkah? [Ketawa]

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Boleh? Izinkan, Tuan Pengerusi ya .

**Tuan Pengerusi:** Sila, sila, sila.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Baling, *steady*? Makan durian tadi apa? Pecah jahit nanti. Saya pun hairan juga. Yang Berhormat Sepang ini bising apa? Masalah hendak naik cukai pintu, hendak naik cukai itu bising apa, hendak jadi penderhaka? Hendak jadi pengkhianat kepada negara? Apa, hendak biar bagi DBKL muflis dan bankrap kah, ini apa ini?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Pokok Sena. Saya rasa soal apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pokok Sena ini, nampaknya Yang Berhormat Baling seronok sebab Yang Berhormat Baling ini jenis tidak faham orang sindir. Sindiran dia tidak faham. Dia ingat... [Ketawa]

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Sebab itulah Yang Berhormat Sepang tahu orang bohong sebab dia kuat bohong.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak katakan, kalau kita hendak buat sesuatu polisi ini, kalau kita rasa apa yang polisi itu baik, polisi ini betul-betul untuk kita ini, kita patutnya buat sebelum pilihan raya untuk kita *test* dengan rakyat. Adakah dengan polisi ini rakyat mesti hukum kita? Ini tidak. Masa dekat sebelum pilihan raya, janji manis macam-macam tiba-tiba selepas pilihan raya, tidak sampai setahun lagi, perkenalkan benda-benda ini. Ini yang kita rasa satu keadaan yang malang. Sampai bila kita hendak terus membohongi rakyat seperti ini.

Kembali terus kepada isu berkaitan dengan cara DBKL mengendalikan isu kuil. Saya rasa DBKL boleh belajarlah daripada agensi-agensi lain...

■1520

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, perkara yang telah selesai jangan lagi dibangkitkan. Bukankah sekarang kita bercerita dengan *rate*, kadar kenaikan. Tidak elok Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya sekarang pergi kepada lain.

**Tuan Pengerusi:** Sila, sila

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak bercakap tentang cara pengendalian Tuan Pengerusi berkaitan dengan isu kuil ini. Sebab isu seperti ini, isu yang kita tahu isu sensitif, isu yang melibatkan banyak *stakeholders*. Saya ingin menasihatkan DBKL supaya belajar daripada Kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor. Tengok macam mana kita menyelesaikan isu kuil di Seksyen 19 yang melibatkan rakan saya Ahli Parlimen daripada Shah Alam yang mana kita yakin dalam isu seperti ini, kaedah perundingan adalah kaedah yang paling baik. Bukan kaedah yang kita terus laksanakan tanpa berunding dan sebagainya. Walaupun niat DBKL baik sekalipun tetapi bila kita gagal mengadakan perundingan ini, ia akan mencetuskan perkara-perkara yang tidak baik dan kita tidak mahu insiden-insiden seperti ini boleh berlaku lagi dalam keadaan kita tahu bahawa isu-isu agama ini satu isu yang amat mudah untuk kita mencetuskan satu suasana yang tidak baik dalam negara kita.

Sebab itulah kita merasa amat kesal kerana dalam perkara seperti ini, tidak ada satu perundingan dibuat dengan semua pihak yang terlibat khususnya *stakeholders* dalam perkara ini. Ini kerana kita yakin kalau sekiranya rundingan dapat dibuat, banyak perkara yang seperti ini kita boleh elakkan.

Jadi, saya mengharapkan pada masa-masa yang akan datang, dalam berkaitan dengan isu-isu perobohan tempat agama ini, seelok-eloknya ataupun semestinya kita mengadakan rundingan. Biarlah rundingan panjang sekali mana pun tetapi akhirnya, kedua-dua pihak puas hati dan kita boleh dapat mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini akan berlaku. Sebab ia tidak memberikan imej yang baik kepada negara kita. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kuala Terengganu.

### 3.22 ptg.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahi Rahmani Rahim.* B.32 Butiran 050000 dan Butiran 050100 – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Saya merujuk kepada perkembangan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dan isu cukai pintu. Sebenarnya, masalah ini adalah banyak persamaan dengan masalah GST. Mengapa kerajaan tunggu 21 tahun dan dilaporkan akan naik sehingga 100% antara 200% mendadak? Itulah isu pertamanya. Macam GST, mengapa tidak dibuat cara berperingkat-peringkat dari dahulu seperti Singapura yang memulakan di tahap 3% dan mengambil masa 13 tahun untuk naik sehingga 7%? Masalah ini adalah kerajaan *indecisive*, dengan izin dan apabila tersepit, baru sudah hendak mulakan di tahap 6%. Penggunaan yang agak tinggi dan membebankan rakyat. Cukai pintu juga

begitu lama senyap, tiba-tiba hendak dikenakan tahap yang begitu tinggi. Suasana ekonomi yang kurang menentu, membuat kemampuan orang ramai terjejas teruk untuk membuat bayaran tersebut.

Selain cukai pintu, bayaran-bayaran kutipan *the development chargers*, bank charges dan lain-lain bayaran pembangunan lain juga telah dikutip oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan pihak-pihak berkenaan daripada orang ramai. Soalannya, ke manakah wang-wang bayaran ini dibelanjakan? Kita tidak nampak dilaburkan kepada infrastruktur seperti sepatutnya kerana kesesakan jalan raya makin teruk dengan lebih banyak kereta melimpah di jalan kerana jalan raya tidak dibesarkan. Ini tidak boleh berterusan *indefinitely*, dengan izin.

Masalah banjir kilat menjadi perkara biasa mingguan, hampir harian. Saya rasa lebih banyak hari berlaku banjir di Kuala Lumpur daripada banjir di Terengganu pada musim tengkujuh. Masalah kutipan sampah masih di tahap menyediakan untuk sebuah ibu negara yang berprestij seperti Malaysia. Keadaan Kuala Lumpur sebagai ibu negara Malaysia akan menjadi seperti Jakarta dan Bangkok tetapi...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Yang Berhormat Kuala Terengganu.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Ya, sila.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Kuala Terengganu pasal sampah ini. DBKL tiap-tiap bulan bayar kontraktor kutip sampah iaitu Alam Flora sebanyak RM14 *million*. Jadi, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Kuala Terengganu, apakah yang kita kena buat dengan kontraktor Alam Flora ini? Bayar RM14 *million* tiap-tiap bulan tetapi sampai tidak kutip. Terima kasih.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Ya, saya rasa sampah ini adalah satu kemudahan asas yang perlu diambil berat. Kalau apa-apa tindakan tidak diambil, ini mungkin akan menjelaskan kesihatan keseluruhan Bandaraya Kuala Lumpur dan ini ada implikasi jangka masa panjang.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu dan Tuan Pengerusi. Ini berbalik kepada soal banjir kilat itulah ya. Saya rasa, ini merupakan satu masalah yang sepatutnya sudah lama kita tangani sekiranya kita mempunyai satu perancangan yang menyeluruh berhubung dengan cara bagaimana kita hendak tentukan bahawa air itu akan masuk ke sungai-sungai utama. Ini kerana kita dapat bahawa dalam kes banjir kilat ini ia bukan satu keadaan yang mana air sungai itu melimpah. Masalahnya bukan seperti mana yang dihadapi di Kelantan ataupun di Terengganu yang mana oleh kerana air itu terlalu banyak sampai sungai pun melimpah.

Akan tetapi dalam kes ini, ia banjir kilat oleh kerana kadar pengaliran air daripada tempat-tempat tertentu hendak pergi ke sungai itu lambat oleh kerana sistem perparitan yang kurang memuaskan. Kalau itulah di antara punca utama yang dihadapi oleh warga Kuala Lumpur, saya merasakan bahawa ia merupakan satu perkara yang sepatutnya sudah lama dapat diselesaikan sekiranya ada perancangan yang baik dan perencanaan pembangunan bandar yang tersusun rapi.

Saya tahu bahawa Yang Berhormat Kuala Terengganu adalah seorang arkitek dan mungkin akan dapat memberikan pandangan tentang persoalan sistem perparitan yang berkesan. Adakah keadaan di Kuala Lumpur ini begitu mencabar sehingga masalah banjir ini tidak boleh diatasi? Ini kerana kadang kala apabila kita dengar apabila disebut tentang masalah banjir dan sebagainya, mereka jawab, “Oh! Ini memang oleh kerana ini tanah rendah, below sea level” dan sebagainya.

Akan tetapi saya rasa yakin bahawa di dunia, kita akan dapati banyak contoh yang mana walaupun sebuah negara itu sendiri berada di bawah paras laut tetapi apabila ia direka bentuk dengan baik dan ada perancangan yang baik, segala masalah banjir dan sebagainya dapat ditangani dengan baik dan jayanya. Apa pandangan Yang Berhormat Kuala Terengganu berhubung dengan persoalan ini? Terima kasih.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Soal banjir berlaku di tanah rendah sebenarnya tidak timbul sangat sekarang ini kerana semalam kita dengar daripada Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, banjir sekarang berlaku di lebuh raya bertingkat. Itu yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Jadi persoalannya, peruntukan itu ada. Peruntukan dalam setiap *development charges*, dengan izin dan juga segala hasil kutipan yang telah diambil oleh kerajaan dan pihak berkuasa sepatutnya diletakkan kembali di dalam infrastruktur membesar longkang, membesar jalan dan sebagainya, *maintenance*. Akan tetapi malangnya, kita tidak tahu ke manakah wang-wang ini dibelanjakan. Saya rasa, perbelanjaan ini perlulah diperincikan kepada rakyat dan masalah banjir tidak berlaku *overnight*, dengan izin. Ini kerana ia merupakan satu pembiaran keadaan yang berlarutan, makin buruk kerana itulah banjir di Kuala Lumpur berlaku hampir harian dan mingguan.

Baik, saya pulang balik kepada apa yang dikatakan tadi. Sekurang-kurangnya, kalau kita akan menjadi seperti Bangkok, kita patut sekurang-kurangnya belajar tentang apa yang telah dilakukan di Bangkok dengan sekurang-kurangnya ada monorel yang memuaskan. Akan tetapi di Malaysia ini, kita masih lagi di tahap *public transport*, dengan izin, di takuk yang lama. *Rail systemnya* dan *bus systemnya* masih mundur dan infrastruktur kita begitu beku dan begitu lama. Tuan Penggerusi, kalau kita bandingkan dengan badan manusia, Kuala Lumpur akan mengalami *heart attack*, serangan jantung kerana saluran pergerakan jalan raya, longkang dan sebagainya makin lama makin tersumbat. Perkara ini perlulah ditangani dengan *approach* yang lebih profesional.

Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Shah Alam tadi, sebenarnya masalah ini bukanlah masalah baru. Kita sudah ada *SMART Tunnel* dan sebagainya tetapi *there is lack of political will*, dengan izin, kerana tidak ada kesungguhan.

#### ■ 1530

Wang ada tetapi di manakah dilaburkan. Dari segi prioriti, dari segi kesungguhan banyak projek yang menunjuk-nunjuk yang dimegah-megahkan yang boleh nampak daripada jauh seperti bangunan yang paling tinggi, paling panjang tetapi asasnya yang kita bergerak di bumi yang nyata ini tidak diberi perhatian. Itulah yang menyediakan dan itulah sebabnya saya rasa rakyat biasa

berhak menyatakan bantahan dan rungutan mereka kerana mereka yang membayar *assessment* ini yang hidup di Kuala Lumpur yang membayar *assessment* ini tidak mengalami peningkatan dalam mutu hidup. Dengan jatuhnya....

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]**

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu, terima kasih Tuan Pengerusi. Ini pun satu perkara yang ditimbulkan juga oleh kerana ianya merupakan satu simbol tahap perkhidmatan yang dilakukan oleh DBKL di mana kompleks perniagaan dan pasar di Kampung Baru, saya difahamkan bahawa ianya masih lagi belum dapat digunakan dengan sepenuhnya dan masih lagi ada aspek-aspek yang tidak disiapkan dengan sempurna. Saya hendak minta kalau boleh, kalau hendak cakap pasal hendak tambah *assessment* ini benda yang *basic* seperti mana pasar di Kampung Baru itu sendiri tidak dapat diselesaikan dengan baik. Saya harap pihak menteri boleh memberikan penjelasan tentang persoalan ini, terima kasih.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Saya bersetuju dengan apa yang Yang Berhormat Shah Alam katakan tadi. Kampung Baru patut diberi keutamaan dan perhatian. Kita patut belajar dengan Singapura, Kampung Gelam, *Arab Street* dan sebagainya tidak diabaikan kerana kerajaan Singapura berpandangan jauh kerana mereka memandang tempat-tempat lama ini sebagai satu aset utama pelancongan dan juga budaya tempatan tetapi malangnya kita hanya membelanjakan segala kewangan yang ada untuk projek-projek yang baru dan abaikan yang lama. Seperti yang dikata tadi, pasar Kampung Baru dan sebagainya patut diberi perhatian yang sewajarnya. Kalau tidak kualiti hidup di Kuala Lumpur akan terus menurun dan ramai lagi akan meninggalkan Kuala Lumpur dan Malaysia dan ini akan merumitkan lagi keadaan *professional* dan juga *capital flight* dari mereka yang ingin melabur di Kuala Lumpur.

Apa-apa bayaran yang dikenakan mestilah munasabah yang diminta pada rakyat dengan kemudahan dan kualiti hidup yang disediakan. Jadi kalau apa yang dibayarkan tidak nampak dizahirkan dengan pembangunan fizikal yang sepatutnya, saya rasa memanglah rakyat berhak membantah dan menunjukkan ketidakpuasan hati mereka tentang ketidakadilan wang dikutip tetapi tidak dicurahkan di tempat yang sepatutnya tetapi seperti yang saya katakan tadi, terus juga membina yang baru, yang lama dibiarkan begitu sahaja. Jadi itulah....

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang terakhir Yang Berhormat Kuala Terengganu yang saya hendak timbulkan ialah tentang soal tapak pelupusan sisa pepejal di Bukit Tagar yang di bawah DBKL dan saya ingin menteri mungkin memberikan penjelasan sampai bila ianya masih lagi boleh diguna pakai. Seperti mana yang kita tahu semua tapak pelupusan ini ada dia punya *projected life spend* dia, dan sekiranya ianya adalah satu tapak pelupusan yang benar-benar *sanitary* atau sebaliknya dan sekiranya tempoh jangka hayatnya hampir hendak tamat, dikatakan mungkin 60 tahun lagi, apakah statusnya apabila ada pembangunan yang lebih pesat

dan mungkin pengeluaran sisa pepejal yang semakin bertambah dan sebagainya dan apakah cadangan-cadangan yang hendak digunakan oleh pihak Kementerian Wilayah Persekutuan untuk menangani masalah sisa pepejal di kawasan Wilayah Persekutuan terima kasih.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Memang sistem *rubbish disposal*, dengan izin, amat penting untuk menjamin kualiti dan mutu hidup tempatan. Sekali lagi Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan di sini bahwasanya rakyat Malaysia ini selalunya tidaklah susah sangat hendak berkira tetapi mereka ingin melihat sesuatu keadaan yang munasabah dengan apa yang dibelanjakan. Mereka tidak membantah sangat kalau untuk membayar *assessment* yang berpatutan memadai dengan apa yang mereka dapat tetapi kalau terus dibuat bayaran tetapi tidak melihat apa-apa manfaat kepada masyarakat dan juga mereka sendiri, ini akan menimbulkan perasaan yang membantah dan tidak ingin mengadakan apa-apa kerjasama. Saya memohon pihak bandar raya, memikirkan sebaik-baik...

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Yang Berhormat Kuala Terengganu, minta penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Setuju atau tidak dengan kenaikan cukai sehingga 100% yang akan membebankan lagi warga kota seperti mana kita tahu kemiskinan di bandar lebih teruk daripada kemiskinan di kampung. Kalau miskin di bandar, maka mereka lebih dahsyat daripada kemiskinan yang ada di kampung. Maka dengan sebab itu setuju atau tidak Yang Berhormat Kuala Terengganu dengan kenaikan cukai ini akan menambahkan bebanan kepada pengundi-pengundi kota dan juga kita menjangkakan ia akan mendatangkan masalah sosial yang sedia ada dan akan bertambah lagi masalah sosial dan mungkin akan banyak pusat-pusat wad-wad gila seperti mana Tampoi dan Tanjung Rambutan, terima kasih.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Ada dua kategori di sini. Pertamanya untuk mereka yang berpendapatan rendah. Mereka memang tidak mampu membayar *assessment- assessment* yang tinggi kerana mereka pun sudah hidup dalam keadaan tertekan. Apa-apa pengabaian kualiti hidup akan menimbulkan masalah kesihatan wabak dan sebagainya. Ini merupakan tanggungjawab kerajaan untuk memelihara mereka yang kurang berada dan kurang berasib baik.

Untuk golongan yang berada pula seperti mereka yang lebih kaya, *developers* dan sebagainya, sebenarnya saya rasa mereka tidak sangat berkira kalau hendak membayar *assessment* yang tinggi, bersyarat kualiti dan mutu kawasan persekitaran itu setimpal dengan harga yang sepatutnya di dalam pasaran tetapi kalau kualiti jalan raya, sampah, banjir dan sebagainya tidak ditingkatkan, saya rasa mereka berhak untuk membantah kerana harga-harga pasaran apa yang mereka usahakan dan bangunkan tidak naik dan ada kadangkalanya jatuh. Saya rasa itulah yang kerajaan perlu adil kepada mereka yang membayar, berilah mereka apa yang sepatutnya kerana mereka membayar cukai dengan harapan kerajaan melabur balik bayaran mereka kepada kawasan dan industri yang mereka jayakan selama ini.

Di sini saya ingin memohon pihak yang berkenaan, Bandaraya dan kementeriannya mengkaji balik munasabah atau tidak dan mencerminkan balik apakah yang telah dibelanjakan

selama ini. Kerana keadaan Kuala Lumpur ini tidak ada peningkatan langsung dari segi banjir, kesesakan lalu lintas dan kualiti kemudahan awam, sekian. *Assalamualaikum.*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kuala Kangsar, selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

### 3.38 ptg.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya ada dua perkara ringkas berkaitan Butiran 050000 iaitu yang pertama sekali ialah tentang penjenamaan Kuala Lumpur yang sememangnya kita berusaha untuk menaikkan nama Kuala Lumpur di peringkat antarabangsa yang mana kita tahu banyak usaha telah dilakukan oleh pihak warga Kuala Lumpur, DBKL, pihak media, pihak sistem penerbangan Malaysia dan badan-badan pelancongan. Jadi marilah kita sama-sama merasa bangga untuk kita membawa KL sebagai satu nama yang diketahui di peringkat dunia sebagaimana Lost Angeles yang dikenali sebagai LA sahaja. Jadi kita lihat ada juga usaha-usaha yang terkeliru. Ada yang mengatakan KL ejaaanya "Kay El", macam-macam pendekatan tetapi saya rasa adalah tanggungjawab kita bersama untuk sama-sama nyatakan bawah kita dari Kuala Lumpur, KL apabila kita berada di luar negara. Kalau Yang Berhormat Gerik pergi ke luar negara dan orang bertanya, katakan, "*I'm from KL*". Apatah lagi Yang Berhormat Sik, mesti sebut KL. Begitu juga dengan Yang Berhormat Shah Alam, walaupun dia berbangga dengan Shah Alam dia mesti juga menyatakan bahawa "*I'm from KL*".

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [*Menggelengkan kepala*]

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Dia dah menggeleng. *You are from* Shah Alam, memang. Itulah kerja kita kempen sama-sama untuk menaikkan nama KL di peringkat antarabangsa sebagaimana LA. Walaupun orang di luar LA, dia tidak mengatakan dia dari San Diego kah, mana-mana- dia sebut LA. Jadi inilah tanggungjawab kita bersama.

### ■1540

Keduanya tentang trafik. Saya merasakan sebenarnya masalah lalu lintas sebenarnya tidaklah seteruk mana Jakarta ataupun Bangkok seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu tadi. Akan tetapi ada satu pendekatan yang ingin saya cadangkan kepada pihak DBKL bahawa sekarang ini terdapat keperluan letak kereta yang begitu tinggi, satu campur dua. Bermakna kalau ada 100 unit rumah hendak dibuat, kita perlu mengadakan 100 campur 20%, bermakna 120 tempat letak kereta perlu kita sediakan. Ini membebankan *developers* ataupun pemaju harta tanah. Akan tetapi oleh kerana Kuala Lumpur ini sebuah bandar antarabangsa, maka bolehkah tidak DBKL melihat pendekatan teknikal supaya perumahan di sebelah LRT dan juga MRT atau yang di sekitar stesen-stesen ini, *within walking distance* memberi *flexibility* kepada mungkin 70% sahaja daripada keperluan atau boleh mencuba sehingga 30% untuk harta tanah ini dimiliki oleh pelancong-pelancong ataupun pelabur-pelabur luar negara.

Jadi kalau kita lihat bandar-bandar besar di seluruh dunia, kebanyakan mereka duduk di dalam bandar, *inner city living*. Ini kita perlu perkukuhkan kerana kita tidak mahu warga Kuala Lumpur duduk di pinggiran bandar, apabila malam hari tidak ada aktiviti. Jadi oleh kerana kekuatan sesuatu bandar raya itu mesti ada penduduk di dalam bandar raya itu sendiri, *inner city living*, dengan izin. Jadi saya mencadangkan supaya perkara ini dapat perhatian daripada pihak DBKL kerana apabila kita memberi kelonggaran kepada keperluan tapak kereta ini, maka pemaju boleh membangunkan harta tanah yang strategik dengan harga yang murah. Akan tetapi untuk pasaran antarabangsa, boleh membangun dengan murah tetapi boleh mendapat pulangan yang begitu tinggi kerana pemilik-pemilik luar negara tidak memerlukan tempat letak kereta. Sekian, terima kasih. Dengan ini saya menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Okey, sila Yang Berhormat Subang.

### 3.42 ptg.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya tak akan ambil masa yang panjang, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ucap terima kasih atas peluang sebab saya tahu nama saya tidak disebut dalam senarai. Saya ingin bangkitkan perkara berkaitan dengan Butiran 050000 berkaitan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tentang tindakan yang telah dilakukan terhadap kuil di Jalan P. Ramlee. Tuan Pengerusi, saya terpaksa mengisyitarkan kepentingan saya dahulu sebab saya terlibat sebagai peguam dalam kes mewakili kuil ini dalam kes yang telah dibuat di mahkamah di mana pihak pemaju yang terlibat dalam saman DBKL dan pihak kuil buat permohonan untuk mencelah dalam kes itu.

Juga Tuan Pengerusi, adalah wajar saya beritahu jawatankuasa bahawa kes itu telah selesai, maksudnya telah ditamatkan di mahkamah dan tidak ada dibuat rayuan jadi tidak ada apa-apa isu *sub judice* yang berbangkit, kes itu dah habislah.

Isu sekarang ialah tindakan Dewan Bandaraya baru-baru ini untuk merobohkan sebahagian daripada kuil itu. Saya ingin ulang untuk rekod bahawa tindakan perobohan itu...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya, saya.

**Tuan Pengerusi:** Tadi saya tegur Yang Berhormat Sepang kerana Yang Berhormat Sepang membangkitkan isu itu. Kan isu itu sudah isu yang selesai, telah pun diberi jawapan oleh Menteri yang berkenaan panjang lebar sewaktu berbahas peringkat dasar dan sewaktu seorang Ahli Yang Berhormat yang diambil tindakan. Ini tidak elok untuk diulang kembali kerana ianya akan menghabiskan masa mesyuarat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya, mungkin Tan Sri boleh dengar. Saya tak akan masuk dalam isu perobohan banyak, saya *just* nak pergi kepada isu penyelesaian pertikaian masalah ini. Sebab itu saya bangkitkan isu ini dan saya akan minta pandangan daripada Menteri. Menteri yang bagi penjelasan-penjelasan...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya sendiri terlibat untuk menjadi perantaraan kerana Yang Berhormat Padang Serai saya panggil di *Chamber* saya, bertanya. Selepas itu saya panggil Menteri yang berkenaan, bolehkah bercerita tetapi wakil rakyat yang berkenaan bukan memilih itu. Jadi isu yang selesai jangan lagi diungkit kerana tidak akan membuat apa-apa kebaikan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya, tapi Tuan Pengerusi, saya tidak akan masuk daripada isu itu sebab itu saya minta Tuan Pengerusi dengar, fokus saya dan tumpuan saya. Saya tidak akan masuk dalam isu...

**Tuan Pengerusi:** Apabila Yang Berhormat bangkitkan itu, kan juga terpaksa dijawab oleh Menteri yang berkenaan yang telah pun dijawab sebelum ini, *what is the purpose?*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** No, jawab apa? Saya belum sebut lagi. Bagi saya peluang untuk terangkan apa saya mahu terangkan. Tuan Pengerusi, itu yang saya minta.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, perkara-perkara Yang Berhormat akan terangkan itu *will be wasting the Dewan* punya masa kerana telah pun diberi jawapan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Pengerusi belum tahu apa yang saya akan bangkit. Macam mana Tuan Pengerusi boleh membaca minda saya? Ini yang saya nak cakap, *you don't know what I'm going to raise. You don't know the aspect I'm going to discuss...*

**Tuan Pengerusi:** Okey, *I will listen to what you want to raise.*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *That is all I'm asking and then* saya pun...

**Tuan Pengerusi:** Okey, sila-sila. Sila Yang Berhormat. *Let me hear to all those you have to raise...*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Pengerusi, itu pun saya nak buat, *I have to say now* kenapa saya dihalang macam ini dalam...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Duduk dulu Yang Berhormat. Duduk dulu.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** No, *I'm sorry. I will sit down, I will sit down but I want to put on record...*

**Tuan Pengerusi:** Duduk dulu Yang Berhormat. *I'll response to you first.* Duduk dulu Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *I will sit down, yes.* Tuan Pengerusi, *I will follow that but...*

**Tuan Pengerusi:** Duduk dulu Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *Don't you see, what you have done?*

**Tuan Pengerusi:** Duduk dulu Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *I will sit, there is no problem, I respect the Chair.*

**Tuan Pengerusi:** Duduk dulu Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *But I think, we need to ...*

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, duduk dulu Yang Berhormat! Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau kamu perhatikan cara saya mengendalikan Mesyuarat, sejauh mana kamu

membebaskan dengan soal-soal yang mengikut peraturan mesyuarat menghentam kerajaan, saya biarkan. Itu tanggungjawab saya. Saya mahu pihak kerajaan bertanggungjawab lebih-lebih lagi Menteri. Akan tetapi apabila isu-isu yang dibangkitkan itu bagi pendapat saya melanggar peraturan mesyuarat, saya tidak akan berganjak seinci. Kalau juga ada Ahli Yang Berhormat yang ingkar dengan apa yang saya telah tetapkan menghadapi risiko untuk saya usir daripada Mesyuarat.

*Now if that is very clear, let me hear what you have to say- apa, from what is being said before, dalam Dewan ini. I'll give the opportunity because nanti saya dituduh lagi bahawa saya tidak mendengar apa-apa. Sila.*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** *And after that tell me what is the different kerana selepas daripada ini saya akan panggil Hansard. Sila.*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Pengerusi, okey. Sebab masa singkat, saya akan terus kepada isu dan saya tak mahu masuk dalam...

**Tuan Pengerusi:** *No, no. Let me hear. I want to hear now. I want to hear what something new than I have never heard before.*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *Can you let me speak to the Minister and address matter without being interrupted. Can I finish what I want to say without being interrupted?*

**Tuan Pengerusi:** Okey, *I want to hear.*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *No but I'm being interrupted. Can I please stop being interrupted?*

**Tuan Pengerusi:** *No, no, no, no. Yes you go.*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *This is what I mean, can I speak without being interrupted?*

Boleh saya cakap tanpa...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, saya kata sila.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Baik.

**Tuan Pengerusi:** *My God.*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *Can I proceed without being interrupted? That's all, thank you. Okey, itu sahaja. Ya, that's all. I will continue, that is okay but... Tuan Pengerusi, isu yang saya akan bangkitkan, I was about to say earlier, let me say before you stop me. I was going to put on record about the perubahan. I'm not going to go into panjang lebar tentang perubahan itu. Lepas itu saya akan tanya tentang isu macam mana masalah itu akan diselesaikan? That is going to be my focus. Sebab itu kita bahas di sini untuk cari penyelesaian masalah itu. But, before I start on that, dengan izin I want to put on record- perobohan itu salah. Itu sahaja and there's nothing wrong with me doing that, that is my right to do and I will say it, itu sahaja. Perobohan itu tidak patut dilakukan whatever they say, itu sahaja.*

*Now, perobohan itu tidak patut dilakukan sebab itu tempat ibadat yang sudah wujud 100 tahun, all right? Menteri Wilayah Persekutuan boleh kata apa-apa, dia kata dia pakar atas sebab perkara Hindu, dia kata itu shrine, tak apa. We reject that, kita kata, "It shouldn't happen." Now,*

saya ada beberapa soalan. Kuil itu sudah wujud 100 tahun atas tanah kerajaan, itu jelas. Tidak ada dipertikaikan, ada sempadan yang jelas di antara tanah itu dengan tanah swasta yang dipegang oleh Hup Seng, pemaju yang sekarang ini...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *No, isu is not...*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat duduk Yang Berhormat?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *I haven't finished what I'm saying then I made my point.*

**Tuan Pengerusi:** Bolehkah Yang Berhormat duduk dulu Yang Berhormat?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Baik, baik.

**Tuan Pengerusi:** Sewaktu perbahasan untuk mengambil tindakan kepada Yang Berhormat Padang Serai, semua ini telah pun dibangkitkan.

#### ■1550

Sewaktu Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjawab isu ini, telah pun dibangkitkan, *nothing new*. Akan tetapi oleh kerana saya khuatir untuk dituduh bahawa saya menghalang daripada Yang Berhormat, maka saya beri Yang Berhormat laluan. *I have given you one opportunity to explain. No further explanation that I think beyond that what is been discussed here. That's right.* Akan tetapi mahu juga Ahli Yang Berhormat mahu bertengkar dengan saya. Kalau Yang Berhormat berdiri juga mengenai dengan soal ini, saya tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan untuk mengusir Yang Berhormat kerana mensia-siakan masa persidangan *unless you move to a new point...*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya akan *move to new point. The issue is*, saya hendak tanya- sempadan adalah jelas di antara tanah Hup Seng dengan tanah kerajaan itu, tetapi— dan ini jelas sebab ada satu masa pada tahun 2012 di mana ada didapati kuil sudah ceroboh sedikit daripada tanah Hup Seng, dua-dua pihak duduk berunding dan dinding sempadan di kedua-dua tanah itu telah dibetulkan. So, sempadan itu jelas. Akan tetapi, masalah di dalam kes ini berlaku sebab pada tahun 2010 kita ada *development order*.

Soalan saya, saya hendak tahu kenapa untuk pembinaan atas tanah Hup Seng, kenapa DBKL meluluskan struktur yang mencerobohi tanah yang diduduki oleh kuil walaupun DBKL tahu pada masa itu bahawa kuil wujud dan sudah wujud lama. Itu yang menjadi punca itu.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, ada lagi perkara yang mungkin ramai Ahli Yang Berhormat sudah tahu. Pada tahun 1999 sehingga tahun 2002, *particularly* pada tahun 2000 sehingga 2002, tanggungjawab saya antara lain ialah jaga Wilayah Persekutuan termasuk DBKL. Saya tahu sejarah DBKL. Saya tahu kuil-kuil di mana yang disebut itu. Jadi, jangan ada Ahli Yang Berhormat yang memikirkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri yang tahu mengenai dengan sejarah DBKL.

Dalam soal berbahas, saya ingatkan kembali, tidak ada siapa yang benar *hundred percent*. Yang kadang-kadang saya meruap ialah apabila saya kasi tafsiran kepada peraturan mesyuarat dan itu adalah merupakan hak saya di bawah peraturan mesyuarat, ada Ahli-ahli Yang Berhormat

yang meloncat mengatakan bahawa itu salah kerana peraturan mesyuarat menurut tafsiran dia adalah betul. *Now, my question is this, what makes you think that your interpretation is gospel right and in mine is not?* Itu yang kadang-kadang berlegar di kepala saya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Pengerusi, saya tidak bangkit dan saya tidak bagi apa-apa tafsiran *standing order*. Tuan Pengerusi yang bagi, saya tidak sentuh.

**Tuan Pengerusi:** *I know Yang Berhormat tetapi apabila saya menegur Yang Berhormat untuk duduk dan jangan sentuh isu itu, masih lagi Yang Berhormat mahu put it on record. Apa Yang Berhormat want to put it on record itu, saya telah bagi tahu tadi bahawa sejak tahun 1999 hingga 2002, I know...*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *So, is Tuan Pengerusi saying the pencerobohan is correct? I do not want to debate with you...*

**Tuan Pengerusi:** Sudahlah Yang Berhormat. *If you do not move to the next point, I will ask you to rest.*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Pengerusi, *with respect, you are the Speaker. So, please be a Speaker.*

**Tuan Pengerusi:** *I know I am the Speaker. Only some of you do not know that I am the Speaker.*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *The answer should come from there, not from here.*

**Tuan Pengerusi:** Sila, sila teruskan *to another point*.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *The point is about the kuil. We want to know how solve the problem, dengan izin. That is why saya bangkit ya. I am not bangkit perlenggaran standing order, saya tidak...*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, duduk dahulu Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *I just want to finish the point.*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, kiranya Yang Berhormat duduk dahulu Yang Berhormat. Apa-apa masalah di sini yang *to solve*? Tindakan telah diambil untuk kuil dirobohkan yang di luar. Saya diberitahu itu tidak melibatkan kuil. *Another word to me*, tindakan telah diambil, oleh sebab sebelum itu konon ada perundingan yang tidak selesai termasuk apa yang disebut Yang Berhormat Padang Serai kepada saya sewaktu saya memanggil beliau ke dalam saya punya kamar. Jadi apa lagi penyelesaian yang perlu dibuat ini? *When I asked Yang Berhormat Padang Serai, I said, can't you go to the mahkamah again when I asked you the right if you have the right? The answer I got was no- because we are fed-up going to the mahkamah.* Apa penyelesaian? Sudah menjadi isu besar sehingga satu wakil rakyat terpaksa diambil tindakan. *What is the penyelesaian?*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** *If you don't sit and continue on this, I will ask you to go out.* Saya akan gunakan saya punya kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat 44. *You have wasted the time of the Mesyuarat begitu lama.* Sila Yang Berhormat Menteri jawab.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *I've tried to raise my point.*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri, sila.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi, sebelum itu.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *I am trying to raise my point. You have wasted the time of this Dewan, Tuan Pengerusi. With all due respect, I say, you have wasted the time.*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sudah. Sudah Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *I am trying to finish my point. You are the Speaker. You want to give a speech...*

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, sudah Yang Berhormat. Jangan bertengkar dengan saya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *Why are you getting involved in the issue? Let me just raise my point.*

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, sudah Ahli Yang Berhormat!

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *I just want to raise my point. I won't raise an objection to you Tuan Pengerusi. You shouldn't get involved in the debate. You are the Speaker. You have to be independent.*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab Ahli Yang Berhormat daripada Subang ingkar dengan arahan saya untuk berhenti berhujah...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *Please, play a role as an independent Speaker.*

**Tuan Pengerusi:** Sekarang ini saya menggunakan kuasa saya di bawah Peraturan Mesyuarat 44...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *You can send me out, I will go out.*

**Tuan Pengerusi:** Untuk mengusir Yang Berhormat keluar. Sila Bentara, jalankan tugas.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *You can send me out but to respect to the Chair... No, no. You can send me out, it's okay. That is not a problem.*

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat lain duduk Ahli Yang Berhormat, sehingga hal ini selesai.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *But, let me say on record, this Chair- get involved...*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sila ikut arahan untuk meninggalkan Dewan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi, saya just hendak minta satu sahaja penjelasan. Tuan Pengerusi, memang betul kementerian ada *court order*. Saya minta izin Tuan Pengerusi tolong baca *court order* sebab *court order*...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sila tinggalkan Dewan Mesyuarat oleh kerana Menteri menggulung perbahasan.

*[Yang Berhormat Subang diiring keluar daripada Dewan]*

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Tuan Pengerusi, saya ada isu lain, isu baru.

### 3.55 ptg.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan]:**

Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Segambut dan Yang Berhormat Kapar, kecuali Yang Berhormat mempunyai *point* yang tersendiri daripada ini.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya, *point* yang tersendiri.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ya, ya, ya.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** *Point* yang lain.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, dua-dua Ahli Yang Berhormat ambil giliran masing-masing. Sila Yang Berhormat Kapar duduk. Sila Yang Berhormat Segambut. *What do you have to say?*

### 3.55 ptg.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi tadi kata Tuan Pengerusi mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai sejarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Jadi soalan saya kepada Tuan Pengerusi, apa pandangan Tuan Pengerusi mengenai kenaikan cukai pintu di Kuala Lumpur? [*Dewan riuh*]

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Sila.

### 3.56 ptg.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Berkait dengan Yang Berhormat... [*Dewan riuh*]

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Berkaitan dengan...

**Tuan Pengerusi:** Kadang-kadang Ahli Yang Berhormat, ada persoalan-persoalan yang tidak perlu dijawab, oleh kerana soalan itu kita faham soalan daripada mana. Sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi, berkaitan dengan apa yang diungkit dibawa oleh Yang Berhormat Subang...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi, boleh celah sikit?

**Tuan Pengerusi:** Satu Yang Berhormat belum habis selesai lagi untuk berhujah...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak, saya hendak berbangkit tentang peraturan mesyuarat.

**Tuan Pengerusi:** Bolehkah dulu kasi habis satu, Yang Berhormat?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Peraturan mesyuarat.

**Tuan Pengerusi:** Biar dia habis dahulu, Yang Berhormat. Selepas itu saya *entertain you* on peraturan mesyuarat. *No problem.* Sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi, berkaitan dengan apa yang telah ditekankan oleh Yang Berhormat Subang, tempoh hari ada isu yang dikaitkan dengan *court order*. Saya sebenarnya akan membawa perhatian Tuan Pengerusi, bahawa *court order* itu sebenarnya sudah *lapsed*. Ia sepatutnya digunakan dalam masa tempoh hari.

Akan tetapi Tuan Pengerusi, saya tidak hendak mengganggu konsentrasi Tuan Pengerusi. Esok saya akan bawa *court order* itu dan saya akan lampirkan *court order* itu kepada pengetahuan Tuan Pengerusi secara sendiri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Sila Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya ingin meminta penjelasan berkaitan Tuan Pengerusi kata tadi bahawa Tuan Pengerusi tahu tentang isu DBKL ini. Saya agak *concern* Tuan Pengerusi, apabila Tuan Pengerusi memberitahu Tuan Pengerusi tahu tentang benda itu yang bagi saya satu prinsip yang saya rasa boleh diterima baik di Parlimenkah, mahkamahkah, apabila seorang *presiding officer* mengetahui satu perkara *within his knowledge, he is not supposed to chair in the meeting because then it will be a conflict of interest* di sini.

Tuan Pengerusi, saya rasa dalam mahkamah pun begitu. Begitu juga dalam Parlimen ini. Sebab itu saya agak *concern* Tuan Pengerusi mengatakan, *I know about DBKL, I know everything about Wilayah. Then*, dengan pengetahuan itu, Tuan Pengerusi menggunakan pengetahuan itu untuk menghalang Yang Berhormat Subang daripada bercakap. Saya rasa sepatutnya dalam keadaan begitu, Tuan Pengerusi sepatutnya *refuse yourself* dan lantik orang lain untuk *preside*.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sebab ini akan menimbulkan...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Sepang, terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sekejap Tuan Pengerusi. Saya bukan kata Tuan Pengerusi tidak boleh, tapi ini akan menimbulkan satu spekulasi bahawa Tuan Pengerusi seolah-olah prejudis dan *bias*. Itu yang saya *concern*.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Saya akan respons kepada Yang Berhormat Sepang dan terima penjelasan saya dengan pemikiran yang terbuka.

Belum pernah ada sebelum ini sejak saya memegang jawatan sebagai Speaker, memanggil seorang Yang Berhormat di *Chamber* saya untuk berbincang dan berbicara mengenai dengan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Padang Serai, atas sebab saya mengambil kira apa yang saya tahu berhubung dengan informasi yang diberi kepada saya oleh pihak yang berwajib dan pengalaman saya waktu saya memegang jawatan di DBKL. Saya panggil beliau, saya bercerita dengan cara baik. Adakah ini satu penyelesaian kepada masalah ini dengan membawa usul seperti begini? Yang saya kata, sudah jelas bertentangan dengan peraturan mesyuarat.

## ■ 1600

*You are a lawyer, you also must advice me.* Ini kerana Ahli Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 18(1) tidak payah dibicarakan dalam Majlis, the *Chamber* boleh kerana itu *discretion Speaker*. Bermakna semua yang perlu saya dengar daripada Menteri yang berkenaan, daripada

pihak yang berkenaan yang membangkitkan isu itu yang sehingga beliau diambil tindakan dan tidak perlu lagi diungkit semula kerana barang itu, isu itu sudah selesai apabila sudah diambil tindakan. Itu sebab saya tidak mahu lagi dibangkit balik. Apabila itu saya ambil kira itu sebab saya panggil beliau kerana saya mahu ada penyelesaian. Ini kerana perkara-perkara begitu sensitif. Pengetahuan saya dalam hal itu adalah perkara yang sensitif yang saya tahu dan tidaklah perlu saya untuk menzahirkan. Ini kerana kalau perkara itu sensitif dan ianya menimbulkan bersakit-sakit hati bukankah itu juga melanggar Peraturan Mesyuarat?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi *what I'm concern*, dengan izin adalah apabila Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat *I'm understand what you are saying*. Tidaklah sampai bawaha itu saya mempunyai *conflict of interest* kerana saya bukan pihak yang berkuasa sekarang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi menggunakan ilmu itu untuk menafikan pihak Yang Berhormat Subang untuk membangkitkan seolah-olah Tuan Pengerusi seolah-olah bercakap bagi pihak Menteri. Ini yang *our concern* ibarat Tuan Pengerusi sebagai seorang saksi dan juga ...

**Tuan Pengerusi:** Sila Menteri, Menteri sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi saya rasa *precedent* ini satu....

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Terima kasih Tuan Pengerusi ...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Pertanyaan Yang Berhormat Segambut belum jawab.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ...*Bad precedent* sepatutnya dalam kes-kes seperti ini Tuan Pengerusi ...

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih ...

**Tuan Pengerusi:** Sila, sila

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Recues yourself, recues yourself* Tuan Pengerusi, *otherwise* ...

**Tuan Pengerusi:** Kalau boleh Yang Berhormat, kalau boleh kita...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi akan dilihat ...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Sepang kalau boleh Yang Berhormat berbincang dengan saya mengenai soal isu undang-undang jangan menghabiskan masa ini, *I will invite you to my Chamber* ...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bukan, bukan saya hendak menghabiskan masa Tuan Pengerusi saya mengatakan bawaha kerusi Tuan Pengerusi mesti dihormati dan dilihat dihormati.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Sepang sudahlah Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dalam keadaan begitu Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi dilihat seolah-olah...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Sepang duduk Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi tidak *disclose your interest*.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Sepang duduk Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi seharusnya *disclose your interest*. Kami menghormati Tuan Pengerusi....

**Tuan Pengerusi:** Sudahlah Yang Berhormat Sepang ...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi meletakkan diri Tuan Pengerusi- dalam keadaan begini.

**Tuan Pengerusi:** Sudahlah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini yang saya *concern* Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Sudah Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bukanlah Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi

....

**Tuan Pengerusi:** Sudahlah Yang Berhormat Sepang, sudahlah.

#### 4.02 ptg.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan perkara-perkara yang terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan sepanjang perbahasan Rang Undang-undang Pembekalan 2014 di Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Parlimen Ketiga Belas, Dewan Rakyat tahun 2013 kali ini. Keprihatinan, ketelitian dan kepekaan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap perkara-perkara yang melibatkan kesejahteraan dan keharmonian hidup serta kebijakan para warga Wilayah Persekutuan khususnya dan rakyat amnya amatlah kami hargai. Ini termasuklah cadangan-cadangan yang dikemukakan yang telah kami ambil maklum.

Bagi jawapan-jawapan soalan-soalan yang telah ditanyakan tadi saya minta jawab soalan cukai dahulu daripada Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Setiawangsa, Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Segambut, Yang Berhormat Cheras, Yang Berhormat Titiwangsa. Kenaikan cukai taksiran DBKL...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Untuk makluman, Yang Berhormat Seputeh, minta maaf Yang Berhormat Seputeh. Yang Berhormat Wangsa Maju juga telah menimbulkan soalan tadi.

Saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kadar cukai taksiran pintu tidak dinaikkan pada peratusnya. Hanya yang telah diambil kira adalah nilai taksiran sewa tahunan yang telah diambil kira selepas 21 tahun. Oleh itu saya haraplah pihak-pihak Yang Berhormat

faham maksud kenaikannya bukan dari segi kadar taksiran tetapi pada nilai sewa tahunan. Walau bagaimanapun, saya adalah berita baik sedikit Yang Berhormat-Yang Berhormat ini. Kenaikan cukai taksiran DBKL ditangguhkan bagi membolehkan sesi pendengaran bantahan...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Terima kasih banyak-banyak.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Bantahan dilaksanakan mulai Januari hingga Mac 2014. Warga kota masih perlu mengemukakan bantahan atau aduan seperti mana yang ditetapkan sehingga 17 Disember 2013 supaya sesi pendengaran dapat dibuat seperti mana jadual ditetapkan.

Pada soalan itu Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur yang dijanjikan tidak diberikan kepada Ahli Parlimen. Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Seputeh dan Yang Berhormat Segambut, Draf Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 telah *declassified* sebagai dokumen terperingkat bertaraf sulit yang tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972. Arahan Keselamatan yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan telah bersetuju dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat Wilayah Persekutuan untuk diberi satu salinan naskah tersebut dan akan diberi secara persendirian kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat.

Yang Berhormat Setiwangsa...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Yang Berhormat boleh minta *soft copy* juga? *Soft copy* dalam CD?

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Saya perlu usahakan Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya tunggu ...

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat ingat kalau bertanya apa-apa jangan sinis. Itu pun saya boleh rasa. Tanya dengan baik, jawab dengan baik.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya tunggu Tuan Pengerusi untuk bagi laluan, boleh?

**Tuan Pengerusi:** Terpulang kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat telah nampak dia berdiri.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama sekali saya ingin tahu, bilakah pelan ini telah diklasifikasikan di bawah "akta sulit"? Ini adalah kerana draf yang pertama telah dipamerkan secara umum terdapat di koridor di DBKL dan juga diedarkan kepada orang awam dijual kepada pemaju dan lain-lain lagi. Jadi draf pertama itu bukan sulit sebagai dokumen publik. Kemudian kenapakah edisi yang telah diubah mengikut cadangan datang daripada orang awam itu dijadikan "sulit"? Saya tidak faham logiknya.

Saya juga ingin tahu kami tanda tangan untuk aku janji ini, adakah ini bermaksud kita tidak boleh maklum kepada orang awam atau media apa yang isi kandungan dalam dokumen ini. *Is it*

*what it means?* So saya juga ingin tahu apa maksudnya kita *sign* untuk dapat satu *copy* atau kita *sign* supaya kita akur dalam syarat-syarat kita tidak boleh *review*, dedahkan walau apa pun yang di dalam dokumen ini kepada siapa-siapa. So itu yang ingin saya dapat penjelasan.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Terima kasih Yang Berhormat Batu kerana aspek soalan Yang Berhormat Batu ini ada fakta-fakta seperti takrif dan sebagainya. Saya minta beri penjelasan secara bertulis. Saya akan beri penjelasan secara bertulis.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Bila kita boleh dapat *copy* itu dan apa takrifan kita bila kita tanda tangan...

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Kalau tanda tangan boleh dapat terus.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *What does it means?* Ini sebab saya tahu kalau kita dapat satu dokumen yang dikatakan "sulit" itu adalah Minit Mesyuarat Exco atau kerajaan. Semua kandungan ini kita tidak boleh rujuk, kalau kita dedah adalah bermaksud kita rela didakwa dalam mahkamah kerana kita tahu itu adalah dokumen sulit. Itu yang saya takut bila saya bawa dokumen itu letak dalam *office staff* saya baca atau ada wakil persatuan penduduk yang datang. Saya buka untuk *share* dengan itu adakah saya telah melanggar Akta Rahsia Rasmi ini? So itu yang saya tidak tahu, kalau tidak saya tidak berani ambil itu sebab itu adalah satu dokumen sulit.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Seperti Yang Berhormat Batu ini memang ariflah tentang perkara ini. Saya tahu Yang Berhormat Batu tahu apa yang terkandung dalam Akta Rahsia Rasmi. Kalau sesuatu dokumen itu telah diklasifikasikan sebagai "sulit" dan "rahsia", saya memang percayalah bahawa Yang Berhormat Batu tahu apa yang terkandung dalam Akta Rahsia tersebut.

Saya ingin teruskan....

#### ■1610

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...Kalau dulu di Kerajaan Negeri Selangor Tuan Pengurus, Menteri Besar boleh *classify* dokumen itu sebagai dokumen yang boleh dikeluarkan kepada publik. Kita ini wakil rakyat. Sebenarnya *what's so secret? What's your secretive about your draf plan?* Ia akan diwartakan. Kita hanya hendak tengok apa lagi diubah. Nanti tiba-tiba di kawasan lapang diambil alih. Nanti tiba-tiba mungkin kita ada *high raise* di kawasan kita yang mana kita tahu. Jadi kita hanya tahu itu sahaja. *Why's so secretive?* Jadi saya pun tidak faham kenapa tiba-tiba dijadikan oh, ini Akta Rahsia Rasmi. Kita pergi hadir dialog dengan DBKL dengan Menteri juga kena *sign*. Oh tidak boleh beritahu apa-apa kepada pemberita. Tidak perlulah. *I thought you know* kita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata ketulusan, *transparency* dan juga sebagainya. Sehingga *transparency international*. Dia punya *Chairman* juga telah pun dimasukkan dalam Kabinet. Apa lagi, *so secretive?*

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Menteri, Dr. Loga, sikit saja. Saya ada banyak perkara yang saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat Seputeh ini. Akan tetapi dalam perkara ini, kepentingan awam menyebabkan kita terpaksa membuat rujukan kepada

ini dan memberitahu. Saya tidak nampak, masa lihat pun apa yang harus diletakkan dalam begitu *classified* benda ini sehingga ianya tidak boleh diberitahu umum. Saya ingin mencadangkan supaya kalau ianya *declassified* kerana kepentingan dua juta, tiga juta penduduk dalam Wilayah Persekutuan ini mesti diambil kira. Itu pandangan.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Terima kasih Yang Berhormat Seputeh, terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa. Saya mengalu-alukan cadangan itu dan saya akan kembali kepada kementerian supaya kita boleh lihat bagaimana dokumen itu dapat *declassified*, kah ataupun bagaimana diberikan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat.

Saya hendak sambung berkenaan dengan cukai tunggakan tiap-tiap tahun yang tidak dikutip oleh Yang Berhormat Setiawangsa.

Untuk makluman Yang Berhormat Setiawangsa, DBKL akan meneruskan usaha-usaha untuk memastikan warga kota tunai tanggungjawab dalam menjelaskan cukai taksiran. Terkini, DBKL telah mulakan usaha seperti membuka kaunter di pusat beli-belah ketika waktu puncak, menggiatkan kempen melalui *internet* dan media massa, menyediakan perkhidmatan van untuk bergerak dari semasa ke semasa. Sehingga kini tindakan seperti berikut diambil:

- (i) mahkamah, 1,242 akaun;
- (ii) insolvensi, 724 akaun;
- (iii) proses undang-udang, 2,977 akaun;
- (iv) *task force*, 27,442 akaun;
- (v) sita, 1,544 akaun; dan
- (vi) ansuran, 1,274 akaun.

Yang Berhormat Setiawangsa juga membangkitkan bantuan kemiskinan bandar dan peluang-peluang bantuan yang boleh diperoleh. Fungsi kemiskinan bandar yang meliputi miskin dan miskin tegar telah dipindah ke Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan selepas penyusunan semula Kabinet selepas PRU-13 yang lalu. Namun begitu, Kementerian Wilayah Persekutuan akan melaksanakan peranan di peringkat Wilayah Persekutuan melalui penyelarasan oleh KPKT termasuk perkara yang berkaitan bantuan-bantuan yang turut berada di kementerian tersebut...

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Yang Berhormat Setiawangsa juga telah menimbulkan tanah yang telah dijual beli semula oleh DBKL untuk dibangunkan projek IKS. Untuk makluman Yang Berhormat Setiawangsa, tanah yang dirujuk telah dijual kepada pemaju di kawasan Parlimen Setiawangsa adalah tanah DBKL yang diduduki oleh struktur dua, struktur-struktur IKS. Pemaju telah disyaratkan untuk mencari tapak gantian bagi menempatkan semula struktur IKS yang ada sebelum tanah tersebut dibangunkan.

DBKL juga akan membuat beberapa program IKS melalui projek *Mobile Kiosk* dan Laman Sejati di program perumahan rakyat di PPR Jelatek, Hiliran Ampang, Kampung Kerinchi, Intan Baiduri dan PPR Perkasa. Yang Berhormat Setiawangsa juga telah menimbulkan soalan berkaitan

RM70 juta kepada PICC bagi tahun 2014, sama ada PICC mampu untuk menampung kos pengoperasian. Berdasarkan pecahan daripada RM70 juta dimana RM50 juta adalah bayaran sewa di antara Kerajaan Persekutuan dengan pihak Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. Bagi RM20 juta ialah peruntukan bagi kos-kos penyelenggaraan seperti penyelenggaraan bangunan yang dijalankan oleh JKR, penyelenggaraan landskap, kebersihan dan bayaran utiliti.

Pihak PICC melalui aktivitinya dapat menampung keseluruhan kos operasi tanpa melibatkan peruntukan daripada kerajaan. Geran kerajaan masih diperlukan bagi membayar sewaan kepada Putrajaya Holdings dan penyelenggaraan ataupun belanja modal. Yang Berhormat Setiawangsa juga telah meningkatkan soalan NKRA Greater KL/Klang Valley. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah jarak pejalan kaki tanpa halangan yang telah disiapkan ialah 26.2 kilometer dengan kos RM24 juta. Manakala sepanjang lebih kurang 12.8 kilometer pejalan kaki akan disiapkan pada tahun ini dengan anggaran kos RM14.6 juta. Semua kemudahan pejalan kaki tanpa halangan tersebut adalah terletak dalam kawasan pusat bandar raya, sepanjang Sungai Klang dan Sungai Gombak yang melibatkan pembersihan sungai yang disasarkan bagi tahun 2013.

Saya terus kepada Yang Berhormat Labuan. Penempatan semula di Kampung Rancha-Rancha. Bagi cadangan menempatkan semula Kampung Rancha-Rancha Laut yang terletak di tengah-tengah kawasan perindustrian minyak dan gas, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Labuan mengambil perhatian ke atas cadangan tersebut dan akan mengkaji kesesuaian kawasan dan aspek-aspek lain yang berkaitan bagi tujuan cadangan penempatan kawasan Kampung Rancha-Rancha kelak. Yang Berhormat Labuan juga telah menimbulkan soalan RM1.5 juta bagi bajet Sukan Borneo tidak mencukupi, perlukan bajet untuk aktiviti sukan antarabangsa yang masih belum mencukupi. Bagi permohonan penambahan peruntukan penganjuran sukan BIMP3-EAGA 2014, pihak Perbadanan Labuan boleh mengemukakan permohonan terus kepada Kementerian Kewangan melalui Kementerian Wilayah Persekutuan bagi tujuan penambahan peruntukan ini.

Labuan, kesesakan jalan raya, diskau tambang feri kepada Labuan, subsidi 50% ke atas operasi feri. Memang diakui bahawa kesesakan lalu lintas di Wilayah Persekutuan Labuan semakin serius dan sebagai langkah menangani masalah kesesakan lalu lintas ini, Perbadanan Labuan dengan kerjasama JKR sedang membuat kajian dan mengenal pasti jalan-jalan pintas dan menambah jalan baru bagi mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas ini khususnya jalan ke kawasan industri minyak dan gas. Sebatang jalan pintas dari Kampung Kerisik ke Kawasan Perindustrian Rancha-Rancha sejauh 1.5 kilometer yang dapat mengalirkan lalu lintas dari Pusat Bandar Labuan akan dibina tidak lama lagi.

Lebih baik subsidi ditukar kepada pembinaan jambatan dari Labuan ke Menumbok. Kerajaan mendapat diskau tambang feri kepada penumpang dan kenderaan komersial pada tahun ini memberi impak positif dari segi pertambahan jumlah penumpang, penurunan harga barang mengikut pemantauan KPDKKK ke atas 140 jenis barang kawalan. Pada tahun 2014, subsidi ini akan diteruskan dengan memperuntukkan RM15 juta secara *One-Off*. Labuan juga,

untuk cadangan pembinaan jambatan antara Wilayah Persekutuan Labuan dan Tanah Besar Sabah, pihak Kementerian Wilayah Persekutuan telah memanjangkan cadangan tersebut kepada, Unit Kerajaan Awam Swasta (UKAS), mengkaji secara menyeluruh hala tuju pembangunan cadangan jambatan ini.

Sebagai makluman Yang Berhormat, cadangan pembangunan jambatan ini adalah inisiatif pihak swasta. Segambut, Greater KL/Bukit Kiara. Bukit Kiara ini adalah di bawah kawalan dan seliaan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

■ 1620

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Saya habis dululah.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Okey, okey.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** ...Sebelum ini tiada apa-apa pembangunan yang diluluskan dalam kawasan ini kecuali kerja-kerja menaik taraf kawasan berkenaan. Sila Yang Berhormat.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Saya tahu dia bukan di bidang kuasa kementerian Wilayah Persekutuan tetapi DBKL mempunyai hak untuk isu *stop order* kepada apa-apa projek di dalam hutan Bukit Kiara ini. Takkannya dalam hutan kita hendak bina pagar besi untuk menyelamatkan orang awam? Itu alasan yang tidak munasabah.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Yang Berhormat Segambut, soalan itu saya kena jawab secara bertulis kerana saya tidak ada pengetahuan berkenaan dengan pagar besi.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Boleh saya cadang kita satu hari pergi sana joggingkah tengok apa yang berlaku?

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Ya, saya boleh, saya boleh ikut.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tiap-tiap minggu saya pergi sana.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Yang Berhormat Seputeh duduklah, duduk.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Kita pergi sama-sama selepas ini.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Duduk dulu. Saya jawab Yang Berhormat Segambut dulu. Selepas itu *you bisinglah [Ketawa]* Yang Berhormat Segambut, saya sudi datang dengan Yang Berhormat Segambut tengok tempat itu dan saya akan bincang dengan Yang Berhormat Menteri bagaimana kita hendak menyelesaikan perkara ini. Yang Berhormat Segambut juga bertanyakan kenapa cukai pintu Putrajaya tidak dinaikkan.

Cukai pintu Putrajaya adalah berasaskan nilaiann yang dibuat pada tahun 1999 sedangkan Kuala Lumpur lebih awal daripada Perbadanan Putrajaya juga bercadang untuk membuat semakan dalam tahun 2015.

Yang Berhormat Segambut lagi. Kenapa peruntukan Putrajaya lebih tinggi daripada Kuala Lumpur? Peruntukan yang disalurkan kepada Putrajaya adalah bagi menampung perbelanjaan yang melibatkan kepentingan kerajaan seperti taman-taman awam, pusat kejiranan, jalan dan

lampu jalan, kebersihan dan sebagainya. Jumlah perbelanjaan keseluruhannya bagi tahun 2014 dijangka adalah melibatkan RM190 juta tetapi peruntukan yang disalurkan hanyalah RM102.7 juta di mana Perbadanan Putrajaya perlu menggunakan sumber dalaman seperti cukai taksiran bagi menampung kekurangan berkenaan.

Secara perbandingan, sumber pendapatan di Putrajaya adalah terhad berbanding dengan Kuala Lumpur yang merupakan peruntukan kerajaan amat diperlukan. Yang Berhormat Segambut lagi.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Yang Berhormat, penjelasan Yang Berhormat tidak saya puas hati sebab populasi di Putrajaya hanya 70,000 sedangkan di Kuala Lumpur kita ada 3 juta warga. Mengapa warga Kuala Lumpur dilayan sebagai *second class*? Ya.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak sambung sikit. Saya rasa peruntukan itu bukan sahaja dari sudut populasi, dari sudut *surface area*. *Surface area* Kuala Lumpur lagi besar dari Putrajaya. So, saya tak nampak realiti dan realisasi mengapa dana untuk Putrajaya lebih besar daripada Kuala Lumpur? Penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Ya, Yang Berhormat Menteri. Saya ingin merujuk kepada apa yang dibahaskan lebih awal. Kita tahu masalah di Kuala Lumpur lagi rumit dari segi *traffic jam*, banjir kilat dan sebagainya. Begitu banyak sesak trafik dan Putrajaya tidak mempunyai masalah sedemikian. Jadi patut dicurahkan lebih banyak peruntukan untuk membaik pulih dan menggerakkan trafik, banjir dan sebagainya di Kuala Lumpur. Di situ lah letaknya prioriti, perlu di tempat yang banyak masalah. Bukan di tempat yang cantik sahaja. Terima kasih.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Sedikit sahaja. Di Putrajaya hanya satu kerusi Parlimen. Di Kuala Lumpur, 11 kerusi Parlimen [*Tepuk*] Patut diberi peruntukan yang lebih.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Inilah Yang Berhormat, saya bagi peluang, semua hentam, hentam, hentam. Janganlah hentam, tanyalah [*Dewan riuh*] Saya boleh katakan semua yang telah dibuat ada atas dia. Kalau perlu keterangan-keterangan atas yang terperinci, saya bagilah secara bertulis.

Yang Berhormat Segambut juga telah mengemukakan isu pembinaan pagar di TABB. Ini pembinaan pagar keselamatan di kawasan TABB adalah terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan bukan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan.

Yang Berhormat Batu, soalannya Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia. Apakah nasib Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia? Apakah kaitan dengan DBKL? Mulai dari 1 Julai 2013, Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia diuruskan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. JMBMC Taman Wilayah ataupun mana-mana JMB atau MC boleh menghubungi kementerian tersebut untuk mendapatkan status permohonan dahulu atau membuat permohonan baru.

Yang Berhormat Batu, menaik taraf pasar Sentul. DBKL akan melaksanakan kerja-kerja baik pulih tandas, lampu dan lain-lain kerosakan di Pasar Sentul pada tahun 2014. Pada tahun 2013, DBKL telah pun membaik pulih 13 buah pasar berbangun dan pusat penjaja. Yang Berhormat Batu, *batching plant* oleh YTL...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sebelum pergi ke *batching plant*. Saya hanya minta, kalau bolehlah tukar *bulb* dengan pasang paip itu, tak perlulah tunggu tahun 2014. Boleh buatlah tukar dua biji *bulb* lampu sahaja. So, saya hendak minta tindakan segera sebab orang awam setiap hari menggunakan pasar itu.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Yang Berhormat, cadangan Yang Berhormat saya akan ambil.

Yang Berhormat Batu juga telah memberikan soalan *batching plant* oleh YTL di Sentul tidak didaftarkan dengan Jabatan Alam Sekitar. Operasi *batching plant* tiada permit kelulusan DBKL. *Batching plant* YTL di Sentul telah pun diluluskan kebenaran merancang pada 24 September 2013. Semasa menimbang permohonan tersebut, DBKL telah menerima surat ulasan daripada semua Jabatan Teknikal dalaman dan luaran DBKL termasuk ulasan Jabatan Alam Sekitar yang mendapati permohonan tersebut sesuai untuk dikeluarkan kelulusan kebenaran perancangan.

Yang Berhormat Batu. Apakah perancangan untuk Kampung Tanah Lapang? Kampung Tanah..

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sebelum itu, *batching plant*. Saya tidak faham bagaimana boleh diluluskan kerana *batching plant* kalau ikut *guideline National Quarry Association*, tidak dibenarkan mana-mana operasi yang sebesar saiz itu di dalam kawasan bandar dan berpenduduk padat. Di sekitar *batching plant* itu ada enam sekolah. Ada kawasan komersial, kawasan perumahan, LRT dan pelbagaiinya. Kalau ini diluluskan, saya juga ingin tahu apa syarat?

Sudah tentu ada syarat seperti kenderaan berat tidak dibenarkan untuk gunakan jalan raya awam atau semasa perlepasan sekolah tidak dibenarkan lori keluar. Atau tidak, kita akan lihat tragik yang berlaku terhadap seorang isteri kepada seorang pegawai polis yang menjadi korban dalam kemalangan itu akan berulang.

Saya juga ingin tahu kalau itu diluluskan, sama ada diluluskan selama-lamanya atau hanya untuk projek yang dijalankan dan ia hanya boleh beroperasi sehingga projek selesai. Tak bolehlah kita dapat surat jawapan kata telah diluluskan dan telah memuaskan semua syarat *technical committee*.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Yang Berhormat Batu, untuk makluman Yang Berhormat Batu, bila DBKL menerima semua ulasan daripada semua jabatan, maka jabatan-jabatan ini akan diberi pertimbangan. Daripada pertimbangan-pertimbangan yang kita telah tahu maka ia boleh diluluskan. Oleh itu pertimbangan ini, kelulusan ini telah diberi.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Batu, sama ada Yang Berhormat Batu pernah membuat surat bantahan berkenaan projek ini? Kalau... *[Disampuk]* Tak apalah, tak usah jawablah. Saya tanya, selepas itu jawab nantilah.

**■1630**

Kalau ada surat bantahan, sila kemukakan surat bantahan kepada kami. Kami akan lihat kenapa bantahan Yang Berhormat tidak diambil kira dan saya akan berikan yang spesifik itu seperti yang minta tarikh bila, sampai bila, semua itu, saya akan berikan kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Saya sambung Yang Berhormat Batu, apakah perancangan untuk Kampung Tanah Lapang. Kampung Tanah Lapang tidak terlibat dengan apa-apa projek pembangunan ketika ini. Tanah ini dicadangkan sebagai *green area*. Terdapat 32 keluarga setinggan yang berada di tapak dan pernah ditawarkan berpindah ke PPR Bukit Jalil. Penduduk enggan berpindah kerana menuntut tanah dikekalkan sebagai kampung tradisi. Setinggan di tapak adalah terlibat dengan Program Setinggan Sifar. Itu Yang Berhormat Batu.

Seterusnya Yang Berhormat Titiwangsa... Yang Berhormat Titiwangsa tidak ada.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Jawablah!

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Tidak payah jawablah. Dia tidak ada. Saya tidak mahu buang masa ...[Disampuk] Tidak bolehlah, tidak boleh jadi wakil Yang Berhormat Seputeh. Nanti kena duduk di Titiwangsa. Tidak boleh jadi wakil.

Yang Berhormat Cheras. Saya kepada Yang Berhormat Cheras. Kuala Lumpur sebagai antara 20 teratas bandar raya berdaya huni. Pada masa ini, Kuala Lumpur berada di tangga 78 bandar raya berdaya huni. Bagi mencapai sasaran tangga 20, Kementerian Wilayah Persekutuan telah membuat *engagement* dengan *Economic Intelligence Unit* untuk menyemak semula pangkalan data *mini-rate map* atau membentuk *indicator* baru mengikut kriteria IEU agar data dapat dikutip. Maklumat tersebut akan dihantar kepada IEU agar penilaian dapat dibuat oleh pihak tersebut.

Saya juga minta Yang Berhormat Cheras janganlah selalu kata kita hendak menindas pengundi-pengundi Yang Berhormat. Kita tidak ada niat seperti itu. Saya tahu Menteri Wilayah Persekutuan dengan saya ini memang kita mengadakan dialog dan bukan monolog. Oleh itu, saya minta Yang Berhormat jangan membuat tuduhan itu.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Nilai sewa tahunan harta tanah ini telah membuktikan itu adalah satu perkara yang zalim dilakukan oleh DBKL.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]*

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Yang Berhormat Cheras, saya minta jangan tetapi mahu juga cakap macam ini. Janganlah Yang Berhormat. Maksud saya, kita tidak ada niat untuk menindas. Maksudnya, kita ada keperluan menaikkan selepas 21 tahun kadar tidak naik tetapi harga rumah sudah naik. 21 tahun kalau ada orang yang jual rumah ini, dia dapat keuntungan yang besar. Dahulu sebelum 21 tahun...

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Rumah naik 400 lebih 700 lebih macam mana dapat dijelaskan?

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Tunggu, tunggu Yang Berhormat Cheras.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Cheras. Ikut peraturan ya, Peraturan Mesyuarat 37(1)(b). Okey, sila.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Cheras...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh saya tanya dengan lemah lembutkah?

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Ya boleh.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** DBKL ada lagi rizab lebih RM3 bilion. Apa rasionalnya sekarang hendak menindas rakyat dengan meningkatkan penilaian lebih 200%? Adakah kerana pemborosan, pembaziran atau penyelewengan? Sudah selesai masalah itu? Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Ini lagi satu Yang Berhormat. Baru saya kata jangan buat benda ini. Dia juga mahu tuduh-tuduh. Tidak tahulah saya. Saya hendak jawab secara baik pun saya tidak tahu hendak jawab. Saya kata betul. Saya kata jangan tindas. Perkara ini merupakan satu perkara yang diambil kira atas keperluan-keperluan yang perlu dilaksanakan. Ada rizab itu, bukan semua *reserve* boleh digunakan. Ada rizab yang diberi untuk *specific use*. Kita gunakan untuk membuat parkir dan sebagainya yang didepositkan untuk *specific use*. Bukan semua itu kita boleh guna. Fahamlah Yang Berhormat. Dahulu makan char kuetiau 50 sen, 60 sen. Sekarang sampai RM3.50 hingga RM4.00. Fahamlah. Jangan sampai menindas macam itu.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tahu pun harga barang sudah naik. Mengapa naikkan cukai lagi?

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Saya hendak teruskan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baru lagi saya pesan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, senang sahaja. Kalau rasa jawapan itu sudah diberikan, jangan beriluan dan pindah kepada topik yang lain. Tidak payah ulang-ulang lagi.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Lembah Pantai, '*river of life*' di Brickfields. Projek terdiri daripada pembersihan sungai, 13 *key initiatives*, 48 projek sedang dilaksanakan di sepanjang 110 kilometer sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Antara kerja-kerja yang dilaksanakan ialah projek pembersihan seperti:

- (i) membina dan menaik taraf sistem pengairan, sistem rawatan air dan lain-lain;
- (ii) fasiliti untuk mengurangkan pencemaran daripada memasuki sistem sungai termasuk *public engagement* di bahagian hulu sungai-sungai yang dikenal pasti iaitu fokus di Gombak dan Ampang Jaya; dan,
- (iii) pengindahan sungai. Pengindahan sungai dimulakan dengan penyediaan pelan induk pengindahan di sepanjang 10.7 kilometer Sungai Gombak.

Projek rintisan akan dilaksanakan di kawasan sekitar Masjid Jamek, Bangunan Sultan Abdul Samad. Pihak-pihak berkepentingan dalam kawasan tersebut telah dirunding dengan pelan reka bentuk kawasan. Perundingan baru memulakan penyediaan pelan reka bentuk bagi tahun kedua iaitu di bahagian utara Gombak, PWTC sehingga sekitar Masjid Jamek. Proses penyediaan reka bentuk akan melalui...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Segambut bangun. Hendak bagi peluang?

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya, ya sedikit sahaja.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Ini Yang Berhormat Segambut. Ini soalan - Yang Berhormat Lembah Pantai pun tidak bangun.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ini *urgent, urgent*.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Okey, okey.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Saya terima wasiat daripada wartawan di luar, dia tanya sebab tadi tidak dengar. Penangguhan kenaikan cukai pintu selepas bulan Mac atau selepas bulan Jun tahun depan?

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Yang Berhormat, itulah tidak beri perhatian dalam Dewan. Tanya soalan, selepas itu main WhatsApp. Tidak habis-habis main WhatsApp [Ketawa] Ini masalah Yang Berhormat. Saya sudah ulang tadi, kita tangguh untuk dengar pembantahan sampai dari bulan Januari hingga bulan Mac 2014. So tarikh untuk dilaksanakan belum ditetapkan. Main WhatsApp lah ini Yang Berhormat Segambut ini.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Terima kasih, terima kasih.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Saya teruskan dengan Yang Berhormat Lembah Pantai. Proses penyediaan reka bentuk akan melalui proses rundingan awam beberapa peringkat sehingga hujung tahun 2015 dan pelaksanaan projek juga akan dijalankan ke peringkat-peringkat sehingga pertengahan tahun 2017. Beberapa unit PA, PPR yang telah...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Sebentar Yang Berhormat. Kalau boleh, sedikit.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin tanya susulan daripada kenyataan tentang projek *Greater Kuala Lumpur- River of Life*, disebut tentang *engagement* dengan beberapa masyarakat dan penduduk dan sebagainya. Bagaimanakah kementerian memastikan ada koordinasi dengan isu saman ataupun denda yang dikenakan terhadap mereka yang membuang sisa ke sungai? Kalau pun bukan dengan DBKL secara terus tetapi dengan agensi-agensi berkait. Tidak cukup dengan pemahaman tetapi saya fikir untuk memastikan kerja-kerja pembersihan itu kekal. Ia bukan sebulan, lepas itu kotor balik. Apakah yang akan dibuat oleh kementerian? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat lain kena ikut cara Yang Berhormat Lembah Pantai, sopan.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai, terima kasih Tuan Pengerusi. Untuk maklumat Yang Berhormat Lembah Pantai, *engagement* ini dijalankan supaya kita dapat memberi *awareness*, dengan izin dan motivasi supaya mereka faham, kalau mereka masih membuat perkara-perkara ini, mereka akan menjelaskan sungai yang kita ada. Akan tetapi, adalah seperti mana Yang Berhormat Lembah Pantai kata saman dan semua ini, memang kita ada mesyuarat koordinasi yang diadakan tiap-tiap bulan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan. Bilangan rumah...

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh saya...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Wangsa Maju bangun.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab di kawasan saya Wangsa Maju pun ada *River of Life*. Ada dua soalan. Ini projek yang besar, perlukah satu angka yang terlalu besar? RM4 bilion. Nombor dua, apa sebab kerajaan termasuk DBKL dan Kementerian Wilayah Persekutuan terpaksa melantik satu *American consultant*, ajar kita korek Sungai Gombak? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau perkara baru, boleh jawapan bertulis ya.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Yang Berhormat Wangsa Maju, saya tahu pada dasar pertanyaan soal-jawab itu, Yang Berhormat tidak sampai. Oleh itu, tidak dijawablah soalan Yang Berhormat tadi. Akan tetapi jawapannya, '*River of Life*' terdiri daripada tiga komponen iaitu pengindahan sungai, pembangunan tanah di bawah kawalan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan komponen pembersihan sungai di bawah kawalan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS).

#### ■1640

Jumlah keseluruhan peruntukan bagi projek di bawah *river of life* dianggarkan sebanyak RM4 bilion, bagi tahun 2011 hingga tahun 2020. Bagi komponen pengindahan sungai, DBKL telah menyediakan pelan induk pengindahan sungai yang melibatkan kawasan sebanyak 10.7 kilometer Sungai Gombak dan Sungai Klang serta terbahagi kepada 11 presint bermula dari Gombak hingga Brickfield. Selaras dengan pelan induk yang disediakan, pelan terperinci untuk pembangunan 11 presint ini juga disediakan untuk perundingan yang dilantik iaitu Escot Ecom Sdn. Bhd yang merupakan anak syarikat kepada Ecom yang berpusat di Amerika Syarikat.

Peruntukan di bawah komponen pemindaan sungai dengan anggaran RM1.0 bilion adalah merangkumi kos untuk pembangunan keseluruhan 10.7 kilometer termasuk fee perunding. Komponen pembersihan sungai pula melibatkan kawasan sepanjang 110 kilometer lembangan

Sungai Klang bermula dari kawasan Majlis Perbandaran Selayang ke Majlis Perbandaran Ampang Jaya di hulu hingga ke Angkasapuri di hilir sungai. Keseluruhan...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Sedikit Yang Berhormat Menteri, pendek.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** *Can I finish, please.*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Okey.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Keseluruhan projek di bawah komponen pembersihan sungai adalah 48 projek seperti yang saya telah maklum tadi. Manakala projek kolam takungan banjir Puah 1 di Kampung Puah di kawasan Yang Berhormat itu, pihak JAWI sudah mengeluarkan surat berkenaan memasuki tapak dan melepaskan tanah dan pemantauan rizab kubur seluas 3.2814 ekar kepada projek ROL di bawah Selayang ini. Semua ini perlu juga ada *flood mitigation*. Oleh itu kita perlulah perbelanjaan seperti yang telah diluluskan. Okey Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey Yang Berhormat Lembah Pantai, sila.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Yang Berhormat mewakili Yang Berhormat Menteri. Daripada sejumlah yang dibelanjakan sekitar RM4 bilion, berapakah yang merangkumi peratusan bagi *fee* perunding Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Saya mohon maaflah Yang Berhormat Lembah Pantai, saya terpaksa beri secara bertulis. *I am not sure the percentage.* Yang Berhormat Lembah Pantai berkenaan dengan- saya teruskan dengan rumah. Berapa unit PA dan PR yang telah dijual? Adakah skim pembiayaan khas di bawah SPWPYWP masih diteruskan. Bilangan rumah PPR atau PM yang dijual dalam 45,358 unit sehingga Oktober 2013 yang melibatkan 22 kawasan perumahan PPR dan 19 kawasan PA.

Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan di bawah Yayasan Wilayah Persekutuan akan meneruskan tawaran pembiayaan khas kepada penyewa PPR dan PA. Sehingga 31 Mei 2013 status tawaran skim pembiayaan ini adalah meliputi 13,110 orang penduduk bersetuju menerima tawaran belian. Daripada jumlah tersebut, 6,706 unit telah selesai pembelian dan diberi pembelian kosong. Manakala 6,404 unit masih dalam urusan pembelian.

Lembah Pantai. Pembangunan semula *flat* empat tingkat Kampung Kerinchi. Pembangunan projek Kampung Kerinchi adalah merupakan projek pembangunan semula bagi kawasan kediaman yang usang kepada suatu kawasan kediaman yang lebih selesa dan sesuai dihuni. Dalam projek pembangunan semula, pendapat dan persetujuan sebahagian besar pemilik unit perumahan yang terbabit lebih 90% bersetuju dan sebaliknya kira-kira 10% telah dapat diselesaikan melalui kaedah pengambilan semula.

Mengenai pemaju yang dipilih iaitu Swiss Domen pula ia dilaksanakan melalui kaedah pemilihan sendiri oleh pemilik yang terlibat melalui pemilihan Kementerian Wilayah Persekutuan ketika itu. Yang Berhormat Lembah Pantai, projek-projek yang sedang dijalankan, *library* di

Kerinchi. Kerja-kerja ketika ini sedang dijalankan dengan status pembinaan 10% dan dijangka siap pada penghujung tahun 2014.

Mekanisme cara lain untuk mengguna pakai agar bekalan air tidak putus dan lif tidak rosak. Pendekatan dilaksanakan oleh DBKL iaitu *respond team*. Kontraktor meletakkan pasukan *respond team* dalam lingkungan 20 kilometer square radius di setiap kawasan perumahan. Kempen Sayangi Harta Benda Awam melibatkan 45 buah sekolah yang berdekatan dengan kawasan perumahan, pendekatan program kesedaran dari aspek kebersihan, keselamatan penggunaan lift dan penjagaan harta benda awam. Yang Berhormat Lembah Pantai tidak di edarkan Laporan Tahunan DBKL.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Sebelum itu, boleh Yang Berhormat? Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila-sila.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Berkait tentang isu *respond team*, saya dalam lawatan dan sebagainya merasakan tidak cukup respons yang dibuat khusus lepas bekalan air terputus atau pun lif rosak. Misalan di Putra Ria dekat sebulan masalah itu berlangsung. Apa yang saya ingin tanyakan adakah Yang Berhormat boleh membantu, mengatur satu majlis penerangan bagi penduduk, supaya mereka yang ada di kawasan tersebut sedar akan tanggungjawab *Joint Management Body* (JMB) misalan kalau tanggungjawab itu telah diberikan daripada DBKL kepada JMB.

Rata-rata akhirnya mereka menunggu JMB tidak proaktif dan tidak laksanakan tugasannya, tunggakan itu akan bertambah. Saya sebut Putra Ria memang DBKL langsaikan sekitar RM400,000 itu hanya untuk tunggakan kepada SYABAS. Akan tetapi hal-hal lain sekiranya tidak ada langkah yang lebih proaktif, pada masalah akan berlarutan. Terima kasih.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Syarat Yang Berhormat Lembah Pantai ini akan diambil kira dan diberi perhatian serta pertimbangan. Yang Berhormat Lembah Pantai, berkenaan dengan Laporan Tahunan DBKL. Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan bagi DBKL bagi tahun 2012 telah diedarkan dalam Dewan mengikut nombor Statut SD128 pada 27 November 2013 iaitu hari Rabu *[Disampuk]* Baru-baru ini telah diberi, dan terima kasih.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Saya minta tahun depan ya, sebelum bajet depan mungkin boleh bagi sebulan, dua bulan sebelum kami dapat baca sebelum kita buat perbahasan ini.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Syarikat begitu besar pun setahun sekali sajalah. Janganlah Yang Berhormat Lembah Pantai, tapi saya juga mengucapkan terima kasih kerana telah memberikan pujian kepada saya tadi. Terima kasih banyak-banyak. *At least you are looking at me [Ketawa]*

Yang Berhormat Titiwangsa tidak ada juga lagi? Okey,minta maaf lah. Ini tokoh saya Yang Berhormat Kepong. Masalah sampah yang rumit di Bukit Tagar, baca susah ini. Isu ini di bawah

bidang kuasa Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Yang Berhormat Kepong pun tidak ada ya? Yang Berhormat Cheras.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat, Kalau boleh saya celah.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Yes.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat saya tidak tahu kalau Yang Berhormat akan pergi menjawab tentang isu cukai taksiran yang saya bangkitkan termasuklah ucapan Datuk Bandar yang memberikan beberapa butiran yang kontradiksi dengan fakta dan apa yang beliau umumkan sekarang. Adakah itu akan di bawa sebentar nanti?

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Beri saya masa habis Yang Berhormat . Ada juga Yang Berhormat punya lagi masih ada dalam ini.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Baik, terima kasih.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Saya minta bagi masa. Kalau tidak ada saya bagi secara bertulis. Saya akan ikhlas. Yang Berhormat Cheras berkenaan dengan pusat penyembelihan. DBKL mempunyai perancangan untuk membina pusat penyembelihan berpusat di Kuala Lumpur dan masih mengenal pasti tapak lokasi yang sesuai untuk tujuan tersebut. Ini tindakan akan diambil Yang Berhormat.

Seterusnya kakak saya, Yang Berhormat Seputeh. Bajet DBKL lebih tinggi daripada negeri-negeri lain seperti Selangor, Kedah, Perlis dan Negeri Sembilan.

Untuk makluman, Kuala Lumpur merupakan ibu negara Malaysia. Kebanyakan pembangunan bertumpu di Kuala Lumpur. Banyak tumpuan perlu diberi kepada Kuala Lumpur supaya *image* di mata dunia terpelihara terutamanya pembangunan mampan, serta pengurusan sebuah bandar raya. Tidak bolehlah *compare* dengan lain-lain *state*.

## ■1650

Seterusnya cadangan wujud *email* khas. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak DBKL telah membuka pelbagai ruang untuk warga kota mengemukakan aduan atau bantahan sama ada bertulis, *email*, talian telefon bebas dan melalui pejabat cawangan DBKL. Tidak wujud permasalahan untuk *acknowledgement*.

Kekuatan peranan pejabat cawangan DBKL. Pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL sendiri turut maklum akan peranan pejabat cawangan DBKL sedia ada. Pihak kementerian dan DBKL bersetuju untuk mengkaji semula peranan pejabat cawangan DBKL. Ketika ini proses mengkaji sedang dibuat bagi melihat portfolio yang sesuai. Saya...

**Seorang Ahli:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Tunggu Yang Berhormat. Saya juga telah selepas saya dilantik menjadi Timbalan Menteri telah memberi daripada setiap pejabat cawangan seorang ahli di mana Yang Berhormat-Yang Berhormat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini dapat berhubung berkenaan dengan masalah-masalah Yang Berhormat untuk tindakan segera. Saya sendiri yang mengedar surat itu kepada setiap Ahli Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya dengar kenyataan ini sudah satu tahun sejak Datuk Bandar baru...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sama adik pun mahu lawan?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Dilantik menjadi Datuk Bandar Kuala Lumpur. Saya rasa dengan ucapan ini tetapi sampai sekarang saya lihat fungsi pejabat cawangan DBKL di kawasan Parlimen kita masing-masing ini masih sama. Kerja mereka adalah keluarkan saman sahaja. Mana ada kereta salah *parking* oh RM100 saman satu hari. Itu sahaja. Susahkan orang tetapi ada banyak perkara yang mereka harus buat, terima aduan dan sebagainya tidak buatlah. Bila ini? Masih mahu buat kajian, saya boleh tolong.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Saya, Yang Berhormat Seputeh.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Saya ucapkan terima kasihlah. Kalau sudi. Saya bagi jawapan dahulu.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Okey. Sama, soalan sama.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Tidak mengapa. Duduk dahulu. Yang Berhormat Seputeh tidak adil Yang Berhormat Seputeh. Dia bukan bagi saman sahaja. Kalau ada apa-apa hal di kawasan itu memerlukan khemah, pembekalan, hendak *check* apa-apa berkenaan DBKL, mesti dia ada beri servis. Ini tidak patutlah Yang Berhormat Seputeh. Selalu masuk cakap satu yang buat itu kata tidak buat, jangan. Yang Berhormat Seputeh ini saya kata kakak jangan buat macam itu. Dan...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Betullah. Yang Berhormat datang ke pejabat saya tengok.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Okey.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Situ dekat dengan Pejabat Cawangan DBKL Seputeh.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Yang Berhormat Seputeh, duduk.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Longgokan sampah sehingga penduduk membantah. Saya yang pergi menangani isu.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Duduk dahulu Yang Berhormat Seputeh. Saya hendak jawab soalan Yang Berhormat Seputeh.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Seputeh, sembang di luarlah, Yang Berhormat Seputeh sembang luar.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Saya hendak jawab Yang Berhormat Seputeh punya soalan. Tidak mahu bagi jawab macam mana. Duduk dahulu. Selepas itu saya bagi masa.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sembang luarlah. Ini masalah keluarga.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** [Ketawa] Jangan. Yang Berhormat Seputeh ini abang adik tidak betul dia hentam juga. Yang Berhormat Seputeh, DBKL ada cawangan-cawangannya bukan untuk saya buat *decoration*. Dia adalah untuk memberi perkhidmatan. Kalau Yang Berhormat rasa cawangan DBKL Yang Berhormat itu tidak berfungsi secukupnya atau pun rasa ada kekurangannya, silalah tulis kepada saya atau kepada Yang Berhormat Menteri supaya kami dapat lihat. Dari segi pelaksanaannya kita mengkaji bagaimana kita boleh memberi mereka lebih tanggungjawab untuk memberikan satu perkhidmatan yang lebih baik untuk masyarakat di sekitar Kuala Lumpur.

Seterusnya Yang Berhormat, ada soalan lagi? Tidak? Terus, okey. Tadi Yang Berhormat Setiawangsa.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak tambah sedikit mengenai fungsi pejabat cawangan ini. Sekarang mereka bekerja, ya, dia memberi peruntukan tertentu seperti khemah dan sebagainya tetapi dalam keadaan-keadaan untuk menyelesaikan masalah dia orang ini macam posmen. Contohnya kadang-kadang kita hendak minta dia tebas pokok atau pun jalan raya, dia kena hantar ke pusat.

Apa yang saya ingin cadangkan dekat peringkat *headquarters* kontraktor-kontraktor kecil telah dipilih contohnya yang memotong pokok, menurap jalan, parit dan sebagainya. Mereka ini mestilah diletakkan di pejabat cawangan. Bermakna sekiranya kita mempunyai masalah, kita akan laporkan ke peringkat cawangan dan peringkat cawangan boleh menyelesaikan tanpa lagi merujuk kepada Pusat. Apa yang saya hendak cakap ialah mereka mesti di *empowered*, mempunyai kuasa kecil *headquarters* yang diserahkan ke pejabat cawangan supaya mereka lebih responsif. Saya ingat itu yang difikirkan oleh Yang Berhormat Seputeh juga.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Saya setuju dengan Yang Berhormat Setiawangsa. Saya setuju dengan Yang Berhormat Seputeh. Memang itu yang kami lakukan tetapi kami baru masuk enam bulan. Beri masa. Kami baru enam bulan. Bagi can kami laksanakan. Kami lihat...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Berapa bulan lagi kami perlu bagi?

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Tidak lama. Tidak lama. Bagi kami laksanakan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Selepas Krismas boleh?

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Boleh. Kita dok belajar, kita dok lihat. Yang Berhormat Seputeh juga, DBKL perlu adakah hari pelanggan atau pun perjumpaan dengan Ahli-ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur semasa bersama Datuk Bandar.

Untuk makluman sejak tahun 2006, pihak DBKL memang mempunyai Program Hari Bertemu Pelanggan setiap hujung bulan untuk membantu warga kota menangani segala jenis aduan. Lokasi program ini ialah di Lobi Pejabat DBKL sendiri di Jalan Raja Laut. Yang Berhormat Menteri turut telah mengadakan beberapa pertemuan dengan Ahli-ahli Parlimen Wilayah

Persekutuan sebelum ini iaitu pada 26 Ogos 2013 dan 21 November 2013. Pertemuan ini akan dilakukan seterusnya. Bersambung-sambung.

Setelah pengambilalihan oleh Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan, beliau telah pun mengarahkan supaya pertemuan ini dikerapkan. Kalau mahu sebulan sekali pun boleh, tuliskan saya surat dan cadangkan, Yang Berhormat Seputeh.

Seterusnya Yang Berhormat Seputeh, ramai pesara kerajaan yang tinggal di kawasan Bangsar telah dibebankan dengan kenaikan kadar cukai taksiran. Polisi penyewaan contoh kepada pemilik yang terdiri daripada pesara atau menduduki sendiri premisnya akan diambil perhatian. Buat masa ini semua harta, tanah kediaman dikenakan kadar 6%. Ini sudah habis dengan Yang Berhormat Seputeh. Ada lagi?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Berkenaan ini maksudnya ialah bagi DBKL dia akan mempertimbangkan selepas penilaian hartanah dilakukan. Selepas itu kalau mereka yang bersara, mungkin Tuan Pengerusi akan bersara dan duduk di Bangsar. Jadi selagi dia tidak jual rumah dia, kadarnya akan sama. Betul?

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Yang Berhormat, kita perlu terima bantahan. Kita tidak boleh lihat kata pesara macam ini dan macam itu. Selepas kita dapat semua bantahan, kita akan kaji dan buat satu keputusan keseluruhan. *It is not in favor of certain people and not certain people* tetapi kita akan beri pertimbangan-pertimbangan kepada pihak-pihak yang mempunyai masalah. Memang kita akan lihat. Kerajaan Barisan Nasional prihatin. Dia mesti lihat. Dia tidak akan tidak lihat. Dia ada kuasa-kuasa yang di bawah Menteri boleh membuat beberapa peruntukan sebagai diskaun dan sebagainya atas cukai taksiran. Oleh itu beri kami masa. Beri kami lihat bantahan dan selepas itu kita boleh buat.

Kalaularah Yang Berhormat-Yang Berhormat yang ada di Wilayah Persekutuan ini mempunyai cadangan-cadangan bagaimana kita boleh laksanakan, sila tulis kepada kami. Berikan secara bertulis supaya saya dapat baca dan saya secara bersendirian akan berbincang dengan Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, panjang lagi?

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Ada lagi banyak. Tadi Tuan Pengerusi beri ramai orang bercakap. Saya hendak jawab bukan hendak berdialog Tuan Pengerusi.

Saya teruskan dengan Yang Berhormat Wangsa Maju, kesesakan lalu lintas di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Tidak dinafikan bahawa kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur memang berlaku saban hari. Pihak DBKL sentiasa memantau dan memastikan aliran trafik boleh dikawal. Sungguhpun demikian beberapa pembangunan dijalankan turut menyumbang kepada kesesakan lalu lintas. Pihak DBKL, SPAD dan polis dari semasa ke semasa akan meneruskan pemantauan serta membantu semua pengguna jalan raya dari masa ke semasa. Yang Berhormat Sepang. Tidak ada?.. Tidak payah jawablah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Jawab, jawablah!

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Orang yang tanya tidak ada hendak jawab apa?

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tidak apalah, jawablah. Kita hendak dengar.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Yang Berhormat Batu, tadi saya baru kena tegur dengan Tuan Pengerusi, tak bangun kata bagi dia jawab. Saya baru kena tegur dari Tuan Pengerusi. You tak bangun pun cakap, bagi dia jawab. Saya baru kena tegur tetapi sekarang, orang tidak ada you suruh saya jawab. Macam mana Yang Berhormat Batu. Yang Berhormat Titiwangsa pun saya tidak jawab.

■1700

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, terus isu lain.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Yang Berhormat Wangsa Maju.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Timbalan Menteri, saya sentuh dua perkara atau dua tempat yang spesifik iaitu Jalan Mahameru yang bukan kesesakan sekarang tetapi adalah kesesakan 15 tahun dan juga Jalan Segambut dari Tan Chong itu pun saya berapa tahun. Saya harap walaupun you tidak boleh jawab sekarang kepada Ahli Yang Berhormat tetapi mengarahkan kerajaan dan juga DBKL ambil perhatian serius perkara ini.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Saya terima cadangan Yang Berhormat Wangsa Maju. Seterusnya Yang Berhormat Kapar, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan. Perbandingan SUKMA Perlis pengurusan kontinjen, bagaimana dana digunakan? Yang Berhormat Kapar, untuk pengetahuan Yang Berhormat Kapar anggaran bajet untuk SUKMA Perlis 2014 adalah seperti berikut:

| Perbelanjaan                        | Jumlah (RM)     |
|-------------------------------------|-----------------|
| Pakaian                             | 500,000         |
| Penginapan                          | 291,700         |
| Elaun                               | 467,400         |
| Pengangkutan                        | 400,000         |
| Cenderamata                         | 70,500          |
| Pasukan Sorak                       | 58,000          |
| Perubatan                           | 30,000          |
| Yuran                               | 80,000          |
| Keraian Atlet                       | 10,000          |
| Yuran Pertukaran Atlet dan Bantahan | 8,000           |
| Keperluan Urus Setia                | 60,000          |
| Golf VVIP                           | 3,000           |
| Pelbagai                            | 21,400          |
| <b>Jumlah</b>                       | <b>2.0 juta</b> |

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri, boleh jawab?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Timbalan Menteri...

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Boleh, boleh.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Menteri, yang mana satu? Yang Berhormat Kapar atau Yang Berhormat Sepang?

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kapar sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Menteri saya perlu penjelasan. Terima kasih kerana satu-satunya Timbalan Menteri yang memberi perincian sebegini, terima kasih. Saya just hendak tahu berapa ramai kontinjen dan berapa ramai atlet yang akan mengikuti kumpulan Wilayah Persekutuan ke Perlis sebab saya nampak pecahan dana tadi saya hendak tahu berapa atlet dan berapa kontinjen yang akan mengikuti? Terima kasih.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Yang Berhormat Kapar, saya mohon beri jawapan secara bertulis kerana saya tidak ada.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Okey terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri saya mohon jawapan untuk Sepang. Saya berdiri dekat luar sekejap.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Saya bagi secara bertulis sahajalah Yang Berhormat Sepang. Saya habiskan benda ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak, pasal Kampung Baru sahaja. Tolong jawab Kampung Baru sahaja, boleh?

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Sudah habislah. Saya hendak teruskan. Yang Berhormat Shah Alam pun tidak ada. Yang Berhormat Kuala Terengganu. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Pembangunan namun tidak berasas perlu beri bukti jawapan untuk Sekretariat Bantahan atas pembangunan Kampung Baru. Rumah-rumah warisan di Kampung Baru telah dikategorikan sebagai kategori dua yang tidak memerlukan pengiktirafan antarabangsa UNESCO.

Walaupun begitu, PKB telah mengambil inisiatif dengan memohon peruntukan sewajarnya bagi tujuan pemeliharaan 11 buah rumah dengan mencadangkan penempatan semula harta warisan tersebut di tempat yang bersesuaian. Pada masa yang sama nilai tambah diadakan bagi menjadikan Kampung Baru sebagai destinasi pelancongan. Dengan itu PKB atau Perbadanan Kampung Baru mengambil kira pembangunan dijalankan dengan memelihara nilai kebudayaan seni bina dan warisan berteraskan budaya Melayu Islam.

Yang Berhormat Shah Alam tidak ada, tidak payah jawab. Yang Berhormat Kuala Kangsar, ada? Tidak ada juga, tidak payah jawab. Seterusnya yang terakhir Yang Berhormat Wangsa Maju. Jalan Wardieburn dan Tumbuhan, projek bernilai RM4.85 juta ini dokumen telah siap untuk ditender tetapi banyak setinggan di tapak perlu dialihkan dahulu. Oleh yang demikian, diputuskan projek tidak boleh ditender sehingga setinggan dialihkan. Pada 11 Disember akan diadakan sesi *public engagement* bersama penduduk setempat. Saya dengan ini...

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Menteri, minta mencelah. Sini Batu Gajah. Timbalan Menteri masih tidak menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Subang tadi. Ini adalah satu perkara yang penting. Saya mohon Timbalan Menteri memberi jawapan tentang apakah status terkini perkembangan terbaru berkaitan dengan isu kuil yang dirobohkan di Jalan P. Ramlee itu. Kami perlukan maklumat terperinci tentang perkara ini dan apakah status terkini, *the latest*. Terima kasih.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Yang Berhormat Batu Gajah, saya faham soalan Yang Berhormat Subang tadi telah ditolak. Oleh sebab itu saya rasa...

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Itu adalah apa yang dikatakan oleh Tuan Pengerusi, Timbalan Menteri. Saya perlukan jawapan daripada Menteri. Ini adalah isu yang melibatkan Kementerian Wilayah Persekutuan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu Gajah, sekejap. Saya dengar tadi Yang Berhormat Tuan Pengerusi sebelum ini tidak membenarkan ucapan itu. Jadi tidak perlu dijawablah.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sudah habis Menteri?

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Menteri, saya rasa Menteri tidak boleh melarikan diri daripada menjawab soalan ini. Ini adalah soalan yang cukup penting. Ini adalah satu isu yang sensitif. Rakyat di luar sana hendak tahu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah Yang Berhormat Batu Gajah. Cukup, cukup. Ucapan tadi tidak dibenarkan.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Itulah saya kena tahu kenapa perkara ini tidak dibenarkan? Ini adalah isu rakyat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tuan Pengerusi sebelum tadi telah memberi penjelasan, okey cukup.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah, jangan berdegil-degil, cukup. Kita ada dua lagi kementerian hari ini. Okey Yang Berhormat Batu Gajah duduk.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM504,770,000 untuk Maksud B.32 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM504,770,000 untuk Maksud B.32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,270,545,900 untuk Maksud P.32 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2014 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM1,270,545,900 untuk Maksud P.32 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2014]*

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Tuan Pengerusi, ini adalah isu penting Tuan Pengerusi. Tidak boleh macam ini. Kalau Menteri tak boleh nak jawab, saya tidak tahu lah. Saya rasa cukup malulah, dalam Dewan ini Menteri datang tidak boleh jawab dan hendak melarikan diri, sembunyi, menyorok, kenapa? Saya tidak tahu lah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukup, cukuplah.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Ini adalah penting. Mana boleh Tuan Pengerusi, ini isu penting Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu Gajah cukup.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Kenapa, kenapa...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya tidak perlu ulang-ulang penjelasan. Tuan Pengerusi sebelum ini sudah memberikan jawapan dan penjelasan. Sila.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Saya tidak faham kenapa, *why?* Ini adalah persoalan rakyat. Dewan ini...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak payah buang masa, okey.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Bukan Tuan Pengerusi, bukan. Apa salahnya kalau Timbalan Menteri yang berada di Dewan ini memberi jawapan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah Yang Berhormat Batu Gajah, cukup.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Saya bukan tanya banyak. Saya hanya hendak tahu apa status terkini sahaja? *That's all.*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya sudah jelaskan tadi penjelasan tersebut tidak dibenarkan. Oleh sebab itu Yang Berhormat Subang minta keluar.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Tuan Pengerusi, *I don't know why* tidak dibenarkan?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak perlulah saya memberikan penjelasan lagi berulang-ulang.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Saya tidak tanya kamu ya, *you diam.* Ini adalah isu yang penting.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu Gajah, duduk.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Tidak Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya. Ini adalah isu yang penting Tuan Pengerusi. *I want to know why?* Kenapa perkara ini tidak boleh dibahaskan dalam Dewan?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu Gajah duduk. Kalau Yang Berhormat Batu Gajah juga berdegil saya minta Yang Berhormat Batu Gajah berehat. Yang Berhormat Batu Gajah sekali lagi saya kata Yang Berhormat Batu Gajah duduk.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** No, no. Saya hendak dapatkan penjelasan Tuan Pengerusi. Ini adalah isu penting Tuan Pengerusi. Hari itu Yang Berhormat Padang Serai dibuang kerana dia bawa isu ini. Hari ini Yang Berhormat Subang pun dibuang kerana isu yang sama. Saya tidak faham kenapa Dewan ini tidak benarkan membincangkan isu ini. Ini adalah isu sensitif.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu Gajah, saya bagi peluang Yang Berhormat Batu Gajah duduk sekali lagi. Saya sudah jelaskan Yang Berhormat Batu Gajah. Yang Berhormat Batu Gajah, saya sudah jelaskan Tuan Pengerusi sebelum sudah memberikan penjelasan.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Jangan... Tidak ada penjelasan. Mengikut Tuan Pengerusi tadi tidak ada berlaku pencerobohan dalam kuil tersebut.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey saya sekali lagi tanya Yang Berhormat Batu Gajah hendak duduk atau tidak?

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Saya hendak dapatkan jawapan daripada Timbalan Menteri. Ini penting.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey bentara saya minta Yang Berhormat Batu Gajah berehat.

**Seorang Ahli:** Keluar, keluar.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Semua macam ini. Setiap orang kena macam ini habislah.

**Seorang Ahli:** Ikut undang-undang-undanglah.

■1710

**Maksud B.20 [Jadual] -**

**Maksud P.20 [Anggaran Pembangunan 2014] -**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kepala Bekalan B.20 dan Kepala Pembangunan P.20 di bawah Kementerian Perusahaan, Perlادangan dan Komoditi terbuka untuk di bahas. Yang Berhormat Sik.

### **5.10 ptg.**

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh sedikit sahaja dalam B.20 Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi mengenai Butiran 030000 – Lembaga Getah Malaysia. Salah satu aktiviti LGM ialah pembangunan ekonomi dan pasaran getah iaitu berkenaan dengan harga getah. Menurut laporan statistik, terdapat lebih daripada 600,000 orang berdaftar untuk ladang getah di bawah seliaan RISDA. Antara negeri-negeri yang banyak penoreh getah adalah Kedah, Kelantan, Pahang, Perak dan Negeri Sembilan. Masalah yang sama ini juga melibatkan parlimen-parlimen lain iaitu parlimen-parlimen yang banyak penoreh-penoreh getah di negeri-negeri yang banyak penoreh getah. Bagi penoreh-penoreh di luar bandar, terdapat dua kategori pekerja menoreh: pertama, penoreh yang ada pokok getah; dan kedua, penoreh yang menoreh pokok getah orang lain.

Bagi penoreh yang ada pokok sendiri, mereka ada bantuan-bantuan lain termasuk One-Off daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melalui RISDA. Bagi penoreh yang menoreh pokok getah milik orang lain, mereka inilah yang menanggung beban bila penurunan harga getah berlaku.

Keadaan bertambah teruk apabila musim hujan melanda. Purata mereka yang boleh menoreh pada tahun ini bagi kawasan saya dari bulan Jun sehingga sekarang iaitu enam bulan terakhir bagi tahun 2013 ialah seperti berikut:

| Bulan     | Bilangan Hari Menoreh |
|-----------|-----------------------|
| Jun       | 15                    |
| Julai     | 10                    |
| Ogos      | 10                    |
| September | 7                     |
| Oktober   | 7                     |
| November  | 7                     |

Maka, kita dapat bayangkan berapakah pendapatan mereka sebulan. Selain daripada itu, pendapatan mereka dibahagi dua pula. Harga getah beku sekarang adalah di antara RM3 hingga RM3.50 sekilogram. Walaupun harga ini tinggi berbanding dulu tetapi *cost of living* semakin meningkat. Untuk membantu mereka ini, saya harap kerajaan dapat menetapkan harga lantai getah sebanyak lebih kurang dicadangkan RM5 sekilogram. Penetapan harga lantai getah beku sebanyak RM5 dirasakan lebih relevan dengan pasaran semasa kerana getah dunia dan peningkatan kos sara hidup sekarang ini. Agensi-agensi yang berkaitan serta Lembaga Getah Malaysia dapat mengambil inisiatif bagi mencari jalan penyelesaian cadangan yang saya kemukakan ini.

Pada masa yang sama, saya harap pihak Yang Berhormat Menteri dapat memberi penjelasan jika ada. Apakah langkah-langkah yang telah diambil setakat ini untuk memastikan harga getah beku pada masa sekarang supaya lebih kukuh? Apakah langkah-langkah yang diambil untuk menjaga kebijakan penoreh-penoreh ini supaya terjamin?

Sekian, terima kasih. Sik mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kelana Jaya.

### 5.13 ptg.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Maksud Bekalan 20 di peringkat Jawatankuasa. Saya ingin membahaskan dua butiran.

Butiran pertama ialah 010000 – Pentadbiran Am khasnya kod 10000 – Emolumen. Tuan Pengerusi, bagi tahun 2013, RM30 juta disediakan untuk emolumen tetapi untuk tahun depan iaitu tahun 2014, emolumen dipotong ke tahap RM18 juta sahaja. Ini maksudnya potongan sebanyak RM12 juta. Tuan Pengerusi, ini adalah satu potongan emolumen yang tersangat mendadak. Sebagai peratusan, potongannya ialah 40%. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab macam mana operasi pentadbiran kementerian boleh berfungsi dengan baik sekiranya staf emolumen hanya pada tahap 60% sahaja? Oleh itu, saya minta butiran lanjut daripada Yang Berhormat Menteri. Berapakah kakitangan kementerian yang akan hilang pekerjaannya, kenapakah kementerian ini menjadi mangsa?

Ini kerana Tuan Pengerusi, kalau kita banding dengan potongan emolumen Jabatan Perdana Menteri, potongannya cuma sampai 0.7% sahaja. Tidak sampai 1% pun. Akan tetapi kakitangan Kementerian Perusahaan, Perlادangan dan Komoditi kena potong 40%. Tuan Pengerusi, industri komoditi ladang khasnya kelapa sawit dan getah adalah industri yang sangat penting. Apabila kita kaji dari segi dengan izin, *economic sectors*, sawit dan getah adalah lebih penting daripada yang lain kerana jumlah dengan izin, *combine export* mencecah RM160 bilion. Ini bermakna ia lebih penting daripada Petronas kerana minyak Petronas akan kehabisan apabila reserved minyak sampai ke tahap kosong tetapi industri ladang adalah dengan izin, *sustainable* dan berkekalan.

Ia lebih penting daripada *manufacturing* kerana banyak syarikat *manufacturing* adalah kepunyaan syarikat luar negara. Ladang sawit dan getah kepunyaan 99% syarikat-syarikat Malaysia. Dari konteks itu, saya sangat hairan dan juga marah. Kenapa pada keseluruhannya, kementerian ini kena potongan bajet yang terbanyak sekali? Bandingkan bajet keseluruhan kementerian ini pada tahun 2013 adalah RM2.9 bilion. Untuk tahun 2014 turun kepada RM2 bilion sahaja. Potongan sebanyak RM900 juta. Sebagai peratusan untuk kita dapat konteks sebenarnya, potongan sebanyak 31%.

Tuan Pengerusi, butiran kedua yang saya ingin bahaskan ialah Butiran 070300 – Skim Penstabilan Harga Minyak Masak atau *Cooking Oil Stabilization Sceme* (COSS). Bagi tahun 2013, peruntukan COSS adalah RM1.5 bilion tetapi untuk tahun depan, untuk tahun 2014, COSS akan dipotong ke bajet RM1 bilion sahaja. Potongan sebanyak RM505 juta. Ini adalah potongan sebagai peratusan sebanyak 33%. Tuan Pengerusi, COSS ini adalah satu jenis subsidi. Tujuan subsidi ini ialah untuk memastikan harga minyak masak kepada pengguna domestik terkawal dan tidak naik

mendadak sekiranya harga CPO iaitu harga minyak kelapa sawit mentah naik. COSS dibiayai oleh syarikat-syarikat sawit melalui satu cukai khas yang dikenali sebagai dengan izin, *windfall tax*.

Mengenai Butiran 070300 ini, saya hendak timbulkan tiga soalan subsidiari.

Soalan subsidiari pertama saya ialah dengan potongan subsidi mendadak sebanyak 33% ini, apakah kenaikan harga minyak masak yang bakal berlaku pada tahun depan? Kalau subsidi kena potong RM505 juta, adakah beban sebanyak RM505 juta ini ditanggung oleh rakyat melalui minyak masak? Saya minta Yang Berhormat Menteri jawab bagi tahun 2014. Berapakah anggaran kenaikan harga bagi setiap satu liter minyak masak untuk pengguna?

Tuan Pengerusi, izinkan saya tanya soalan subsidiari kedua saya. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Menteri, apakah sebenarnya jumlah *volume* metrik tan minyak masak yang diguna pakai oleh *consumer domestik* sebab COSS ini ialah untuk *consumer domestik* sahaja. Bukan untuk industri dan bukan untuk pengeluar benda-benda yang berkaitan dengan sawit. Saya hendak tanya apakah jumlah metrik tan untuk *consumer* dan sama ada jumlah ini sama dengan jumlah metrik tan yang syarikat-syarikat yang telah menerima subsidi? Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab secara terperinci kerana perbezaan di antara domestik *consumer* dan juga subsidi yang diterima itu, apa-apa perbezaan jumlah itu adalah hasil ketirisan dan penyeludupan dengan izin Tuan Pengerusi, *the different between the consumer domestic consumption of cooking oil and the different between the subsidy received by companies, that difference is smuggling*.

Soalan subsidi ketiga saya ialah di bawah Butiran 070300 adalah tentang potongan subsidi sebanyak RM505 juta itu. Kalau terdapat potongan subsidi itu, adakah *windfall tax* terhadap syarikat-syarikat sawit akan juga dikurangkan sebanyak RM505 juta? Kalau tidak dikurangkan, kalau *windfall tax* tidak dikurangkan, sama ada RM505 juta itu akan diguna pakai oleh kementerian sendiri ataupun disalurkan ke kementerian lain? Ini sangat penting sebab isu COSS ini, terdapat satu *court case* di mana terdapat bayaran *windfall tax* ini bukanlah sah. *It's subject to appeal*.

## ■1720

Jadi Tuan Pengerusi, saya hendak gulung ini. Isu minyak masak adalah tersangat penting...

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Kelana Jaya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sungai Petani.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Ya, silakan.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Kerajaan menyebut tadi bahawa akan berlaku potongan subsidi sebanyak RM500 juta untuk minyak masak yang mana semasa pembentangan Yang Berhormat Pekan sebagai Menteri Kewangan tidak disebut seperti akan berlakunya terhadap subsidi gula. Adakah maksud di sini Yang Berhormat Kelana Jaya, bahawa kenaikan gula mendadak disebabkan oleh tersebutnya isu ini semasa pembentangan bajet tetapi minyak masak akan naik? Apa pun jadi akan naik tahun depan walaupun ia tidak disebut oleh Yang Berhormat

Menteri. Apakah itu maksud Yang Berhormat Kelana Jaya tadi? Maknanya rakyat, akhirnya, akan membayar harga minyak masak yang lebih pada tahun hadapan, maksud saya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Ini menjadi satu misteri kepada kita semua di Parlimen kenapa ia tidak disebutkan? Sebab setahu saya, kalau potong RM505 juta ini, pengguna akan *suffer*, pengguna yang akan dibebankan. Jadi, itulah kita minta Yang Berhormat Menteri jawab secara terperinci macam mana. Saya tahu mekanisme COSS ini ada faktornya ialah tentang harga CPO. Jadi, ia ada formulanya tetapi bila *you* potong 33% potongan subsidi, mustahil pengguna tidak *suffer*, mustahil pengguna tidak dibebankan.

Tuan Pengerusi, izinkan saya menggulung sekarang. Dalam Bajet 2014, kita sudah lihat seperti apa Yang Berhormat Sungai Petani kata tadi, potongan subsidi kepada beras dan gula telah dilakukan. Potongan ini memang akan membebankan rakyat. Akan tetapi, mengenai hal minyak masak, kita tidak pernah dengar penjelasan yang terperinci lagi. Oleh demikian, saya minta dan harap Yang Berhormat Menteri akan memberi penjelasan penuh dengan izin, *full disclosure* kepada rakyat. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Jerlun.

## 5.22 ptg.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Tuan Pengerusi, dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin merakamkan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut berbahas dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi. Jadi secara ringkasnya, saya hanya akan mengambil beberapa perkara.

Pertamanya, Butiran 020000 – Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN). Di mana telah diberikan peruntukan mengurus sebanyak RM26 juta dan juga peruntukan pembangunan sebanyak RM64 juta. Kita sedar bahawa sejak kerajaan mengubah dasar tidak menggalakkan lagi tanaman tembakau, makanya digantikan dengan kenaf sebagai ganti kepada kerja-kerja yang dibuat oleh penanam-penanam tembakau di seluruh negara. Dikatakan kenaf ini mempunyai potensi yang besar sama ada dalam bentuk menghasilkan fiber nya ataupun *sub fibre* dan corenya, dengan izin serta juga *silage* ataupun makanan haiwan.

Ketika ini saya kira, ia di peringkat R&D sama ada dalam bentuk tanaman, tuaian dan juga pemprosesan. Kita sedar bahawa produk kenaf ini memang mempunyai potensi yang cukup besar baik daripada bermulanya biji benih untuk makanan ayam, itik dan juga burung sehingga kepada membuat bahan untuk *body armour* ataupun barang untuk baju keselamatan, kraf tangan, pinggan mangkuk, *plaster ceiling*, *paneling*, *board pallet*, *bio oil*, dan *chipboards* dan lain-lain. Cumanya ialah isu-isu yang berkait rapat dengan industri kenaf ini, kita melihat bahawa ketika ini contohnya di Kedah, memang dahulunya kita ada menanam tembakau tetapi di Kedah difahamkan

ketika ini hanya sekitar 180 hektar kawasan tanah yang digunakan untuk menanam kenaf. Ia difahamkan juga hanyalah untuk biji benih.

Kita melihat bahawa walaupun ia mempunyai potensi yang besar, kekangan adalah kawasan tanaman yang mana tidak terdapat individu-individu besar yang sanggup masuk dalam bidang ini kerana mungkin masalah masa depannya yang masih belum jelas dan juga difahamkan, fiber yang dihasilkan oleh kenaf negara kita ini jauh lebih mahal daripada segi harga berbanding dengan China dan sebagainya. Jadi, sudah tentulah kalau kita ada kilang, kilang kita di Kuantan untuk menghasilkan fiber ini masih belum lagi dapat membuktikan bahawa ia dapat digunakan sepenuhnya sama ada untuk hendak buat accessory kereta, *dashboard* dan sebagainya. Jadi, kita hendak tanya kepada kementerian, dengan bajet yang begini besar, adakah kementerian melihat bahawa keluasan tanaman ini dapat ditingkatkan dan seterusnya dapat menghasilkan satu pendapatan yang tinggi? Sama jugalah dahulu dengan orang-orang yang terlibat dengan tanaman tembakau.

Keduanya, Butiran 030000 – Lembaga Getah Malaysia (LGM) yang diberikan peruntukan mengurus berjumlah RM74.5 juta dan juga peruntukan pembangunan Butiran 11001 berjumlah RM61.7 juta. Di Kedah, Kerajaan Negeri Kedah telah merangka untuk mewujudkan *rubber city* di kawasan Padang Terap, Sik dan juga Baling yang mana kita sedar bahawa ketika ini *planted area* ataupun kawasan tanaman getah telah pun menguncup, mengurang. Difahamkan 300,000 hektar melibatkan pekebun-pekebun kecil dan hanya sekitar 65,000 ataupun 64,000 hektar yang melibatkan estet. Kita juga tahu bahawa ada juga perancangan untuk memindahkan stesen ataupun Institut Penyelidikan Getah (RRI) dari Sungai Buloh ke Kedah.

Jadi, sejauh manakah program ini berjalan? Adakah kerjasama Lembaga Getah ini sebagai badan kawal selia yang terlibat juga dengan RISDA sebagai satu lagi agensi di bawah KKLW untuk menggalakkan tanaman semula getah dan sebagainya? Jadi, kita sedar bahawa hasil getah hari ini pun sudah mula menguncup. Harganya pun sudah semakin menurun jika dibandingkan dengan antara tahun 2012 dan juga tahun 2013. Adakah kerajaan melihat bahawa industri getah ini akan dipulihkan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara pengeluar utama di dunia dalam produk getah ini?

Ketiganya, Butiran 040000 iaitu Lembaga Koko Malaysia yang mana lembaga ini telah pun ditubuhkan sekitar tahun 80-an yang lalu. Kini diberikan peruntukan mengurus sebanyak RM52 juta untuk tahun 2014 dan juga di bawah Butiran 00100 mendapat peruntukan sebanyak RM38.442 juta. Kita sedar bahawa Malaysia satu ketika dahulu merupakan sebuah negara ketiga terbesar dalam bidang tanaman koko. Bermula pada tahun 1980, ketika itu hanya ada 123,000 hektar sehingga kemuncaknya pada tahun 1989, sebanyak 414,000 hektar tanah ditanam dengan koko. Penglibatan sektor perladangan estet-estet adalah menjadi cukup penting ketika itu. Akan tetapi hari ini kita tengok, sehingga tahun 2012, sudah pun turun kepada 21,000 hektar sahaja.

Kalau kita kaji daripada segi pengisaran ataupun *grinding capacity*, dari tahun 1980, hanya 6,000 tan tetapi telah pun meningkat. Kita sedar walaupun sedikit daripada segi kawasan

tanamannya tetapi kapasiti *grinding* ini melalui sembilan buah kilang yang ada di negara kita telah pun berjaya menghasilkan 299,000 tan proses koko. Kita juga mempunyai 40 kilang yang menghasilkan produk koko dan juga 110 usahawan coklat *handmade* melalui bimbingan Lembaga Koko Malaysia. Kita sedar juga bahawa produk koko sama ada *cocoa fat*, *cocoa paste*, *cocoa powder* dan juga coklat, dengan izin meningkat. Akan tetapi, sehingga tahun 2013 telah turun dengan agak mendadak kepada 1.7 bilion berbanding dengan 3.6 bilion pada tahun 2012.

Jadi, isu-isu yang berkait rapat dengan tanaman koko, kita sedar, tidak ada lagi banyak estet, boleh dikatakan hampir tidak ada langsung estet yang sanggup melabur dalam tanaman koko. Ini kerana kita sedar bahawa ia adalah sebuah industri tanaman yang *labour intensive, cost production* ataupun kos pengeluarannya amat tinggi dan juga banyak penyakit. Dahulunya, kita kenal koko ini orang kata ada penyakit yang cukup serius yang mana dikenali sebagai *vascular streak dieback* dan itulah mungkin menyebabkan tanaman koko itu telah berkurangan di negara ini.

#### ■1730

Jadi dengan *volume* yang sudah rendah, dengan kadar kawasan tanaman pun makin mengurang maka kita hari ini sekadar bergantung besar kepada pekebun-pekebun kecil. Kita juga sedar pekebun-pekebun kecil di sekitar Bagan Datok, Tanjong Karang, Sabak Bernam dan sebagainya sudah kurang tanam koko. Jadi adakah Lembaga Koko Malaysia ini masih relevan, masih diperlukan dan perlu untuk menghidupkan semula galakan bagi tanaman koko. Ini kerana kita sedar bahawa antara faktor yang paling besar untuk kejayaan tanaman koko ini adalah dari segi harganya. Kita lihat bahawa antara tahun 2012, tahun 2013 ini harganya dalam sekitar RM8,000 satu metrik tan. Ianya pada saya adalah menarik untuk diteruskan. Jadi apakah dasar kementerian untuk meneruskan negara kita ini kembali menjadi sebuah negara pengeluar koko yang ternama di dunia?

Seterusnya kita bercakap sedikit tentang NKEA - Butiran 94000 dan juga berkaitan dengan Butiran 070400 - Menangani Kempen Anti Minyak Sawit. Kita sedar bahawa Malaysia memang pengeluar kedua terbesar di dunia. Kita memang ada 5.7 juta hektar yang terlibat dengan tanaman kelapa sawit. Akan tetapi hari ini harga sawit sudah turun jika dibanding dengan RM3,200 tahun 2012 kepada sekitar RM2,400 pada tahun 2013 dan ketika ini mungkin dalam sekitar RM2,500. Jadi kita bimbang oleh kerana kita amat bergantung besar sekali dengan eksport komoditi sawit ini.

Akan tetapi kita takut dengan Kempen Anti Minyak Sawit yang dibuat di pelbagai tempat seluruh pelosok dunia sama ada di *Europe* mahupun di *US* yang sudah pastilah hendak menjaga kepentingan mereka iaitu industri minyak soya dan juga *rape-seed oil* dan juga *sunflower oil*, dengan izin. Maka kita takut kalau kita hanya sekadar ada RM16 juta ini mungkin tidak cukup untuk kita hendak menangani kempen bagi mengatasi anti minyak sawit yang sedang diadu domba oleh pengguna-pengguna di kawasan barat sana.

Jadi akhir sekali saya mohon menyokong bajet yang telah pun diberikan oleh Kementerian Kewangan kepada Kementerian Perusahaan Perlادangan dan Komoditi ini. Dengan harapan semoga kita akan terus menjadi pengeluar komoditi ternama di dunia yang membawa pulangan

yang tinggi. Bukan hanya untuk negara tetapi yang lebih penting adalah untuk pekebun kecil yang terlibat. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pasir Puteh.

### 5.32 ptg.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** *Auzubillahiminas-shaitoonirra'jiim, Bismillahi Rahmani Rahim [Membaca sepotong ayat al-Quran]* Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya ingin untuk berbincang sedikit tentang- berdebat sedikit tentang tajuk ini. Saya mulakan dengan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara di bawah Butiran 020000 dan juga P.20, Butiran 00401 dan One-Off – Butiran 090300.

Tentang Kenaf ini sebagaimana diberitahu oleh Yang Berhormat Jerlun tadi memang ia berpotensi untuk menjadi suatu alternatif kepada tembakau. Boleh dikatakan industri tembakau ini memang maju di negeri Kelantan dan negeri Terengganu pada suatu masa dahulu. Kita di negeri Kelantan memang tidak menggalakkan penanaman tembakau ini memandangkan tembakau atau cigarette ini tidaklah memberikan kebaikan kepada manusia ini bahkan memudaratkan.

Oleh kerana kita berpegang kepada ajaran Islam, maka tanaman seperti ini sepatutnya kita gantikan dengan alternatifnya. Di antara alternatif yang telah dicadangkan oleh kerajaan dan diusahakan setakat ini dalam sudah hampir sepuluh tahun, saya rasa sudah lebih kurang sepuluh tahun ialah Kenaf. Kita diberitahu bahawa Kenaf ini berpotensi sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Jerlun tadi dengan banyak hasil-hasil *down streaming* yang boleh kita dapat daripada Kenaf ini. Masalahnya ialah mungkin kawasan kerana kita perlu kepada kawasan yang luas dan juga kita perlu kepada kilang-kilang untuk memproses hasil-hasil Kenaf ini. Jadi saya ingin tahu berapa luaskah keluasan Kenaf yang sudah kita dapat untuk ditanamkan dengan Kenaf di seluruh negara khususnya kepada negeri Kelantan dan Terengganu? Ini kerana inilah negeri yang di *target* untuk tanaman ini oleh kerajaan. Berapa luas tanah-tanah yang sudah ditanam dengan Kenaf ini?

Juga kilang-kilang yang ada, adakah kilang-kilang yang dibuat itu yang saya perhatikan ada di Kelantan di kawasan di Bachok ada satu kilang yang dibina oleh satu syarikat. Apakah yang berlaku kepada kilang ini? Saya ingin tahu, kawasan itu terletak di kawasan Telung nampak tersergam indah, besar tetapi aktiviti nampak tidak seberapa. Macam hidup segan mati tidak mahu.

Jadi saya ingin tahu apakah nasib kilang ini? Adakah nasib kilang ini seperti juga nasib Kenaf ini? Nampak gaya hidup pun susah dan hendak mati susah. Ini kerana peruntukan yang ada ini banyak yang disediakan oleh kerajaan cukup banyak. Akan tetapi apakah penerimaan di bawah? Sama ada rakyat berkemampuan atau tidak untuk melaksanakan industri ini? Adakah penerangan yang diberikan oleh kerajaan dan juga bantuan yang diberikan oleh kerajaan sampai kepada petani-petani di bawah itu untuk menanam? Atau kepada syarikat-syarikat, pihak swasta

yang sanggup mengusahakan industri ini di peringkat bawah dan juga di kilang-kilangnya. Adakah mereka ini sanggup untuk memajukan industri ini?

Jadi saya ingin tahu daripada pihak kerajaan bagaimana kedudukannya sekarang. Adakah kilang-kilang ini boleh hidup? Saya diberitahu ada juga di Kuala Lumpur dan Pahang dan lain tempat, kilang-kilang untuk Kenaf ini. Jadi kalau boleh kita boleh dapat tahu sedikit maklumat apakah, ada kilang-kilang ini? Apakah hasil-hasil produk yang dikeluarkan oleh kilang-kilang ini? Kalau ada dari mana Kenaf yang digunakan oleh kilang-kilang ini diimport dari China, dari India atau ia adalah suatu daripada hasil daripada negara kita? Itu tentang Kenaf.

Bersangkutan dengan Kenaf ini ialah tembakau kerana Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara, ibu pejabatnya terletak di Kelantan di Kubang Kerian. Tembakau ini memang dalam proses untuk kita kurangkan pertaniannya. Memang kita tengok bahawa ia suatu yang kita harus usaha sedaya upaya untuk kita hapuskan di negara kita. Akan tetapi saya lihat industri ini masih lagi diusahakan di bawah. Masih ada banyak lagi tanah-tanah yang ditanam dengan tembakau. Jadi saya ingin tahu apakah prospek sebenarnya industri tembakau di negara kita? Adakah kita ingin teruskan demikian atau kita ingin betul-betul hapuskan? Kita mesti mendapatkan suatu yang boleh mengganti tembakau ini. Saya rasa usaha ini mesti datang daripada usaha yang bersungguh-sungguh daripada pihak kerajaan.

Kalau kita lihat kepada tembakau ini ialah sedikit sampingan. Tahun ini kita tidak menaikkan cukai tembakau. Jadi saya pelik juga kita hendak supaya rakyat kita ini kurang menghisap tembakau, menghisap rokok dan hasil-hasil tembakau ini, tetapi kita tidak menaikkan cukai. Saya percaya kerana kalau kita naikkan cukai pun penagih-penagih rokok ini akan terus menghisap rokok juga. Tidak kira harga berapa kerana ia suatu bahan yang ketagih. Suatu yang sudah merosakkan fikiran orang itu sehingga dia terpaksa mengambil rokok. Kalau tidak dia tidak boleh buat kerja, dia tidak boleh mengeluarkan hasil-hasil seni dan sebagainya dan dia tidak boleh bergaya. Boleh rasa macho dengan kecuali dengan menghisap rokok. Jadi harga sebagaimana tinggi pun dia akan hisap juga.

Jadi saya rasa kalau kita naikkan harga *tax* tembakau berlipat kali ganda pun saya rasa tidak ada masalah. Ini kerana hasil negara akan terus meningkat, orang yang akan merokok terus merokok dan *insya-Allah* tidak ada masalah.

#### ■1740

Jadi usaha lain yang kita mesti usahakan untuk mencegah orang daripada menghisap rokok ini. Saya rasa cara dia yang paling mudah kita kata benda ini haram sudahlah, senang. Fatwa haram tetapi kita tidak menyebarkan fatwa ini dan kita tidak ditekankan betul-betul. Benda haram ini benda yang masuk neraka, benda neraka. Jadi kita jangan nak ambil ringan dan yang menghisap rokok ini kebanyakannya orang Islam. Kempen haram rokok ini kena dipertingkatkan oleh semua pihak. Tingkatkan lagi cukai, tak apa tetapi saya rasa yang lebih berkesan ialah kempen mengatakan ia adalah sesuatu yang haram dan kalau semua orang tengok haram

sungguh, tengok kawan kita hisap rokok, kita boleh kata eh awak buat benda yang haram? Awak sanggup buat benda haram depan aku?

Jadi *insya-Allah* dia tak akan hisap rokok dan kita tahu kesan rokok ini pun berjangkit kepada kita. Kalau kita diam macam itu, kita duduk dekat dia bercakap dengan dia, kita hisap juga rokok, benda haram itu masuk dalam diri kita juga. Kita pun buat benda yang haram duduk dekat orang yang merokok. Jadi inilah benda yang kita kena tekanan, *insya-Allah*. Jadi itu tentang tembakau. Jadi saya nak tahu lah bagaimana kita boleh hapuskan tembakau ini dan apakah *target* kerajaan kita, bilakah kita boleh betul-betul tidak ada lagi petani-petani di Kelantan, di Terengganu yang menanam tembakau ini. Bila agaknya daripada perancangan yang hebat yang ada pada pihak kerajaan ini.

Itu tentang Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara. Saya ingin masuk berbincang sedikit tentang getah, Lembaga Getah Malaysia dalam Butiran 110001. Kita tahu bahawa Lembaga Getah Malaysia ini adalah dulu dia ada *Rubber Research Institute of Malaysia*, memang terkenal seluruh dunia. *Researchnya* cukup hebat dan bercampur dengan dua lagi jabatan digabungkan menjadi Lembaga Getah Malaysia. Jadi tujuan ditubuhkan adalah untuk memodenkan industri getah negara kerana kita tahu sekarang ini harga getah semakin turun. Mungkin perlu kepada peningkatan, pemodenan kepada industri ini kalau kita ingin mengekalkan getah ini sebagai hasil negara kita. Mesti ada hasil-hasil, barang-barang yang boleh dikeluarkan daripada getah dan juga untuk meningkatkan produktiviti getah dan sebagainya.

Saya ingin tahu dalam masa tiga tahun inilah, kerana sejarah kita dahulu hebat, *Rubber Research Institute* ini hebat. Bagaimana keadaan kita sekarang, *research* kita sekarang di *Rubber Research Institute* ini. Apakah *study* yang sedang dibuat, berapa banyak dah kajian yang dibuat, apakah hasilnya dalam masa tiga tahun ini. Peruntukan banyak, alhamdulillah. Saya tak tahu lah bilangan *researcher* dan saintis yang ada di sana, mungkin ramai juga. Apakah yang dibuat sekarang ini dan apakah hasil daripada kajian-kajian mutakhir ini atau kita sudah ke belakang dan kita sudah ketinggalan sebagaimana kita ketinggalan di dalam banyak *research* di dalam pertanian. Kita sudah ketinggalan jauh di belakang jika hendak dibandingkan dengan jiran-jiran kita.

Adakah RRIM ini juga ketinggalan jika dibandingkan dengan *research institute* di negara jiran kita. Jadi kalau boleh beri sedikit penerangan kepada kita tentang RRIM ini. Saya tengok bangunan RRIM ini di Jalan Ampang itu saya rasa cukup hebat, ini suatu bangunan yang boleh kita jadikan sebagai bangunan warisan, diindahkan lagi dan boleh dibuat bangunan warisan atau itu tempat yang cukup cepat membangun dan hebat pembangunan di situ atau kita boleh robohkan sahaja dan kita buat pembangunan yang lebih canggih di situ.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Saya tak tahu lah apakah perancangan pihak Lembaga Getah Malaysia kepada tempat itu. Saya ingin dapatkan sedikit maklumat daripada pihak kerajaan. Kemudian perkara seterusnya ialah tentang program Pembangunan Ladang Rakyat dalam P.20 Butiran 112000, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia. Kita tahu bahawa

kerajaan sedang berusaha untuk mengurangkan tekanan atas hutan asli ini untuk hasil kayuan untuk industri perkayuan dan kerajaan menggalakkan pembangunan ladang hutan secara besar-besaran secara komersial dan perancangan kerajaan adalah untuk mencapai sebanyak 25,000 hektar tanah ditanam setahun dengan tanaman ladang hutan ini.

Jadi sejak program ini dimulakan lebih kurang dalam tahun 2005, setakat ini saya ingin tahu berapa luas tanah-tanah yang sudah ditanam dengan projek-projek ladang hutan ini di seluruh negara dan kalau boleh khususnya di Kelantan banyak mana, saya nak tahu.

Saya juga ingin tahu berapa luas yang ditanam dengan klon getah kerana mungkin ini juga klon getah ini boleh ditoreh dan menjadi ladang getah. Kebimbangan saya ialah tanah-tanah yang tadahan hutan yang memang sesuai untuk tadahan hujan dan untuk kita jaga biodiversiti itu dipergunakan oleh mana-mana pihak untuk ditanam dengan ladang-ladang hutan sehingga tanah-tanah yang memang kita patut simpan untuk biodiversiti dan perhutanan hutan kekal kita ini dijadikan ladang dan kita tahu apabila ladang ini dilaksanakan, semua pokok akan di tebas. Bukit-bukit akan digondolkan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Pasir Puteh, boleh gulung.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Satu minit lagi boleh? Jadi apabila berlaku demikian, ini adalah satu kerugian dan mungkin inilah kesempatan yang diambil oleh setengah-setengah pihak untuk menghapuskan tanah-tanah yang penting untuk kita simpan sebagai hutan kekal. Jadi saya ingin tahu berapa luas tanah-tanah yang sudah ditanam dengan klon getah di seluruh negara dan saya ingin tahu juga pokok-pokok lain yang digunakan untuk pertanian ladang hutan ini seperti akasia, jati, sentang, batai dan lain-lain itu berapa luas sebenarnya yang sudah ditanam dan di mana terletaknya. Adakah kerajaan berpuas hati dengan pencapaian ini dan jika tidak, kenapa. Saya rasa kerana masa terlalu suntuk, terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, berapa orang lagi? Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Pandan. Tiga ya? Empat. Okey dua belah sini, dua belah sana, okey. Yang Berhormat Tuaran, selepas Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Pandan selepas itu Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Sepang dan Yang Berhormat Menteri menjawab.

#### 5.47 ptg.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas bagi Maksud B.20 - Kementerian Industri Perladangan dan Komoditi dan saya ingin menyentuh bagi Butiran 010100 - Kemajuan Hasil Komoditi dan Pengurusan.

Dalam butiran ini Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit tentang harga getah. Di kawasan saya di Tuaran dan juga di Sabah sering ditanya tentang masalah harga getah yang

berbeza di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Kadang-kadang kita menghadapi masalah dan cabaran untuk memberi penjelasan kenapa ada perbezaan harga ini dan walaupun dengan sedikit maklumat dan pengalaman yang kita, kita jelaskan tetapi masih lagi isu ini balik-balik ditanya di kawasan dan sebagainya. Saya mohon penjelasan kepada pihak kementerian bagaimanakah soal harga getah ini dapat diselaraskan di ketiga-tiga wilayah ini.

Soal kedua dalam harga getah ini ialah kebelakangan ini harga getah semakin menurun dan selama ini harga getah distabilkan dengan tiga buah negara pengeluar utama iaitu kita Malaysia, Indonesia dan negeri Thailand. Kebelakangan ini, beberapa buah negara pula menjadi pengeluar getah seperti Vietnam, Cambodia, negara Filipina dan sebagainya. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan supaya negara-negara pengeluar baru ini terutama sekali Vietnam, Cambodia dan sebagainya dapat bersama-sama dalam menentukan harga getah supaya harga getah ini dapat dikawal dan pada tahap yang menguntungkan kita.

Di samping itu juga dalam hal harga getah ini, saya ingin bertanya apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk memastikan supaya pembeli getah khususnya di negeri Sabah itu tidak lagi dimonopoli oleh hanya satu agensi iaitu Lembaga Industri Getah Sabah. Atau apakah pihak kementerian berpuas hati dengan cara sekarang ini di mana pembelinya hanya satu ataupun apakah pihak kementerian mahu berbincang dengan kerajaan negeri supaya pembeli itu pasarnya lebih terbuka untuk membolehkan supaya ada persaingan di antara pembeli dan mudah-mudahan dengan cara itu harga getah dapat ditingkatkan.

#### ■1750

Saya juga ingin menyentuh dalam hal industri perkayuan. Saya difahamkan bahawa kebelakangan ini banyak kilang-kilang yang menghadapi banyak tekanan, banyak masalah terutama sekali di Semenanjung sehingga beberapa buah kilang yang sudah tutup. Berhenti beroperasi kerana masalah terutamanya, masalah daripada segi mendapatkan tenaga pekerja. Selain daripada tenaga pekerja, kilang-kilang ini juga khususnya kilang-kilang perabot, menghadapi masalah untuk memenuhi pelbagai keperluan peraturan.

Dalam hal mendapatkan pekerjaan ini, Tuan Pengurus adalah amat penting bagi pihak kerajaan untuk menyelaraskan bagaimana kita mendapat pekerja. Pekerja yang berkualiti dan pekerja yang mencukupi untuk industri khususnya kayu-kayan sebab dalam Dasar Industri Perkayuan Negara (NATIP), sepatutnya beberapa ketika ini kita sudah mendapat eksport lebih RM30 bilion pada ketika ini, iaitu untuk mencapai pada ketika tahun 2020 sampai mencecah RM53 bilion nilai eksport kayu. Akan tetapi, jika sekiranya kita menghadapi masalah pekerja untuk kilang-kilang kita ini, saya fikir kita tidak akan dapat mencapai matlamat tersebut.

Jadi saya ingin bertanya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk memastikan supaya keperluan pekerja kilang-kilang kita ini dapat diatasi dengan baik? Oleh sebab saya difahamkan sehingga pekerja sekarang ini mereka yang menentukan. Menentukan

kepada majikan tentang sama ada kilang itu masih boleh terus beroperasi atau pun tidak kerana mereka terlalu bergantung kepada pekerja-pekerja khususnya pekerja asing.

Saya juga ingin menyentuh tentang kewujudan kilang-kilang yang beroperasi secara haram. Masalah ini timbul kerana kilang-kilang ini telah didirikan di tanah-tanah yang berstatus tanah pertanian dan bukan tanah untuk industri. Sebahagian besar daripada kilang-kilang ini bukan sahaja kilang papan, kilang untuk usahawan *timber* dan sebagainya, tetapi termasuklah kilang-kilang perabot.

Negara kita berhadapan dengan masalah di mana negara pun sudah menandatangani TEE dengan negara Eropah. Walaupun nanti kita dapat menandatangani perjanjian tersebut, tetapi jika sekiranya soal kedudukan kilang yang masih lagi dalam tanah-tanah yang tidak bersesuaian atau pun masih lagi berstatus haram, maka ia tidak akan dapat memenuhi keperluan apa yang dikehendaki oleh pasaran kita.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memastikan supaya masalah ya, masalah kewujudan kilang-kilang haram dalam industri kayu-kayan ini dapat diatasi. Pada masa yang sama, saya juga ingin bertanya, apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh kementerian ataupun difikirkan oleh kementerian dalam keadaan di mana kita, agensi-agensi yang terlibat dalam industri kayu-kayan ini berada di bumbung yang berlainan. Contohnya Jabatan Perhutanan Malaysia berada di bawah Kementerian Sumber Asli dan Lembaga Perindustrian Kayu pula berada di bawah Kementerian Industri Perladangan dan Komoditi.

Dalam keadaan ini, yang satunya terlibat dalam hal bahan mentah, yang satu lagi dalam hal perindustrian dan tentu sekali banyak masalah-masalah yang timbul daripada segi penyelesaian kegiatan. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, apakah keadaan ini menguntungkan kepada negara? Apakah ini tidak akan menghambat pelbagai program, pelbagai strategi yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan untuk memastikan supaya matlamat dalam-matlamat kerajaan untuk mencapai RM53 bilion eksport dalam masa tujuh tahun daripada sekarang ini dapat dicapai? Jadi Tuan Pengurus, itu sahaja. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengurus [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pandan.

### **5.55 ptg.**

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Tuan Pengurus. Saya ingin merujuk kepada beberapa butiran. Pertama, Butiran 030100 – Lembaga Getah Malaysia. Peruntukkan sebanyak RM74.49 juta. Industri getah di Malaysia kebanyakannya melibatkan penanam kecil dan mereka terdedah kepada turun naik harga getah di pasaran dunia. Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah daripada RM74.49 juta ini boleh atau telah diperuntukkan satu bentuk tabung yang boleh melindungi atau pun memberi bantuan dalam

keadaan-keadaan tertentu apabila harga getah ini jatuh mendadak kerana ia telah berlaku di dalam beberapa tahun yang lepas.

Semasa sektor kelapa sawit dapat melindungi diri mereka dan juga industri mereka kerana ia satu industri yang jauh lebih besar, keadaan itu tidak berlaku dengan penanam-penanam getah yang lebih kecil. Jadi, wajar kalau sebahagian daripada peruntukan mengurus yang diberikan kepada Lembaga Getah atau pun kepada kementerian sendiri, perlulah difikirkan untuk diperuntukkan bagi tujuan-tujuan melindungi penanam-penanam getah kecil ini.

Seterusnya saya merujuk kepada Butiran 090200 – belanja mengurus bagi NKEA Sawit yang diperuntukkan sebanyak RM20 juta. Saya mohon Yang Berhormat Menteri supaya memberikan butiran yang jelas kerana apabila kita lihat kepada belanja pembangunan, Butiran 11001, 11101, 11200, 11300 dan 94000 melibatkan Lembaga Getah Malaysia, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Lembaga Lada Malaysia dan paling akhir NKEA, jumlah anggaran harga projek pembangunan yang melibatkan perbelanjaan dari tahun 2011 sampai tahun 2014 adalah sebanyak RM4.785 bilion. Jadi, sebanyak RM2.894 bilion telah pun diperuntukkan dalam belanja pembangunan bagi NKEA di bawah kementerian ini. Jadi kita perlu tahu dengan lebih jelas apakah RM20 juta yang diperuntukkan bagi belanja mengurus *one off* NKEA Sawit tadi.

Akhir sekali Tuan Pengurus, saya ingin kembali kepada belanja pembangunan yang begitu besar sebanyak RM4.785 bilion diperuntukkan bagi tempoh tiga tahun yang melibatkan agensi-agensi yang saya sebut tadi dan termasuklah yang terbesar sekali kepada projek NKEA. Perbelanjaan sebenar bagi tahun 2011 dan 2012, RM719 juta telah dibelanjakan. Anggaran yang akan di belanja dan telah di belanjakan bagi tahun ini ialah sebanyak RM1 bilion.

Bagi tahun 2014, dianggarkan sebanyak RM519 juta terus diperuntukkan bagi projek-projek pembangunan ini. Kalau mengikut kepada tugas dan juga bidang fokus agensi-agensi ini mereka menumpukan kepada sama ada R&D, sama ada teknologi atau pun sama ada mendapatkan pasaran baru. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri supaya memberi penjelasan terutamanya bagi Butiran 94000, apakah sebenarnya jenis projek atau pun kajian atau pun perusahaan yang melibatkan peruntukan sebanyak RM4.785 bilion bagi tiga tahun daripada 2011 hingga 2014 itu? Saya mohon Yang Berhormat Menteri juga menyatakan, berapakah daripada nilai yang sebesar itu, jumlah nilai komersial daripada R&D yang telah berjaya disumbangkan kepada industri getah, industri sawit, industri kayu dan industri lada? Daripada peruntukan sebanyak RM4.785 bilion bagi projek-projek pembangunan di bawah kementerian ini, minta Yang Berhormat Menteri huraikan kalau tidak dengan terperinci, paling kurang secara kasar.

#### ■1800

Siapakah yang sebenar penerimanya dan kalau ada perunding-perunding bebas, berapa banyak yang telah dibayar kepada perunding-perunding bebas kerana jumlah RM4.785 bilion untuk projek-projek pembangunan yang melibatkan lembaga-lembaga dan agensi ini adalah satu jumlah yang begitu besar jika kita bandingkan dengan alasan yang diberikan oleh kerajaan untuk

memotong subsidi. Jumlah ini adalah lebih besar daripada subsidi gula yang telah dipotong. Jadi wajarlah Yang Berhormat Menteri menjelaskan apa projeknya, jenis kajiannya, pasaran baru mana yang telah dibuka, dan apakah nilai-nilai komersial dari semua peruntukan yang bernilai RM4.785 bilion daripada projek-projek pembangunan ini? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Lipis.

#### **6.01 ptg.**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Perbelanjaan Pengurusan dan Pembangunan Kementerian Perusahaan dan Komoditi BP20 Butiran 010100 Kemajuan Industri Komoditi dan Pengurusan. Dasar Komoditi Negara 2011-2020 telah digubal untuk mentransformasikan dan memperkuuhkan sektor perladangan dan komoditi negara.

Sektor ini merupakan salah satu tunjang ekonomi negara dan sewajarnya perhatian khusus seharusnya diberikan dan lebih menyeluruh antara sasaran dasar komoditi ini ialah meningkatkan pendapatan eksport komoditi negara daripada RM13 bilion tahun 2010 kepada RM242 bilion menjelang tahun 2020. Dasar ini amat baik sekali menjadikan perladangan dan hasil komoditi ini sebagai satu sumber pendapatan yang berskala besar. Dengan itu saya merasakan bajet mengurus dan pembangunan BP20 tidak seharusnya diturunkan kepada RM2.03 bilion 2014 berbanding RM2.9 bilion 2013. Penurunan sebanyak lebih kurang 30%.

Bagi Butiran 090100 - Mesyuarat Antarabangsa. Walaupun kita merasakan mungkin pihak kementerian mempunyai sebab tertentu untuk penurunan tersebut, tetapi dalam masa yang sama perbelanjaan lebihan ini digunakan untuk dengan lebih agresif dalam penyelidikan dan pembangunan, meningkatkan penyertaan yang lebih komprehensif dalam pelbagai rundingan, mungkin persidangan di peringkat antarabangsa dan serantau dan sebagainya memastikan hala tuju bagi mengatasi dan menangani isu-isu sektor komoditi.

Belanjawan ini boleh diletakkan di dalam Butiran 50000 – Perbelanjaan-perbelanjaan Lain atau butiran yang dikatakan yang bersesuaian dengan butiran-butiran yang lain yang banyak boleh dimasukkan terus memberi dan menyumbang faedah yang maksimum.

Bagi Butiran 11001 Lembaga Getah Malaysia bersekali dengan Butiran 11101 Lembaga Minyak Sawit Malaysia. Tuan Pengerusi, kalau kita melihat komoditi negara pada hari ini, melibatkan penurunan dari segi harga getah, sawit. Ini merupakan berikutan daripada beberapa faktor luaran yang memberi yang mungkin ada persaingan di antara hasil komoditi negara terutamanya harga sawit. Seharusnya harga sawit ini kita perlu membuat penelitian, perlu membuat kajian sebaik mungkin kerana ini merupakan hasil negara yang salah satu yang terbesar. Jadi dengan perwujudan mungkin sawit-sawit daripada negara-negara lain yang juga berskala besar mungkin dapat mengatasi negara kita ini, maka pihak kementerian seharusnya meneliti keadaan ini.

Begini juga harga getah yang hari ini menurun yang agak rendah sekali. Rakan-rakan kita ada menyebut tentang harga lantai. Ini juga seharusnya dikaji sedalam-dalamnya oleh pihak kerajaan untuk memastikan kesejahteraan masyarakat luar bandar yang banyak bertumpu kepada getah khususnya dan juga sawit. Ada di antaranya menanam secara kecil-kecilan yang juga menumpukan kepada harga pasaran komoditi sedemikian rupa. Ini seharusnya kita membuat kajian pelan tindakan untuk mencari punca daripada akar umbinya untuk memastikan promosi-promosi peringkat antarabangsa, untuk memastikan dua komoditi ini boleh stabil di peringkat negara kita ini.

Bagi Butiran 94000 juga yang disentuh oleh rakan saya sebentar tadi, perbelanjaan tambahan juga mungkin diperlukan untuk diadakan pendidikan, pembangunan ataupun R&D yang lebih agresif untuk semua hasil komoditi kita, kita perlu mencari formula mengenai kepelbagaiannya hasil-hasil komoditi kita. Sebagai contoh bagaimana kita hendak melahirkan produk-produk baru yang berskala besar untuk mengadakan juga persaingan seperti getah dan sawit.

Rakan saya sebentar tadi ada juga menyebut kenaf umpamanya bagaimana perginya kenaf tetapi dari segi rokok tembakau itu adalah hasil negara juga. Mungkin rakan-rakan yang menghisap rokok itu kurang bersetuju. Akan tetapi yang tidak hisap rokok itu dia bersetuju cakap macam itu. Saya ingat rakan-rakan saya di seberang sini pun ramai saya tengok kita bersama-sama hisap rokok tadi. Itu tidak apalah. Walau bagaimanapun, boleh dipertimbangkanlah. Kalau sudah kata haram itu, kita kena ikutlah haram. Kalau daripada saya dengar suara belakang, sebab itu saya pandang. Kalau daripada Mufti sudah membuat satu ketetapan, maka kata haram, kita ikutlah haram. Itu saya setujulah. Akan tetapi setakat ini belum lagi daripada pihak tertentu mengatakan ia haram...

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Sebenarnya Yang Berhormat, sudah ditentukan oleh Mufti.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Setakat ini belum diumumkan.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Sudah diumumkan. Hanya tidak melebar, itu masalahnya. Fatwa sudah ada, hanya tidak disebarluaskan sehingga Yang Berhormat sendiri pun tidak tahu. Itu masalahnya. Kita di Dewan ini pun tidak tahu, rakyat di bawah ini lagi tidak tahu. Oleh sebab itulah kita kena berkempen.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Kita ada beberapa orang mufti peringkat negeri-negeri. Ada negeri Mufti mengatakan ia makruh, tidak haram. Maknanya antara pun perbezaan pendapat.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Sebenarnya ini sudah disetujui oleh Majlis Mufti. Semua mufti sudah. Tidak ada seorang pun yang kata makruh. Itu 10 tahun dahulu memang makruh. Sekarang sudah sepakat, terima kasih.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Saya ingat isu yang kita bercakap ini adalah bagaimana hendak menggantikan tanaman tembakau itu dengan kenaf. Kita sedarlah memang rokok ini membahayakan kesihatan. Jadi sebab itulah kerajaan mengambil keputusan menggantikan

tanaman tembakau itu kerana mungkin kita tidak mahu subahat dengan rokok ini. Jadi hendak ganti dengan kenaf. Jadi isunya ialah bagaimana kenaf ini dapat meningkatkan, menjamin pendapatan yang sama kalau dahulunya petani menanam tembakau. Setuju tidak?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Setuju dengan Yang Berhormat Jerlun. Kalau tembakau sudah tidak ada, memang tidak ada rokoklah agaknya. Kita boleh import. Kawal import pula, dari segi kawalan import untuk mengelakkan daripada hasil negara juga sebenarnya. Akan tetapi tidak apalah. Di Mekah pun orang semua sambil berjalan ke Masjidilharam hisap rokok. Itu ramai. Kalau orang Pahang kata, orang Lipis kata, "berteteh", pergi ke masjid hisap rokok juga. Akan tetapi tidak apalah, walau bagaimanapun kita bersetujulah dengan kedua-dua pendapat itu.

Tuan Pengerusi, kita sebagaimana yang saya katakan tadi, oleh itu mungkin kita perlu mewujudkan banyak lagi makmal-makmal penyelidikan walaupun ia semua adalah dalam bentuk *investment* dan memerlukan wang peruntukan, tetapi pada hemat saya ia masih mempunyai *investment* yang baik dan ini boleh kita memastikan pengeluaran komoditi seperti sawit, getah, koko, kayu-kayan, lada yang terbesar di dunia dan sekiranya kita berjaya daripada penyelidikan kita itu sendiri.

#### ■1810

Ini juga memastikan *target* kita dalam Dasar Komoditi Negara yang menyasarkan pendapatan boleh mencapai sehingga RM240 bilion menjelang tahun 2020 sekiranya kita melaksanakan dengan yang terbaik. Saya juga meminta kementerian memikirkan perkara-perkara yang di luar kotak pemikiran sebagai contoh formula lain, mempelbagaikan komoditi negara yang pada masa ini hanya bertumpu kepada beberapa komoditi besar sahaja. Pemikiran yang diperlukan ini untuk kita mencari kaedah yang lebih efektif, mengukuhkan pasaran yang sedia ada dan yang lebih penting, menembusi pasaran yang baru. Ini semua memerlukan perbelanjaan pembangunan. Sudah pasti sampai masanya, kita melakukan transformasi yang lebih menyeluruh daripada segi R&D ini...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Negara kita- ya, sikit lagi.

Negara kita masih banyak tanah terbiar yang kalau kita lihat umpamanya seperti di kawasan saya sendiri Parlimen Lipis, kalau kira besarnya melebihi besar daripada negeri Melaka, Parlimen Lipis sahaja. Kalau kira satu DUN saja, DUN Padang Tengku pun lebih besar daripada Melaka. Campur dengan satu Parlimen, boleh lagi besar daripada negeri Melaka. Jadi saya menyarankan supaya dengan tanah yang subur, hasil yang baik, boleh dibuat kajian dan boleh diletakkan penempatan R&D di kawasan Lipis untuk membuat penyelidikan-penyeleidikan tertentu.

Ini sudah dua, tiga kali saya rasa saya sarankan di dalam Dewan yang mulia ini untuk dijadikan tempat pusat kajian yang saya nyatakan selain daripada kajian, ia juga boleh digunakan bumi Parlimen Lipis untuk dijadikan satu kawasan yang besar, untuk dijadikan kawasan perladangan yang boleh mendatangkan hasil kepada negara kita. Sekian, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih. Yang Berhormat Sepang. Lepas Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Menteri menjawab.

#### 6.12 ptg.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya hanya ingin membangkitkan satu butiran sahaja iaitu berkaitan dengan Butiran 070400 iaitu berkaitan dengan Menangani Kempen Anti Minyak Sawit. Tuan Pengerusi, pada tahun 2012, dalam ucapan Timbalan Menteri ketika menggulung kementerian ini, telah menyatakan bahawa sebanyak RM24 juta telah diperuntukkan bagi menangani kempen anti minyak kelapa sawit ini. Akan tetapi, kalau dilihat kepada Anggaran Belanjawan untuk tahun 2014 ini, jumlah itu telah dikurangkan kepada RM16 juta.

Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah pengurangan itu kerana kita telah berjaya dalam kempen menangani ataupun dalam menjawab kempen anti minyak kelapa sawit ini? Tuan Pengerusi, kita tahu bahawa negara kita adalah pengeluar, antara pengeluar utama minyak kelapa sawit. Satu benda yang tidak boleh dinafikan bahawa semasa berlakunya *recession*, masalah *economic meltdown*, dengan izin pada tahun 1997, 1998, pengeluaran kelapa sawit ini telah berjaya membantu antara lain ekonomi Malaysia ini. Jadi, kita khuatir sebab kita berhadapan dengan suatu negara-negara yang ekonominya kuat dan lobi mereka lebih kuat seperti negara-negara Eropah yang mana mereka menggunakan undang-undang, menggunakan, boleh menggunakan banyak cara untuk memburuk-burukkan minyak kelapa sawit ini walaupun kita tahu kebanyakan kempen-kempen mereka itu mungkin tidak ada asas.

Akan tetapi oleh kerana mereka ini adalah negara-negara yang kuat daripada segi ekonominya, jadi ia sedikit sebanyak mungkin boleh berjaya mempengaruhi pengimport-pengimport minyak kelapa sawit ini. Jadi yang saya ingin, yang saya agak- sebelum itu, antara isu yang sering dimainkan ataupun isu yang sering digunakan untuk menyatakan kenapakah kita tidak harus menggunakan minyak kelapa sawit ini ialah isu berkaitan dengan minyak kelapa sawit ini mengandungi asid tepu yang boleh membahayakan kesihatan. Itulah antara kempen yang dibuat oleh Kerajaan Amerika Syarikat melalui kempen mereka, Kempen Anti-Minyak Tropika dan program Piramid Makanan yang mereka telah lancarkan pada tahun 1992 yang melibatkan Jabatan Pertanian Amerika sendiri dan Persatuan Penanam Kacang Soya yang mereka mengatakan kandungan minyak kelapa sawit ini mengandungi asid lemak tepu yang tinggi. Akibat daripada kempen itu, ia telah mempengaruhi piramid pemakanan oleh rakyat Amerika Syarikat.

Kempen itu berjalan agak lama. Selepas 20 tahun baru didapati rupanya kempen tersebut adalah tidak betul. Apabila penduduk Amerika menggunakan minyak jagung dan sebagainya, didapati 64% penduduk Amerika mengalami masalah obesiti kerana bukan penggunaan asid lemak tepu tetapi lebih kepada pengambilan asid lemak perlu ataupun *essential fatty acids*. Jadi, isunya ialah mereka ini ialah negara yang kuat daripada segi ekonominya. Mereka boleh guna apa saja. Jadi, sebab itulah saya rasa, apabila kita kurangkan daripada RM24 juta kepada RM16 juta ini,

saya khuatir ia akan menyebabkan kita punya kempen untuk mengatasi kempen mereka ini akan tidak berjaya. Itu yang pertama.

Keduanya, yang kita khuatir apabila kempen-kempen anti minyak kelapa sawit ini sekiranya berjaya, ia akan mempengaruhi harga minyak kelapa sawit dan juga sekali gus akan menjelaskan penanam-penanam kelapa sawit yang kita tahu kebanyakannya mereka adalah warga-warga, orang-orang yang tidak mempunyai pendapatan tinggi khususnya peneroka-peneroka FELDA. Kita tahu kajian menunjukkan bahawa minyak kelapa sawit ini juga bergantung kepada usia pokok kelapa sawit itu. Antara isu yang dulu juga timbul apabila FGVH disenaraikan dalam bursa saham ini yang kenapa ada golongan yang menentang itu adalah kerana didapati negara kita khususnya daripada FELDA ini, usia pokok kebanyakannya sudah tua.

Daripada segi *natural* nya apabila 20 tahun, ia tidak akan menghasilkan minyak yang tinggi dan sebagainya. Jadi, kita khuatir apabila kempen-kempen ini tidak dapat ditangani dengan baik, ia akan sekali gus menjelaskan pendapatan rakyat bawahan ini khususnya penanam kelapa sawit dan khususnya peneroka-peneroka FELDA. Sebab itulah kita harap juga walaupun tidak sekali gus melibatkan kementerian ini tetapi kita harap, pihak FELDA sendiri yang mana ramai peneroka FELDA adalah terlibat dalam penanaman kelapa sawit ini, apabila mereka ingin menanam semula walaupun tidak melalui FELDA, kita harap pihak FELDA janganlah bertindak menyusahkan peneroka-peneroka yang ingin menanam kelapa sawit secara sendiri ini, tidak melalui FELDA dengan pelbagai sekatan dan halangan. Kadang-kadang duit tabung kelapa sawit itu dilambat-lambatkan ataupun mereka terpaksa pergi mahkamah.

Jadi, ini sekali gus akan mengurangkan semangat mereka untuk tanam semula dan sekali gus akan menjelaskan produktiviti kelapa sawit itu sendiri. Jadi saya harap, kerajaan dapat mengambil satu langkah yang efektif bagi menangani isu ini. Sebab antara juga kempen-kempen yang mereka jalankan adalah berkaitan dengan penanaman kelapa sawit ini tidak mesra alam. Ia melibatkan- antara yang selalu digunakan dalam kempen-kempen mereka mengatakan kenapa kita tidak harus membeli minyak kelapa sawit ini, tidak menggunakan ialah dia kata tanaman kelapa sawit ini melibatkan keluasan tanah yang luas. Di mana dia kata, yang selalu dituduh ialah di Borneo. Dia kata di mana habitat orang hutan terjejas teruk kerana pembukaan tanah ini. Dalam kempen yang dipanggil- dalam Persidangan Bumi, Rio iaitu di Brazil dinyatakan bahawa sebuah negara perlu mempunyai 50% muka bumi dilitupi hutan.

#### ■1820

Kalau ikut jawapan Yang Berhormat Menteri pada tahun lepas, di Malaysia kita ini telah mempunyai hutan seluas muka bumi kita masih lagi diliputi hutan sebanyak 56.4%. Jadi kita lepas halangan itu. Akan tetapi saya rasa 56.4% dengan 50% itu tidak jauh. Itu pada tahun 2011. Kita takut dengan sekarang ini makin banyak hutan dibuka, jadi kita akan mungkin terperangkap dengan kuota yang telah ditetapkan oleh Persidangan Bumi di Rio ini iaitu kita mungkin pada masa ini sudah melebihi ataupun kurang daripada 50% muka bumi di Malaysia ini diliputi hutan. Jadi, kempen daripada kumpulan-kumpulan ini bukan calang-calang. Termasuk *Green Peace*, termasuk

*Fan of Earth*, banyak. Mereka ini mempunyai segala mekanisme dan mereka ini dibantu oleh syarikat-syarikat *giant*. Jadi sebab itulah kita perlu memikirkan satu strategi, bagaimana untuk mengatasi mereka.

Saya tak pasti adakah ‘*tips for tap*’ itu adalah sesuai untuk kita lawan balik apa yang mereka- kalau kita baca buku ditulis oleh Joseph Stiglitz, pemenang Nobel, dia mengatakan, Amerika ini memang ia memberi subsidi yang tinggi kepada penanam-penanam kacang soya dan sebagainya. Jadi mereka ini mendapat sokongan daripada kerajaan.

Sebab itu mereka tidak takut untuk membuat kempen-kempen besar ini. Jadi kita risau, penduduk-penduk kita ini dan saya tidak meminta Yang Berhormat Menteri memberi penerangan. Adakah penanam kelapa sawit kita ini diberi subsidi ataupun diberi subsidi yang mencukupi untuk mereka terus dapat bertahan dalam industri ini.

Saya harap dan yang lebih merisaukan kita, baru-baru ini walaupun kita tahu negara China ada hujah mengatakan kita tidak perlu takut dengan kempen daripada negara Eropah seperti EU dan sebagainya termasuk Australia. Walau pun Australia sampai hendak gubal undang-undang untuk hendak minta kelapa sawit minta dijual di sana.

Kita kata, kita selalu mengatakan, Oh, pembeli utama ataupun pengimport utama adalah China dan India bagi kelapa sawit kita. Akan tetapi, China baru-baru ini pun telah mengatakan bahawa dia pun akan mengharamkan penggunaan minyak sawit dalam pengeluaran *baby's formula*. Maknanya untuk makanan-makanan bayi ini.

Jadi kita risau bila China sebagai negara pengimport utama minyak kelapa sawit juga sudah mengharamkan penggunaan minyak kelapa sawit bagi formula bayi ini, jadi kita risau negara yang menjadi pengimport utama ini juga akan mengurangkan import mereka kepada kelapa sawit.

Jadi segala isu ini saya harap dapat dijawab oleh Yang Berhormat Menteri sebab kita tak mahu industri ini yang melibatkan banyak petani-petani dan golongan bawahan ini akan terjejas kalau kita tidak dapat menangani kempen anti minyak sawit ini dengan secara berkesan dan secara efektif. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Sepang. Sila Yang Berhormat Menteri. Ya *mic*, bentara. Ya, sila.

#### 6.24 ptg.

**Menteri Perusahaan, Perlادangan dan Komoditi [Dato' Sri Douglas Uggah Embas]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya, saya hendak mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, cadangan apabila berbincang mengenai kementerian saya. Pada petang ini kita akan mengambil maklum semua perkara-perkara yang telah ditimbulkan.

Ini adalah menunjukkan bagaimana keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai isu komoditi kita. Memang komoditi kita adalah satu sektor yang cukup penting kerana ia menyumbang kepada GDP kita dan juga memberi pekerjaan-pekerjaan dan peluang-peluang perniagaan. Oleh

itu, kita telah pun menyasarkan pada tahun 2020 komoditi kita dapat menyumbang RM242 bilion kepada GNI negara kita.

Oleh yang demikian, maka berbagai-bagai dasar dan program-program telah kita rancang ataupun telah kita laksanakan. Untuk tahun 2013 telah kita rancang supaya kita meneruskan usaha-usaha kita untuk memperkasakan sektor komoditi ini.

Jadi, yang pertama ini isu mengenai bajet kempen minyak sawit. Ada beberapa Yang Berhormat seperti Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat dari Sepang tadi pun ada sentuh bertanya mengenai kempen kelapa sawit. Yang Berhormat Sepang telah pun mempersoalkan sama ada penurunan peruntukan dari RM24 juta kepada RM16 juta ini akan melemahkan usaha-usaha kita untuk menangani dan menangkis segala kempen sawit kita di dunia ini.

Memang Tuan Penggerusi, kerajaan cukup sedar atas cabaran yang dihadapi oleh sektor sawit. Perjuangan sektor sawit ini bukan hanya bermula sekarang tetapi ia telah pun bermula lebih awal dari beberapa puluh tahun yang lepas dan ia akan diteruskan. Jadi, banyaklah kejayaan yang telah kita capai. Akan tetapi dari semasa ke semasa sentiasa timbul berbagai-bagi isu yang baru. Misalnya seperti yang disebut tadi tiba-tiba negara China akan mengaturkan satu undang-undang yang akan menyekat kegunaan minyak sawit dalam *infant formula* ini contohnya. Begitu juga di France, dulu dia cuba hendak meluluskan undang-undang, mengenakan cukai yang tinggi dan Australia isu *labelling* dan sebagainya.

Jadi, oleh itu kerajaan memang menggunakan segala-galanya yang ada pada kita. di antaranya adalah peruntukan RM16 juta ini. Akan tetapi ini bukan itu sahaja. Kita menggunakan pengaruh-pengaruh, hubungan-hubungan rapat pucuk pimpinan kita khasnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang sentiasa berbincang dan berjumpa dengan pucuk pimpinan di negara-negara luar.

Oleh itu misalnya, isu *infant formula* ini, telah pun ditimbulkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila Presiden China datang ke Kuala Lumpur baru-baru ini. Kita dengan sukacitanya memaklumkan kementerian telah pun menerima surat baru-baru ini yang telah memberitahu kita bahawa cadangan untuk mengeluarkan kegunaan minyak sawit dalam *infant formula* ini telah pun ditarik balik.

Jadi, dengan kata pendek, maknanya boleh digunakan untuk *infant formula [Tepuk]* Inilah satu bukti bagaimana kempen anti kelapa sawit ini bukan hanya bergantung pada peruntukan yang ada. Akan tetapi kita gunakan perhubungan yang rapat di antara pucuk pimpinan kita apabila isu-isu ini timbul. Kita yakin dengan pengalaman yang cukup, *the resilient sector* ini kita akan menangkis segala isu-isu yang berhadapan dengan kita pada masa-masa akan datang.

Mengenai harga ini memang kita pun cukup sedar bahawa harga cukup penting bagi setiap komoditi. Oleh kerana bukan hanya syarikat-syarikat besar yang mendapat manfaat dari industri ini tetapi tidak kurang dari 300,000 pekebun-pekebun kecil yang dapat manfaat daripada industri ini.

Maka inilah kita berusaha sedaya-upaya dengan apa yang boleh untuk menentukan bahawa pelbagai pendekatan diambil supaya satu, kita tidak kehilangan *market* yang sedia ada dan

kedua, kita dapat *market* yang baru supaya minyak sawit kita dapat dijual dengan harga yang baik dan dapat memberi keuntungan kepada penanam-penanam sawit dan kepada negara.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Boleh saya mencelah?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Kangsar.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tahniah kepada pihak kerajaan dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah berusaha untuk mematikan isu kempen *anti infant formula* kepada China. Saya mohon penjelasan daripada pihak Yang Berhormat menteri, apakah cabaran yang terhebat anti sawit kempen ini datang daripada Eropah ataupun Amerika Syarikat? Kerana saya difahamkan banyak saintis-saintis di Amerika Syarikat memberi sokongan kuat di atas kebaikan minyak sawit ini dan telah disokong oleh pelbagai pertubuhan yang menyatakan bahawa minyak sawit ini adalah salah satu minyak yang terbaik untuk kesihatan dan juga penggunaan harian di Amerika Syarikat. Terima kasih.

■1830

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Yang Berhormat Menteri, subjek yang sama ini. Jerlun.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, boleh sila.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Subjek yang sama. Saya melihat bahawa kempen anti sawit ini dia tahu bahawa Malaysia ini memang mengharapkan *revenue income* daripada komoditi ini. Jadi mereka cuba hendak ya lah kalau kata hendak menjahanamkan itu mungkin kasar sedikit tapi hendak mengurangkan kita punya *interest* ataupun penglibatan ini dengan menurunkan harga dengan serendah-rendah yang mungkin.

Kita sedar bahawa harga ini ditetapkan oleh *demand* dan *supply*. Kemudian dia ada juga *substitute* ataupun barang ganti dan harga ini ditetapkan dalam pasaran hadapan komoditi. Kemudian dia boleh buat *announcement* kata *delivery for November* keluaran soya di Amerika meningkat. Jadi secara tidak langsung harga sawit akan menurun. Kemudian inilah telah berlaku Yang Berhormat Menteri setuju atau tidak yang berlaku pada industri koko pada awal tahun 80-an, harga koko ketika itu RM6,000 hingga RM7,000 setan. Jadi itulah sebab masa itu ramai estet, ladang, pekebun kecil semua masuk tanam koko sehingga jadi 400,000 hektar lebih tetapi bila sampai tahun pertengahan 80-an sehingga awal 90-an, harga koko sudah turun jadi RM3,000. Masa itu kita tidak boleh *breakeven*. Maka pakat lari tetapi hari ini harga koko sudah naik RM8,000. Jadi ini isunya di mana manipulasi mereka hendak merosakkan kita.

Soalan saya adalah, adakah kerana dahulu *Malaysianization' Program* ini. Dahulu ada Guthrie, Sime Darby, Harrison, HSC semua ini *domicile* di UK kita ambil alih, adakah mereka masih berdendam dengan kita? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Kuala Kedah.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Pengurus. Saya cuba hendak menyentuh beberapa perkara yang banyak saya bercakap iaitu tentang kesihatan kerana tadi Yang Berhormat Kuala Kangsar membangkitkan tentang minyak sawit dari segi kesihatan. Saya perlu nyatakan di sini bahawa minyak sawit adalah salah satu minyak yang terbaik untuk kesihatan. Yang menjadi kontroversi ialah kandungan minyak tepu dalam kelapa sawit tapi itu dibuktikan oleh banyak kajian perubatan mutakhir ini iaitu baik untuk kesihatan. Walaupun yang terbaik adalah minyak kelapa.

Jadi yang berlaku sekarang ialah bila kita menjawab dari segi isu kesihatan kita tidak menekankan pendapat-pendapat saintis ulung yang telah diketepikan dan *demonize* dengan izin oleh industri makanan Amerika Syarikat seperti Dr. Mary Enig yang menulis buku '*Eat Fat, Lose Fat*' tentang kebaikan minyak kelapa. Akan tetapi kelapa sawit yang disebut *palm kernel oil* itu juga sangat sihat dan itu adalah pendapat yang telah terbukti secara saintifik tetapi malangnya pihak perubatan dan doktor-doktor di Malaysia, pakar-pakar jantung misalnya masih 20 tahun di belakang. Jadi itu tidak disebut secara lantang. Itu kesilapan kita. Saya rasa kita kena *live* kena ada hubungan dengan pakar-pakar pemakanan yang ulung seperti Dr. Mary Enig dari *University of Maryland* kita ketengahkan pendapat-pendapat yang menyatakan minyak sawit tadi sihat. Terima kasih.

**Tuan Pengurus [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Menteri.

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** Itu saintis bercakap. Terima kasih ketiga-tiga Yang Berhormat yang telah memberi pandangan tadi. Memang bagi industri kelapa sawit kalau kita bertanya mana yang kempen anti kelapa sawit yang terhebat sama ada di *Europe* atau di Amerika Syarikat. Itu mengikut musim tapi sekarang kita sedar bahawa di Eropah yang hebat dan mereka menggunakan pelbagai pendekatan. Di Amerika Syarikat nampaknya telah lama sedikit sekarang.

Jadi oleh itu kerana isu-isu yang digunakan yang pertama adalah kesihatan. Kesihatan ini ada penduduk-penduduk di negara-negara *developed country* ini memang menekankan kepada isu kesihatan. Oleh itu, kita seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi kita menggunakan pakar-pakar di Amerika Syarikat. Saya tidak ada nama di sini dan juga di Eropah kita menggunakan pakar.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Kalau boleh saya menambah sedikit. Satu lagi yang gagal kita lakukan adalah kita gagal menunjukkan bahawa yang sekarang diketahui berbahaya kepada kesihatan ialah *polyunsaturated* minyak jagung, minyak bunga matahari. Itu minyak-minyak yang sangat tidak sihat menyebabkan kanser, sakit jantung, strok dan lain-lain lagi tetapi itu kalau kita berikan walaupun negatif publisiti kita ada banyak bahan daripada Amerika sendiri, daripada pakar-pakar perubatan yang cukup *establish*. Itu perlu juga kita masukkan dari semasa ke semasa pada pandangan saya. Terima kasih.

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Yang Berhormat. Itulah pendekatan kita. Kalau Yang Berhormat baca *Twitter* Tan Sri Yusuf Basiron di MPOC dia selalu menimbulkan

beberapa isu khususnya untuk mendedahkan apa bezanya kebaikan minyak sawit dan apakah bahayanya minyak-minyak yang lain yang mempunyai *trans fat* dan sebagainya. Pendekatan ini kita gunakan. Kita bukan gunakan dalam negeri sahaja. Kita gunakan seperti di Eropah kita telah pun rekrut seorang bekas kabinet untuk sama-sama membantu dalam usaha ini. Kempen ini adalah *on going* dan nampaknya dari semasa ke semasa *we mark some victory along the way*. Misalnya seperti saya sebutkan tadi mengenai China kita pun nampaknya telah berjaya.

Jadi kempen ini memang satu adalah mengenai kesihatan. Kedua adalah mengenai *sustainability environment* alam sekitar. Jadi di sini kita mempunyai kekuatan yang cukup kerana sehingga kini kita masih dapat mempertahankan 56.4% liputan tanah kita diliputi oleh hutan kerana dalam Rio adalah komitmen Malaysia pada waktu itu *to maintain our forest 50% forest cover*.

Mengenai harga Yang Berhormat Jerlun betul tadi harga ini memang ditentukan oleh pelbagai pasaran, *supply* dengan *demand* dan banyaknya adalah *perception*. Ini begitulah penting. Oleh itu, bagi kita Malaysia kita tiap-tiap bulan mengeluarkan *fatal stock* kita yang ada di negara ini kerana selama ini, ini yang paling penting. Psikologinya ialah kalau kita mempunyai stok lebih dari dua juta tan pada bulan tersebut ianya mungkin menunjukkan bahawa stok minyak sawit ini adalah berlebihan. *They supply more than demand and will affect the price* tetapi kalau dia turun dari itu *then the supply will be less than demand* itulah sebab kita nampak beberapa ada peningkatan harga kerana dalam beberapa bulan baru-baru ini termasuk bulan Oktober kita dapat stok sawit kita adalah 1.8 *million* tan. Jadi oleh itu persepsi dan sebagainya adalah begitu penting sekali.

Mengenai getah beberapa Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat dari Lipis, Yang Berhormat dari Sik, Yang Berhormat dari Jerlun, Yang Berhormat dari Tuaran dan saya sendiri pun memang ini satu isu yang cukup membimbangkan kita iaitu mengenai turun naiknya harga getah. Tadi ada cadangan juga untuk mengadakan lantai. Setakat ini kerajaan belum membuat keputusan untuk mengadakan lantai kerana kita melihat dari sejarah getah ini dari tahun 1920-an dahulu sehingga sekarang, *stock control* telah pun tidak berjaya. Jadi oleh demikian, maka kita mesti berhati-hati dan menentukan apa kaedah yang kita gunakan ianya harus berkesan. Nombor satu. Nombor dua, ianya tidak terlalu memudaratkan *financial situation* negara kita.

Oleh yang demikian, maka beberapa langkah yang diambil. Yang pertama adalah kita meneruskan kerjasama di antara tiga negara yang ahli kepada *International Tripartite Rubber Council* iaitu Thailand, Indonesia dengan Malaysia. Baru-baru ini kita bersetuju untuk mengurangkan eksport dengan mengurangkan 300,000 tan dan ianya nampak berjaya menggunakan *a Grade Exports Tarnish Scheme*.

#### ■1840

Kita berharap, kita terus berbincang bagaimana kita hendak bekerjasama untuk perkukuhkan harga getah ini. Pada 12 Disember ini kita akan mengadakan mesyuarat di Malaysia di antara ketiga-tiga negara ahli *International Tripartite Rubber Council*.

Yang Berhormat dari Tuaran tadi mencadangkan bahawa kita harus juga menjemput pengeluar-pengeluar getah negara lain seperti Vietnam, Cambodia, Laos untuk duduk bersama. Ini

kerana kalau ketiga-tiga negara ini bersama-sama dengan kita, kita dapat mengawal keluaran hampir 90% getah. Inilah satu langkah yang kita ambil, kita telah pun menjemput Menteri-menteri yang berkenaan ketiga-tiga negara ini untuk bersama-sama kita mesyuarat pada 12 Disember itu nanti untuk kita mencari pertemuan bersama bagaimana kita menentukan harga getah ini dapat kita kawal supaya kebijakan pekebun-pekebun kecil khususnya dapat kita jamin.

Yang Berhormat dari Jerlun- Sejauh mana usaha kerajaan untuk memindah pusat pendidikan. Berikut program menitiskan aset kerajaan sebahagian tanah- oleh itu penyelidikan kekal di Sungai Buloh. Bagi usaha-usaha untuk melindungi pekebun-pekebun kecil, kita memang mencari jalan yang seberapa yang boleh seperti disebut tadi termasuk bantuan penanaman semula, penanaman baru getah, itu masih kita jalankan.

Mengenai cadangan untuk...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pandan.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Boleh mencelah Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pandan.

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** Ya boleh-boleh.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Saya faham jawapan Yang Berhormat Menteri tadi bahawa memang sudah ada skim. Akan tetapi skim itu tidak membantu penanam kecil kepada kala harga itu jatuh mendadak. Contohnya kalau penoreh getah, pekebun getah yang kecil, pada harga yang jatuh mendadak maksudnya pendapatan mereka boleh jatuh daripada mereka berada di paras kemiskinan ke bawah paras kemiskinan.

Jadi skim-skim yang ada ini adalah skim jangka masa panjang dari segi pengupayaan ekonomi kepada mereka dalam jangka masa panjang. Kita memohon supaya kementerian mempertimbangkan supaya ada satu tabung seperti mana tabung bencana ada tetapi khusus untuk melindungi pekebun-pekebun kecil getah yang terlalu terdedah kepada turun naik ini dalam bentuk bantuan terus kepada mereka apabila harga komoditi jatuh mendadak, yang itu belum ada ikut pemahaman saya.

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** Yang Berhormat dari Pandan, memang belum ada tapi untuk tahun ini RISDA telah pun mengadakan satu program di mana bantuan RM500 One-Off diberikan kepada pekebun-pekebun kecil. Akan tetapi kementerian cukup sedar isu ini. sekarang dalam perbincangan kita. Apakah pendekatan-pendekatan yang lebih baik maka kita telah pun membuat kajian yang cukup aktif dengan beberapa model yang telah dijalankan di beberapa negara termasuk di India, Thailand dan sebagainya.

Seperti saya sebut tadi sebelum kita membuat satu keputusan untuk mengadakan sama ada harga lantai atau pun satu tabung, kita tentukan bahawa satu program itu *sustainable*. Akan tetapi saya akan memberi jaminan di sini bahawa kerajaan memang prihatin kepada kebijakan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh pekebun kecil. Jadi pelbagai programlah telah dijalankan

melalui kementerian-kementerian yang lain, melalui agensi-agensi yang lain untuk membantu mereka ini.

Yang Berhormat Kelana Jaya tadi, Yang Berhormat Lipis juga ada menyebut bahawa bajet kementerian telah pun diturunkan dan Yang Berhormat Kelana Jaya bertanya berapa orang pegawai-pegawai kementerian akan hilang pekerjaan. Ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa sebenarnya peruntukan emolumen untuk tahun 2014 tidak dipotong tetapi pada tahun 2014 peruntukan bagi emolumen NKEA sawit telah diasingkan di bawah kod program 090200. Jadi kalau dibandingkan emolumen bagi tahun, kementerian untuk tahun 2013 adalah RM15.6 juta dan untuk tahun 2014 adalah RM18.1 juta. Ini nampaknya ada bertambah kepada RM4.7 juta. Jadi Kerajaan Barisan Nasional tidaklah membuat satu dasar di mana akan membebangkan rakyat sehingga kita membuang kerja pekerja-pekerja, itu adalah jauh dari tujuan kita. Jadi tidak timbulah isu kakitangan diberhentikan.

Mengenai kos yang disebutkan tadi Yang Berhormat dari Kelana Jaya dengan cukup yakin menekankan bahawa subsidi minyak makan ini telah pun diturunkan dari RM1.5 bilion pada tahun 2013 kepada RM1 bilion pada tahun 2014, potongan 33% dalam itu Yang Berhormat betul. Akan tetapi Yang Berhormat tidak faham. Sebenarnya isu ini telah saya jawab masa saya merangkap bagi kementerian saya tempoh hari. Kita menjelaskan ini kerana yang pertama saya ingin memberi tahu bahawa harga minyak masak untuk rakyat adalah terus akan kekal kepada RM2.50 sekilogram. Jadi saya minta rakan-rakan di sebelah sana janganlah sebarkan khabar-khabar angin yang tidak betul seperti Yang Berhormat dari Sepang tadi mengandaikan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sengaja tidak memberi tahu. Ini satu tuduhan yang cukup liar, yang cukup tidak bertanggungjawab sekali. Ini kerana tidak ada niat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menyentuh apa-apa.

Akan tetapi apabila jumlah- mungkin saya sekali lagi menjelaskan khususnya kepada Yang Berhormat yang tidak hadir masa sesi penggulungan tempoh hari, iaitu subsidi itu adalah bergantung pada harga pasaran, *refined RBDP* minyak sawit yang tempoh itu adalah lebih tinggi. Contohnya sekiranya harga minyak sawit ini adalah parás 3,000 se tan, kadar subsidi ditumpangkan oleh kerajaan adalah sebanyak 1,300 se tan. Ini kerana kita *have a threshold* 1700 per tan. Jadi oleh itu bagi untuk tahun 2013 anggarannya diletakkan kepada RM1.52 bilion kerana waktu itu harga *RBDP refined oil* ini adalah dalam kadar RM3,350 se tan. Tapi untuk tahun 2014, harga dianggarkan dalam lingkungan RM2,800 se tan.

#### ■1850

Oleh yang demikian kerana jumlah subsidi ini telah pun ditetapkan pada parás 77,000 tan, oleh yang demikian maka tidak perlulah kita mendapat peruntukan RM1.5 bilion tetapi RM1 bilion cukup. Maka, penurunan itu adalah bukan untuk menyusahkan rakyat. Penurunan itu adalah satu penurunan yang ikhlas mengikut *calculation* yang kita sudah buat. Saya harap Yang Berhormat semua faham ya.

Yang Berhormat Pasir Puteh dan Yang Berhormat Jerlun ada berbincang mengenai isu tanaman kenaf di Kelantan dan Terengganu dan isu-isu yang berbangkit dengan industri kenaf dan tembakau. Ingin saya maklumkan di sini bahawa untuk makluman Yang Berhormat Pasir Puteh bagi tahun 2013 keluasan penanaman kenaf bagi negeri Kelantan adalah seluas 460 hektar manakala bagi negeri Terengganu adalah seluas 223 hektar. Penanaman kenaf bagi kedua-dua negeri adalah untuk tujuan pengeluaran *bio-mass*.

Mengenai soalan apakah status kilang-kilang kenaf yang terletak di Bachok. Untuk makluman Yang Berhormat Pasir Puteh, kilang kenaf di Telong, Bachok masih lagi beroperasi. Pengurusan dan operasi kilang dijalankan oleh syarikat Everise Crimson (M) Sdn. Bhd. dengan menggunakan bahan mentah kenaf yang dibekalkan oleh Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara.

Produk yang dikeluarkan adalah papan lantai, siling dan pagar. Bagi masa ini kempen dan promosi menanam kenaf sedang giat dijalankan oleh pihak LKTN. Kita sedar mengenai beberapa masalah yang dihadapi oleh industri kenaf ini. Oleh itu kita dalam peringkat yang terakhir untuk menyediakan pelan tindakan untuk kenaf dari tahun 2014 sehingga tahun 2025. Kita telah pun mendapat pengalaman dari masa-masa yang lepas apakah kelemahan-kelemahan yang kita hadapi dan bagaimana kita hendak memperbaiki kelemahan-kelemahan ini. Ini kerana penggunaan kenaf ini cukup banyak penggunaannya. Ianya juga mesra alam. Jadi kita berharap bahawa kenaf suatu hari nanti akan menjadi satu komoditi yang dapat sama-sama menyumbang kepada pendapatan negara dan untuk memberi satu tambahan komoditi untuk pekebun-pekebun kecil.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat Menteri, boleh tanya satu soalan?

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** Ya, okey.

**Tuan Penggerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Kalaulah kenaf ini kita rasakan tidak boleh menggantikan tembakau, adakah tanaman-tanaman lain pihak kementerian boleh usahakan untuk menggantikan tembakau? Saya melihat tentang tanaman nyiur atau kelapa. Adakah di pihak kementerian cuba memikirkan sama ada kelapa ini boleh dijadikan sebagai satu komoditi yang di bawah kementerian dan boleh juga diusahakan untuk menggantikan tembakau ini? Terima kasih.

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** Pertamanya, *coconut* ini adalah di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Jadi we *leave it* di situlah. Memang kerajaan dari statistik yang awal lebih 15,000 penanam-penanam tembakau yang perlu diberi bantuan. Kebanyakan mereka telah pun berjaya untuk berpindah untuk menceburkan diri dalam komoditi-komoditi atau ternakan-ternakan yang lain. Oleh itu yang bakinya seramai 1,200 mereka ini juga kita akan serahkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam penghujung tahun ini. Inilah cara kita untuk menentukan bagaimana pendapatan mereka dapat kita tentukan dan kebijakan mereka ini kita jaga.

Tadi dari Yang Berhormat dari Pandan, Yang Berhormat dari Pasir Puteh dan Yang Berhormat dari Lipis ada membangkitkan isu mengenai *research and development* (R&D). Memang

*research and development* ini adalah satu bidang yang cukup penting bagi komoditi-komoditi kita. Ini kerana kalau kita melihat dari sejarah bagaimana saya telah pun diberitahu oleh seorang pengusaha sawit. Beliau telah menanam sawit 30 tahun yang lepas dan waktu itu beliau hanya mengetahui kegunaan sawit ini adalah untuk memasak dan untuk mencuci.

Akan tetapi sekarang sawit ini digunakan untuk pelbagai jenis makanan. Beliau memberitahu saya bangun pagi cuci gigi ada sawit di situ. Pergi sarapan pagi banyak sawit di situ *and all along the way*. Sehingga sekarang kita telah berjaya mengeluarkan *oleo derivatives* sehingga mengeluarkan vitamin 'E' yang cukup berjaya untuk memberi kesihatan kepada kita. Kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat belum membeli vitamin 'E' yang sawit ini sila pergi *and beli* tetapi vitamin 'E' yang dikeluarkan sawit ini namanya adalah *tocotrienol*. Tentukan ianya *tocotrienol and I can assure you, you can feel a bit a lot younger lepas taking this vitamin tocotrienol*. Saya belum makan.

Jadi begitu juga sekarang kita mengeluarkan bio diesel dan banyak produk yang lain yang kita keluarkan dalam hasil daripada research dan *commercialize*. Saya tidak dapat memberi dengan terperinci soalan dari Yang Berhormat Pandan tadi. Itulah saya jawab dengan umum. Begitu juga getah. Getah kita telah berjaya. Sebenarnya *we are the world producer of rubber glove* dan pelbagai *related* produk-produk getah. *The latest* penemuan yang kita hendak kemukakan kepada dunia adalah produk *eco-preneur* dan *pure-preneur*. Inilah satu produk yang mesra alam yang dapat digunakan untuk *tyre*. Ini telah pun mendapat sokongan dan keyakinan oleh beberapa industri. Kita berharap dan kita akan teruskan pelbagai untuk mencari penemuan untuk produk-produk yang lain. Begitu juga produk-produk dari kenaf, koko *and so on*. *We have put a very important-* memang cukup penting R&D ini kerana inilah untuk menentukan komoditi kita terus dapat digunakan dan permintaan yang terus meningkat kerana produk yang dikeluarkan dari komoditi ini akan meningkat.

Inilah arah tuju pada masa akan datang. Kita akan terus memperkuuhkan R&D dan kerjasama. Oleh itu dalam NKEA ini, kita ada NKEA EPP 6 untuk *develop oleo derivatives* dari *palm oil*, EPP 8 kita mengeluarkan *food and health base downstream expansion*. Inilah yang akan menentukan bahawa industri komoditi akan terus ke hadapan dari segi *research and development...*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Pandan.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Celahan Yang Berhormat Menteri. Maksudnya kalau saya faham jawapan Yang Berhormat Menteri itu betul-betul maknanya RM2.894 bilion ini adalah perbelanjaan untuk memasuki perniagaan-perniagaan baru. Apakah ini akan melibatkan pembelian syarikat atau pun pelaburan baru kerana sebab itu saya pun pelik kalau R&D melibatkan sampai RM2.894 bilion.

Jadi apabila Yang Berhormat Menteri menyebut tentang EPP, tentang pelaburan di dalam *oleo* dan sebagainya, bolehkah Yang Berhormat Menteri nyatakan pelaburan dalam bentuk macam mana dan syarikat mana yang terlibat dengan pelaburan yang sebegini banyak.

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Yang Berhormat Pandan. Saya mohon maaf kerana saya tidak ada angka yang tepat bagi jumlah yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Akan tetapi dari segi dasarnya sama ada Lembaga Getah Malaysia atau MPOB atau pun koko dan sebagainya, matlamat kita adalah untuk membuat R&D.

#### ■1900

Kita tidak akan membeli syarikat. Kita cuma akan bekerjasama dengan syarikat. Syarikat misalnya boleh membeli IP dengan kita. Banyak IP yang telah dihasilkan oleh MPOB, dibeli oleh syarikat. Jadi, jangan khawatir Yang Berhormat Pandan. Kita tidak ada niat untuk menggunakan peruntukan ini dan mengambil alih syarikat-syarikat...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Menteri, kalau begitu saya mohon supaya boleh diberikan jawapan bertulis kerana RM2.894 bilion untuk membuat R&D bagi getah adalah terlalu tinggi. Jadi saya mohon, saya tidak akan lanjutkan hari ini. Saya masih lagi mengesyaki bahawa ini melibatkan pelaburan sama ada *joint venture* dan sebagainya.

Akan tetapi tidak mengapa kalau Yang Berhormat Menteri boleh berikan jawapan secara bertulis kerana daripada pengalaman saya dalam bidang yang lebih tinggi R&D nya iaitu *oil and gas*, RM2.894 bilion untuk projek-projek R&D adalah terlalu tinggi. Maknanya, ini adalah besar kemungkinan projek-projek yang melibatkan pelaburan. Itu saya serahkan kepada Menteri untuk beri jawapan bertulis, dengan izin Tuan Pengerusi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, sekejap.

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** Saya jawab Yang Berhormat Pandan dahulu. Okey, seperti saya sebut tadi, saya tidak ada butir-butir terperinci. Saya akan bagi bertulis dengan Yang Berhormat tetapi saya ingin jelaskan di sini bahawa tidak ada perancangan bagi kita membeli syarikat-syarikat sama ada Lembaga Getah atau MPOB. Jadi *that I can say*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, sekejap. Tadi, saya tidak berapa dengar Menteri cakap tetapi saya difahamkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Kuala Krai, Menteri ada mengatakan saya mengeluarkan kenyataan tidak bertanggungjawab tentang subsidi daripada Perdana Menteri. Saya rasa dalam ucapan saya, saya tidak sentuh langsung pasal Perdana Menteri. Jadi saya hendak tanya, atas dasar apa Menteri mengatakan saya mengeluarkan kenyataan tidak bertanggungjawab?

Saya hanya menyatakan tadi berkaitan dengan subsidi, berkaitan dengan Kerajaan Amerika beri subsidi kepada penanam soya dan sebagainya. Jadi saya hendak tanya, adakah kerajaan memberi subsidi juga kepada peladang-peladang kelapa sawit? Saya tidak tahu daripada

mana Menteri dapat kata saya hentam Perdana Menteri ini. Ada mungkin kah Menteri *refer* kepada Ahli Parlimen lain, tersalah sebut Sepang? Minta beri penjelasan sedikit.

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** Saya silap tetapi betullah memang dalam ucapan Yang Berhormat tadi, Yang Berhormat tidak menyebut isu itu. Akan tetapi Yang Berhormat menyebut semasa Yang Berhormat mencelah Yang Berhormat Kelana Jaya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya tidak ada mencelah Yang Berhormat Kelana Jaya.

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** Itulah, kalau saya silap, mungkin silaplah. Akan tetapi tadi saya dengar ada sebelah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak. Kalau itu minta tarik baliklah. Yang Berhormat Menteri, saya tidak mahu nama saya diburukkan. Minta Menteri ..

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** Okey, kalau saya silap, saya tarik baliklah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Menteri. Saya baik, saya maafkan. Yang Berhormat Menteri, tersilap tidak mengapa. Saya maafkan. Saya tidak ada celah langsung Yang Berhormat Kelana Jaya. Okey, terima kasih.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Menteri, jika dibenarkan ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Penjelasan lebih sebab tadi Menteri kata memang emolumen itu tidak potong. Betul atau tidak? Ditransfer ke NKEA. Saya baru baca nombor butiran itu tadi. NKEA punya Butiran 090200 dengan kod bayaran itu RM40,000. Maknanya, 4,000 dan itu ialah kod untuk pemberian dan berkenaan bayaran tetap *grants and fix payment*. *Grants and fix payment* Menteri, bukan emolumen. Macam mana ia boleh *transfer* ke NKEA Butiran 090200 itu? Saya kalau boleh, Menteri, saya bagi *opportunity* kepada Menteri untuk bagilah satu jawapan yang lebih secara bertulis pun okey. Akan tetapi cuba kalau boleh, tolong jawabkan sekarang. Terima kasih.

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** Ya saya bagi bertulis.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Banyak lagi Yang Berhormat Menteri?

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** Okey, tidak ada. Sedikit lagi. Yang Berhormat Tuaran tadi ada bincang pasal kedudukan Jabatan Perhutanan dan MPOB.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tuaran ada dalam Dewan?

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** Tidak ada dalam Dewan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jawapan bertulis.

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** Mengenai isu Lembaga Koko daripada Yang Berhormat Jerlun. Yang Berhormat Jerlun tidak ada. Yang Berhormat Jerlun pun tidak ada.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jawapan bertulis.

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** Okeylah kalau begitu, itu sahajalah jawapan daripada kementerian. Apa-apa perkara yang kita belum dijawab, kita akan ambil perhatian dan apa yang kita telah janji untuk bagi jawapan bertulis ke tangan bagi jawapan bertulis. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,318,495,000 untuk Maksud B.20 di bawah Kementerian Perusahaan Perlادangan dan Komoditi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM1,318,495,000 untuk Maksud B.20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM713,158,300 untuk Maksud P.20 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2014 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM713,158,300 untuk Maksud P.20 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2014]*

**Maksud B.42 [Jadual] -**

**Maksud P.42 [Anggaran Pembangunan 2014] -**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kementerian Kesihatan. Kepala Bekalan B.42 dan Kepala Pembangunan P.42 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Pasir Gudang.

## 7.06 mlm.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 110000 - Dasar Baru, dan Butiran 00400 - Hospital Baru. Dengan keadaan jumlah penduduk yang mencecah 300,000 di dalam Parlimen Pasir Gudang, keadaan keperluan kepada prasarana awam sangatlah mendesak dengan keadaan penduduk purata pendapatan di bawah RM3,000, kemampuan untuk mendapat perkhidmatan di hospital swasta hampir mustahil. Dengan keadaan sedemikian, keadaan hospital yang jauh, mengambil masa 30 minit ke 40 minit untuk sampai, tentu pasti wujud kebarangkalian apabila ingin sampai ke tempat tujuan dengan tidak mengambil kira keadaan jalan yang belum siap dan *jammed* yang tidak menentu, tentu sekali akan meragut nyawa bagi mereka yang mempunyai penyakit kritikal dan memerlukan rawatan segera.

Umum mengetahui bahawa di dalam Praktis Perkhidmatan Kesihatan Malaysia, hospital swasta akan menawarkan perkhidmatan kesihatan yang jauh lebih mahal berbanding dengan

hospital kerajaan. Keadaan ekonomi yang terus meningkat tidak membolehkan rakyat berpendapatan sederhana dan rendah pergi ke hospital swasta dan terpaksa bergantung kepada hospital kerajaan. Mengikut kajian “*Public versus Private Healthcare Services in Malaysia*”, dengan izin untuk rawatan menggunakan mesin *ultrasound*, kos rawatan di hospital swasta adalah lima kali ganda lebih tinggi berbanding dengan hospital kerajaan manakala menggunakan mesin mamogram adalah dua kali lebih tinggi.

Daripada segi perkhidmatan pula, walaupun hospital kerajaan menyediakan 75% katil hospital di Malaysia, namun, hanya 40% daripada doktor yang berkhidmat di hospital kerajaan. Kesannya adalah doktor di hospital kerajaan perlu merawat lebih jauh ramai pesakit berbanding dengan doktor di hospital swasta. Jika kita lihat bilangan katil hospital bagi setiap 1,000 orang populasi mengikut negara Malaysia ialah di kadar 1:3 katil, Singapura 2:7 katil, Brunei 2:8 katil, Australia 3:9 katil dan Thailand 2:1 katil. Ini adalah data dari Bank Dunia. Malaysia merupakan negara yang mempunyai bilangan katil hospital bagi setiap 1,000 orang populasi antara yang rendah jika dibandingkan dengan negara-negara serantau.

Sehubungan dengan itu, saya sekali lagi ingin menegaskan bahawa terdapat keperluan yang sangat kritikal untuk setiap rancangan pembangunan hospital kerajaan di Parlimen Pasir Gudang dipercepatkan. Ini walaupun acara pecah tanah telah dilakukan pada bulan Januari 2012 yang lepas tetapi sehingga kini, pecah tanah tersebut telah dilakukan di Lot 148075.

#### ■1910

Hingga ke hari ini hospital masih belum dibina dan saya mendapat jawapan bertulis daripada pihak Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa ia akan dimasukkan ke dalam peruntukan pembangunan bagi hospital akan dipohon melalui RMKe-11.

Ini amatlah mendukacitakan kerana apa sistem yang kita gunakan? Kalau kita sudah pecah tanah tahun 2012, baru hendak mohon masuk RMKe-11, jawapan ini kalau saya bawa balik ke Pasir Gudang, menangis orang Pasir Gudang [*Disampuk*] Jadi saya mohon jasa baik pihak Yang Berhormat Menteri, tolonglah. Rayuan daripada orang Pasir Gudang, keperluan ini sangat mendesak. Kesihatan amat penting. Ini adalah salah satu perkara yang perlu kita ambil kira dan tidak boleh kita tangguhkan. Kalau tiada kemampuan, maknanya memang tidak mampu. Tidak akan kita hendak melihat rakyat kita menangis di tepi-tepi hospital swasta kalau mereka tidak boleh pergi hospital kerajaan.

Saya baru lepas pergi ke hospital kerajaan. Keadaannya di Hospital Sultanah Aminah dan Hospital Sultan Ismail di Johor Bahru ini amat sesak. Satu kerusi pun tidak boleh hendak diletak di antara satu katil dengan katil yang lain. Jadi macam mana kita? Jadi kalau hospital di Pasir Gudang dibina dengan kapasiti yang difahamkan sebanyak 100 katil pada peringkat permulaan dengan bajet sebanyak RM150 juta, tentunya akan menambah keselesaan mereka yang pergi atau mendapat perkhidmatan di Hospital Sultanah Aminah ataupun Hospital Sultan Ismail di Johor.

Jadi saya mohon pihak kementerian untuk macam mana cara sekalipun, tolonglah jadikanlah hospital bagi Pasir Gudang ini dibina pada RMKe-10 dan bukannya RMKe-11 seperti

jawapan yang diberikan kepada saya. Susah kata orang hendak jual idea ini. Pecah tanah tahun 2012. Januari pula itu. Kalau hujung tahun boleh lagi. Januari 2012.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Sokong ini.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih kerana menyokong.

Kedua di bawah tajuk 00600 – Ubah Suai, Naik Taraf dan Pembaikan di mana jumlah anggaran belanja saya mohon juga. Sekarang ini tidak ada hospital. Di Pasir Gudang ini ada satu Poliklinik Pasir Gudang yang sangat padat. Di situ lah mendapat rawatan harian, di situ lah pemeriksaan ibu dan anak terutama ibu-ibu mengandung.

Tuan Pengerusi yang dihormati, sebenarnya Tuan Pengerusi, kalau Tuan Pengerusi pun saya suruh berdiri di sana, agaknya tidak sanggup hendak tengok. Ibu-ibu mengandung ini duduk dekat tepi-tepi longkang, Tuan Pengerusi kerana tidak ada kerusi. Ini bukan. Kalau tidak percaya, saya boleh bawa Yang Berhormat Menteri kah...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Kuala Krau memang tidak sanggup mengandung.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** *[Ketawa]* Bukan mengandung tetapi tengok wanita-wanita mengandung tetapi duduk di tepi-tepi. Prasarananya sangat teruk. Bukan mereka tidak mencuba. Kakitangan itu baik dan dia cuba buat yang terbaik tetapi keadaan yang sangat sempit tidak mengizinkan mereka mendapat tempat duduk yang sempurna. Bukan salah kakitangan tetapi keadaan poliklinik itu sendiri yang memang tidak boleh dipelbagaikan lagi. Jadi sementara menunggu hospital ini dibina, saya mohonlah kepada kementerian melihat ke Poliklinik di Pasir Gudang ini agar dapat di naik taraf bagi memberi keselesaan kepada ibu-ibu terutamanya apabila mereka terpaksa berdiri mendapatkan rawatan. Maklum sahajalah, pergi pululapan, pulul 12 belum tahu balik. Jadi kalau mereka ada kerusi dan keadaan yang lebih sempurna, hilang sedikitlah rasa lenguh mereka berdiri.

Sehubungan dengan itu, saya sekali lagi memohon kepada pihak kementerian, Tuan Pengerusi, supaya perhatian yang sewajarnyalah diberi kepada pembinaan hospital di Pasir Gudang dan menaik taraf Poliklinik Pasir Gudang. Itu sahaja yang ingin saya sampaikan pesanan. Saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

#### **7.15 mlm.**

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada di dalam Dewan. Ada. Sila.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Tuan Pengurus, saya ingin merujuk kepada Butiran 031900 – Radioterapi Onkologi dan juga Butiran 032000 – Pengimejan Domestik. Saya ingin merujuk kepada dua penyakit yang sememangnya berbahaya iaitu kanser payudara dan juga kanser kolorektal.

Kita tahu bahawa kanser payudara merupakan kanser yang utama bagi wanita di Malaysia dan kanser kolorektal merupakan kanser yang ketiga bagi kedua-dua jantina. Kalau kita perhatikan bahawa kedua-dua penyakit ini, biasanya pesakit datang kepada klinik dalam keadaan kes yang telah *advance*. Maka, dia memerlukan suatu rawatan yang agresif iaitu biasanya kombinasi antara pembedahan, kemoterapi ataupun radioterapi yang mana kosnya terlalu tinggi. Dalam keadaan yang sama, prognosisnya sangat lemah ataupun dengan lain *mortality ratenya* akan tinggi. Biasanya pesakit yang *advance* ini datang dalam keadaan *stage four* atau *stage three* ini biasanya dalam enam hingga setahun biasanya dia akan meninggal dunia. Itu biasa.

Akan tetapi kedua-dua kanser ini sekiranya dikesan awal, 90% daripada kesnya dapat disembuhkan dengan keadaan yang mudah. Jadi persoalan yang saya ingin bertanya kepada Kementerian mengenai kanser payudara ini ialah mengenai mesin mamogram. Adakah kesemua hospital di Malaysia ini dilengkapi dengan mesin mamogram? Dan adakah mesin ini digunakan untuk tujuan *diagnostic* sahaja ataupun tujuan *screening*. Oleh kerana saya dapat sekiranya projek *screening* ini dibuat dalam awal, dapat dikesan awal, maka kanser payudara ini dapat disembuhkan dan ia menjimatkan kos. Adakah pihak kerajaan atau pihak kementerian melakukan *screening* ini dalam keadaan yang *regular* dan bersungguh-sungguh.

Kedua, kanser *colorectal* juga sedemikian rupanya. Maknanya kalau kita dapat kesan dalam keadaan awal, maka penyembuhannya agak tinggi iaitu 90% juga. Adakah *screening* untuk kanser kolorektal ini dibuat juga secara agresif ataupun adakah *re-agennya* sama ada *enological occult blood test* ataupun *fecal occult blood test* ini semuanya ada di hospital-hospital dan adakah ia dilakukan sebegini. Ini secara yang berterusan.

Kedua, saya ingin merujuk kepada Butiran 060300 iaitu berkaitan dengan Penguatkuasaan Farmasi. Kalau kita tengok Tuan Pengurus, lambakan ubat-ubat tradisional ini menjadi suatu benda yang diperniagakan begitu meluas.

**[Tuan Yang di-Pertua mempergerusikan Jawatankuasa]**

Ada juga terdapat pengusaha-pengusaha ubat-ubat tradisional ini yang memasukkan bahan-bahan yang terlarang seperti steroid dan juga kadang-kadang *sildenafil* ataupun *viagra*. Ubat-ubat ini memberi kesan yang tidak baik kepada kesihatan. Jadi saya melihat dalam pasaran, ubat-ubat ini agaknya lambat diambil tindakan oleh pihak penguat kuasa farmasi. Jadi apakah masalahnya? Adakah masalah kerana tidak cukup tenaga ataupun kerana kita tidak mengambil berat tentang perkara-perkara ini. Jadi saya cadangkan kepada kementerian untuk melakukan penguatkuasaan ini dilakukan dengan lebih agresif lagi.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada Butiran 080100 dan juga 020400.

■1920

Kedua-dua ini melibatkan Lembaga Promosi Kesihatan dan juga Pendidikan Kesihatan. Kedua-dua ini saya ingin rangkumkan sekali kerana ia berkaitan dengan peningkatan pendidikan kesihatan yang meningkatkan penyakit-penyakit *non-communicable disease* (NCD) maknya penyakit-penyakit tidak berjangkit ini. Walaupun Yang Berhormat Menteri telah menjawab pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan untuk mengurangkan penyakit ini misalnya disebut di bawah program *National Strategic Plan for Non-Communicable Disease*, dan sebagainya.

Namun demikian, kalau kita melihat bahawa penyakit-penyakit ini Tuan Pengerusi bertambah atau pun bertambah dari tahun ke tahun. Sepatutnya semakin berkurangan tetapi bertambah dan ianya agak tinggi berbanding dengan negara-negara jiran dan ditambah pula dalam bajet ini pula berbanding dengan bajet tahun lepas agak berkurangan sedikit. Dalam keadaan kita tidak mencapai objektif bajetnya dikurangkan. Jadi, saya rasa dalam keadaan program-program telah dilaksanakan dan objektifnya belum sampai, saya rasa bajet ini perlu diteliti balik. Pihak kementerian juga disarankan agar melakukan sesuatu pembaharuan atau pun mencari satu kaedah yang lebih baik dan juga agresif untuk menangani masalah peningkatan penyakit-penyakit yang tidak berjangkit ini.

Kalau kita tengok sendiri daripada satu lagi di bawah kod rawatan dan sebagainya ini kita tengok peningkatan juga ketara. Dengan kata lain, kita *aspect* bahawa penyakit yang tidak berjangkit ini meningkat dari sudut rawatan kerana itu ada peningkatan dari segi pembelian ubat dan sebagainya. Jadi, kedua-dua ini sepatutnya kita meningkatkan kewangan dari sudut untuk mencegah penyakit ini dari berlaku dengan sendirinya kita boleh menjimatkan kewangan dan orang belum merasai kesakitan.

Sedikit saya ingin menyentuh di bawah Butiran 070100 - Keselamatan dan Kualiti Makanan. Ini juga diperhatikan bahawa di dalam premis-premis makanan kita lihat premis-premis makanan yang kotor ini juga kadang-kadang kita agak tertinggal dari sudut pengawasan dan juga tindakan-tindakan untuk menghasilkan premis-premis kedai yang bersih. Kalau kita tengok semasa saya berada di Majlis Perbandaran Kota Bharu, kita lihat masalah di Kota Bharu ialah pekerja-pekerja atau penguat kuasa di bahagian penguat kuasa makanan ini mereka tidak cukup tenaga dan sebagainya. Itu adalah salah satu punca bagaimana kita jadi lambat untuk mengambil tindakan kepada premis-premis yang kotor.

Keduanya saya ingin bertanya kementerian mengenai peningkatan makanan-makanan jeruk. Kalau kita tengok promosi makanan jeruk ini seperti di Penang, di Kedah dan sebagainya adakah kementerian ini mengambil berat mengenai bahan-bahan pengawet makanan yang kita tahu sekiranya pengawet-pengawet yang tidak dibenarkan ini masuk dalam makanan ia boleh menyebabkan penyakit-penyakit yang banyak seperti penyakit buah pinggang dan sebagainya. Jadi, saya rasa itu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Tanah Merah.

**7.24 mlm.**

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima kasih Tuan Pengurus. Oleh kerana masa yang diperuntukkan adalah terhad, maka saya ingin mengambil kesempatan dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Kesihatan dengan menyentuh terus berhubung P.42, Butiran 03200 yang menyentuh antara lain menyediakan perkhidmatan pengimejan diagnostik yang cekap, tepat, berkualiti, berteknologi dan berkesan bagi menyokong rawatan penyakit.

Berhubung perkara ini, saya di Dewan yang mulia ini ingin merayu kepada Kementerian Kesihatan untuk menyediakan kemudahan tomografi berkomputer atau pun yang dikenali *CT scan* di Hospital Tanah Merah. Saya sudah bangkitkan ini sebelum ini. Saya berharap sangat pihak kementerian khususnya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang ada dalam Dewan ini dapat proaktif dan dapat menyediakan *CT scan* diadakan di Hospital Tanah Merah. Ini kerana Tanah Merah merupakan bandar kedua atau pun ketiga terbesar di Kelantan.

Saya mengetengahkan isu ini memandangkan Hospital Tanah Merah amat memerlukan kemudahan tersebut dalam usaha meningkatkan rawatan pesakit. Saya berpendapat masanya sudah tiba untuk Hospital Tanah Merah tersebut dilengkapi dengan kemudahan ini memandangkan jumlah pesakit yang memerlukan rawatan melalui alat ini semakin meningkat. Hospital Tanah Merah, pesakit-pesakit yang datang daripada tiga Parlimen iaitu penduduk Machang, Jeli, dan sudah tentu Tanah Merah. Jadi, kegunaan *CT scan* pada dasarnya adalah untuk mengesan pendarahan di otak, cedera otak, patah tulang, ketumbuhan dan barah serta penyakit dalam lainnya. Pada masa ini, pesakit terpaksa dirujuk ke Hospital Kuala Krai yang jarak perjalanan sahaja sudah lebih pada satu jam.

Saya juga ingin menyentuh B.42, Butiran 030600 - Pembedahan Am. Dalam soal ini, saya ingin berterima kasih kepada Kementerian Kesihatan yang telah mengambil tindakan membaik pulih sistem hawa dingin di bilik bedah Hospital Tanah Merah yang saya bangkitkan dalam perbahasan sebelum ini. Tindak balas yang diambil membaiki *aircond* dewan bedah yang selalu rosak adalah amat dihargai. Adalah sesuatu yang mengecewakan jika masalah *aircond* ini dibiarkan berlanjutan sedangkan dalam masa yang sama terdapat tugas-tugas pembedahan yang perlu dijalankan oleh para doktor dan pegawai perubatan di hospital. Kelewatan pembedahan kadang kala menentukan risiko hidup mati seseorang pesakit.

Kita tidak boleh membiarkan nyawa pesakit berada dalam bahaya hanya kerana sesuatu pembedahan terpaksa ditangguhan berikutan masalah penghawa dingin. Kini baru saya tahu rupanya hendak *operate* ini, pembedahan ini dia kena suhu dia 16 darjah. Jadi, kalau bila *aircond* rosak, maka pembedahan tidak dapat dijalankan. Sebab itulah saya menggesa kementerian untuk mempertimbangkan juga supaya Hospital Tanah Merah tidak lagi dibelenggu dengan masalah-masalah yang berikut.

Hospital Tanah Merah kini juga menghadapi lif yang selalu rosak dengan alasan yang diberikan *spare part* tidak ada, alat ganti. *Line telefon* juga selalu rosak. Jadi, bayangkan dalam

keadaan kecemasan bagaimana hendak berhubung jika *line* hospital selalu rosak? Begitu juga masalah air. Atas kegagalan Kerajaan PAS Kelantan yang menyelesaikan masalah air, ia juga menimpa hospital di mana tangki air yang ada kini terlampau kecil. Perlu diupgrade, dibesarkan supaya apabila sahaja keputusan air, ia tidak mendarangkan masalah kepada hospital dan juga pesakit.

Selain itu juga, saya ingin meminta Kementerian Kesihatan mempertimbangkan untuk membina bangunan baru bagi Hospital Tanah Merah kerana hospital atau wad yang lebih tepat yang sedia ada kini hanya ada 130 katil yang tidak lagi mampu menampung jumlah pesakit yang terus meningkat yang datang dari tiga Parlimen. Jadi, saya mohon bangunan tambahan perlu dibina segera. Apatah lagi Parlimen Tanah Merah merupakan yang memberikan sokongan yang kuat dan padu kepada Kerajaan Barisan Nasional pada PRU yang lepas.

Saya menghargai kesungguhan kerajaan melalui Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan taraf kesihatan rakyat melalui pelbagai program. Akan tetapi dalam masa yang sama, saya berharap soal menaik taraf hospital dari segi fizikal harus diberikan pendekatan supaya rakyat mendapat rawatan terbaik di hospital-hospital kerajaan termasuklah di kawasan saya.

Tuan Pengurus, saya juga berminat untuk menyentuh Butiran 020000 – Kesihatan Awam, dan berkaitan Butiran 020400 – Pendidikan Kesihatan. Apa yang menarik perhatian saya mengenai sejauh manakah kesedaran masyarakat negara ini untuk menjaga kesihatan mereka. Dalam soal ini, saya ingin mohon kementerian menyatakan mengenai jumlah penyakit diabetes atau kencing manis serta masalah obesiti yang dikatakan semakin meningkat dalam kalangan rakyat Malaysia.

Saya berpendapat selain sakit jantung, kedua-dua masalah ini juga harus mendapat perhatian kementerian memandangkan ia turut mengancam nyawa rakyat negara kita. Dalam soal ini, saya mencadangkan supaya kementerian melancarkan kempen lebih aktif di peringkat sekolah rendah lagi bagi memberi kesedaran kepada murid-murid mengenai bahaya penyakit kencing manis dan obesiti.

Berhubung penyakit diabetes, seperti mana *Kaji Selidik Kesihatan dan Morbiditi Nasional* (NHMS) menunjukkan kira-kira 2.6 juta penduduk Malaysia mengidap diabetes pada tahun lalu. Ini adalah satu situasi yang membimbangkan dan memerlukan perhatian semua pihak untuk mencegah. Saya memahami bahawa Kementerian Kesihatan sudah melakukan berbagai-bagi usaha menangani sejak beberapa tahun lalu tetapi saya berpendapat usaha harus dipertingkatkan memandangkan perangkaan daripada NHMS juga menunjukkan pesakit diabetes di Malaysia meningkat 31% dalam lima tahun berbanding peningkatan 31% dalam lima tahun berbanding peningkatan 11.6% pada tahun 2006 bagi setiap orang dewasa Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas.

#### ■1930

Bagi obesiti pula saya memohon kementerian untuk menyatakan berapa jumlah terkini untuk rakyat negara ini yang diancam obesiti kerana kita bimbang menurut pelbagai laporan jumlahnya semakin meningkat dari masa ke semasa. Apa yang meresahkan kita ada laporan

menyatakan sebahagian besar mereka yang mengalami obesiti ini turut terdiri daripada pelajar sekolah rendah, menengah dan penuntut universiti. Saya ingin mengetahui benarkah fakta ini dan apakah usaha yang dilakukan oleh kementerian bagi mencegah gejala tersebut.

Tuan Pengerusi, Malaysia ingin menjadi negara maju. Akan tetapi ia bukan sahaja berkaitan untuk meningkatkan pendapatan rakyat tetapi juga bagaimana hendak meningkatkan taraf kesihatan rakyat. Saya memahami kerajaan melalui Kementerian Kesihatan telah berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan semua rakyat negara ini mendapat rawatan kesihatan dan perubatan yang terbaik. Namun saya juga berharap tumpuan diberikan kepada perkara-perkara yang saya bangkitkan khususnya kemudahan di hospital-hospital. Seperti yang dialami hospital di Gelang Patah dan rakan saya di Pengkalan Chepa. Saya percaya dan yakin melalui keprihatinan kerajaan, impian kita untuk mewujudkan rakyat Malaysia yang sihat dan cergas akan dicapai. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Satu daripada DAP. Siapa sila okey Yang Berhormat Sandakan.

### 7.31 mlm.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi memberi ruang kepada saya membahas beberapa perkara untuk Kementerian Kesihatan ini. Dalam Perkara 42 Butiran 030000 – Rawatan Perubatan. Peruntukan ini telah ditingkatkan daripada RM9.8 bilion untuk tahun 2013 kepada RM10.9 bilion untuk tahun 2014. Namun demikian di bawah Butiran 00201 nampaknya peruntukan untuk pembangunan perkhidmatan kesihatan luar bandar telah dikurangkan dengan drastik dari lebih kurang RM321 juta pada tahun 2012 dikurangkan sehingga RM257 juta untuk tahun 2013. Kini dikurangkan lagi kepada RM127 juta sahaja sebanyak 50%. Saya minta penjelasan dari Menteri, apakah sebab kejatuhan peruntukan ini begitu drastik sekali. Berapakah jumlah yang diperuntukkan untuk Sabah? Semua jumlah untuk Sabah dikurangkan juga? Saya minta kerajaan prihatin terhadap kesengsaraan yang dihadapi oleh rakyat miskin di luar bandar di seluruh negara khususnya di Sabah.

Saya berpendapat bahawa peruntukan untuk pembangunan perkhidmatan kesihatan luar bandar tidak harus dikurangkan. Ia harus ditambah atau sekurang-kurangnya sama dengan tahun lepas. Di sini saya minta penjelasan tentang apakah status ini Klinik 1Malaysia? Kita dapat tahu tidak ada doktor yang bertugas di klinik-klinik ini. Kalau tidak silap hanya *medical assistant*. Kelayakan mereka lebih kurang sama dengan jururawat sahaja. Jadi apakah kerajaan cuba menggunakan ini Klinik 1Malaysia sebagai satu gantian untuk klinik dan doktor yang betul-betul layak atau *berqualify*. Adakah perubatan Klinik 1Malaysia bermakna bahawa kerajaan tidak akan menambahkan bilangan doktor di kawasan luar bandar. Ini kita harap Menteri boleh beri penjelasan. Seterusnya saya merujuk kepada...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Sandakan, sedikit boleh?

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Ya.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Sandakan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Sandakan, apakah Yang Berhormat Sandakan setuju bahawa kerajaan sepatutnya pada tahap ini telah pun ada perancangan untuk menambah baik perkhidmatan Klinik 1Malaysia supaya ianya boleh berperanan sebagai satu klinik yang sebenar bukan sekadar sebagai *one stop centre* seperti yang disebut oleh pihak Menteri. Setuju tidak Yang Berhormat Sandakan?

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Saya setuju. Seterusnya saya merujuk kepada Butiran 032200 – perubatan untuk farmasi dan bekalan. Jumlah yang diperuntukkan telah ditingkatkan dari RM1.367 bilion pada tahun 2013 ke RM1.506 bilion. Akan tetapi Tuan Pengerusi ubat yang mahal tidak lagi diberi oleh hospital kerajaan. Selain daripada itu banyak pesakit di Sandakan tempat saya mengadu bahawa bekalan ubat yang diberi kepada mereka oleh hospital adalah tidak mencukupi berbanding dengan masa dahulu. Banyak pesakit terpaksa balik ke hospital setiap satu minggu ataupun dua minggu untuk meminta ubat yang sama lagi. Ini sangat menyusahkan pesakit khususnya pesakit-pesakit warga tua. Apakah sebabnya?

Peruntukan sudah tambah tetapi macam ubat tidak cukup. Saya ingin juga meminta Menteri beri penjelasan, apakah kesan dan impak yang akan dialami oleh bajet Kementerian Kesihatan kita jika Malaysia menyertai perjanjian TPPA? Mengikut kajian yang dibuat pada tahun 2012, ubat yang biasa digunakan seperti ‘nautin’ untuk sakit jantung dan lipitor untuk kolesterol tinggi harga mereka adalah jauh lebih tinggi di Malaysia jika dibandingkan dengan harga di Australia lebih tinggi sebanyak 100% lebih. Justeru itu saya ingin tanya apakah sebab ini? Adakah TPPA akan menaikkan harga ubat dan adakah kerajaan akan mampu menanggung kos yang akan menjadi lebih tinggi? Jika begitu, kita haraplah kerajaan mesti menimbang baik-baik mahukah kita menyertai TPPA?

Saya minta Menteri juga beri penjelasan apakah peruntukan untuk menyempurnakan pembinaan bangunan baru Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu? Bilakah ia akan siap untuk diguna? Saya ingin tanya Menteri juga, apakah jumlah kos untuk membeli bangunan lama itu *Sabah Medical Centre* di Kota Kinabalu? Di sini banyak erotic nya ini selepas kita beli ini *Sabah Medical Centre*. Sekarang *Sabah Medical Centre* sudah membina satu lagi hospital di sebelah hadapan. Ini dahulu yang kita yang beli itu. Dia punya bangunan lebih besar, lebih mewah yang sudah tutup kita semua yang beli dahulu. *I think* kita tidak tahu lah berapa yang dia sudah untung boleh membina satu lagi hospital begitu canggih.

Jadi merujuk kepada Butiran 030000 – Rawatan Perubatan. Saya ingin tahu berapakah jumlah yang diperuntukkan untuk Sabah? Saya juga ingin tahu berapa orang tokoh pakar diperuntukkan untuk hospital pakar? Sebagai Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau betulkah kita yang dapat tahu bahawa hospital ini pakar kita dibahagikan kepada kelas yang tidak sama. Bilangan doktor pakar dan bidang kepakaran diagihkan mengikut kelas tersebut. Kita tahu ini yang betul atau tidak. Kalau begitu apakah kelas hospital di Sabah dimaksudkan ini Kota Kinabalu,

Sandakan dan Tawau? Untuk makluman Yang Berhormat Menteri Sandakan namanya disebut hospital pakar tetapi kita banyak kurang *specialist*. Kita sebanyaknya pesakit-pesakitnya ini semua mahu hantar pergi Kota Kinabalu untuk memberi ubat, sepatutnya macam jantung dan sebagainya.

**■1940**

Jadi kita mahu tahu bagaimana boleh tambah *specialist* untuk Hospital Pakar Sandakan. Jadi di sini akhirnya Sandakan sekarang menghadapi satu kesukaran ialah *car park*. Saya dapat tahu Hospital Sandakan sudah minta *car park* ini dibina. Tapak sudah ada, pelan pun sudah *submit* dua, tiga tahun sudah tetapi sampai sekarang belum ada apa-apa *news* lagi. Jadi kita harap Yang Berhormat Menteri boleh timbang ini sebab *parking* untuk Hospital Sandakan ini betul-betul tidak cukup. Jadi harap Yang Berhormat Menteri boleh mengambil tindakan yang segera untuk membina atau meluaskan *car park* ini supaya masalah pesakit yang mahu dapatkan rawatan di Hospital Sandakan ini boleh dapat diselesaikan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Silam. Selepas Yang Berhormat Silam, sebelah kiri saya mahu daripada PKR.

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]:** Silam, Tan Sri.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Silam. Yang Berhormat daripada PKR dan lepas itu boleh bercakap semualah tetapi jangan panjang-panjang. Tak apa, saya *sit* sampai berapa pun. Jangan saja tengkar dengan saya pasal tadi saya ada makan ‘mosang king’ banyak [*Ketawa*] Kalau saya makan ‘kucing tidur’ tadi, barangkali saya tidak *stress* begitu. Sila Yang Berhormat Silam.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Menteri Kesihatan ada.

#### 7.41 mlm.

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh maksud B.42, Kementerian Kesihatan Butiran 010200 - Sumber Manusia.

Melihat kepada perancangan kerajaan untuk menjadikan Hospital Lahad Datu sebagai salah satu hospital yang menjalani latihan siswazah *housemanship*, maka adalah amat perlu hospital ini dilengkapi dengan infrastruktur, dan pegawai perubatan yang memenuhi aspirasi dan keperluan siswazah untuk menjalani latihan dan praktikal mereka di Hospital Lahad Datu. Saya melihat ada beberapa kelemahan dan kekurangan yang perlu diperbaiki terutama dalam aspek sumber manusia di mana hospital ini mempunyai kekurangan staf dan pegawai yang diperlukan di kawasan Lahad Datu. Antaranya Pegawai Kerja Sosial Perubatan ataupun kebajikan hospital. Jawatan ini belum diisi sejak 16 Julai 2012. Pesakit yang kurang berkemampuan daripada sudut ekonomi akan menghadapi kesukaran untuk mendapatkan bantuan Tabung Bantuan Perubatan ataupun TBP. Hal ini disebabkan hanya Pegawai Kerja Sosial Perubatan sahaja yang boleh memperakulkan permohonan pesakit dan boleh memanjangkan perkara ini kepada pihak Tabung Bantuan Perubatan ataupun TBP.

Adalah juga diharapkan jawatan Pegawai Kerja Sosial Perubatan dapat diisi dengan segera untuk kebajikan pesakit di daerah Lahad Datu memandangkan kebanyakan pesakit yang

memerlukan belanja perubatan terpaksa ditanggung oleh badan-badan lain, ataupun menunggu proses yang lama untuk mendapatkan bantuan daripada TBP.

Pakar radiologi. Setakat ini Hospital Lahad Datu hanya ada satu Pegawai Perubatan Radiologi untuk mengendalikan alat *CT scan*. Perkara ini amat merumitkan kepada pesakit yang memerlukan pengesanan alat *CT scan* dan juga perkara ini amat membebani kepada Pegawai Perubatan Radiologi kerana terpaksa menanggung jumlah pesakit yang ramai. Maka dengan itu saya meminta agar Kementerian Kesihatan dapat menambah seorang lagi pakar radiologi untuk memudahkan pesakit menjalani rawatan.

Pakar mata. Setakat ini di Hospital Lahad Datu, kita tidak mempunyai Doktor Pakar Mata memandangkan keperluan ini sangat mendesak, maka adalah penting kementerian menyegerakan pengisian jawatan ini di Hospital Lahad Datu. Sebenarnya sekarang ini penduduk di Lahad Datu yang memerlukan rawatan pakar mata terpaksa ke Tawau iaitu lebih kurang 250 kilometer jauhnya dari Lahad Datu.

Begitu juga dengan jawatan Pegawai Obstetrik dan Ginekologi, pakar bedah dan pakar ortopedik. Lahad Datu hanya mempunyai seorang pakar ini memerlukan penambahan segera kerana jumlah penduduk Lahad Datu sudah mencecah lebih 300,000 dan keperluan perubatan dalam setiap jenis penyakit amat memerlukan lebih daripada satu doktor pakar.

Memang banyak lagi kekurangan staf dan pegawai hospital di Lahad Datu yang perlu diisi. Ini memandangkan Hospital Lahad Datu akan membuka wad *post natal* dan ini memerlukan jururawat terlatih dan juga staf sokongan seperti pemandu kenderaan.

Saya mencadangkan agar di bawah Butiran 1010200 - Sumber Manusia, adalah amat perlu kementerian mengambil langkah yang drastik untuk memenuhi keperluan Hospital Lahad Datu terutama dalam aspek staf dan pegawai perubatan. Memandangkan inilah rungutan yang sentiasa disuarakan oleh penduduk di kawasan saya akibat daripada pengalaman yang mereka hadapi apabila menjalani rawatan.

Butiran **011000** - Peralatan dan Kenderaan. Hasil daripada lawatan saya ke Hospital Lahad Datu, saya mendapati Bahagian Kecemasan tidak dilengkapi dengan alat CCTV. Perkara ini adalah sangat penting untuk diambil perhatian oleh pihak kementerian kerana alat CCTV ini amat penting untuk tujuan aspek keselamatan dalam hospital. Selain itu juga, pihak Hospital Lahad Datu memerlukan satu lagi alat *CT scan* baru tanpa alat yang dinamakan UPS ataupun *uninterruptible power supply*.

Memandangkan pihak hospital hanya mempunyai satu sahaja alat *CT scan* ini dan sering kali mengalami kerosakan, maka keperluan peralatan ini amat mendesak dan diharapkan pihak kementerian dapat mempercepatkan proses memperlengkapkan peralatan dan kemudahan yang diperlukan di Hospital Lahad Datu.

Maka Tuan Pengerusi, amatlah besar harapan saya yang mewakili rakyat Silam untuk kementerian dapat memenuhi keperluan dan kehendak pihak hospital untuk memastikan hospital

ini dapat memberi taraf kesihatan yang terbaik untuk rakyat khususnya di Parlimen Silam. Sekian, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Gopeng, selepas Yang Berhormat Gopeng Yang Berhormat Hulu Rajang, selepas itu Yang Berhormat Kuala Krai.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta *last* Tan Sri?

**Tuan Pengerusi:** *Insya-Allah* boleh.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih.

#### 7.48 mIm.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin ambil bahagian dalam perbahasan Peringkat Jawatankuasa Kementerian Kesihatan.

Kita sedia maklum ada menteri baru, timbalan menteri baru dan kedua-dua latar belakang perubatan. Tahniah! Cuma saya harap kedua-dua doktor ini ada komitmen yang baru untuk menjadikan kemudahan di bawah Kementerian Kesihatan sebagai pilihan utama kepada semua rakyat Malaysia bukan kerana kos yang rendah tetapi mutu perkhidmatan yang *first class*, ini harapan saya. Jangan biarkan hospital swasta yang akan ambil alih perkhidmatan kesihatan untuk rakyat Malaysia, dan jangan juga swastakan hospital awam kepada swasta.

Untuk Butiran 030000 - Rawatan Perubatan. Memang ada beberapa perkara yang saya pernah bangkitkan semasa perbahasan Peringkat Dasar dan Timbalan Menteri janji akan memberi jawapan secara bertulis tetapi sampai hari ini belum dapat kepada saya jawapan tersebut, dan saya nak ulang beberapa perkara dan bangkitkan perkara-perkara yang lain.

Berkenaan dengan rawatan perubatan khususnya saya ada cadangkan supaya diperluaskan alat-alat bantuan sokongan selain daripada alat *pre-treatment to dialysis* dan *prosthesis* untuk payudara untuk *breast cancer*. Harus diperluaskan kepada *intraocular lens implants* untuk katarak. Untuk implan dan *prosthesis* untuk ortopedik. *Pacemakers* dan *drug-eluting stents* untuk pesakit-pesakit jantung.

Kita tahu daripada statistik yang dibekalkan, ortopedik implan dan *prosthesis* yang dibuat pada tahun 2012, sebanyak 58,100.

#### ■1950

Dengan angka tersebut, kita boleh buat anggaran berapa kos yang diperlukan di bawah Kementerian. Bagaimana pula, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat bekalkan statistik berkenaan dengan jumlah kes katarak yang dibuat di hospital awam? Bilangan *pacemaker* yang dibuat, jumlah *percutaneous coronary intervention* yang dibuat dan *drug-eluting stents* yang digunakan? Kalau kita ada *statistics* tersebut mungkin kita boleh buat anggaran kos yang diperlukan atas cadangan yang saya sebutkan tadi.

Kedua, dalam rawatan perubatan butiran yang sama, berkenaan dengan *waiting list* untuk rawatan. Saya hendak ambil dua kes yang spesifik, yang saya temui dalam jangka masa dua minggu ini. Kes yang pertama, pesakit ini bernama Tan Gaik Ngor, nombor kad pengenalan

610102-10-5814. Pesakit ini dirujuk untuk rawatan sakit jantung di Hospital Serdang dan beliau pergi ke klinik di situ pada 4 November tahun ini dan dapatkan temu janji konsultasi kali pertama untuk jumpa pakar jantung di situ. Temu janji yang diberikan 19 Februari 2014, 3 bulan kemudian.

Saya pasti Tuan Pengerusi pasti bersimpati dengan pesakit tersebut, kalau seseorang yang disyaki ada sakit jantung perlu tunggu tiga bulan untuk konsultasi jumpa pakar jantung kali pertama. Adakah ini satu *standard* yang kita boleh terima? Kes yang kedua, pesakit Tai Su Ling, nombor kad pengenalan 290807-08-5083. Dia dirawat di Hospital Sri Manjung 6 November 2013 dan disyaki ada kelemahan jantung. Jadi, dia diarahkan untuk buat satu *test, echocardiogram*. *Test* ini adalah satu *test* yang wajib, yang perlu, yang semestinya dibuat untuk mengenal pasti sama ada *diagnosis* itu betul atau tidak. Adakah dia kelemahan jantung? Jadi, dia dapatkan satu *appointment* untuk buat *test* tersebut. *Appointment* tersebut 4 Mac 2014, lebih kurang empat bulan kemudian.

Jadi, ini adalah kes-kes yang saya temui dan pasti ini merupakan titisan air di dalam lautan. Saya hendak ulang ini, apabila kita berikan temu janji, *appointment waiting list*, ini tidak kurangkan beban kerja untuk kakitangan di hospital awam, sebab kalau hari ini tidak tengok esok perlu buat. Kalau esok tidak tengok, seminggu, tiga minggu, tiga bulan, empat bulan, kita perlu buat juga. Kecuali kalau pesakit itu mati atau pun pesakit itu memilih untuk pergi ke hospital swasta. Jadi, ini bukan *outcome* yang kita boleh terima.

Saya cadangkan supaya kementerian tetapkan satu KPI untuk *waiting list*, untuk perkhidmatan utama di bawah kementerian. Misalannya, temu janji untuk ujian seperti *MRI, CT scan, ultrasound, stress test, echo, EEG* dan sebagainya. Semestinya tidak boleh melebihi dua minggu. Temu janji untuk pembedahan elektif tidak boleh melebihi tiga bulan, temu janji untuk konsultasi pakar untuk kali pertama, tidak sepatutnya melebihi dua minggu. Saya harap KPI ini boleh diterima pakai untuk dibawa kementerian.

Di bawah butiran yang sama, khususnya kita tahu, kita ada tambahan RM150 juta untuk mengambil 6,800 jururawat tambahan. Saya harap, ini boleh digunakan dengan baik dan supaya kita boleh membangunkan perkhidmatan sokongan khususnya *home nursing care* iaitu lawatan selepas *patient discharge* daripada hospital atau pun selepas bersalin dan juga perkhidmatan kaunseling sama ada semasa dalam hospital atau pun di klinik-klinik pesakit luar.

Di bawah Butiran 020300 – Kawalan Penyakit Denggi. Kita tahu tahun ini memang jangkitan denggi meningkat. Sebagai contoh, sehingga 2 November tahun ini sudah terdapat 29,754 kes dengan 61 kematian. Kalau banding dengan tahun 2012, keseluruhan 2012 cuma 21,900 kes sahaja, ini satu peningkatan. Untuk minggu, antara 27 Oktober hingga 2 November, ada 1,547 kes. Kalau banding dengan minggu yang sama tahun lepas, cuma 421 kes. Ini bermakna dalam minggu yang saya sebutkan itu, sudah tiga kali ganda kalau banding tahun yang lepas. Jangan kita salahkan cuaca, jangan kita salahkan nyamuk sebab di negara-negara lain, saya hendak sebut di Vietnam misalannya, pada masa yang sama kes denggi turun sebanyak 20%. Di Cambodia, pada waktu yang sama, kes denggi turun sebanyak 60%.

Jadi ini menunjukkan bahawa memang dalam usaha kita untuk kawalan jangkitan denggi, kemungkinan ada sesuatu yang kita perlu teliti. Mungkin *approach* yang berlainan. Saya hendak sebut satu cara yang pernah dibuat, telah dibuat dan mungkin boleh datangkan kejayaan. Di sini saya hendak sebut satu usaha yang dibuat Majlis Perbandaran Subang Jaya dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia, sokongan daripada CIMB, satu CSR daripada CIMB. Tahniah saya ucapan kepada CIMB.

Mereka gunakan nyamuk asli satu nyamuk yang dikatakan *Toxorhynchites* atau nyamuk gajah. Nyamuk ini, nyamuk asli yang di dalam alam sekitar dan nyamuk ini tidak gigit manusia, ia tidak sedut darah manusia. Jadi, ia tidak ada bahaya terhadap manusia tetapi ia bertindak memakan jentik-jentik aedes. Apabila nyamuk ini dikeluarkan di dalam satu komuniti, ia akan dapat mengurangkan populasi nyamuk aedes. Jadi, apabila kajian telah dibuat, apabila nyamuk gajah ini dilepaskan di Kampung Seri Aman tahun lepas, kes denggi di kawasan tersebut menurun sebanyak 70%. Mungkin ini satu – Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Tuan Pengerusi, boleh?

**Tuan Pengerusi:** Sila, sila.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Gopeng, saya tertarik dengan isu denggi ini kerana Melaka sekarang sudah catat sejarah, Yang Berhormat Gopeng. Setakat 23 November sudah 1,195 kes. Ini peningkatan sebanyak 187.95% kalau ikut website daripada jabatan kesihatan negeri. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Gopeng, adakah Yang Berhormat Gopeng ada maklumat bahawa kalau ikut laporan *Bernama* pada 6 November yang lalu, ada satu projek iaitu *Project Genetic Aedes Mosquito (GAM)* yang mengikut kenyataan Yang Berhormat Menteri, telah melalui tiga fasa dan memakan belanja RM3,146,709. Kita dimaklumkan dalam laporan tersebut, kos projek ini boleh mencecah RM100 juta. Adakah Yang Berhormat Gopeng setuju bahawa ini adalah salah satu pendekatan yang mungkin boleh kita anggap membazir kalau dibandingkan dengan cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Gopeng tentang bagaimana kita ingin *combat* denggi.

Keduanya, setuju atau tidak Yang Berhormat Gopeng kalau isu denggi ini kita babitkan ke semua wakil-wakil rakyat tanpa ada sempadan politik. Misalnya di Melaka, ia hanya dipengerusikan oleh exco dan *State Secretary* tetapi yang banyak masalah ini berlaku di kawasan Bukit Katil.

#### ■1950

Akan tetapi saya dan pimpinan ADUN tidak pernah dipanggil untuk kita membuat analisis berkaitan memberikan pendapat dan *feedback* mengenai denggi ini. Terima kasih

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Sememangnya saya setuju apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Bukit Katil kerana yang pertama dari segi keberkesaan GM Mosquito ini kita pernah bahas dalam Dewan ini memang saya tidak setuju dengan penggunaan GM Mosquito. Pertama, dari segi *effectiveness* dia cuma waktu yang singkat

sahaja dan perlu berulang-ulang untuk kita lepaskan GM Mosquito ini untuk mengurangkan populasi nyamuk Aedes ini.

Kedua, apabila kita gunakan GM Mosquito kita memperkenalkan genetik-genetik yang baru dalam komuniti yang akibatnya kita tidak boleh sangka. Jadi saya rasa ini satu tindakan yang tidak wajar. Saya pun hairan kenapa Melaka itu meningkat sebab kita tahu apabila kementerian gunakan GM Mosquito ini dua kawasan utama digunakan. Satu di kawasan Parlimen Bentong dan kedua di kawasan Parlimen Alor Gajah. Jadi sepatutnya kalau GM Mosquito itu berkesan, sepatutnya Melaka dapat mengurangkan kes-kes denggi.

Kedua, kita juga tahu berkenaan dengan politik ini kita tahu nyamuk Aedes tidak berpolitik, denggi pun tidak berpolitik. Jadi jangan kita politikkan isu-isu berkenaan dengan kesihatan rakyat. Jadi saya hendak pergi ke isu Butiran 030100.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Tuan Pengerusi, sebelum pergi ke butiran yang lain. Selain daripada penyakit denggi Yang Berhormat Gopeng, kita juga ada satu penyakit baru iaitu Leptospirosis ini adalah penyakit kencing tikus. Untuk tahun ini sahaja sudah ada 2,775 kes dengan 23 yang maut. Untuk tahun 2011 ada 2,268 kes dengan 55 kes maut dan tahun lalu ialah 3,685 kes, 48 yang meninggal. Sehingga kini kita tidak mendapat apa-apa cadangan untuk mengatasi masalah penyakit ini yang nampaknya satu penyakit yang melanda negara kita. Yang terbaru kerana sebelum 2010 kita memang tidak dapat mengadakan penyakit ini dan penyakit ini sungguh bahaya dengan mereka yang mendapat penyakit ini maut.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Yang Berhormat Selayang. Memang Leptospirosis ini satu penyakit yang serius. Tetapi kebetulan ini memang *endemic* di kalangan masyarakat di Malaysia ini. Saya hendak pergi ke Butiran 030100 - Pengurusan Perubatan Ibu Pejabat/Negeri. Kita tahu memang peranan Majlis Perubatan Malaysia memang bertanggungjawab untuk mengeluarkan sijil pengamal tahunan untuk semua pengamal perubatan di seluruh Malaysia. Apabila kita pinda Akta Perubatan 2012, kita juga beri kuasa untuk pendaftaran pakar. Pendaftaran pakar *national special registry* ini dikendalikan oleh *Academy of Medicine* dan juga *Malaysian Medical Association*. Apabila kita luluskan pindaan akta tersebut kuasa ini dipindah kepada Majlis Perubatan Malaysia dengan janji daripada Yang Berhormat Menteri pada masa itu akan kerjasama dengan *Academy of Medicine* dan MMA. Akan tetapi malangnya setakat ini saya hairan kerana saya nampak dari segi pendaftaran macam tergendala tidak diteruskan dan saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Saya hendak beralih kepada butiran yang sama ini khusus kepada satu *medical relief mission* yang dibuat oleh SCOMOS badan doktor-doktor di Kementerian Kesihatan di bawah *Malaysian Medical Association* (SCOMOS) Sarawak. Kebetulan saya pernah menjadi Pengerusi SCOMOS semasa saya berkhidmat di Kuching pada masa itu. Jadi SCOMOS memohon agar ada satu *medical relief mission* di Murum Dam Resettlement Belaga District yang dijangka sepatutnya berlaku 19 hingga 21 November 2013. Jadi apabila mereka mencadangkan buat *medical relief mission* tersebut, halangan telah dapat dari satu surat daripada Pengarah Jabatan Kesihatan

Negeri Sarawak yang melarang mereka untuk buat *medical relief camp* di situ dengan alasan tidak diluluskan oleh kerana *judicial sensitivity*.

Saya hairan sejak bila perkhidmatan kesihatan untuk orang-orang yang perlu menjadi satu *judicial sensitivity* yang melarang *volunteers* yang sanggup pergi ke kawasan tersebut untuk memberi perkhidmatan *medical relief*. Jadi saya mohon Yang Berhormat Menteri boleh jawab dan harap tarik balik larangan tersebut supaya membolehkan SCOMOS Sarawak teruskan *medical relief* di Murum Dam Resettlement.

Saya hendak pergi ke Butiran 040400 – Perancangan. Saya hendak ucapkan tahniah kepada Kementerian kerana Kementerian Kesihatan antara tiga Menteri yang dipilih untuk memulakan *outcome based budgeting* (OBB). Ini mungkin kerana memang dari segi pengurusan kewangan dari segi pengurusan kementerian mungkin antara yang terbaik dalam semua kementerian di bawah Kerajaan Persekutuan. Dua kementerian yang lain MITI dan Kewangan memang dipilih untuk OBB ini. Kalau ikut pendapat saya, kementerian yang patut dimulakan dengan OBB ini sepatutnya Jabatan Perdana Menteri.

Dalam isu ini saya harap apabila OBB ini dilakukan, bukan setakat kita hendak buat perancangan dari segi *farmer core economy*, tetapi kita buat perancangan untuk menilai *cost effectiveness* untuk rawatan. Ini satu permulaan yang saya rasa yang penting untuk kita merancang perkhidmatan keseluruhan. Kita mesti ada tubuhkan satu *benchmark* yang kita boleh jadikan satu ukuran dan satu standard. Misalannya kalau kita lihat apa yang dilakukan di negara-negara luar. Biasanya apa yang dilakukan adalah menggunakan hemodialisis sebagai piawaian. Perbelanjaan untuk melanjutkan hayat seseorang pesakit selama setahun. Perbelanjaan itu berapa? Ini menjadi satu piawaian dan ini boleh digunakan untuk menilai *cost effectiveness* rawatan-rawatan yang lain. Sebab kita akan menghadapi rawatan-rawatan yang lain misalnya kanser. Rawatan untuk kanser, rawatan untuk sakit *koronari*, rawatan-rawatan kronik yang lain. Kalau kita tidak ada satu *benchmark*, satu piawaian, satu standard jadi adalah sukar untuk kita mengukur sama ada rawatan tersebut adalah *cost effective*. Jadi saya berharap kita boleh gunakan peluang OBB ini untuk menetapkan satu piawaian, satu standard untuk *cost effectiveness* di bawah Kementerian Kesihatan.

Di bawah Butiran 010500 - Teknologi Maklumat...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat berhujah lebih kurang 20 minit Yang Berhormat. Masa ditetapkan 10 minit. Kawan-kawan lain pun kena berhujah juga.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** *Landing, landing.* Teknologi maklumat dan Komunikasi. Ini khusus merujuk kepada *Personal Data Protection Act 2010* sebab kita tahu apabila kita gunakan IT untuk *paperless medical record*. Ini ada kemungkinan kita ada masalah untuk melindungi personel data. Jadi saya harap pihak kementerian boleh tetapkan setakat mana, apabila kita gunakan *paperless* data ini *paperless record* ini setakat mana kita boleh selari dengan apa yang terkandung dalam *Personal Data Protection Act* ini.

Sebab apabila ada perkongsian data tersebut kemungkinan kita hadapi masalah apabila dari segi perlindungan data pesakit-pesakit tersebut. Jadi akhir sekali sebelum saya akhir, Butiran 070000 - Keselamatan dan Kualiti Makanan. Kita tahu dalam tahun 2012, sampel makanan yang dianalisis 79,434 dan peratusan keselamatan makanan yang dijalankan 100% selamat. Kebetulan saya hairan, sebab apabila kita buat *sampling*, semua selamat, tidak ada yang jadi masalah. Cuma apabila kita hadapi masalah apabila ada masalah-masalah pencemaran makanan yang berlaku bukan di Malaysia tetapi di Taiwan, di New Zealand, di negara-negara luar. Baru sahaja kita tahu bahawa makanan kita tercemar.

Misalannya itu teh *bubble* yang mengandungi *malic acid*. Ini tidak dibongkar di Malaysia tetapi di Taiwan. Susu bayi yang dicemari, *belemin*. Ini pun bukan bongkar di Malaysia tetapi bermula di negeri China. Susu tepung yang mengandungi *clostridium botulinum*. Ini pun bermula di New Zealand, bukan di Malaysia. Jadi bagaimana kita apabila kita buat kajian, analisa 79 ribu sampel, tidak satu sampel yang menunjukkan bahawa makanan kita tercemar. Tetapi apabila keskes yang berlaku di luar negara, kita tahu memang ada.

Jadi apabila makanan tersebut tercemar, kita tergesa-gesa untuk turunkan, untuk tarik balik makanan-makanan tersebut. Jadi saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Dengan ini saya akhiri, sekian terima kasih dan terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana kesabaran.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, terima kasih. Yang Berhormat Hulu Rajang, selepas Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Kuala Krai, selepas itu Yang Berhormat Kinabatangan.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Parit.

**Tuan Pengerusi:** Selepas itu, selepas Yang Berhormat Kinabatangan, ada daripada DAP ya, saya mahu wakil DAP iaitu Yang Berhormat Kampar, kalau Yang Berhormat Kampar tiada, Yang Berhormat Batu Kawan. Kalau Yang Berhormat Batu Kawan tiada, Yang Berhormat Sibu. Ini yang dalam *list* saya. Sila Yang Berhormat Hulu Rajang. Yang Berhormat Hulu Rajang tiada. Kalau Yang Berhormat Hulu Rajang tiada, satu BN ganti, siapa. Okey tadi sudah cakap Yang Berhormat Kinabatangan, sila Yang Berhormat Kinabatangan.

### 8.12 mlm.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya singkat saja. Saya tidak mengambil hak orang lain macam Yang Berhormat Gopeng.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Buang masa ya. Yang Berhormat Shah Alam diam-diam. Ini hal hospital. Butiran dia kesihatan awam dan juga rawatan perubatan Tuan Pengerusi. Apabila Yang Berhormat Menteri berbicara soal kesihatan, semua orang kalau ditanya, dia mahu sihat. Orang kaya pun mahu sihat, orang miskin pun mahu sihat. Pokoknya mungkin Yang Berhormat Shah Alam saja yang tidak mahu sihat. Sebab orang kaya banyak duit pun kalau

tidak sihat, dia akhirnya, akhirnya dia punya duit habis untuk berubat dan tidak ada apa-apa yang dia boleh lakukan. Seseorang itu kalau pun dia tidak ada duit, kalau dia sihat, dia boleh cari duit.

Justeru itu kita melihat bagaimana kepentingan kesihatan itu kepada manusia. Apabila sebut kesihatan bermakna hospital, doktorlah jawabnya. Jika kita di negara kita ini, masalah yang kita hadapi kekurangan doktor, kekurangan kelengkapan. Di hospital di kawasan saya di Kinabatangan kemudahan seperti ambulans di *emergency* amat berkurangan. Berlaku setiap bulan, setiap minggu kemalangan jalan raya dan pesakit itu terpaksa di hantar ke Sandakan atau ke Lahad Datu sebab tidak ada pakar-pakar yang berada di situ. Jadi bayangkan Yang Berhormat Timbalan Menteri, dua jam perjalanan, akhirnya yang dibawa itu tidak boleh diselamatkan sebab darah dia mengalir dan sebagainya dalam dua jam perjalanan. Seharusnya dua jam yang ada itu untuk memastikan- silakan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih sahabat Yang Berhormat Kinabatangan. Menyentuh dengan ambulans ini, saya melihat Yang Berhormat bahawa ambulans-ambulans yang *second hand* dihantar daripada Kuala Lumpur ke Sabah. Saya minta penjelasan kalau ini benar atau tidak sebab saya melihat ambulans-ambulans itu selalu bermasalah ya. Sabah ini kadang-kadang sahaja mendapat ambulans yang baru. Jadi saya ingin bertanya Yang Berhormat Kinabatangan, kalau ambulans yang *second hand* ini dihantar ke Kinabatangan berapa agaknya dia akan jalan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, jadi sepatutnya pandangan daripada Yang Berhormat Putatan itu memang ada kebenarannya. Jadi kalau boleh janganlah Yang Berhormat Timbalan Menteri, tolonglah pastikan apa-apa kita perlu hantar di Sabah, di Sarawak itu, kereta ambulanskah, *equipment* yang lain-lainkah biarlah berpadanan, biarlah yang baru. Sesuai dengan jasa rakyat Malaysia di Sabah yang menyokong Kerajaan Barisan Nasional.

**Beberapa Ahli:** *[Tepuk]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dalam masa yang sama kita juga harus melihat bahawa kepentingan orang ramai itu iaitu kalau boleh Kementerian Kesihatan juga kena ada data setiap Parlimen. Parlimen luar bandar sudah tentu hospital, *private* hospital tidak ada. Doktor *private* pun tidak ada. Memang dia pergi ke hospital kerajaan. Pertama memang itulah kemampuan dia dan itulah yang diharapkan. Kalau bukan hospital kerajaan, klinik kerajaan dan hari ini kita ada Klinik 1Malaysia. *Alhamdulillah* di kawasan saya sudah ada satu. Di Paris satu dan kalau boleh meminta lagi di kawasan Kota Kinabatangan. 1Klinik 1Malaysia.

**Dato' Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Kinabatangan, sekejap saja. Tadi saya mendengar hujahan yang dibuat oleh Yang Berhormat Kinabatangan mengenai bagaimana kerajaan telah menyediakan Klinik 1Malaysia dan saya kira ia banyak membantu terutamanya bagi penduduk-penduduk di kawasan luar bandar. Jadi saya hendak minta supaya Yang Berhormat Kinabatangan juga masukkan dalam ucapan. Walaupun kita sudah ada Klinik 1Malaysia ini tapi kawasan Parlimen Parit Sulong belum ada lagi. Jadinya saya juga bersama juga dengan Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih. Yang Berhormat Parit Sulong, bagilah satu Yang Berhormat Timbalan Menteri, kasihan dia, dia ini kuat kerja untuk rakyat. Rakyat dia marah pula. Tuan Pengerusi saya juga meminta kalau boleh doktor...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Satu lagi.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya Tuan Pengerusi 30 minit sebab banyak sumbangan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Sebab saya minta tumpang ini. Jawapan daripada Menteri ini, Klinik 1Malaysia di Duvanson ini apabila saya serahkan, melawat tanah tersebut, bagi pelan tersebut kepada pegawai kesihatan, masih juga belum dilaksanakan Putatan di Kampung Duvanson. Jawapan dia tanah belum dipastikan. Bahkan saya sendiri serahkan pelan itu kepada pegawai kesihatan Daerah Penampang.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Bermakna saya, ekoran saya berhujah, maka dua perkara perlu diselesaikan dan saya tengok Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh selesaikan sebab memang sudah ada peruntukan untuk Klinik 1Malaysia ini di Putatan satu dan di Parit Sulong satu. Mudah-mudahan dia orang ini dapat tahun dapatlah satu Klinik 1Malaysia yang dikunjungi oleh orang-orang yang memerlukannya. Di Seputeh tidak perlu buka sebab di Seputeh semua orang kaya. *[Ketawa]* Banyak hospital swasta.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, memang kita dapat melihat bahawa kepentingan orang ramai terhadap klinik ini. Di mana-mana juga dan rasa saya di Malaysia ini kita amat bertuah sebab hospital kita, hospital awam ini lebih baik daripada jika kita pergi ke negara jiran. Kita pergi Indonesia, kita pergi *Philippines*, kasihan. Orang yang *queue up* daripada pukul 7 pagi baru dapat jumpa doktor pukul 1.00 tengah hari. Di *Philippines* walaupun hospital kerajaan tetapi perlu dibayar duit kita sekurang-kurangnya RM50.

## ■2020

Tempat kita ini sebetulnya murah. Jadi rakyat harus bersyukur kepada kerajaan yang ada. Kita dapat menyediakan hospital yang baik kepada rakyat dan kadang-kadang pembedahan pun percuma, macam-macam percuma. Jadi ini harus diambil kira.

Tadi Yang Berhormat Gopeng cakap mahu ada SOP ada KPI. Sebetulnya bukan kita tidak perlu itu. apa yang kita perlu, komitmen sahaja dan melengkapkan hospital kita untuk memastikan bahawa orang awam mendapat perkhidmatan doktor dengan baik. Tuan Pengerusi terima kasih, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kuala Krai.

## 8.21 mlm.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Kementerian Kesihatan yang diperuntukkan lebih peruntukan tahun ini tahun 2014 berbanding tahun 2013. Perbezaan RM3 bilion lebih kurang. Walaupun RM3 bilion

ini, sebahagian besarnya hampir RM2 bilion untuk menyara ataupun untuk emolumen, untuk saraan.

Ertinya kementerian menambah jumlah kakitangannya khususnya para doktornya dan ini kita telah bangkitkan dalam Dewan bahawa jumlah doktor yang masuk ke dalam perkhidmatan ini semakin ramai. Buat masa ini dimaklumkan lebih kurang 4,000 setahun doktor-doktor baru dan mungkin mencecah 10,000 seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Ertinya kementerian kena bersedia kerana jumlah yang ramai ini juga mungkin boleh menimbulkan masalah kewangan. Namun yang lebih penting ialah sama ada kementerian bersedia untuk melaksanakan latihan yang sebaiknya kepada doktor-doktor baru ini yang sebahagian besarnya datang melalui pemeriksaan khusus kerana mereka tidak diiktiraf di luar negara. Jadi kita harapkan perkara ini diberikan penelitian.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Sungai Petani.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sila.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Kuala Krai, dalam mana kita mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Kesihatan kerana jumlah pegawai-pegawai perubatan, *pharmacist* dan pegawai-pegawai pergigian dengan adanya akta, balik ke negara kita dan berkhidmat dengan kerajaan. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat Kuala Krai, adakah kerajaan juga mesti pastikan fasilitet-fasilitet untuk pegawai-pegawai muda ini apabila mereka datang bekerja dengan kerajaan kerana khidmat wajib mencukupi agar mereka ini terlatih dan akhirnya menjadi doktor yang baik dan membantu pembangunan negara, termasuklah doktor-doktor gigi. Saya tengok banyak doktor gigi yang masuk tetapi *problemnya* ialah *dental chair* tak cukup. Jadi akhirnya, doktor gigi yang baru ini, melilau, melilau, melilau kerja tak *dak*, habis dua tahun tak banyak mereka belajar kerana fasilitet yang tak cukup. Apakah pendapat Yang Berhormat Kuala Krai tentang hal ini?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, itu yang saya mohon tadi supaya kementerian bersedia untuk menerima pengambilan lebih ramai pakar ataupun profesional ini kerana latihan yang baik bergantung kepada kemudahan dan juga bimbingan oleh doktor-doktor yang lebih *senior*, lebih lama. Mereka ini mesti diberikan tunjuk ajar dan kemudahan yang mencukupi agar mereka dapat menjadi doktor yang selamat.

Seterusnya Yang Berhormat Menteri dan juga Tuan Pengerusi, Kementerian Kesihatan juga saya dimaklumkan beberapa tahun yang lalu diberikan anugerah *star rating* yang baik lima bintang sebagai menggambarkan pengurusan kementerian yang cukup baik. Kemudiannya ada yang terbaru, rating mereka turun kepada empat bintang.

Mungkin ini tidak menggambarkan perkhidmatan di hospital ataupun di klinik-klinik kesihatan tetapi pengurusan di kementerian, termasuk Menterinya, termasuk KSUnya, termasuk

KP, ketua pengaruhnya. Jadi saya mengharapkan Kementerian Kesihatan terus mengambil langkah-langkah supaya imej kementerian ini kekal di tahap lima bintang melalui usaha-usaha penambahbaikan dalam pengurusannya termasuk pengurusan kewangannya.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya hendak menyebut bahawa pagi tadi saya, ini berkaitan dengan salah satu perkhidmatan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan iaitu psikiatri dan kesihatan mental, *mental health*. Saya dimaklumkan pagi tadi, seorang kakitangan kesihatan yang pernah terlibat memukul, menyerang pengarah hospital beliau kerana masalah pertukaran, kalau saya tak silap. Hari ini dia *commit suicide*, membunuh diri. Itu saya dimaklumkan.

Saya ingin mendapat kepastian daripada Yang Berhormat Menteri sama ada berita ini benar. Kalau benar, apakah kita tidak mempunyai satu mekanisme untuk mengesan di kalangan kakitangan kita, kecenderungan-kecenderungan ini kerana tindakan *suicidal* ini bukan tidak ada promonya, tidak ada perkara-perkara yang awal yang kita boleh kesan.

Jadi saya harapkan Kementerian Kesihatan meneliti bukan hanya rakyat tetapi staf-staf di kementerian sendiri dengan jumlah peruntukan yang saya lihat di bawah psikiatri dan *mental health* ini agak banyak iaitu RM200 juta lebih. Jadi saya harap perkara ini diberikan penelitian. Seterusnya secara ringkas, di bawah salah satu aktiviti perubatan ataupun hospital iaitu aktiviti 7, obstetrik dan ginekologi. Ada satu program yang dicatatkan di sini iaitu prosedur *assisted reproductive technology* (ART). Ada 800 dijangkakan tahun depan.

Saya melihat jumlah ini 800 bagi sebuah negara 28 juta dan dengan kementerian diperuntukkan RM22 bilion, saya rasa jumlah ini sedikit. Saya tidak yakin masalah kegagalan hamil ini satu *problem* yang kecil di negara kita. Akan tetapi kalau hanya 800 sahaja yang boleh dibantu melalui program ini, kemungkinannya program ini tidak diuar-uarkan, tidak dimaklumkan kepada umum melalui pendidikan kesihatan bahawa program ini ada untuk membantu pasangan yang gagal untuk memperoleh anak. Jadi saya harapkan juga kementerian membuat promosi yang lebih supaya kita dapat membantu ibu-ibu terutamanya ibu muda yang gagal untuk mendapat anak dalam tempoh yang biasa dijangkakan.

Seterusnya Tuan Pengerusi, melalui penyelidikan. Saya mendapat jawapan daripada Menteri Kesihatan semalam mengenai jumlah kajian yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan yang dipasarkan, yang *dicommercialised* dalam lima tahun yang terakhir. Disebut ada berpuluhan yang dibuat kajian tetapi hanya satu sahaja yang *dicommercialised*kan. Jumlah peruntukan yang diberikan kepada *research* ini agak tinggi sampai RM100 juta bagi program sedia ada dan RM300 juta untuk *one-off*. Satu jumlah yang banyak. Akan tetapi yang boleh *dicommercialised*kan saya lihat hanya satu sahaja. Jadi saya hendak bertanya, apakah kementerian serius untuk melakukan kajian-kajian yang lebih boleh *dicommercialised*kan seperti yang dibuat *maggot therapy* ini. Akan tetapi lima tahun satu *research*. Kalau sebelum ini hanya satu *research* yang biasa diperdengarkan kepada kita iaitu *Typhoid Kit*. Berapa tahun *you* tanya, itulah satu *research* yang boleh *dicommercialised*kan. Jadi saya hendak minta keseriusan kementerian dalam urusan *research* dan *development* ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya hendak membangkitkan mengenai program-program pembangunan, P.2 iaitu kemudahan hospital, hospital baru seperti juga di Pasir Gudang tadi yang membangkitkan masalah hospital baru. Kuala Krai juga pecah tanahnya telah dibuat semasa kempen pilihan raya yang lalu. Tanah itu sudah diclear/kan lama, jumlah yang besar. Hospitalnya pun dijangka besar berbanding dengan hospital yang sedia ada.

Akan tetapi selepas pada itu, saya tidak nampak *progress* kemajuan kepada pembangunan ini. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada hospital ini akan dibina dalam tempoh Rancangan Malaysia yang sedia ada atau akan ditangguhkan. Apa hal ini? Sila.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [Ketawa] Baik Yang Berhormat Kuala Krai, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya hendak menyatakan bahawa di Shah Alam kita berasib baik sedikit berbanding dengan Kuala Krai yang mana di Kuala Krai pecah tanah telah dilakukan. Di Shah Alam lebih daripada itulah, pembinaan dan pembangunan hospital telah pun dimulakan.

#### ■2030

Akan tetapi, saya dapati tiga Menteri Kerja Raya sudah bertukar, hospital Shah Alam masih belum lagi siap dan belum lagi diguna pakai. Saya hendak minta kalau boleh dimasukkan dalam ucapan Yang Berhormat Kuala Krai supaya diberikan komitmen ataupun penjelasan tarikh siap hospital Shah Alam, terima kasih.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Sebagai pembahas pada hari ini, saya berjanjilah akan membawa isu ini kepada kementerian untuk dijawab oleh kementerian. Hendak kena berlatih ini cakap macam Menteri. [Ketawa]

**Tuan Pengerusi:** Belum ada peraturan mesyuarat yang saya terbaca titip menitip ini, kirim-mengirim. Sila, teruskan.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ada Tuan Pengerusi. Masukkan ucapan dia dalam ucapan saya, menitiplah itu. [Ketawa]

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, terima kasih. Seterusnya, saya ingin menyebut mengenai pendidikan kesihatan. Kita ada kes keracunan makanan - satu majlis kenduri kahwin yang mengambil empat nyawa...

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Tanjung Dawai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Di Tanjung Dawai, Kedah. Satu kejadian yang amat menyedihkan yang masih berlaku lagi dalam negara kita yang hampir menjadi negara maju ini. Saya tidak hendak menyalahkan Kementerian Kesihatan dalam hal ini, cuma dalam konteks ini, siapa yang hendak bertanggungjawab mendidik masyarakat supaya dapat melaksanakan program masak-memasak menyimpan makanan ini dengan baik. Jadi saya harapkan, program pendidikan kesihatan ini yang diberikan tidak banyak dalam peruntukan Kementerian Kesihatan ini, dijadikan sebagai satu *first line* dalam menggerakkan kesedaran rakyat. Jangan ambil mudah kerana kes-kes keracunan ini boleh berlaku pada bila-bila masa, anak-anak sekolah kita, asrama. Jadi harus diambil berat.

Terakhir Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya dalam Dasar Baru. Ada dua peruntukan yang agak banyak iaitu RM835 juta untuk tahun 2013 dan RM691 juta untuk tahun 2014. RM800 juta ini ialah Pewujudan Jawatan Baru/Tambahan Tahun 2013. Kalau masuk dalam permohonan untuk belanjawan tambahan saya faham, tetapi masuk dalam dasar baru tahun 2014 punya bajet. Jadi saya hendak minta penjelasan kenapa boleh berlaku perkara ini iaitu Pewujudan Jawatan Baru/Tambahan Tahun 2013 dimasukkan dalam bil untuk 2014? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kota Samarahan.

### **8.33 mIm.**

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Belanjawan 2014 di peringkat Jawatankuasa. Saya akan menjurus kepada P.42 Kementerian Kesihatan. Pertama sekali melalui Butiran 010200 – Sumber Manusia. Kesihatan yang baik merupakan anugerah yang tidak ternilai buat setiap manusia dan nikmat itu harus kita jaga dengan sebaik mungkin sebelum ia di cemar dengan penyakit-penyakit yang tidak diingini. Dalam usaha mengekalkan dan menjaga kesihatan ini, ia bukan sahaja tanggungjawab ataupun urusan perseorangan, keluarga tetapi apa yang perlu kita tekankan juga kepentingan pencegahan penyakit berkenaan.

Terima kasih kepada kerajaan dan juga Kementerian Kesihatan yang saya rasa telah dan sedang berusaha menjaga kebajikan rakyat Malaysia dengan menyediakan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan kesihatan dengan begitu baik selari dengan perkembangan dunia moden pada masa ini. Bagi kawasan Kota Samarahan, kita dilengkapi dengan tiga pusat kesihatan. Namun begitu, ketiga-tiga pusat kesihatan kita ini mengalami kekangan utama iaitu masalah kekurangan doktor dan juga pegawai perubatan yang berkelayakan.

Masalah kekurangan doktor ini saya rasa seperti yang dimaklumkan juga Yang Berhormat Kinabatangan tadi dialami bukan sahaja di Kota Samarahan malah di Sarawak secara keseluruhannya. Saya dimaklumkan oleh Pejabat Kesihatan Negeri Sarawak bahawa jumlah doktor di Sarawak pada masa ini hanya berjumlah 889 orang berbanding dengan penduduknya yang mencecah 2.7 juta orang. Pada tahun 2010, kita dimaklumkan nisbah doktor merawat 1,700 pesakit yang mana jauh daripada nisbah yang diwartakan oleh *World Health Organization* iaitu seorang doktor untuk 600 pesakit.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]*

Oleh itu, Kota Samarahan pada masa ini mengalami kepesatan pertumbuhan penduduk daripada 50,000 sekarang sudah mencapai 120,000 dan masalah kekurangan doktor dan juga pegawai perubatan ini menjadi masalah utama bagi kawasan ini. Jadi dengan itu harapan saya, melalui bajet Kementerian Kesihatan kali ini di bawah butiran ini sebanyak RM33 juta dapat dipertimbangkan juga untuk peningkatan perkhidmatan doktor dan juga pegawai-pegawai perubatan yang berkelayakan untuk kawasan saya di Kota Samarahan.

Seterusnya butiran...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Minta pencelahan. Boleh?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kota Samarahan. Saya ingin merujuk juga Butiran 010200 – Sumber Manusia di bawah Butiran Pengurusan mengalami pemotongan yang amat ketara iaitu daripada RM712 juta, kini menjadi sehingga RM33 juta. Ini bersamaan dengan 95.3% pengurangan. Apa yang lebih mengejutkan ialah pemotongan emolumen iaitu Kod 10000 sehingga 98% iaitu daripada RM681 juta sehingga RM13 juta, walaupun bilangan jawatan hanya kurang dua.

Bermaksud, jawatan yang kurang adalah dua iaitu daripada 284 sekarang berbanding dengan 286 pada tahun 2013. Akan tetapi, pengurangan bekalan bagi sumber manusia ini terlalu besar dan kita pula sedang mengalami kekurangan doktor. So, macam mana pengimbangan ini boleh berlaku? Sepatutnya kalau kita tahu, kita arif bahawa ada kekurangan doktor, sepatutnya bekalan sumber manusia ini perlu ditambahkan dan kini tidak seimbang pula bila berlaku pengurangan yang amat mendadak. Terima kasih.

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Saya sebenarnya mengetahui isu ataupun kekurangan bajet untuk butiran ini. Namun saya percaya, kemungkinan Kementerian Kesihatan dapat menjawab persoalan ini. Saya percaya kementerian ada alternatif ataupun cara yang lebih bersesuaian bagi memudahkan ataupun meningkatkan perkhidmatan kakitangan ataupun jumlah pegawai perubatan di negara kita.

Seterusnya saya pergi ke Butiran 00202 dan juga Butiran 00201 iaitu Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar. Menerusi butiran ini, saya amat berterima kasih dan juga menyokong usaha kerajaan dalam mempromosi kempen-kempen kesedaran kepentingan kesihatan terutamanya di kawasan masyarakat luar bandar iaitu melalui program ke peringkat akar umbi. Pada hemat saya, khasnya di kawasan saya, kempen-kempen kesihatan ataupun promosi-promosi kesihatan ini banyak memberi kesan yang positif kepada masyarakat luar bandar khasnya program COMBI dan juga beberapa program kemasyarakatan yang telah dilakukan oleh kementerian.

Oleh itu, saya mencadangkan agar kementerian meningkatkan lagi program-program ini di kampung-kampung di pedalaman. Sebab bagi kawasan saya khasnya kawasan Asajaya, kita mengalami masalah bekalan air dan kita sering menerima ancaman daripada penyakit-penyakit yang disebabkan oleh air. Harapan saya, kalau kempen-kempen ini diperhebatkan, kesedaran dan kepentingan kesihatan dalam kalangan masyarakat luar bandar dapat dipertingkatkan.

#### ■2040

Seterusnya saya pergi ke butiran 031500 - Nefrologi. Yang ini berkaitan dengan dialisis, adalah sejenis rawatan yang berfungsi untuk menjalankan kerja yang dilakukan oleh buah pinggang ini. Jadi saya memohon agar di Klinik Kota Samarahan dapat dibina atau pun diwujudkan pusat hemodialisis bagi menampung pesakit-pesakit khasnya bukan sahaja daripada Parlimen Kota Samarahan malah daripada Parlimen Batang Sadong. Juga separuh daripada Parlimen Serian,

sebab setakat ini pusat yang hemodialisis terdekat adalah di Bandaraya Kuching iaitu di Hospital Umum Negeri Sarawak.

Jadi dengan pewujudan pusat hemodialisis ini di Kota Samarahan, saya percaya ia dapat mengurangkan beban rakyat di kawasan berkenaan yang mana terpaksa menghadapi kos yang amat besar bagi mendapatkan khidmat hemodialisis di Hospital Umum Sarawak. Jarak yang saya maklumkan tadi lebih daripada 80 ke 100 kilometer bagi pesakit-pesakit buah pinggang untuk mendapat khidmat hemodialisis.

Seterusnya saya ingin pergi ke Butiran 032100 - Patologi. Pertama sekali saya ingin hendak mengucapkan juga terima kasih kepada Kementerian Kesihatan kerana telah pun menaik taraf dua klinik desa kepada klinik kesihatan di Daerah Asia Jaya. Kita dimaklumkan untuk Klinik Kesihatan Asia Jaya dibekalkan makmal. Namun disebabkan pembinaannya, masa kekangan ekonomi pada tahun 1998 yang lepas, makmal tersebut tidak dapat dilaksanakan.

Namun begitu pada masa ini saya rasa perkhidmatan makmal ini khasnya untuk perkhidmatan yang memerlukan ujian-ujian makmal amat diperlukan khasnya untuk rawatan-rawatan seperti ibu mengandung dan sebagainya untuk kawasan Asia Jaya. Akhir sekali saya ingin pergi ke Butiran 120800 – NBOS RTC: Perkhidmatan Kesihatan 1Malaysia. Seperti Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Parit Sulong, kita juga ingin memohon perkhidmatan Klinik 1Malaysia di kawasan Asia Jaya. Ini memandangkan keperluan perkhidmatan kesihatan tidak dapat ditampung oleh pusat kesihatan yang sedia ada. Itu saja daripada Yang Berhormat Kota Samarahan dan Yang Berhormat Kota Samarahan mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Ko Chung Sen [Kampar]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Berapa orang lagi Yang Berhormat bercadang? Satu dua tiga empat lima enam tujuh lapan sembilan 10, 11. Lima minit seorang.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Parit Sulong tiga minit pun boleh.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, tiga minit pun boleh? betul? Yang Berhormat Kampar, mana Yang Berhormat Kampar, belakang. Tiga minit.

**Tuan Ko Chung Sen [Kampar]:** Tidak boleh. *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak perlulah ulas. Terus saja.

#### **8.43 mlm.**

**Tuan Ko Chung Sen [Kampar]:** Okey, Tuan Pengerusi saya ingin membahaskan Maksud Bekalan 42 Butiran 032200 - Farmasi dan Bekalan dengan bajet sebanyak RM1,506,036,800. Saya ingin membawa perhatian Dewan kepada kenyataan bahawa harga ubat-ubatan di Malaysia adalah sehingga 148.28% lebih tinggi daripada di Australia.

Perkara ini telah dilaporkan dalam kajian yang diterbitkan pada tahun 2012 yang meninjau harga pasaran 10 jenis ubatan preskripsi di Malaysia dan Australia. Kajian ini adalah meninjau harga yang dikenakan oleh 20 buah farmasi di Malaysia berbanding dengan harga yang ditawarkan dari tiga rangkaian farmasi terbesar negeri daripada beberapa ratus kedai-kedai di Australia. Ubatan ini adalah jenis yang kebiasaannya gunakan untuk merawat masalah perubatan yang umum. Betaloc bagi penyakit jantung, *Glucovance* dan *Diamicron* bagi diabetes, *Lipitor* dan *Zocor* bagi kolesterol tinggi, *Norvasc* dan *Adalat* untuk tekanan darah, *Ventoline* untuk asma dan *Votrient* sebagai ubat penahan sakit.

Hasil kajian berkenaan telah mendapati purata harga runcit di Malaysia adalah 33.3% hingga 148.28% lebih tinggi daripada harga di Australia. Sebagai contoh *Lipitor* ubat kolesterol yang paling laris di seluruh dunia, harganya satu tablet di Malaysia adalah RM5.07. Manakala harganya di Australia hanya RM3.12. Ini merupakan beza harga sekitar 62.5%.

Seterusnya bagi ubat penyakit jantung *Betaloc 50mg* harga di Malaysia 72 sen sahaja manakala harga di Australia 29 sen. Bermakna beza harga adalah sebanyak 148.28%. Tuan Pengurus, satu lagi masalah berkait di Malaysia ialah terdapat perbezaan harga-harga runcit ubatan di antara farmasi-farmasi yang begitu ketara sehingga lima kali beza harganya. Sebagai contoh ubat tekanan darah *Norvasc 10mg* tablet di jual dengan harga tertinggi sebanyak RM8.67 dan harga terendah RM1.60. Perbezaan ini adalah sebanyak 541%. Bagi *Zocor 80mg* tablet beza harga tertinggi dan terendah iaitu RM6.60 dan RM1.20 adalah sebanyak 552%.

Tuan Pengurus, setiap negara mengawal selia harga ubat-ubatan dengan kaedah yang berbeza-beza. Walau bagaimanapun di *France* dan *Italy* mengawal selia ubat-ubatan secara terus. Di *Germany* dan Jepun kaedah tidak langsung digunakan untuk mengawal selia harga ubat-ubatan melalui pembayaran balik di bawah skim insurans sosial. Di Britain *The National Pharmaceutical Pricing Authority* memantau harga dan mengawal selia keuntungan yang syarikat-syarikat peroleh menerusi jualan mereka. Bagi negara membangun seperti Malaysia 20% sehingga 60% daripada jumlah perbelanjaan penjagaan kesihatan digunakan untuk perbelanjaan *pharmaceutical*.

Di negara kita jumlah saiz pasaran bagi ubatan preskripsi dan ubatan yang dibeli di kaunter dengan izin *over the counter* dianggarkan RM4.5 bilion setahun. Walau bagaimanapun kita berpotensi menjimatkan beberapa ratus juta setahun daripada bajet kerajaan dan RM1 bilion setahun bagi negara kita, jika kita beli ubat-ubatan ini pada kadar harga pasaran di Australia.

Masalah harga ubat yang lebih tinggi di sini adalah berpunca daripada kegagalan kerajaan mengenakan kawalan harga dan peraturan tenaga ini. Tuan Pengurus di Malaysia langsung tidak terdapat kawalan harga dan kawal selia di setiap peringkat daripada pengilang, pengedar, peruncit sehingga ke peringkat doktor di klinik. Pada tahun 1994 sebagai tambahan kepada pembatalan kawal selia harga, Kerajaan Malaysia telah meluluskan satu sistem pengedaran dadah yang diswastakan untuk membantu mengurangkan kos. *Government Medical Store* telah diswastakan dan lahirlah Pharmaniaga. Malangnya walaupun Pharmaniaga sekarang adalah syarikat tersenarai awam bernilai RM1.18 bilion dengan keuntungan besar RM61 juta pada tahun 2012. Kos ubat-

ubatan telah meningkat dan terus meningkat. Lebih malang lagi, harga ubat telah dilaporkan meningkat lebih cepat daripada negara maju.

**■2050**

Tuan Pengerusi, Kerajaan Malaysia dan industri *pharmaceutical* tidak boleh lagi membuat tuntutan bahawa harga ubat-ubat paling berkesan ditentukan oleh ekonomi pasaran bebas. Kita telah mengamalkan polisi tersebut semenjak tahun 1994. Negara dan rakyat dipaksa membayar lebih daripada sebelumnya. Harga ubat-ubatan dijangka melonjak lagi sekitar 30% dengan terlaksananya Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) dan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Saya dengan ini merayu kerajaan dan Yang Berhormat Menteri supaya menujuhkan Lembaga Penentuan Harga Ubatan Kebangsaan atau *National Medicine Pricing Authority* untuk mengawal selia dan mengekalkan harga ubat-ubatan pada paras paling rendah yang mungkin. Ini telah lama tertangguh. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Parit Sulong. Tiga minit. Sila.

**8.50 mlm.**

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Maksud P.42 Butiran 002001 – Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar. Ini mengenai klinik kesihatan di kawasan saya. Pekan Parit Sulong ada lebih kurang 57,000 penduduk. Hospital terdekat adalah Hospital Daerah Batu Pahat yang terletak di Parlimen Batu Pahat, lebih kurang 30 kilometer dari Pekan Parit Sulong itu sendiri. Memang ada klinik kesihatan tetapi kemudahan itu memang tidak pernah cukup dan tidak mencukupi.

Jadi soalan saya bilakah Klinik Kesihatan Parit Sulong ini dapat dibekalkan dengan kemudahan seperti *X-ray*, *machine*, wad bersalin. Kawasan itu pernah ada kemalangan berlaku tidak sempat untuk dibawa ke kawasan Parlimen Batu Pahat yang menyebabkan mangsa tidak dapat diselamatkan. Selepas itu saya juga hendak bertanya klinik pergigian. Kedudukannya memang sangat strategik. Ramai penduduk di situ dan sekiranya ada kemudahan-kemudahan ini ianya bukan sahaja dapat membantu penduduk di kawasan Pekan Parit Sulong itu sendiri tetapi juga dapat menampung untuk membantu Pekan Bakri dan juga Pekan Parit Yani sebab jalannya adalah satu jalan yang lurus.

Saya terus kepada Maksud P.42 Butiran 020200 – Pembangunan Kesihatan Keluarga. Saya cuma hendak cadangkan agar kementerian mungkin boleh memikirkan satu insurans seperti konsep insurans BR1M yang boleh diberikan kepada bayi-bayi yang baru lahir sebab kos perubatan sekarang ini sangat tinggi. Sekiranya ini boleh dilakukan oleh pihak kerajaan ianya sedikit sebanyak dapat membantu ibu bapa muda terutamanya yang berada di luar bandar yang kurang berkemampuan.

Seterusnya kepada butiran yang terakhir bagi Maksud B.42 Butiran 80000 – Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia. Kita maklum bahawa peranan Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia

ini memang untuk memperluaskan bidang promosi kesihatan dengan melibatkan masyarakat melalui NGO. Saya juga maklum ada geran yang diberikan kepada mereka yang berdaftar untuk membiayai aktiviti mereka. Cuma saya hendak tahu daripada pihak kementerian apakah syarat-syarat yang diperlukan supaya layak untuk memohon geran ini. Berapakah jumlah pertubuhan yang telah memohon geran ini? Berapa yang telah berjaya dan berapa *quantum* yang diberikan kepada setiap NGO yang berjaya ini? Kalau ada fakta mungkin kalau tidak dapat sekarang, mungkin bertulis dapat diberikan kepada saya terutamanya di Daerah Batu Pahat dan juga di kawasan Parlimen Parit Sulong.

Selepas itu di bawah tajuk yang sama dan terakhir Tuan Pengurus iaitu Kempen Reben Biru atau *Blue Ribbon Campaign* yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai bahaya asap rokok basi atau pun *second hand smoker* dan juga hak kepada udara yang bersih. Ini telah dirasmikan oleh Menteri Kesihatan sendiri pada 2 Jun 2013. Jadi di sini saya hendak tahu apakah program kementerian dalam meningkatkan kesedaran orang ramai dalam kempen yang dibuat oleh kementerian itu sendiri. Dia ada laman web [www.myblueribbon.org.my](http://www.myblueribbon.org.my) tetapi saya tengok sentiasa masih diselenggarakan. Saya cuba klik. Cuma saya masih lagi– *it's not working*, dengan izin. Jadi saya hendak minta supaya Yang Berhormat Menteri menyatakan bilakah laman web ini akan siap sebab kita hendak membantu kementerian memberi promosi untuk masyarakat mendapatkan info melalui *website* ini. Jadi saya harap kementerian boleh memaklumkan bilakah masyarakat boleh mendapat maklumat mengenai perkara yang saya nyatakan ini melalui laman web yang saya nyatakan. Terima kasih banyak-banyak Tuan Pengurus.

**Tuan Pengurus [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Kedah. Lima minit.

#### **8.55 mIm.**

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Pengurus. Saya pergi kepada dua isu yang saya rasa besar dan perlu disebut *straight*. Butiran 020300, Butiran 020400 dan Butiran 020500 - Kawalan Penyakit, Pendidikan Kesihatan dan Pemakanan.

Saya rasa ini penting kerana dalam bajet yang diluluskan baru-baru ini kita hampir tidak ada langsung pencegahan. Jadi adalah peranan kawalan penyakit, pendidikan kesihatan dan pemakanan untuk melakukan pencegahan.

Tuan Pengurus, apa yang telah kita lakukan selama ini untuk mencegah telah gagal kerana sekarang kadar diabetes misalnya kita yang tertinggi di Asia Tenggara. Jadi kita perlu melakukan cara yang lain, *approach*, pendekatan yang lain dengan teknik dan *method* yang lain. Pertama sekali saya menyatakan di sini bahawa saya menghargai usaha Kementerian Kesihatan misalannya menggalakkan orang bersenam tetapi bersenam sebagai polisi tidak dapat mencegah sakit jantung, strok dan lain-lain lagi. Itu diketahui umum. Ada penjelasan yang panjang. Sebaliknya kerana makanan lebih penting. 70% hingga 80% pada makanan dan makanan saya merasakan Tuan Pengurus kita telah silap terutamanya kerana kita mengikut apa yang disebut piramid

makanan. Piramid makanan telah dikritik oleh ramai pakar-pakar dan saintis. Kalau kita ikut piramid makanan di mana kebanyakan makanan ialah *cooked carbohydrates*. Karbohidrat yang dimasak kita memang akan jadi obes dan diabetes. Sebaliknya peranan zat lemak itu telah kita abaikan.

Kita telah silap. Masyarakat-masyarakat yang bebas daripada sakit jantung, orang Masai di Afrika, orang Samuru, kita juga dahulu masa tahun 30-an dan 40-an dan juga orang Amerika di awal abad yang lepas, makanannya lebih kurang 40% dari zat lemak. Kita faham sainsnya ialah zat lemak membentuk membran sel. Membran sel menentukan metabolisme. Metabolisme menentukan sama ada kita obes, kita diabetes dan lain-lain lagi. Itu penting. Itulah kepentingan zat lemak yang telah kita abaikan. Zat lemak tepu tradisional, minyak kelapa, minyak *palm kernel*, minyak kelapa sawit itu sihat. Minyak sapi itu sihat malahan, minyak dari khinzir itu juga sihat. Yang tidak sihat ialah minyak trans. Minyak yang dibuat oleh manusia.

Dalam konteks ini saya mengesyorkan supaya kita mempromosikan balik segala minyak tradisional tepu yang sihat tadi dan kita mengharamkan lemak trans. Lemak trans, marjerin dan juga *shortening* yang digunakan dalam industri kek, kuih dan roti, itu terbukti menyebabkan sakit jantung, strok, obesiti, diabetes, kanser dan sebagainya. Satu-satunya cara menghadapinya ialah mengharamkannya. Pengharaman lemak trans di Denmark, di Austria, di Holland, di berbagai negara Eropah Barat telah menunjukkan hasil yang baik. Dengan kos yang minimum, dengan gangguan dari masyarakat yang minimum, mereka telah berjaya misalannya di Eropah Barat, kadar diabetes telah menurun walaupun di tempat lain di dunia meningkat. Kita meningkat. Caranya pengharaman lemak trans. Walau pun mula-mula ada sedikit masalah tetapi *long term gain*, dengan izin. Apa yang kita dapat dalam jangka panjang itu lebih baik.

Jadi kita galakkan kembali lemak-lemak tepu tradisional dan kita haramkan lemak yang berbahaya. Lemak tepu tradisional tadi walau pun kebanyakan doktor tidak sedar dan tidak faham sebenarnya sangat sihat. Saya ada banyak *reference* yang boleh kita tunjukkan bahawa itu sangat sihat. Dan kempen kesihatan juga saya rasa silap. Doktor-doktor dan jururawat kerjanya beritahu orang jangan ambil santan, jangan ambil minyak kelapa misalannya. Itu silap. Itu kena sebut.

Keduanya, gula. Saya hendak sebut balik bahawa kalau kita – sebab ini pencegahan, pendidikan kesihatan. Kalau kita tidak memakai teori piramid makanan, yang kita pakai saya syorkan kita kembali kepada saintis-saintis ulung seperti Dr. Mary G. Enig daripada Universiti of Maryland. Beliau saintis ulung yang pertama menyatakan lemak trans itu tidak sihat tetapi beliau diketepikan kerana pendapatnya berlawanan dengan arus perdana masa itu. Kita kembali kepada teori-teori dari tokoh-tokoh yang disisihkan ini kerana lama betul kita mengikut *vince street* dengan izin, arus perdana dan kita berada dalam keadaan yang cukup teruk sekarang.

## ■2100

Misalannya yang disebut oleh beliau ialah satu set makanan disebut *desirable* dan *non desirable*, dengan izin yang mana patut dimakan dan yang mana tidak patut dimakan. Jadi, lemak yang tidak sihat, kita tinggalkan, kita ambil lemak yang sihat. Kita seimbangkan zat omega. Omega-6 dan Omega-3 perlu kurangkan Omega-3 dalam makanan kita. Sekarang makanan proses di

Malaysia banyak Omega-6 menyebabkan kita maksimum omega, lemak trans dan banyak gula digunakan sebagai *preservative*

Isu terakhir saya hendak sebut sedikit dengan jelas ialah mengenai gula bahawa gula itu terbukti berkait dengan sakit jantung, strok dan lagi itu ada kajian sains yang cukup *solid*. Saya menyebut kerana pada hari itu Menteri ditanya dan tidak memberikan jawapan, maka sukacita saya menyebutkan satu *recent paper*, dengan izin satu makalah yang terbaru yang memberikan kaitan langsung, *direct relationship* gula dengan diabetes.

Diterbitkan dalam majalah *Public Library of Science (PLoS) One* 27 February 2013 ‘*The Relationship of Sugar to Population-Level Diabetes Prevalence: An Econometric Analysis of Repeated Cross-Sectional Data*’, Sanjay Basu daripada Sekolah Perubatan Universiti Stanford Amerika. Stanford University adalah salah satu pusat penyelidikan perubatan yang paling ulung di dunia dan *paper* ini sangat *credible*. Makalah ini sangat *credible* dan menunjukkan jelas kaitan gula dengan diabetes.

Akan tetapi gula dengan penyakit lain telah diketahui umum, banyak *paper*. Saya ada buku yang cukup untuk menjawab semua soalan tadi. Jadi persoalannya begini, kalau kita menaikkan harga gula, orang kurang ambil gula tetapi orang tidak faham, orang akan beli juga gula dengan harga yang lebih tinggi, satu.

Nombor dua, gula digunakan sebagai *preservative*, itu harus diatasi. Kalau kita tidak atasi masalah itu, kita tidak duduk dengan pengilang-pengilang makanan, itu tidak akan selesai. Salah satu gula yang paling baik masanya ialah *high fructose corn syrup*, dengan izin sirap jagung berfruktosa tinggi. Itu digunakan dalam minuman ringan terutamanya, dalam 3 in 1 dan lain-lain lagi. Itu harus diatasi.

Itulah masalah terbesar Amerika, minuman ringan. Jadi, untuk mengelakkan masalah kesihatan yang timbul akibat gula kita kena nyatakan dengan jelas minuman ringan bukanlah sihat. Kanak-kanak tidak harus minum minuman ringan. Di sekolah tidak harus dijual minuman ringan. Minuman ringan tidak boleh dijadikan *culture*. Itu sangat penting. Dr. ‘**Fred Comerow**’ saintis ulung Amerika juga telah menulis surat kepada Kongres Amerika mengenai masalah ini. Minuman ringan menyumbangkan kepada 5,000 kematian *cardiovascular* setiap hari di Amerika. Jadi, Kementerian Kesihatan perlu menyatakan pendiriannya dengan tentang minuman ringan dan bahaya minuman ringan. Selesai masalah itu, barulah kita akan dapat kesan baik pengurangan gula tadi.

Jadi dalam masa yang singkat ini, saya lagi sekali, kita perlu merubah teori kita. Kita boleh sebut tentang bersenam itu baik tetapi kita tidak boleh jadikan ia sebagai polisi 10,000 langkah kalau tidak mahal sangat boleh teruskan program tetapi itu tidak akan menyelesaikan masalah. Kita perlu ubah teori, ubah pendekatan dan kita kena tinggalkan apa yang kita gagal selama ini dan kita mulakan yang baru dan kita selesaikan masalah ketidakseimbangan omega. Lebihnya Omega-6 dalam makanan kita dan gula dalam makanan kita terutama di dalam makanan proses.

*Insya-Allah, saya rasa kita akan dapat mengatasi masalah ledakan penyakit tidak berjangkit yang telah setiap minggu meragut nyawa. Baru 36 tahun sudah kena serangan jantung dan meninggal. Terima kasih banyak Tuan Pengerusi.*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kanowit.

### **9.03 mIm.**

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin terus kepada beberapa butiran di bawah Kementerian Kesihatan. Pertama adalah Butiran 00201 - Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar. Terutama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kementerian dan kerajaan kerana telah membina sebuah klinik yang bukan dikatakan sudah lama tidak dibuat di kawasan Rascom Tada. Saya difahamkan ia akan siap mungkin dalam tahun depan dengan kos lebih RM10 juta. Kalau dahulu klinik ini dikatakan sebagai klinik desa tetapi sekarang sudah dinaikkan taraf kepada klinik kesihatan, terima kasih.

Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, saya difahamkan bahawa kekhawatiran penduduk di sana adalah mereka ketakutan kalauolah sesetengah kelengkapan tidak dapat diberi kepada klinik tersebut terutamanya adalah mereka mengharapkan supaya ditempatkan *at least* seorang doktor di klinik kesihatan tersebut. Juga pelbagai alat-alat yang penting seperti alat hemodialisis dan yang lain dan juga ambulans sebab klinik ini adalah di antara lebih kurang tiga jam atau empat jam daripada Hospital Kanowit dan Hospital Sibu. Kalauolah pesakit-pesakit yang datang ke klinik ini tidak diberi rawatan dengan secepat mungkin dan selalunya dirujuk ke Hospital Kanowit atau Hospital Sibu, ia akan membuang masa. Mereka kata, kalau doktor tidak ada, bagus lagi mereka pergi terus ke Sibu atau Kanowit seperti yang biasa. Inilah leteran mereka setakat ini.

Kedua, saya juga disuruh untuk menyampaikan hasrat hospital di Kanowit untuk dibekalkan dengan lebih lagi mesin hemodialisis sebab yang ada sekarang adalah tidak mencukupi dan mereka pun telah memohon derma daripada saya tetapi saya difahamkan bahawa mesin itu adalah sangat mahal. Mungkin dalam beberapa ratus ribu.

Satu lagi dalam perkhidmatan kesihatan luar bandar adalah kita ada dua buah klinik di kawasan Rascom, kawasan yang begitu besar telah ditubuhkan dalam musim era komunis dahulu. Satu adalah dijaga oleh satu dan satu lagi di Mungun dengan lebih kurang 30 buah rumah panjang di sana, di kedua-dua tempat itu. 40 tahun sudah berlalu belum ada klinik yang mencukupi untuk memberi rawatan kepada penduduk-penduduk di sana. Kedua, tempat-tempat ini adalah jauh daripada hospital besar seperti di Kanowit dan Sibu. Ini adalah satu bangunan yang telah kita selalu sampaikan di Dewan ini di mana-mana tempat kita berjumpa dengan Menteri dan kita telah menyampaikan hasrat ini. Saya harap kementerian melihat keperluan ini untuk penduduk di sana.

Kedua Butiran 01100 adalah Peralatan dan Kenderaan. Ini juga seperti yang saya telah sebutkan tadi adalah untuk memberi lebih lagi doktor dan juga kakitangan di Hospital Kanowit. Lebih-lebih lagi di sebelah pagi yang mana ramai daripada pesakit datang ke hospital di sebelah pagi. Kalau sebelah petang ia sudah kurang sebab mereka terpaksa balik ke kampung-kampung

atau rumah panjang. Mereka memerlukan *transport* untuk balik. Jadi, pagi adalah di mana mereka ini amat ramai di Hospital Kanowit dan mereka mohon supaya pada masa itu untuk diberikan lebih lagi tenaga hospital seperti doktor dan *nurses*. Terima kasih Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Wakil PAS tidak ada? Ya sebab giliran. Yang Berhormat Seputeh, no Yang Berhormat Pasir Puteh. Lima minit.

#### **9.08 mIm.**

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Sekejap sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Secara ringkas, di Kelantan ada Hospital Raja Perempuan Zainab II. Kita dapat di sana itu ada sedikit *congestion* khususnya di dalam wad *medical*. Saya ingin tahu, apakah rancangan pihak kerajaan sama ada untuk memperluaskan hospital ini lagi atau untuk membangunkan hospital sampingan seperti mana di Kuala Krai atau di Pasir Mas?

Kedua ialah kalau ingin untuk dibangunkan satu blok lagi, cadangan saya ialah kalau boleh kita pindahkan wad *psychiatric* yang memang di tengah-tengah bandar dan saya rasa tidak sesuai pun untuk wad *psychiatric* itu untuk pergi ke Pasir Puteh atau di tempat-tempat lain. Kemudian kita boleh bina satu blok yang boleh menampung keperluan wad-wad *medical* yang lain dan untuk *tertiary treatment* di Hospital Raja Perempuan Zainab ini.

Kemudian, perkara yang kedua ialah tentang rekod-rekod perubatan di hospital. Ini kadangkala kita perlu kepada satu sistem ICT. Ini perkara Butiran 010500 dan juga Butiran 00800. Walaupun ada peruntukan itu, kita dapat ada juga di sana itu beberapa jabatan yang belum lagi diberikan ICT yang mutakhir untuk membantu mereka khususnya di tabung darah misalnya. Kita tahu bahaya misal kata kalau kita salah transfusi darah kepada pesakit mungkin disebabkan oleh kerana *recording* kita tidak begitu tepat, maka kita mungkin akan menjangkitkan penyakit-penyakit seperti HIV kepada pesakit yang tidak berdosa.

#### **■2110**

Oleh sebab itu saya rasa misal kata di Kota Bharu belum ada sistem ini dan perlu kepada peruntukan-peruntukan yang lebih sedikit untuk membantu jabatan-jabatan yang belum ada ICT di banyak. Saya rasa bukan di Kota Bharu sahaja tetapi di hospital-hospital lain pun ada tetapi saya sebutkan di Kota Bharu sebab saya tahu apa yang berlaku. Misalnya tabung darah tidak ada sistem itu yang perlu sedikit bantuan. Bila ditanya di mana peruntukan? Tidak ada peruntukan untuk ICT. Itulah masalahnya, kerana kekurangan peruntukan dan sebagainya. Saya rasa kita boleh beri sedikit peruntukan ini untuk membantu.

Kemudian, apabila berlakunya pembedahan khususnya dalam ortopedik misalnya, saya diberitahu bahawa ramai pesakit-pesakit kita yang perlu kepada pembedahan dan perlu kepada bahan-bahan besi ataupun *medical prosthesis* untuk dimasukkan kepada pesakit ini. Hospital tidak ada prosthesis ini dan pesakit terpaksa membelinya dengan harga beribu-ribu ringgit. Jadi saya rasa di sini pihak kerajaan perlu menyediakan peruntukan-peruntukan prosthesis untuk pakar-pakar

perubatan ini untuk diberikan perkhidmatan kepada pesakit-pesakit kita yang perlu kepada *operation* yang kadang-kadang penting. Pembedahan tulang belakang misalnya selepas *accident*. Mereka perlu *destabilize*. Jadi perlu kepada prosthesis yang beribu-ribu ringgit tetapi mereka miskin dan mereka perlu kepada bantuan. Jadi saya rasa perkara ini, kerajaan boleh membantu insya-Allah untuk membeli prosthesis-prosthesis yang perlu kepada pesakit-pesakit ini.

Saya ingin menyebut tentang perkara akhir. Sikit sahaja. Butiran 032800 – Perubatan Rehabilitasi dan Perubatan Tradisional Komplimentari (TCM). Jadi biasalah *rehabilitation* mungkin untuk fisioterapi dan sebagainya tetapi perubatan tradisional dan komplimentari ini saya tengok banyak tidak ada misal kata di hospital-hospital besar. Jadi saya ingin tahu lah di mana kita boleh mendapatkan perubatan ini. Sebenarnya *the question is* betulkah perubatan ini betul-betul memberi kesan yang terbaik untuk pesakit? Itu persoalannya.

Adakah kita perlu kepada perubatan tradisional komplementari ini sedangkan kita sudah mempunyai sistem perubatan yang tercanggih dan terbaik di hospital kita dengan teknologi yang mutakhir dan sebagainya. Adakah kita masih lagi perlu kepada perubatan tradisional dan komplimentari. Ini persoalannya. Saya minta supaya pihak kerajaan boleh memberikan sedikit penerangan. Kalau ada, di mana dan bagaimana status perubatan ini di Malaysia dan berapakah peruntukan yang telah disediakan dan diberikan kepada mereka ini. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih. Tepat masa. Yang Berhormat Sibuti.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Sibuti dapat?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya bagi peluang kepada semua. Jangan risau. Kalau lima minit, semua saya bagi peluang.

#### **9.13 mlm.**

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak sampai lima minit. B.42 – Butiran 031600. Di kawasan saya di Miri termasuk Sibuti, hanya doktor bedah jantung tidak ada. Yang ada hanya di Kuching. Jadi semua pesakit yang mempunyai sakit jantung itu terpaksa pergi ke Kuching dan belanja yang besar. Kawasan Miri lebih kurang dekat 350,000 orang penduduk dan Hospital Mirilah hospital di utara di mana dari Limbang, Lawas, Ulu Beram dan Bintulu datang berubat di sana tetapi doktor bedah jantung tidak ada. Jadi kita mohonlah kepada kementerian supaya memberi peluang kepada Hospital Miri di mana *expatriate* pun banyak di Miri untuk membuat kemudahan bagi rakyat di kawasan Miri yang mempunyai penyakit jantung. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Mana Yang Berhormat Seputeh, sudah keluar? Ya, Yang Berhormat Bakri.

**9.14 mIIm.**

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang. Saya merujuk kepada Maksud Bekalan 42, Butiran 020000 – Kesihatan Awam. Saya ingin meminta penjelasan berhubung pecahan jantina pesakit di hospital dan klinik kerajaan. Apakah penyakit utama yang dihadapi oleh kelompok kumpulan jantina pesakit tersebut. Apakah faktor utama penyakit ini dan pendekatan pembasmian kepada penyakit tersebut.

Seterusnya, Butiran 020400 – Pendidikan Kesihatan. Saya ingin meminta penjelasan berhubung dengan jumlah perbelanjaan siaran pendek televisyen yang disiarkan di seluruh hospital. Adakah pelaksanaan siaran mengikut satu stesen penyiaran terus kepada semua hospital atau bentuk rakaman CD diberikan kepada setiap hospital untuk paparan ulang tayang setiap hari. MedikTV ini dirancang bertujuan transformasi kesihatan. Mengapakah ia hanya ditayangkan di hospital sahaja? Adakah kementerian bercadang untuk bekerjasama dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk ditayangkan melalui setiap siaran perdana TV1, TV2 dan TV3 supaya manfaatkan informasi dan *MedikTV* dapat disalurkan kepada majoriti rakyat Malaysia. Bukan hanya tayangan di hospital sahaja. Bukankah mencegah lebih baik daripada mengubat?

Seterusnya, Butiran 030300 – Kecemasan dan Pesakit Luar. Saya ingin meminta penjelasan kepada kementerian berhubung masa perkhidmatan pesakit luar standard bagi hospital kerajaan. Apakah ada waktu rehat tanpa perkhidmatan dalam satu tempoh masa. Sebagai contoh, pukul 1 petang hingga 2 petang. Jika ada, bolehkah prosedur ini diubah iaitu tiada rehat pada waktu tersebut. Sekurang-kurangnya mempunyai seorang pembantu perubatan dan pegawai perubatan di mana penggiliran waktu rehat diperkenalkan bagi memastikan perkhidmatan yang lebih efisien terutamanya kepada pesakit yang tidak bercuti dan menggunakan peluang rehat untuk mendapatkan khidmat rawatan.

Sekiranya kita lihat di kaunter JPJ dan bank, walaupun tidak semua kaunter dibuka pada jam satu petang hingga dua petang tetapi sekurang-kurangnya ada satu kaunter dibuka. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

**9.18 mIIm.**

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya terus kepada Butiran 00201 dan 00400 yang melibatkan perkhidmatan kesihatan luar bandar dan pembinaan hospital. Saya ingin sekali lagi walaupun saya telah mengemukakan beberapa kali tentang status pembinaan Hospital Kerian di Parlimen Bagan Serai. Kebimbangan saya ialah kelulusannya sejak tahun 2008 dan menjadi leteran, keluhan dan sindiran, apabila rakyat bertemu dengan saya tentang bilakah hospital ini sebenarnya akan diteruskan pembinaannya. Sekali lagi saya ingin memohon kepada kementerian untuk membina sebuah klinik kesihatan yang baru di Kampung Matang Gerdu iaitu keadaan ini terletak di antara Klinik Kesihatan Bagan Serai

dan Kuala Kurau. Jarak di antaranya adalah lebih kurang lapan kilometer. Terdapat kesesakan yang amat sangat terutamanya pada hari Isnin.

*Outpatient* yang datang hampir 300 orang sehari. Hampir-hampir sama dengan *out patient* yang berada di Hospital Parit Buntar. *Antenatal case*, dengan izin, 50 orang hingga 60 orang sehari dan Matang Gerdu mempunyai penduduk lebih kurang 20,000 hingga 22,000 orang dan kebanyakannya adalah orang Melayu. Jadi besarlah harapan saya supaya kementerian dapat memberikan tumpuan kepada masalah ini dan di Parlimen Bagan Serai juga kita tidak ada lagi Klinik 1Malaysia. Seperti mana yang saya dengar banyak tempat sudah ada Klinik 1Malaysia.

#### ■2120

Jadi, saya selaku Ahli Parlimen Bagan Serai yang telah diberi mandat oleh rakyat Bagan Serai sudah tentu ingin melihat rakyat di Parlimen Bagai Serai menikmati mutu kesihatan yang baik yang dapat diberikan oleh kerajaan kita. Jadi, saya ucapkan terima kasih banyak-banyak dan saya pasti, saya yakin dengan begitu ramainya pelajar-pelajar perubatan yang ada di Malaysia dan di luar negara yang akan balik dan begitu ramai juga doktor-doktor yang telah pergi untuk belajar kepakaran masing-masing. Saya yakin hari ini dengan melimpahnya, ramainya jururawat yang saya rasa masih tidak ada kerja dan kerajaan akan mengambil 6,800 orang lagi untuk tambah dan saya pasti ada lagi yang tidak ada kerja lagi sekarang ini.

Jadi, dengan keadaan bilangan doktor dan doktor pakar yang akan datang lebih ramai dan jururawat yang telah ramai dan meningkatkan peruntukan untuk kesihatan ini, saya yakin kerajaan dapat menunaikan hasrat kami di Parlimen Bagan Serai. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sungai Siput.

#### 9.21 mlm.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 010400 – Perancangan Tenaga Manusia. Saya telah dapat satu jawapan daripada kementerian bahawa pada 7 November di mana saya bertanya adakah hospital swasta itu dia tarik pakar daripada hospital kerajaan, adakah itu satu masalah? Jawapan yang saya dapat ialah tidak ada masalah. Kita dikatakan walau pun berlaku penghijrahan doktor kerajaan ke sektor swasta, situasi ini tidak menjaskankan kualiti rawatan pesakit termasuk rawatan pada pesakit miskin. Saya rasa ini bukan realiti Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Bila kita tengok macam di Ipoh, katakan seorang dengan batu karang. Jika dia pergi ke Hospital Besar Ipoh tiada *neurologist*. Dia kena tunggu setiap bulan sekali sahaja *neurologist* datang. Selepas itu di bawa balik ke KL untuk buat *lithotripsy*. Jika dia pergi ke hospital swasta, dia ada duit, dia boleh dapat *lithotripsy* pada minggu itu juga. Sama juga dengan *international cardiology*.

Di Hospital Ipoh hanya ada seorang tetapi di swasta di Ipoh ada lapan orang *international cardiology*. *Cardiac Surgeon* tidak ada langsung di Hospital Ipoh tetapi di luar ada. *Oncologist* tidak

ada seorang di Hospital Ipoh. Di luar ada tiga. So, memang untuk sakit yang serius kita pergi ke hospital swasta, kita boleh *effort, we get better treatment*. Jadi, kita ada dua peringkat *treatment* di Malaysia, *two level of care*. Di Hospital Kerajaan lambat kerana pakar tidak ada. So, kementerian kena terima ini dan kena terima hakikat bahawa jika kita buka lebih hospital swasta, dia akan bawa keluar pakar-pakar. So, kita ada ramai doktor muda tetapi mereka tidak boleh beri rawatan di *level kepakaran* yang kita perlu. So, ini harus diterima oleh kementerian. *So, I'm disappointed with the answer you give.*

Satu lagi saya hendak bawa ialah isu dalam 020300 – Kawalan Penyakit di mana kita telah dengar bahawa *incident* Tibi telah meningkat 7% setiap tahun dalam tiga tahun yang lalu. Satu daripada sebabnya ialah cara kita mengendalikan pekerja migran. Pada masa ini, kita kenakan bayaran *first class times two* untuk pekerja migran pergi hospital kerajaan. Hanya jika dia ada sakit macam tifoid atau pun tibi atau pun denggi kita bagi dia free. Akan tetapi untuk seorang pekerja itu yang ada batuk, mana dia tahu itu tibi. Mungkin asma, mungkin bronkitis, mungkin selesema, mungkin *allergic cough*.

Ini semua dia kena bayar *two times a first class rate*. So, mereka akan lambatkan pergi ke hospital dan ramai orang pekerja migran kita datang daripada Indonesia, Bangladesh di mana kadar insiden tibi adalah lima sampai 10 kali lebih tinggi daripada negara kita. So, bila kita lambatkan mereka daripada dapatkan rawatan, batuk dia akan merebak antara *population* kita. So, kadar yang kita pakai sekarang di mana kita kenakan bayaran yang tinggi pada pekerja migran ini tidak selaras dengan prinsip-prinsip *public health*. Ini tidak bijak. Kita dapat lebih daripada *migrant worker* sebanyak 2.5 bilion setahun. Kenapa sebahagian daripada lebih 2.5 bilion ini tidak boleh dipakai untuk *cover medical cost? It makes public sense*. Saya harap ini akan dikira.

Ketiga, Butiran 030900 – Ortopedik dalam kod 20000 Bekalan RM45 juta. Kawan saya pakar-pakar di hospital kerajaan mengatakan bajet mereka untuk beli *plate*, skru semua habis dalam lima, enam bulan. Selepas itu dia kena panggil pesakit pergi beli daripada luar. Dari aduan daripada mereka, sekarang mereka diwajibkan untuk beli *plate orthopedic* dan skru daripada syarikat OSA yang harga dia tiga kali lebih daripada harga jika dibeli dengan syarikat-syarikat lain. So, ini satu yang mengecewakan. Mereka dikenakan- boleh dikatakan kualiti pun tidak begitu baik. Kadang-kadang skru itu terlalu *don't fit probably*. Kepala dia pun boleh keluar. Baru-baru ini ...

**Tuan Pengurus [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sungai Siput.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Saya gulung. So, baru-baru ini kementerian buat satu panel pakar untuk kaji isu OSA dan bekalan *plate*. Rekomendasi panel ini ialah OAC harus digugurkan tetapi kementerian masih mahu buat satu lagi panel untuk kaji balik. Jadi, saya rasa ini yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang kita membela Melayu. Akan tetapi di sini beberapa Melayu individu yang berkaitan dengan OSA dapat dibela. Akan tetapi beribu-ribu pesakit Melayu miskin kena beli skru dan *plate* di luar dan juga ada kelambatan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Hulu Rajang.

**9.26 mlm.**

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 020300 – Kawalan Penyakit. Tuan Pengerusi, penyakit kencing tikus atau *melioidosis* merupakan sejenis penyakit yang kerap kali menimbulkan kerisauan kalangan penduduk di kawasan Hulu Rajang terutamanya golongan petani.

Kerisauan ini timbul akibat peningkatan kes kematian di Sarawak disebabkan kencing tikus. Pada tahun - saya ingat 121 kes manakala 505 kes *melioidosis* dilaporkan di bahagian Kapit di antara tahun 2010 dan tahun 2012. Oleh itu saya mohon, kementerian dapat menyalurkan peruntukan bagi meneliti kaedah untuk mengawal penyakit kencing tikus dan *melioidosis* agar penduduk di kawasan luar bandar khususnya golongan petani tidak terdedah kepada ancaman penyakit itu. Saya mohon kementerian dapat mengadakan kempen di rumah panjang bagi meningkatkan kesedaran penduduk akan kaedah yang dapat membantu mencegah penyakit tersebut.

Butiran 00600 – Ubah suai dan naik taraf dan pemberaan. Tuan Pengerusi, oleh kerana jumlah penduduknya yang semakin bertambah dan permintaan perkhidmatan kesihatan yang tinggi, Hospital Kapit amat memerlukan proses naik taraf demi menampung pesakit yang datang berkunjung dari kawasan Balih, Belaga dan sekitar pekan Kapit.

Saya ingin mengucapkan terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri yang memberikan kenyataan bahawa kerja-kerja naik taraf *facilities* dan kemudahan Hospital Kapit akan dilakukan secara berperingkat. Akan tetapi harapan agar proses ini dapat dipercepatkan supaya penduduk-penduduk di kawasan Parlimen Hulu Rajang dan Parlimen Kapit tidak lagi berhadapan dengan kesesakan di dalam mendapatkan rawatan yang cepat. Ini kerana waktu menunggu yang paling panjang bagi pesakit-pesakit untuk mendapatkan rawatan seiring menjadi rintihan rakyat tempatan kerana bagi yang tinggal di hulu sungai mereka terpaksa balik ke rumah panjang masing-masing sebelum hari gelap kerana sesetengah tempat memakan masa dua atau tiga jam perjalanan menggunakan perahu sangkut atau bot balik ke kampung mereka.

Butiran 00901 – Kemudahan Kuarters Luar Bandar. Tuan Pengerusi, saya ingin membawa permasalahan hospital di Sungai Asap yang mengalami masalah kekurangan kuarters untuk menampung jumlah staf. Ada di kalangan staf Hospital Sungai Asap terpaksa menyewa rumah panjang yang berdekatan oleh kerana kekurangan kuarters kerajaan. Oleh itu saya mohon agar kementerian dapat menambah untuk kakitangan kerajaan di Hospital Sungai Asap atau pun di daerah yang mempunyai kekurangan kuarters dapat diselesaikan mengikut peruntukan Bajet 2014 ini. Sekian, terima kasih saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Seputeh.

### **9.30 mIm.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin rujuk kepada Butiran 04000 – Penyelidikan dan Sokongan Teknikal. Tuan Pengerusi, saya rasa hairan bahawa kerajaan masih belum mewartakan Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2012 ataupun *Traditional and Complementary Medicine Act* yang diluluskan oleh Parlimen pada bulan Disember 2012 dan belum melaksanakan rang undang-undang ini walaupun telah lama diluluskan oleh Dewan Rakyat. Sehubungan dengan itu, saya diberitahu bahawa wujudnya keadaan yang kurang koordinasi di antara Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Sumber Manusia daripada segi pengiktirafan, kelayakan, ijazah kursus perubatan universiti di negara China.

Misalnya, Kementerian Pendidikan mengiktiraf kesemua 27 universiti yang menawarkan kursus perubatan tradisional di negara China sebagaimana yang termaktub dalam memorandum pengiktirafan pendidikan di antara Malaysia dan China. Manakala Kementerian Kesihatan hanya mengiktiraf lima universiti yang menawarkan kursus perubatan di China sahaja. Ini bermaksud hanya graduan kursus perubatan daripada lima universiti di China ini dapat bekerja di hospital kerajaan sahaja tetapi bukan graduan daripada universiti yang lain di China. Akan tetapi anehnya, Kementerian Sumber Manusia masih tidak mengiktiraf ijazah mana-mana universiti di negara China. Jadi, ini akan mewujudkan masalah bagi pakar perubatan tradisional yang tamat pengajian di universiti di China untuk berkhidmat di Malaysia.

Tuan Pengerusi, pada 25 November iaitu dua hari yang lepas, Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) Dr. N.K.S Tharmaseelan menghendaki kerajaan menarik balik akreditasi sesetengah kolej perubatan negara asing yang gagal memenuhi standard mandatori yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia. Kenyataannya disiarkan dalam laman web berita *Free Malaysia Today*. Beliau berkata, "Kementerian Pendidikan telah menetapkan lima B4 dalam SPM sebagai keputusan minimum untuk masuk mana-mana kolej perubatan di dalam dan di luar negara. Mereka yang ingin masuk ke kolej perubatan, perlu mendapatkan *No Objection Certificate* daripada kerajaan terlebih dahulu". Beliau juga berkata, "*Doktor yang gagal mendapat keperluan keputusan lima B4 kredit dalam SPM telah pun diterima masuk ke dalam kolej perubatan dan telah masuk dalam Sistem Penjagaan Kesihatan Malaysia*". Beliau berkata, "*Kajian daripada Kementerian Kesihatan telah membuktikan performance graduan yang teruk daripada sesetengah kolej merupakan kolej perubatan yang selalu terima pelajar perubatan yang tidak mempunyai kelayakan yang dikehendaki*".

Di sini saya ingin tanya sama ada Kementerian Kesihatan dan MMC akan menarik pengiktirafan terhadap kolej perubatan tersebut. Ini kerana kolej-kolej tersebut hanya mementingkan keuntungan dan bukannya kualiti doktor. Saya juga menyokong pandangan

Presiden MMA Dr. Tharmaseelan bahawa kementerian seharusnya memberikan peruntukan yang cukup kepada MMC untuk menjalankan kajian semula terhadap akreditasi universiti di luar negara. Ini kerana kononnya, Kementerian Kesihatan sudah lama tidak membuat kajian terhadap 375 kolej perubatan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Limbang.

### 9.33 mIm.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 031500 – Nefrologi. Jadi, di Limbang pada masa ini, klinik hemodialisis memang ada dan beberapa buah mesin sudah ada. Akan tetapi memandangkan dengan bertambahnya pesakit penyakit buah pinggang ini, jadi sekarang ini banyak juga pesakit di Limbang terpaksa direfer di Miri. Di Miri pun sekarang sudah *reject* dan sekarang sudah sampai dihantar ke Bintulu.

Jadi masalahnya, Limbang ini macam ambillah contoh seperti Sibu-Sarikei. Kalau kena refer Sibu contohlah Sibu penuh, pergi Sarikei, dia boleh pergi balik hari, pergi pagi malam pun boleh balik. Akan tetapi Limbang ini, bila sudah keluar dari Limbang pergi ke Miri, tidak boleh balik *on the same day*, kena tidur. *Because have to go through to Brunei*, hendak balik terus tidak boleh, sempadan tutup. Jadi *it means cost*lah kepada pesakit. Jadi saya minta kalau boleh ditambah lagi mesin hemodialisis ini di Limbang sebab saya pun banyak sudah dapat *call* jugalah dari Bintulu pun ada pesakit orang Limbang terpaksa sampai Bintulu. Pengarah Hospital Limbang pun mengaku memang tidak cukup. Itu satu.

Keduanya ialah tentang pembedahan plastik. Saya difahamkan banyak juga yang pesakit-pesakit dari Limbang termasuk Miri sendiri Bintulu dan di Kuching pun juga iaitu tentang memerlukan khidmat *plastic surgeon*. Saya ingin hendak bertanya sama ada di Sarawak, Hospital Kuching atau Hospital Miri, ada atau tidak *plastic surgeon*? Ini sebab *every time* pesakit dari Limbang yang kena hantar, saya difahamkan *plastic surgeon* yang datang itu adalah dari Semenanjung, *visiting and it is the same doctor* di Kuching juga. Ada hari-hari dia datang melawat. Apakah sekiranya kalau adalah baki-baki *plastic surgeon* yang lain dihantar ke Sarawak supaya dia dapat berkhidmat di Sarawaklah ya. Baik di Hospital Miri mahupun di Hospital Kuching.

Seterusnya ialah Butiran 00201 – Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar. Jadi saya ingin hendak mengulang tentang Klinik Nanga Medamit. Pada masa ini, Klinik Nanga Medamit di seberang sungai dan seawal penggal 2008-2009 telah pun termasuk dalam senarai untuk diluluskan pembinaannya yang baru, di sebelah Pekan Medamit itu, bukan di seberang sungai. Tapak sudah sedia, semuanya sudah sedia, tunggu hendak bina sahaja lagilah kalau diluluskan. Keduanya tentang Klinik di Long Napir. Long Napir itu kalau hendak pergi - saya ulangi lagilah. Dahulu pun sudah pernah minta juga. Dari pekan Limbang hendak ke Medamit itu, kalau Long Napir, pulang balik mahu juga mencecah RM400, RM500lah. Jadi di sana itu tapaknya pun sudah

sedia sudah. Tapak untuk klinik sudah ada, *signboard* ada ditulis situ 'Tapak Klinik Long Napir', sudah beberapa tahun.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey Yang Berhormat.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Jadi, saya mintalah kalau boleh dilihat kembali terutama sekali tentang di Long Napir memang kalau hendak ikut jumlah penduduk, memang tidak cukuplah kriteria untuk sebuah klinik. Akan tetapi ia adalah keperluan untuk penduduk di sebelah pergunungan itu Long Napir, Long Raya sebelah pedalaman itulah. Jadi itulah sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Belakang sekali.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Yang Berhormat Sibu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sibu. Tiga minit Yang Berhormat Sibu ya.

### 9.37 mIm.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Tiga minit. *[Ketawa]* Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya mahu tanya kementerian tentang hemodialisis juga. Di Hospital Umum Sibu, selalunya pesakit *reject* kerana tidak ada kekosongan untuk menjalankan rawatan hemodialisis. Akan tetapi, daripada jawapan dari kementerian, kementerian pun mengaku bilangan pesakit semakin berkurangan dalam tiga tahun kebelakangan ini iaitu pada tahun 2010, di Hospital Sibu ada 12 mesin dan pesakitnya 72. Pada tahun 2011, ada 10 mesin, pesakitnya turun kepada 67. Pada tahun 2012, walaupun ada 15 mesin tetapi pesakitnya sudah turun kepada 64. Pada tahun 2013, ada 15 mesin juga tetapi pesakitnya turun kepada 62. Nampaknya, pesakit sudah semakin turun tetapi mengapa masih tidak ada kekosongan untuk pesakit dialisis, selalunya *reject* oleh Hospital Umum Sibu. Jadi saya mahu kementerian untuk menjelaskan masalah ini.

Satu lagi yang saya mahu tanya kementerian ialah apabila pesakit yang tidak dapat menjalankan rawatan hemodialisis di Hospital Umum Sibu, mereka digalakkan untuk menjalankan rawatan mereka di NGO di luar. *Hemodialysis Centre NGO* di luar sana seperti contoh St. John Ambulans membekalkan *hemodialysis service* juga. Akan tetapi masalahnya, apabila mereka menjalankan rawatan mereka di *St. John Ambulance Dialysis Centre*, apabila mereka memohon subsidi daripada kementerian iaitu sebanyak RM50, tetapi tidak dapat diluluskan.

### ■2140

Alasan yang diberikan ialah bangunan hemodialisis St John Ambulans itu tidak memuaskan kriteria-kriteria yang ditentukan oleh kementerian, tetapi PERKESO pun menghantar *customer* mereka kepada St. John Ambulans Dialisis Centre untuk menjalankan servis hemodialisis. Jadi di sini ada sedikit yang saya tidak faham. PERKESO boleh mengiktiraf St John Ambulans Dialisis Centre tetapi Kementerian Kesihatan tidak meluluskannya. Jadi masalah ini mengakibatkan banyak pesakit yang miskin tidak dapat subsidi daripada kementerian. Pada 7 November 2013 di surat khabar *The Star* pun mengatakan bahawa subsidi yang dibekalkan, yang diberikan oleh

Kementerian Kesihatan semakin berkurangan. Dalam beberapa tahun ini *starting* dari tahun 2011 sehingga sekarang. Dalam surat khabar ini dia mengatakan bahawa pada tahun ini, satu kelulusan permohonan pun tidak ada diluluskan oleh Kementerian Kesihatan.

Jadi saya mahu bertanya kepada Menteri mengapa subsidi ini dikurangkan. Nampaknya pesakit dialisis semakin bertambah, apa sebabnya tahun ini tidak ada kelulusan, tiada permohonan diluluskan. Saya harap Menteri boleh menjawab soalan ini. Satu lagi masalah yang saya ingin bangkitkan ialah radioterapi. Sarawak ialah satu negeri yang luas, keluasannya satu pertiga seluruh Malaysia. Akan tetapi radioterapi hanya ada di Hospital Kuching sahaja. Jadi pesakit-pesakit dari Sibu, Miri, Hulu Baram, Hulu Belaga dan Hulu Rajang semua mesti pergi Kuching untuk mendapatkan rawatan. Jadi ini melibatkan kos perbelanjaan yang besar untuk penduduk-penduduk di pedalaman terutamanya orang-orang miskin. Jadi saya memohon kementerian menambah atau menukuhan unit-unit radioterapi di bahagian Sibu dan di Miri juga untuk menjaga kawasan pertengahan Sarawak dan kawasan utara Sarawak...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat Sibu.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Lepas Yang Berhormat Parit, Kapar, Gerik dan Menteri jawab.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Parit ya?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Parit.

#### 9.43 mlm.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya pendek sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Hem, sesuai dengan orangnya.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Ha, betul.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Pertama, saya merujuk kepada 00400 – Hospital Baru. Penggal yang sudah, saya telah bangkitkan kepada kementerian untuk pembinaan hospital baru tetapi dalam bajet yang baru ini tak termasuk langsung. Jadi saya nak merayu kepada Menteri supaya dapat dimasukkan pembinaan hospital baru di Sri Iskandar, Perak Tengah.

Yang kedua ialah Butiran 00201 – Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar. Saya ada sebuah pusat kesihatan yang telah daripada segi fizikalnya pun sudah tak mampu lagi menampung kehadiran ramai pesakit-pesakit. Ada masanya pesakit-pesakit kena duduk atas simen, kena berdiri lama-lama dan sebagainya. Orang tua-tua yang sakit darah tinggi, sakit jantung dan sebagainya menghadapi masalah. Jadi saya minta kepada kementerian supaya dapat memikirkan supaya

dapat memberi satu peruntukan bagi membina pusat kesihatan yang baru di Parit supaya keselesaan dapat diterima oleh rakyat sesuai dengan sokongan mereka yang tidak berbelah bahagi kepada Barisan Nasional. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kapar, dua minit.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** *Mic, mic.*

#### **9.44 mlm.**

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tambah sikit masa. Ini yang pertama adalah mengenai peruntukan bagi tujuan kawalan penyakit di bawah Bekalan 020300 di bawah Butiran Kesihatan Awam. Dikurangkan daripada RM672 juta sehingga RM601 juta iaitu penurunan sebanyak RM70 juta atau 10.5% dalam Bajet 2014 yang baru-baru dibentangkan. Saya inginkan menuntut penjelasan mengapa butiran Kawalan Penyakit dikurangkan dan apakah rasionalnya kerana saya memandangkan di sinilah dana yang lebih patut diberikan.

Isu kedua saya gabungkan Butiran 020600, 032200 dan 060000 dan 111100. Ada empat butiran yang saya gabungkan. Saya bulatkan ini sebagai peruntukan bagi butiran yang berkaitan dengan farmasi dan bekalan ubat di mana dalam Bajet 2014 telah bertambah lebih daripada 100% berbanding dengan Bajet 2013 iaitu daripada RM1.5 bilion ditingkatkan sehingga RM3.3 bilion. Saya terima baik peningkatan ini sebab memang betul, saya selalu menekankan bekalan ubat perlu diberi dan sebagainya. Saya menerima baik tetapi yang saya nak tekankan dekat sini adalah dua butiran yang baru dimasukkan iaitu Butiran Farmasi dan Bekalan Kesihatan Awam. Iaitu 020600 di bawah Butiran Kesihatan Awam dan Butiran Bekalan Ubat/Bukan Ubat dan Reagen di bawah Butiran Dasar Baru 111100. Apa yang mengelirukan saya ialah mengapa bekalan yang berkaitan dengan farmasi dan bekalan ubat-ubat tidak boleh dimasukkan dalam Butiran 060000 iaitu Perkhidmatan Farmasi buat sekali tetapi dibahagikan kepada bahagian atau butiran yang berlainan.

Tambahan pula, apakah perbezaan antara peruntukan bagi Butiran Farmasi dan Bekalan dengan Bekalan Ubat/Bukan Ubat dan Reagen. Bukankah peruntukan bagi farmasi dan bekalan sepatutnya merangkumi bekalan ubat. Minta Menteri Kesihatan memberi penjelasan secara terperinci. Isu ketiga adalah peruntukan bagi kegunaan peralatan dan kenderaan, Butiran 01100. Sekali lagi menyusut daripada Bajet 2014. Butiran ini diperuntukkan dengan RM300 juta dalam Bajet 2013, namun kini pula dikurangkan sehingga RM230 juta iaitu penyusutan RM70 juta atau 23.3%. Apakah rasional penurunan ini, Menteri? Saya nak bagi butiran sikit di mana saya kaitkan dengan Laporan Ketua Audit 2012 yang diumumkan pada Oktober lalu, empat hospital menghadapi masalah kekurangan ambulans dan hal ini telah menjelaskan perkhidmatan kecemasan.

Antara hospital yang mengalami masalah tersebut ialah Hospital Seri Manjung yang mana kurang sembilan ambulans, Hospital Serdang kurang 18 ambulans, Hospital Sultanah Nur Zahirah 11 ambulans dan Hospital Awam Sarawak 16 ambulans. Ini yang dibentangkan tadi oleh Yang Berhormat Kinabatangan. Dukacitanya peruntukan bagi peralatan dan kenderaan pula dikurangkan

sebanyak RM461 juta diperuntukkan bagi kecemasan dan pesakit luar di mana bahagian rawatan perubatan tetapi apabila diteliti secara *detail* peruntukannya, ia adalah untuk membiayai emolumen Kod 10000 iaitu sebanyak RM438,875,300 serta perkhidmatan dan bekalan Kod 20000 sebanyak RM21,895,400 dan bukannya bagi aset mewakili Kod 30000.

Ini bermakna masalah kekurangan ambulans tidak dipandang berat dalam Bajet 2014. Ini saya minta Menteri Kesihatan memberi penjelasan yang sewajarnya serta menyatakan jalan penyelesaian untuk menangani masalah kekurangan ambulans yang sedang melanda sekarang.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Isu saya yang keempat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih, terima kasih.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Okey, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Gerik, Iepas Yang Berhormat Gerik, Menteri jawab.

#### **9.49 mlm.**

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama Butiran 00400 iaitu Pembinaan Klinik Kesihatan Kecil di FELDA Bersia. Kita dah sediakan tanah sejak tahun 2004 tetapi sehingga hari ini pada 2011 konon kata dah nak diluluskan, cuma saya harap pada kali ini atau masa hadapan tolong luluskan.

#### **■2150**

Saya menyentuh juga Butiran 00300 – Kemudahan Hospital. Hospital Gerik telah agak sesak, tetapi kekurangan doktor. Kadang-kadang pesakit datang pukul 9 pagi, dapat berjumpa doktor sampai pukul 2 petang. Diharapkan ditambah doktor di Hospital Gerik dan kalau boleh janganlah bagi pinjam nama sahaja Hospital Gerik bagi pakai di hospital tempat lain di luar daripada kawasan. Dalam masa yang sama, saya minta juga supaya kementerian memikirkan supaya hospital, doktor pakar yang berulang alik ke Gerik itu ditambahkan lagi perkhidmatan yang datang daripada Taiping atau pun Ipoh.

Seperkara lagi ialah perkhidmatan kesihatan, di mana saya melihat pesakit denggi adalah nampak serius dan nampak satu kejayaan dengan Program COMBI. Di mana Program COMBI ini kerjasama di antara pusat kesihatan dengan penduduk kampung. Apa yang saya mohonkan ialah supaya peruntukan ditambah supaya banyak kampung dapat menujuhan pasukan COMBI untuk memastikan demam denggi dan penghapusan nyamuk Aedes ini dapat dilaksanakan.

Akhir sekali, saya berharap hospital baru di Gerik walaupun sudah ada hospital dapat dibina kata tahun sudah setelah kita carikan tapak baru untuk pembesaran dan yang paling akhir di bawah hospital baru saya terima kasih kepada kerajaan kerana telah membina hospital baru di Pengkalan Hulu. Kalau tidak selama ini penduduk Pengkalan Hulu terpaksa bila hendak beranak atau melahirkan anak pergi ke Baling di mana orang Perak tapi kad pengenalan terpaksa guna

Kedah - 02. Kalau siap hospital ini *insya-Allah*, di Pengkalan Hulu kelahiran anak-anak akan dapat menandakan daripada negeri Perak. Dengan ini saya menyokong bajet untuk Kementerian Kesihatan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab. Saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri, banyak projek pembangunan yang disentuh. Saya ingat yang projek pembangunan itu jawapan bertulis. Sila.

#### **9.53 mIm.**

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasihlah pada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian di dalam perbahasan kerana Kementerian Kesihatan. Semuanya ada 24 Ahli Yang Berhormat telah pun mengambil bahagian. Masing-masing mengeluarkan pelbagai isu bukan satu, seorang bukan satu isu tetapi banyak. Tiap-tiap orang banyak isu. Kebanyakan ialah isu-isu pembangunan yang begitu spesifik dan saya rasa kalau saya hendak jawab satu per satu makan masa yang panjanglah. Untuk hendak menjawab satu per satu. Isu-isu pembangunan. Misalnya, mencadangkan untuk hendak, yang isu pembangunan saya ada catit tiap-tiap apa yang disebut, saya catit semua dan saya yakin pegawai-pegawai pun telah mencatat. Ini kita akan ambil tindakan mana yang perlu ya, yang sesuai.

Namunnya saya cuma hendak ceritakan tentang– jawab tentang perkara-perkara yang lebih *general* Tuan Pengerusi. Tentang Klinik 1Malaysia, saya hendak sebut dulu yang ini kes Klinik 1Malaysia kita sudah ada 230 buah dan tahun depan kita akan tambah lagi 50 buah. Kaedahnya hari ini kita sudah dapat pengalaman daripada yang lepas. Setakat ini Klinik-klinik 1Malaysia yang ada kurang daripada yang *patient*, pesakitnya datang, pesakit luar datang kurang daripada 100 kita cuma ada *medical assistant* ya. Pesakit ramai lebih daripada 100 kita adakan doktor. Kita beri doktorlah, seorang doktor.

Jadi setakat ini, kita sudah bercadang supaya klinik-klinik yang akan datang ini mana yang sesuai, kita adakan juga bersama dengan Klinik 1Malaysia adalah kita juga berikan perkhidmatan *Maternal and Child Health (MCH)*. Maknanya Klinik 1Malaysia *in future* mana yang sesuai kita akan tambah satu lagi perkhidmatan iaitu *maternal* untuk Kesihatan Ibu dan Anak. Klinik 1Malaysia biasanya kita *consult*, kita berunding dengan ADUN berkenaan atau pun Ahli Parlimen yang di Kawasan berkenaan. Jadi dapat persetujuan dan biasanya konsep ialah kita sewa premis dan kerajaan belanja duit untuk mengadakan, membuat ubahsuai ya? Ubahsuai, belanja lebih kurang tidak sampai setengah juta dengan perkakasan semua. Akan tetapi konsepnya kita sewa. Mana yang ada di Parlimen yang begitu proaktif, dia ubahsuai kedai dia dan dia bagi percuma kepada Klinik 1Malaysia. Ini pun satu perkara yang amat kita alu-alukan.

Berkenaan dengan kempen tentang kesihatan ini, memang kerajaan ada *National Strategic Plan* untuk *non-communicable diseases (NCD)* yang ini kita sudah ada tahun 2010. Memang saya tidak nafikan bahawa mengikut surveynya memang jumlah obesiti dan jumlah kencing manis

meningkat. Kita buat survey tahun 2006, unjurannya memang rendah tetapi bila kita buat survey tahun 2011 unjurannya meningkat. Akan tetapi di tengah-tengah itu tahun 2010 kita lancarkan *National Strategic Plan* ini untuk *non-communicable diseases* di situ kita mula kempen dan kita lihat memang ada peningkatan.

Maknanya di kalangan masyarakat kita mungkin sebelum ini mereka tidak sedar yang mereka ada kencing manis, hari ini sudah ada awareness, ada kesedaran. Mereka datang untuk periksa, buat saringan di klinik-klinik kerajaan, di mana-mana buat saringan dan memang kita nampak jumlah meningkat. Makna sama ada jumlah kencing manis itu meningkat atau pun awareness itu meningkat. Jadi lebih ramai yang dapat kita kesan dan kita dapati bahawa penjagaan kita, tiap-tiap orang yang kita kesan ada seorang lagi yang belum kita yang ada berpenyakit kencing manis tetapi dia tidak tahu. Jadi kita menggalakkan mereka buat saringan di semua klinik kerajaan.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Kedah Bangun.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Kedah.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Boleh saya mencelah?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Kalau hendak mencelah, tidak habis ini.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Sikit sahaja, tentang isu itu.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya?

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Tentang isu tadi. Sama ada kesedaran atau pun memang... *[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Nanti saya terangkan. Jadi sudah banyak ramai yang sedar, termasuk juga darah tinggi. Tiap-tiap dua kes, ada tiga kes lagi yang kita jangka yang tidak dikesan. Jadi, begitulah dan '*apistrolimier*' contohnya, tiap-tiap satu kes, ada lagi tiga kes yang kita tidak kesan. Jadi makna itu *estimate* kita. Akan tetapi bila ada kesedaran, kita nampak, melihat ada peningkatan.

Pengkalan Chepa saya hendak sebutlah tentang kanser payudara dan *colorectal* ini. Kanser payudara memang kita galakkan buat saringan. Makna pergi periksa, tiap-tiap pesakit, tiap-tiap wanita yang berumur 40 tahun ke atas digalakkan membuat pemeriksaan payudara masing-masing sekurang-kurangnya setahun sekali. Dia boleh pergi mana-mana klinik dan dapat pemeriksaan, dan boleh buat mamogram sekali. Ini di bawah Kementerian Wanita, memang ada program untuk mamogram, dia bagi bantuan dan mereka boleh dapat – boleh buat mamogram di mana-mana hospital swasta dan sebagainya atau pun hospital kerajaan, mamogram.

Memanglah kalau dikesan lambat memang kadang-kadang sudah ada ketul itu, baru dia tahu, baru hendak buat rawatan dan itu sudah agak terlewat sudah. Lebih baik kita kesan daripada

awal lagi. Untuk *colorectal cancer* ini, kita tidak ada saringan untuk dibuat. Cuma bila pesakit datang dengan *complaint* dia, makna ada perubahan *bowel movement* dia dan doktor *check* di bawah *colostomy* dan sebagainya. Masa itu dikesan, kerana kita tahu *nature* pesakit *colorectal cancer* ini ia lambat dapat dikesan. Oleh sebab itu kadang-kadang kerap kali bila datang sudah terlewat sudah.

Tentang kawalan kualiti makanan yang ini memang kita ada akta, Akta Pemakanan 1983, Peraturan 1985 memang sudah ada, memang kita kawal. Kalau ada didapati bahan-bahan yang tidak dibenarkan, memang kita akan bawa kes-kes macam ini ke mahkamah. Pegawai kita, pegawai Kementerian Kesihatan memang pergi *check*, dia pergi ambil *random sampling*. Macam baru-baru ini berlaku yang dapat satu bahan yang dilarang dalam makanan *Tapioca Pearls* dia ada bahan itu dan diambil tindakan. Di *court* dia kena *call back* produk mereka dan dihapuskan, dilupuskan.

#### ■2200

Ini adalah usaha berterusan dan memang banyak *sample* telah diambil. Bukan puluh ribu tetapi saya ingat ratus ribu *sample* telah diambil. Tentang Yang Berhormat Tanah Merah, saya ingat saya sudah jawab CT scan. Ini perkara-perkara spesifik yang saya kira kita boleh selesaikan dengan tindakan susulan.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Yang Berhormat, pendek sahaja. CT scan itu saya tahu memang tidak boleh diadakan *overnight* tetapi harap dalam perancangan. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Saya tahu Yang Berhormat Tanah Merah ini masalah kekangan kawasan kecil. Kalau hendak buat hospital baru, kena cari kawasan baru, kawasan yang lebih luas. Masalah lif rosak dan sebagainya, masalah lain pun rosak, masalah tangki air. Ini semua kita akan, saya ingat kita pergi melawat sekalilah.

Tentang pendidikan kesihatan, ini memang - Yang Berhormat Tanah Merah juga. Kementerian memang ada satu *department* khas untuk pendidikan kesihatan. Pelbagai cara dibuat dan kita pergi ke semua peringkat masyarakat termasuk di peringkat sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah sampai ke universiti, memang ada program. Di sekolah rendah, kita ada program Doktor Muda contohnya, sekolah menengah ada program PROSTAR, di universiti kita ada PROSIS untuk siswa. Tujuannya ialah kita hendak beri kesedaran kepada mereka supaya mereka tahu apa yang hendak makan untuk hidup sihat dan sebagainya. Ini diteruskan.

Melalui Medik TV yang disebut tadi, ini kita sedang berunding dengan RTM supaya memberi *air time* kita pada *peak hours*. Sebelum ini kita cuma dapat *airtime* yang *non-peak hours* jadi kurang kesannya. Selain daripada itu kita juga mengadakan aktiviti kita melalui kempen kesihatan melalui majalah, makalah, risalah dan sebagainya sehingga ke peringkat kita adakan menu sihat tentang apa hendak makan masa Hari Raya contohnya, apa hendak makan masa Deepavali misalnya, sampai ke peringkat itu kita adakan menu kesihatan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Boleh saya tanya?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Adakah sama dengan kempen kita?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Kempen tentang ini. Sedikit sahaja. Tuan Pengerusi, sebenarnya Yang Berhormat Timbalan Menteri, pada pandangan saya, kita lihat kalau di IJN juga hospital kerajaan yang pesakit jantung itu kebanyakannya daripada kaum Melayu dan juga India yang *highest rate*. Kalau kita lihat makanan yang mereka makan, selalu banyak daging dan kurang sayur dan banyak minyak seperti nasi lemak, roti canai, semua ini banyak minyak, *high cholesterol, high sugar, high* semua. Jadi saya rasa, mungkin tiba masanya bagi kementerian melalui media aliran utama kita ini untuk mendidik masyarakat kita perlu makan lebih sayur, buah-buahan dan sebagainya dan kurangkan minyak. Selain daripada kurangkan gula, kena juga harus kurangkan minyak, kurangkan daging. Cadangan.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: [Bangun]**

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih Yang Berhormat Seputeh kerana tolong bercakap bagi pihak saya. Itulah masalah-masalah masyarakat Melayu dan India memang...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: [Bangun]**

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: [Bangun]**

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Budaya kedua-dua masyarakat ini dia makan banyak lemak, dia makan banyak gula. Ini semua boleh mendatangkan obesiti dan diabetes.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Hendak bagi cadangan sedikit.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Boleh, boleh?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Yang Berhormat Kuala Kedah pula bercakap tentang *trans fatty acids*, memang saya faham.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Ya tetapi minyak itu tidak betul. Kena *correct*. Minyak *can be healthy, can be bad*. Lemak *trans* tidak baik, tetapi lemak tradisional itu baik. Itu cukup, itu *settle*.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya, itu. Saya faham. Memang...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, *just* cadangan. Boleh?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Yang Berhormat Kuala Kedah memang itu isu dia.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Cadangan, hendak tambah sedikit daripada Yang Berhormat Seputeh. Minta kerjasama dengan Kementerian Pendidikan memantau sekolah-sekolah dengan kantin-kantin untuk bagi makanan yang berkhasiat. Sebab kalau pergi mana-mana kantin secara 'ranjang'....

**Beberapa Ahli: [Ketawa][Dewan riuh] Rambang.**

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Rambang? Hendak betulkan saya, terima kasih.

**Dato' Noraini binti Ahmad:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Oh! Ya. Yang Berhormat Parit Sulong mendidik, terima kasih kak. Secara rambang memantau, kita akan dapati memang isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seputeh memang wujud di sekolah lagi. Sila memantau sekolah-sekolah dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kapar. Memang sekolah-sekolah juga dibuat pemantauan, dipantau daripada segi kebersihan, menu yang disediakan, apa benda yang boleh dijual, apa benda yang tidak boleh dijual, makanan *fast food* tidak boleh dijual dan sebagainya. Memang ada. Sebenarnya memang ada *guideline* yang telah pun pihak Bahagian Kawalan Makanan memang sudah sediakan *guideline* untuk bagaimana hendak mengendalikan kantin sekolah misalnya, bagaimana hendak mengendalikan kantin kilang contohnya. Sudah ada, semua ada. Ini semua dibuat untuk tujuan mengawal apa yang dijual, apa yang sihat dan tidak sihat, apa yang boleh dimakan oleh anak-anak kita.

Tentang farmasi Tuan Pengerusi, memang kita faham dan kita tahu bahawa harga ubat kita agak tinggi sedikit daripada orang lain. Dalam hal ini, Kementerian Kesihatan - kita lebih hendak menggunakan ubat-ubat generik, ubat generik pun kualitinya tinggi. Ada ubat generik yang diimport dari negeri tertentu. Saya tidak mahu sebut negeri mana. Ubat yang sama tetapi kualiti dia berbeza. Ada ubat yang kualiti tinggi dan dieksport ke *Europe*, nombor dua dieksport ke negeri-negeri lain, yang ketiga ada pihak-pihak yang tertentu yang import kualiti yang ketiga ubat yang paling murah dan dijual. Sebab itu kadang-kadang kita makan ubat dia tidak berkesan.

Akan tetapi kita di Malaysia, memang dalam hal *production of generic* ini kita memang amat strict dalam hal mengawal. Jadi, kualiti ubat *generic* yang dikeluarkan di Malaysia, memang kualitinya tinggi. Mana-mana ubat yang patennya sudah habis, juga dikeluarkan di Malaysia. Masalah TPPA ini memang satu masalah yang pihak kita Malaysia memang tidak setuju dengan TPPA ini kerana dia hendak tambah lagi *period*, jangka masa ...itu. Bila tambah lagi, jadi ubat akan terus mahal. Ini kita tidak setuju.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, so daripada sudut Kementerian Kesihatan memang tidak bersetuju dengan TPPA? Itu maksud Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ini tentang ubat. Yang lain kita - kita *concern* pasal ubat sahaja.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Apa peranan Kementerian Kesihatan dalam perbincangan?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Pegawai kita sudah beritahu. Kita tidak boleh setuju dengan hal ubat ini kita tidak bersetuju. Hal ... hendak tambah lagi kita tidak setuju. Yang lain saya tidak mahu *comment*.

**Tuan Ko Chung Sen [Kampar]:** Sorry. Sekejap boleh? Apa pandangan Menteri untuk menubuhkan *National Medicine Pricing Authority* untuk memantau harga ubat?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya, saya hampir lupa. Memang Kementerian Kesihatan menuju ke arah hendak mengenakan satu kawalan harga ubat. Kita sedang melihat Akta Kawalan Ubatan ini dari mana kita hendak kawal. Kita sedang usaha ke arah itu. *Insya-Allah* kita akan memberi jaminan pada masa akan datang, kita dapat kawal harga ubat di Malaysia ini.

Tentang *prostheses* yang disebut tadi tentang *orthopedic implant* dan sebagainya, sebenarnya tidak boleh timbul masalah tidak cukup kewangan, tidak cukup dana hendak *implant*. Kalau tidak cukup, beritahu kepada kementerian, kita boleh tambah lagi peruntukan. Dalam hal *implant* ini, kita sebenarnya sudah beli melalui *central contact* beli untuk *orthopedic*. Syarikat yang disebut tadi saya – pasal banyak sangat rungutan, saya pergi melawat kilang ini. Memang mereka buat sendiri dan dia ada label CE. Makna kalau ada label CE dia boleh terima di *Europe*. Saya hairan bagaimana ada masalah pula timbul di Malaysia ini. Ini tidak sepatutnya Tuan Pengerusi, tidak sepatutnya timbul tidak cukup *implant* ini.

#### ■2210

Akan tetapi saya hendak bagi tahu bahawa implan yang percuma ini kita bagi kepada pesakit kelas tiga, OKU, murid-murid sekolah dan juga pegawai kerajaan, kita bagi. Yang lain tidak payahlah. Ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Siput.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih. Adakah Yang Berhormat Menteri ada satu panel yang ditubuhkan, pakar-pakar ortopedik yang kaji perkara ini kerana mereka tidak begitu selesa dengan kualiti ubat daripada OSA. Pernah dia ada satu panel. Rekomendasi dia ialah gugurkan OSA, syarikat ini.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Ini soal prestasi.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Pengerusi...

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Sama, prestasi.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Sama lagi. Perkara yang sama ya.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Perkara yang sama. Sebab kalau kita lihat, terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Sebab kalau kita lihat dari segi data itu, 58,100 implan dan *prostheses* dibuat tahun 2012. Jadi setakat mana kerajaan memberi *prostheses* percuma. Daripada 58,000 itu, berapa peratus adalah percuma untuk OKU, untuk murid sekolah dan sebagainya. Mohon jawapan.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Berapa peratus, saya tidak tahu, saya tidak ada perangkaannya tapi yang saya tahu kerajaan membeli implan ini sebanyak lebih kurang nilai RM3 juta tahun ini. Jadi dan digunakan untuk yang tadilah. Kategori yang bagi percuma yang tadilah. Yang OKU, miskin, kelas tiga, yang masuk wad kelas tiga, budak sekolah dan juga kakitangan kerajaan. Sebentar tadi Yang Berhormat tadi cakap berkenaan dengan ortopedik. Ada kumpulan

pakar-pakar ini yang telah mengkaji semula kualiti implan ini. Saya jumpa dua kumpulan *orthopedic surgeon* yang satu *favor implant* ini, yang satu lagi tidak setuju dengan implan.

Jadi saya pun pening juga lah yang mana satu yang betul. Jadi kita *have to be objective about this* Tuan Pengerusi dengan ini izin. Kita - tidak apalah kadang-kadang *we have to*, kita kena tahu kadang-kadang Tuan Pengerusi pesakit ini belum lagi betul-betul sembuh dia sudah pergi jalan sudah. Bila dia jalan, tulang tidak kuat lagi dengan implan itu, implan pun patahlah. Jadi kita hendak kena kaji betul-betul kenapa patah. Kenapa orang lain tidak patah, kenapa dia patah? Jadi ini perlu kajian yang terperinci tentang hal ini Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Gopeng.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Cuma apabila Yang Berhormat Menteri sebut RM3 juta itu jelas ini memang tidak cukup itu. Kalau kita buat anggaran *mental calculation* itu, 58,000 implan dan *prostheses*. Untuk RM3 juta, lebih-lebih seribu ke dua ribu pesakit yang akan dapat menikmati. Ini bermakna peruntukan itu jauh tidak cukup.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Pengerusi, sebenarnya *estimate* yang dibuat, keperluannya lebih kurang RM90 juta untuk tiga tahun. Akan tetapi keperluan yang diberi RM3 juta. So, apa yang jadi kita tidak tahu. Tapi *estimate* ialah RM30 juta. Tapi yang sebenarnya dibeli RM3 juta. Jadi *there's a shortfall* there dan kita tidak tahu, jawapan yang sebenar tidak tahu apa sebab.

Tuan Pengerusi saya hendak beralih pula kepada Denggi. Kawalan gunaan nyamuk genetik. Memang syarikat yang mengkaji itu, dia syarikat *based in London* dan dia buat tawaran kepada Malaysia untuk empat negeri sahaja dalam tiga tahun. Dia hendak RM100 juta. Ini sangat terlalu tinggi sebab itu kementerian *breaklah, put hand break*, kita tidak mahu terlalu tinggi sangat. Lebih baik kita buat program macam biasa. Kita buat kempen dan sebagainya. Kosnya lebih efektif.

Memang sudah ada kajian di mana tadi. Ada dua tempat di buat kajian di Malaysia, memang ada penurunan tapi dia naik balik. Di Brazil pun sudah ada kajian seperit itu. Di Brazil dan beberapa negeri yang lain sudah ada kajian. Memang menurun tapi itulah dia punya *incident of dengue* makin pun meningkat semula. Baru-baru ini memang saya akui lah memang kes dengan terlalu tinggi. Dalam satu minggu pernah kita mencapai sampai 1,600 kes dalam satu minggu. Bila kita semak balik, kita meningkat, denggi kita tahun ini meningkat 58% berbanding dengan jiran kita Singapura, 500% meningkat.

Jadi mereka dengan kawalan mereka dan kita dengan cara kita. Masih lagi kita - saya anggap sebagai gagallah walaupun peningkatan yang sikit. Tapi yang penting kita kena teruskan kita punya *awareness campaign*. Macam di Selangor kita ada 12 *hot spot* dan sikit hari lagi saya hendak turun sendiri, hendak pergilah, pergi buat kempen dan seterusnya. *Awareness campaign*. Di Selangor itu masalah dia, *sorry* di Shah Alam masalah dia, masalah *student universiti* dia balik cuti. Dia tinggal rumah dia kosong, dia kunci dan nyamuk ini dia membiak di merata tempat

termasuk di bawah peti ais. Air di bawah peti ais itu ada, itu pun dia membiak kemudian di *gutter* di atas pun dia biak juga.

Jadi ini masalah besar pada kita. Jadi walau macam mana pun kita akan teruskan usaha kita dan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, dua yang bangun. Yang Berhormat Bukit Katil dan Yang Berhormat Gopeng. Yang Berhormat Bukit Katil.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya :** Ya, Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Cuma ada dua perkara saya hendak bangkitkan. Saya hendak tanya, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai di kawasan-kawasan wabak ini, siapa yang menjadi koordinator ataupun penyelaras agar kempen ataupun program pencegahan dapat dilaksanakan secara berkesan. Ini kerana macam saya sebutkan tadi dalam pencelahan saya ialah kadang-kadang wakil rakyat di kawasan itu tidak dibabitkan. Jadi kita tidak dapat maklumat kecuali melalui cara yang lain. Itu yang pertama.

Yang kedua saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, dari segi peranan, saya tengok banyak kain rentang COMBI ini, *Communication for Behavioural Impact*. Saya ingin tahu keberkesanan COMBI ini dalam kita membantu mengurangkan denggi ataupun nyamuk Aedes ini. Terima kasih.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Sama, kawalan denggi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Gopeng.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Singkat saja. Sebab tadi saya sebut *biological pest control* gunakan nyamuk gajah yang digunakan di MPSJ. Satu kejayaan yang ketara. Sama ada kita hendak ulangkan cara sedemikian untuk nyamuk gajah. *The new* nyamuk asli itu.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Pengerusi, koordinator kepada kempen denggi ialah Kementerian Kesihatan sendiri melalui klinik-klinik kesihatan yang ada. Biasanya kita bawa sekali dengan kerajaan tempatan, pegawai-pegawai kerajaan tempatan untuk buat operasi bersama. Untuk nyamuk ini, ini satu cadangan baru. Bolehlah kita kaji dan tengok semulalah ya. Leptospirosis, yang ini memang satu perkara yang serius. Leptospirosis adalah satu penyakit yang *endemic*, yang dibawa oleh tikus. Tikus dia kena, kalau dia *carrier*, tapi dia tidak mati, dia tidak kena penyakit itu. Yang kena penyakit bila manusia, dia bawa kepada manusia dan dia berjangkit kalau tikus itu contohnya kencing dalam tasik kah, dalam kolam mandi kah, sungai kah kemudian kita berenang, ada luka sikit ataupun air itu masuk mulut, kita boleh dapat kencing tikus.

Ini satu penyakit yang amat serius. Bila kena itu dia boleh merosakkan semua organ kita dan kita boleh - pesakit itu boleh mati kerana kerosakan organ. Yang ini *prevention*lah dari segi contohnya kalau kita pergi berkelah, kita buang makanan merata-rata, jadi menggalakkan tikus.

Tikus bila ada makanan, ada tikus. Begitu juga di kawasan rumah,kedai-kedai, dan kedai-kedai makanan.Oleh sebab itu kita ambil tindakan tegas. Pihak Kementerian Kesihatan memang sudah, memang sentiasa pergi buat rondaan, buat pemeriksaan dan kalau didapati premis makanan kotor, tutup dua minggu. Dia kena cuci semula. Lepas dua minggu pergi *check* semula. Kalau didapati okey, boleh dibenarkan buka. Banyaklah kes.

Dalam pemeriksaan ini lebih kurang kita dapati lebih kurang 3% kedai-kedai itu ditutup. Tapi di kawasan-kawasan tumpuan, ada sembilan kawasan tumpuan yang kita sudah buat seluruh negara. Kawasan tumpuan yang memang cukup kotorlah. Didapati kadar penutupan lebih kurang 9%. Jadi tinggi.

#### ■2220

Jadi kita, kadang-kadang kita terpaksa walaupun dia *appeal* apa pun, kita terpaksa juga ambil tindakan tutup kerana ini membahayakan orang kerana kadang-kadang kita pergi ada bangkai tikus di dalam kedai dan sebagainya. Jadi cukup-cukup bahaya. Oleh sebab itu kita terpaksa mengambil tindakan tegas.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri, minta maaf.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Okey, tadi Yang Berhormat Menteri cakap tentang kedai-kedai makanan. Saya ingin bagi cadangan tempat-tempat berkelah, pencemaran di tempat-tempat berkelah pun perlu dititikberatkan sebab saya nampak banyak penyakit ini bermula apabila mandi di tepi sungai dan sebagainya. Awareness seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kuala Kedah, awareness masih lagi saya rasa di kalangan masyarakat Malaysia belum lagi mencukupi untuk penyakit ini. Cadangan saya. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Memang awareness campaign itu penting. Oleh sebab itu pada hari ini, itulah kena ambil kesedaranlah. Kebersihan penting. Kebersihan, kalau kita biar makanan merata tempat di tempat berkelah, memang itulah jadinya. Banyak kita galakkan tikus.

Tuan Pengerusi, tentang *National Specialist Register*. Ini sebenarnya belum lagi mandatory Tuan Pengerusi. Ini adalah sekarang ini di peringkat voluntary. Akan tetapi bila kita sudah corporatised MMC dalam akta baru MMC, maka masa itu ia jadi mandatory. Dia kena daftar. Sekarang ini belum lagi. Ini semua voluntary sahaja.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Gopeng Yang Berhormat Menteri. Sebab kita luluskan pindaan Akta Perubatan tahun lepas itu. Jadi sepatutnya di bawah akta itu peruntukan supaya adakan perbadanan dan seterusnya ada pendaftaran untuk pakar-pakar. Jadi, sampai bila kita hendak laksanakan apa yang kita luluskan dalam Dewan ini?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Pengerusi, sebenarnya we are equally anxious, dengan izin, untuk hendak mempercepatkan proses, hendak menjadi pendaftaran ini sebagai mandatorylah. Jadi kita akan segerakan, *insya-Allah. God willing- insya-Allah*, kita akan segerakan.

Lain-lain adalah berkenaan dengan kurang ambulan. Saya hendak sebut di sini tidak ada perbezaan antara Semenanjung dengan Sabah. Kita tidak pernah hantar *second hand ambulance* ke Sabah, Sarawak. Tidak ada, semua hantar baru. Akan tetapi oleh kerana ia jalan jauh dan sebagainya, jalan tidak berapa elok, ia cepat rosak. Ia bukan kerana tidak ada perbezaan antara Semenanjung, di Sabah dan Sarawak. Tentang kekurangan doktor, yang ini memang satu masalah yang kita akan cuba selesaikan. Setakat ini *alhamdulillah*, ramai doktor yang telah *graduate* tiap-tiap tahun. Tahun ini dijangka dalam 4,000 akan *graduate*. Tahun ini kira-kira lebih kurang 4,000 doktor ijazah ini akan *graduate*.

Akan tetapi memanglah saya terima baik pandangan daripada Yang Berhormat tadi tentang ada universiti di luar negara yang memang standard dia tak setara dengan yang kita perlu, yang kita mahu. Mereka yang balik *graduate* daripada sana, tak boleh atau tak sesuai dengan cara kita. Ada universiti yang tak benarkan *student* melihat pesakit. *Student* tak boleh, dia *graduate* baru boleh. Bila dia *graduate*, dia sudah sampai balik ke sini. Jadi dia jadi macam *student* balik. Jadi masalah dan ada universiti yang mengajar bahasa mereka, balik ke sini *houseman* ini dia tak boleh hendak sesuai dengan terminologi kita guna sini, dia guna di sana lain. Kita guna terminologi lain di sini. Jadi dia susah sikit hendak *adjust*. Ini berlaku. Jadi dalam hal pengiktirafan universiti ini Tuan Yang di-Pertua, ini oleh MMC dan ada dah universiti yang kita tarik balik pengiktirafan dan memanglah kita menjadi *target* kemarahan pihak yang berkenaan.

Ada juga agen yang hantar, yang mengambil *student* pergi masuk ke universiti, saya tak sebut di negeri mana, yang saya kata menipulah. Menipu kerana dia bagi tahu di sana kata yang dapat 7, 8, 9 itu yang bagus. Yang dapat 1, 2 tak bagus. Jadi yang masuk di sana ada yang kelulusan memang teruklah, yang tak boleh jadi doktor kerana dia punya IQ dia kurang tetapi dia dapat masuk universiti. Dia lulus sebagaimana mana kita tahu tetapi balik sini dia dapat ijazah dan kita terima. Ini yang berlaku hari ini. Jadi memang tepatlah hari ini kita sudah...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Krai bangun.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Nanti sekejap ya. Kita sudah pun berbincang dengan Kementerian Pendidikan supaya dihadkan mereka yang keluar ini, maksudnya keluar negeri mendapatkan kesempatan ini. Dia kenalah ada satu minimum *qualification*, bukan macam sebelum ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Pengakuan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ini seharusnya menimbulkan suatu tindakan yang lebih tegas.

Pertamanya, tadi itu ada unsur-unsur *fraud* itu dalam menghantar pelajar-pelajar kita ke sesetengah universiti dengan mengemukakan keputusan peperiksaan yang tak betul itu untuk

maklumat universiti tersebut. Saya pun kecewa juga universiti-universiti ini tidak membuat pemeriksaan lanjut ataupun pertanyaan yang lanjut kepada negara asal iaitu Malaysia. Takkan hendak terima begitu sahaja. Saya pernah dengar dulu menghantar pelajar ke Pakistan dengan agregat 43 ini zaman tahun 70-an. Agregat 43, *third grade* itu. Akan tetapi oleh sebab besar markah 43 itu, boleh masuk universiti. Akan tetapi ialah, belajar ini macam belakang parang diasah, akhirnya tajam juga. Namun mengambil masa yang lama.

Jadi saya rasa kena ambil tindakan yang lebih keras terhadap ejen-ejen yang cuba menipu sedemikian.

Yang keduanya Yang Berhormat Menteri juga mengaku standard pendidikan di sana tidak baik, tidak didedahkan kepada pesakit sebenar. Hanya kepada *mannequin* misalnya ataupun bahan-bahan yang bukan pesakit sebenar.

Jadi ini saya rasa satu sistem pendidikan yang tidak betul perubatan ini. Kerana kita hendak deal dengan *human body* ini, mesti kita exposekan kepada tubuh manusia. Macam mana MMC boleh membuat keputusan untuk mengiktiraf universiti-universiti yang sedemikian dan akhirnya yang menjadi mangsa adalah anak-anak kita. Saya rasa masalah *medium instructions*, dengan izin tidak berapa besar kerana kalau mereka pergi ke Ukraine kena belajar bahasa Ukraine dan dididik bahasa Ukraine, tidak ada masalah. Kalau balik ke Malaysia pun *medical terminologynya* tidak akan banyak berubah dan mereka akan berkomunikasi dengan pesakit Malaysia.

Akan tetapi yang saya risaukan *content* pendidikan itu dan juga *exposure* kepada pesakit dan kepada jenis-jenis penyakit. Itu kalau tidak ada di dalam sistem mana-mana universiti yang mengajar, saya rasa universiti ini patut awal-awal lagi kita senarai hitamkan dan jangan sekali hantar ke tempat-tempat sedemikian dan penganjur-penganjur seperti JPA atau MARA tolonglah juga mengambil tindakan supaya tidak hanya berdasarkan apa yang telah MMC luluskan, ikut sahaja. Akhirnya, anak-anak kita juga yang teraniaya. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih Yang Berhormat. Itulah masalah kita. Kalau di dalam negara memang kita boleh kawallah. Kita kata *minimum qualification certain level* tetapi bila sampai ke luar negara susah hendak kawal. Sebenarnya kita meletakkan syarat supaya dia dapat *no objection certificate (NOC)* daripada Kementerian Pendidikan. Akan tetapi yang dia pergi sana, tetapi kalau dia tak dapat universiti dia pergi juga. Akhirnya bila dia balik, dia dapat ijazah, dia balik kita terima.

**Tuan Penggerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri panjang lagi?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya?

**Tuan Penggerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Panjang lagi?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Kalau Tuan Pengerusi suruh stop, saya stoplah. Ini cuma saya bercakap yang spesifik tadi saya tak mahu sentuh sebab kalau sentuh panjang, sampai esok pagi tak habis. Jadi Tuan Pengerusi hendak suruh saya stopkah?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jawapan bertulis ya?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Jadi saya ucapkan terima kasih kepada semua...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri, satu lagi, satu sahaja. Satu sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah Yang Berhormat Kapar, cukuplah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tentang MMC, satu penting.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Apa dia? Jawapan bertulislah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Boleh, boleh, tak ada masalah jawapan bertulis. Silakan, tak ada masalah. Akan tetapi saya hendak tanya ini tentang Bekalan 120600 ini dinamakan sebagai geran pelancaran *Malaysia Medical Council* sebanyak RM3.82 juta. Setahu saya MMC telah pun wujud dan apakah kegunaan geran pelancaran bagi *Malaysia Medical Council* tersebut atau adakah *Malaysia Medical Council* ini badan yang berbeza dan MMC.

Sekiranya mereka tidak sama apa pula peranan badan mereka ini atau mereka adalah sama tetapi mengapa menggunakan perkataan geran pelancaran walaupun sudah ditubuhkan lama. Penjelasan. Terima kasih.

## ■2230

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Pengerusi, ini adalah kena-mengena dengan cadangan kementerian untuk hendak *corporatize* di bawah undang-undang baru, hendak *corporatize* MMC supaya ia lebih bebas dan ia buat kerja dengan lebih sempurna. Jadi itu tujuan kita hendak *corporatize*.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ada lagi?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Sedikit sahaja. Tentang pewartaan Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2012 ini dan juga universiti yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan tidak sama dengan Kementerian Pendidikan di negara China dan juga Kementerian Sumber Manusia tidak iktiraf mana-mana universiti di negara China. Jadi, adakah kementerian akan cuba mengadakan koordinasi supaya akta ini boleh dikuatkuasakan dengan ada doktor yang ada *degree* dari negara China?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Pengerusi, terima kasih soalan itu bagus. Sebenarnya *Traditional and Complementary Medicine Act* baru sahaja dahulu tahun 2012. Peraturan belum siap lagi. Bila siap esok, ia akan di *tell out* apa yang boleh diiktiraf, apa yang tidak boleh diiktiraf, akan ditentukan dalam peraturan. Jadi kita sabar sekejap.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Sudah satu tahun.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, dua perkara...

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat...

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Saya harap perhatian spesifik itu sebab *medical relief team* di Murum *resettlement* yang dibuat oleh SCOMOS Sarawak yang ditolak oleh Pejabat Kesihatan Sarawak. Harap beri perhatian khusus. Kedua, KPI-KPI berkenaan dengan *waiting list*. Saya harap kementerian kaji cadangan yang saya buat tadi.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih. Tentang SCOMOS...

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, tentang subsidi hemodialisis, boleh jelaskan sedikit?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya, ya. Banyak lagi ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jawapan bertulis Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kalau kita benarkan berlarutan lagi.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tentang SCOMOS, saya tidak dapat maklumat lagi. Nanti saya akan bagi yang bertulis. Yang tadi pun sebab apa dikurangkan hemodialisis, sebenarnya tidak ada sebab hendak kurangkan. Mungkin kadang-kadang Dia tidak menepati piawaian yang ditetapkan oleh kementerian, jadi dia tidak dapatlah bantuan itu. Ini adalah satu perkara yang *hemodialysis centre* nanti kalau silap-silap, dia boleh berjangkit penyakit orang lain masuk kepada pesakit lain. Jadi, perlu ikut piawaian yang ditetapkan.

Jadi Tuan Pengerusi dan semua yang telah mengambil bahagian, terima kasih banyak dan *insya-Allah*, banyak yang tidak dijelaskan, saya bagi secara bertulis dan segala cadangan untuk pembangunan akan kita cuba selesaikan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM20,498,060,000 untuk Maksud B.42 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM20,498,060,000 untuk Maksud B.42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,662,320,300 untuk Maksud P.42 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2014 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

[Wang sebanyak RM1,662,320,300 untuk Maksud P.42 jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2014]

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 28 November 2013. Terima kasih.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.34 malam]**